

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

bersamaan

1, 2 DAN 3 RABIULAWAL 1426

Dikeluarkan oleh:

**Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

PERSIDANGAN

PADA HARI AHAD, 10 APRIL 2005

Hari Ahad,
10 April 2005

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 1]
2. Doa. [Muka 5]
3. Titah Ucapan Di Raja. [Muka 5]

[*Bersambung*]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Encik Rosol bin Wahid, SMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawī bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURABAYA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Moktar, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA DEWAN KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI, DIIRINGI OLEH PENGIRING-PENGIRING.

TITAH UCAPAN DI RAJA

Bismillahirrahmanirrahim, Wabihi Nastain.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat,
Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri dan

Yang Berhormat
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah perkenan dan inayah-Nya dapat Beta dan Permaisuri menghadiri Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas pada hari ini.

Beta juga bersyukur di atas kerjasama semua pihak, maka negeri Terengganu sekarang berada di dalam keadaan aman damai dan tenteram. Keadaan ini diharap akan menjadi satu pemangkin bagi memantapkan lagi usaha-usaha yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri ke arah memaju dan membangunkan negeri ini bagi membawa kemajuan dan kemakmuran kepada seluruh rakyat jelata. Beta juga gembira memerhatikan bahawa perpaduan di kalangan rakyat yang terdiri dari pelbagai etnik keturunan tetap jitu, utuh dan mantap. Keadaan ini Beta harap akan berkekalan bagi memastikan kemajuan dan kemakmuran yang berterusan.

Bagi memastikan kehidupan rakyat terus selesa, adalah penting supaya kawasan persekitaran di negeri ini dijaga kebersihannya. Di dalam hubungan ini Beta perhatikan walaupun keadaan kebersihan di seluruh negeri telah bertambah baik dengan program-program dan kempen-kempen kebersihan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri, namun ia masih belum sampai ke tahap yang memuaskan. Sikap tidak ambil peduli dengan

persekitaran setempat oleh sesetengah golongan rakyat telah memburukkan keadaan sekeliling. Justeru Beta mahu semua rakyat, jabatan serta agensi awam terutama Pihak Berkuasa Tempatan dan badan-badan bukan kerajaan melipatgandakan usaha supaya budaya bersih dan indah sentiasa menjadi amalan harian penduduk. Sehubungan dengan itu, sudah sampai masanya, pihak Kerajaan Negeri menganjurkan Hari Kebersihan Tahunan dengan melibatkan semua lapisan masyarakat khususnya mereka yang berada di peringkat umur kanak-kanak. Ini kerana semangat cintakan kebersihan wajar sekali disemai bermula dari usia muda lagi kerana ia dapat memberi kesan positif dalam jangka panjang. Selain dari menceriakan keadaan sekitar, kebersihan juga akan mencegah dari berlakunya masalah-masalah wabak penyakit seperti denggi, taun, dan lain-lain. Beta dengan ini menyeru kepada semua pihak dan juga setiap anggota masyarakat untuk memberi perhatian yang lebih serius dalam aspek kebersihan ini. Kecemerlangan bukan sahaja diukur dari aspek ekonomi tetapi juga sosial dan kebersihan kerana ia mencerminkan tahap kesedaran sivik sesebuah masyarakat itu.

Beta gembira mendapati agenda pembangunan negeri yang berteraskan kepada 'Islam Hadhari Terengganu Bestari' sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Beta yakin halacara pembangunan negeri sebagaimana terkandung di dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT) yang berteraskan kepada matlamat Islam Hadhari Terengganu Bestari akan dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang bagi memacu kemajuan negeri dan masyarakat ke arah menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan mengamalkan nilai-nilai sebagaimana yang terkandung di dalam konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari, Beta yakin matlamat Kerajaan Negeri untuk membawa kesejahteraan dan kemakmuran bagi mewujudkan masyarakat yang syumul duniawi dan ukhrawi di negeri ini akan tercapai.

Beta mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana aspek pendidikan terus diberi penekanan di mana sejumlah RM75.5 juta diperuntukkan pada tahun semasa bagi melaksanakan program-program bagi meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di negeri ini. Penubuhan dua buah sekolah elit dan sebelas buah sekolah Premier adalah bukti kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan bidang ini. Penubuhan Pusat Sains dan Kreativiti Negeri Terengganu pada tahun ini diharap akan meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan di negeri ini khususnya dalam aspek sains serta kreativiti. Di samping itu, pelaksanaan program Tabika Cemerlang juga adalah satu langkah yang tepat untuk menanam nilai-nilai kecemerlangan bermula dari tahap pra-persekolahan lagi khusus dalam subjek Bahasa Inggeris dan Matematik.

Dalam hal yang sama Beta gembira kerana Kerajaan Persekutuan telah bersetuju menubuhkan sebuah universiti penuh di negeri Terengganu. Beta mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau terhadap permintaan rakyat negeri ini. Semua perancangan dan usaha ini akan membudayakan ilmu sebagai salah satu dimensi penting di negeri Terengganu.

Dari aspek kedudukan gunatenaga di negeri ini, Beta berpuashati kerana keadaan gunatenaga masih berada di paras gunatenaga penuh di mana kadar penggangguran pada tahun lepas adalah pada tahap 3.3% iaitu di bawah tahap gunatenaga penuh. Namun begitu, bagi meningkatkan potensi pembangunan negeri, pembangunan sumber manusia

perlu terus diberi penekanan bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran diri supaya dapat meningkatkan lagi pendapatan sama ada melalui pekerjaan ataupun keusahawanan. Beta sarankan siswazah-siswazah yang masih menganggur supaya mencebur diri dalam sektor pertanian berteraskan mekanisasi yang bersesuaian dengan tahap pendidikan yang telah dicapai. Beta percaya banyak peluang untuk berkecimpung dalam sektor ini akan disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Dalam hal yang sama, Beta cadangkan agar Kerajaan Negeri mewujudkan satu program khusus untuk melatih para siswazah ini dengan kemahiran-kemahiran tambahan bagi meningkatkan peluang mereka bekerja ataupun menjalankan perniagaan. Langkah sebegini bukan sahaja memberi peluang pekerjaan dan keusahawanan tetapi juga dapat mengembang serta mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi.

Mengenai pertumbuhan ekonomi, Beta dimaklumkan pada tahun 2004, pertumbuhan ekonomi negeri adalah sebanyak 4.1%. Secara makronya, pertumbuhan ini adalah didorong oleh sektor awam dengan sokongan padu sektor swasta. Berdasarkan sektor, adalah didapati sektor perlombongan khususnya petroleum dan gas masih lagi memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negeri. Selain itu, sektor-sektor perkilangan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan juga terus menyokong perkembangan ekonomi negeri. Sektor pembinaan juga didapati kembali rancak dengan adanya kerja-kerja pemulihan dan permulaan projek-projek hartanah awam dan komersial terutama di bandar Kuala Terengganu dan Chukai. Bagi sektor perkilangan pula, beberapa kilang baru telah mula beroperasi dan terdapat juga yang telah menambah keupayaan mereka. Beta percaya trend pertumbuhan yang meningkat dan stabil ini akan terus mendorong perkembangan ekonomi negeri yang lebih baik.

Beta diberimaklum sektor pelancongan akan diberi penekanan yang lebih pada tahun semasa memandangkan kepada potensinya yang ada. Bagi menarik lebih ramai pelancong, penyediaan prasarana pelancongan haruslah ditingkatkan supaya sektor pelancongan dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negeri di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada rakyat setempat. Tahun ini dan tahun hadapan adalah saat yang penting bagi menyediakan program serta projek untuk pelancaran program Tahun Melawat Terengganu nanti. Justeru, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan semua sektor terutama sektor swasta membuat persediaan rapi bagi menjayakan program induk sektor pelancongan ini. Kedatangan pelancong pada tahun 2004 yang berjumlah melebihi 1.5 juta orang adalah petanda positif bagi program Tahun Melawat Terengganu ini kelak. Untuk itu, aktiviti-aktiviti promosi haruslah bermula pada tahun ini bagi memastikan kejayaan cemerlang.

Mengenai pembangunan perindustrian, Beta dimaklumkan industri-industri berasaskan sumber akan diberi perhatian khusus mulai tahun ini terutama dalam bidang polimer, asas pertanian dan perkayuan. Bagi memangkin sektor perkilangan, insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan haruslah dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelabur asing dan tempatan. Beta berharap pembangunan industri akan memberi manfaat kepada gunatenaga dan usahawan setempat secara langsung dan tidak langsung. Untuk terus mengembangkan perindustrian Kerajaan Negeri perlu menarik lebih banyak pelaburan sama ada dari luar negara atau tempatan. Pada tahun ini Beta difahamkan sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi memajukan kawasan-kawasan perindustrian di seluruh

negeri. Sehubungan dengan ini tindakan berterusan perlu diambil bagi memenuhi kawasan-kawasan ini dengan kilang-kilang. Pada masa yang sama Beta harap pembangunan sektor IKS juga akan diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri kerana ia merupakan asas kepada sektor perkilangan negeri. Bagi tujuan ini Beta dimaklumkan dua kawasan tambahan telah dikenalpasti untuk dimajukan iaitu di Gong Badak, Kuala Terengganu dan Kertih, Kemaman.

Sektor pertanian adalah merupakan sektor teras di Terengganu kerana 26.1% daripada gunatenaga terlibat dalam sektor ini. Oleh itu, Beta berharap Kerajaan Negeri akan juga memberi penekanan kepada sektor ini sepertimana dilakukan di peringkat persekutuan. Dengan permintaan yang meningkat kepada penggunaan tanah, kaedah-kaedah meningkatkan tahap pengeluaran tanaman perlulah dikenalpasti. Di samping itu teknik-teknik mekanisasi harus juga diperluaskan seiring dengan keperluan untuk mengurangkan gunatenaga dalam sektor ini, dan pada masa yang sama menambah produktiviti.

Subsektor perikanan perlu juga diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Negeri. Dalam hubungan ini, projek-projek infrastruktur bagi menyokong sektor ini hendaklah dilaksanakan segera termasuk pembaikan dan pembinaan jeti-jeti, pendalaman muara sungai dan pembinaan penghadang ombak bagi memudahkan bot-bot nelayan berlabuh dan 'keluar' ke laut. Beta mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi perhatian berat bagi memajukan sektor perikanan di negeri ini dengan merasmikan Projek Akuakultur Marin di kawasan Laguna Setiu pada tahun lepas. Projek ini melibatkan aktiviti-aktiviti ternak air marin seperti berikut :-

- ternak ikan marin dalam sangkar melibatkan jenis ikan bernilai tinggi seperti kerapu dan ikan merah;
- mengasuh anak benih ikan marin bagi dibekalkan dan dipasarkan kepada penternak-penternak ikan; dan
- ternak kerang.

Melalui projek ini dan juga projek pembenihan ikan marin di Tanjung Demong, dan di Keluang, Besut, Beta berharap negeri Terengganu akan menjadi pengeluar ternakan ikan marin dalam sangkar yang terbesar di negara ini dan akan memberi pulangan pendapatan lumayan kepada nelayan-nelayan pantai, khususnya sebagai tambahan pendapatan mereka pada musim tengkujuh. Sehubungan itu, Beta berharap latihan-latihan kemahiran dan keusahawanan perlulah dipertingkatkan kepada para nelayan untuk membolehkan mereka menjadi pengusaha-pengusaha ternak air yang berjaya.

Beta berharap prasarana sosial dan ekonomi akan terus dilengkapkan oleh Kerajaan Negeri dari setahun ke setahun berdasarkan kepada keperluan dan kehendak setempat. Pihak Kerajaan juga perlu bertindak selaku penyelaras kepada perkembangan ekonomi dan sosial dengan penyediaan perkhidmatan yang mencukupi seperti membina sekolah, masjid, balai polis, jambatan, talian telekomunikasi, balai raya, tadika, hospital, jalan raya dan lain-lain lagi. Dalam hubungan ini, Beta berpuashati kerana projek Lebu Raya Pantai Timur Fasa Dua telah pun dimulakan, Lapangan Terbang Sultan Mahmud sedang dinaiktarafkan dan

pembinaan Kompleks Sukan Negeri akan dimulakan tidak lama lagi. Beta yakin semua projek utama ini akan disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan.

Seliring dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi pada masa ini, Beta sarankan rakyat Terengganu mengambil peluang untuk mempelajari bidang ini. Langkah ini perlu kerana jurang digital perlulah sentiasa dirapatkan agar setaraf dengan negeri-negeri maju lain. Tindakan ini akan meningkatkan proses kemajuan rakyat negeri jika akses kepada teknologi serta maklumat dapat diperolehi oleh setiap lapisan masyarakat sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Beta berharap Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha menggalakkan penggunaan komputer dan internet di negeri ini kerana Beta dapati tahap penggunaan internet pada masa kini di Terengganu masih rendah iaitu hanya 5% sahaja berbanding hampir 38% di negeri-negeri maju Pantai Barat Semenanjung. Justeru penubuhan Pusat-pusat ICT DUN atau Bestari *dot com* pada tahun semasa dengan peruntukan hampir RM2 juta adalah satu tindakan yang baik bagi memberi peluang kepada rakyat memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi ini. Beta yakin kemahiran menggunakan perisian serta peralatan komputer akan menjadi satu aset bagi memajukan diri sama ada dalam kerja harian, aspek perniagaan, malahan kerja di rumah. Mengenai usaha-usaha semasa Kerajaan Negeri, Beta berpuashati kerana hampir kesemua jabatan dan agensi kerajaan telah mempunyai laman web masing-masing dan diharapkan maklumatnya hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa. Secara keseluruhannya Beta percaya rakyat Terengganu akan terus berusaha mendapat maklumat tepat dan mutakhir bagi digunakan untuk kepentingan bersama.

Mengenai perumahan, Beta difahamkan sebanyak 31,000 buah rumah diperlukan dari tahun 2004 hingga 2008 sebagai memenuhi permintaan penduduk di Terengganu. Bagi tahun 2005, dijangka 2,000 buah rumah mampu milik akan siap dibina bagi golongan berpendapatan rendah. Beta dimaklumkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta pada tahun semasa khusus bagi pembangunan penempatan perumahan serta pembinaan rumah mampu milik. Penyediaan peluang mendiami rumah sendiri yang diberi oleh Kerajaan Negeri adalah satu langkah yang baik terutama kepada keluarga berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, Beta harap projek-projek perumahan sentiasa diberi keutamaan agar setiap keluarga akan dapat memiliki sebuah rumah agar objekif pendemokrasian perumahan dapat dicapai. Dalam hal ini Beta berharap tindakan akan diambil oleh pihak-pihak berkenaan bagi memastikan kawasan penempatan ini memiliki ciri-ciri persekitaran selesa, selamat, nyaman dan sempurna.

Pembangunan bandar adalah juga salah satu tanggungjawab penting Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan diberi tanggungjawab bagi memastikan pentadbiran bandar berada pada tahap sempurna serta persekitaran yang selesa. Proses pembandaran yang sentiasa meningkat perlulah diuruskan dengan bersepadu. Langkah ini akan memungkinkan masalah-masalah urbanisasi seperti kesesakan lalulintas, gejala-gejala sosial, kemusnahan serta bencana alam sekitar dan lain-lain lagi dikawal. Untuk itu Beta berharap Rancangan Struktur Negeri dan juga Rancangan-rancangan Tempatan Daerah akan dijadikan sumber rujukan bagi memastikan setiap penempatan itu mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Khusus untuk bandar Kuala Terengganu, Beta mahu identitinya sebagai pusat pentadbiran negeri ditonjolkan sebagai "Bandar Warisan Pesisir" yang bersih, dan indah. Mercu-mercu tanda yang mempamer keunikan negeri Terengganu dari aspek tertentu hendaklah diperkenalkan sebagai tindakan untuk mempromosikan bandar ini. Beta berharap Pelan Induk Pembangunan Bandar Kuala Terengganu yang sedang disediakan akan meningkatkan status bandar Kuala Terengganu ke tahap penempatan sempurna. Hasratnya ialah bagi memastikan bandar Kuala Terengganu dimajukan seimbang dari segi fizikal dan memberi keselesaan kepada warganya.

Beta gembira Kerajaan Negeri terus cakna dengan masalah kehidupan keluarga miskin khususnya golongan miskin tegar. Beta harap usaha-usaha akan diperhebatkan lagi pada tahun ini untuk menambah pendapatan golongan yang tidak bernasib baik ini. Beta diberimaklum peruntukan yang disediakan bagi tahun ini khusus bagi memajukan keluarga miskin tegar adalah sebanyak RM30 juta. Beta yakin dengan kerjasama semua sektor termasuk sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan, isu kemiskinan ini dapat ditangani secara bersepadu. Dalam hal ini, Beta sarankan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri memberi sumbangan khusus untuk membantu mengurangkan kadar kemiskinan negeri. Pewujudan pangkalan maklumat terperinci setiap keluarga miskin akan memantapkan pelaksanaan program dan projek membasmi kemiskinan kerana ia dapat disesuaikan bagi setiap keluarga. Maklumat ini juga akan dapat memastikan hanya yang layak sahaja menerima bantuan dan ini akan mengelakkan pembaziran sumber. Di samping itu pemantauan setiap program hendaklah dibuat pada setiap masa. Beta yakin semua tindakan ini yang bermula pada tahun semasa akan mencapai kepada kejayaan cemerlang.

Satu perkara yang menjadi kebimbangan Beta pada masa ini ialah mengenai kemusnahan alam sekitar dan sumber asli khususnya kemusnahan kawasan tanah lembab, kawasan hutan paya laut dan sumber hutan di negeri ini disebabkan oleh pembangunan pesat yang berlaku. Beta bimbang sekiranya pembangunan di kawasan hutan paya laut tersebut tidak dikawal secara teliti, keunikan ekosistem kawasan tersebut yang menjadi habitat dan tempat pembiakan kepada pelbagai spesis flora dan fauna yang membekalkan makanan semula jadi kepada pelbagai hidupan laut secara berterusan dan juga sebagai benteng mengawal hakisan pantai akan terjejas. Sehubungan itu Beta harap Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan segera bagi mewartakan kawasan tersebut sebagai Kawasan Hutan Simpanan kekal kerajaan.

Satu khazanah hidupan marin kebanggaan negeri yang telah berjaya menarik puluhan ribu pengunjung melawat negeri Terengganu satu masa dahulu ialah keunikan spesis penyu. Namun begitu spesis makhluk unik ini kian diancam kepupusan khususnya spesis utama seperti Karah, Agar dan Belimbing. Oleh yang demikian Beta berharap Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan segera bagi memastikan spesis ini tidak pupus dan hilang di negeri ini. Kawasan-kawasan pantai yang telah dikenalpasti menjadi kawasan pendaratan penyu untuk bertelur seperti di Pulau Perhentian, Pulau Redang, Rantau Abang, Geliga dan Ma' Daerah di Kemaman hendaklah segera diwartakan sebagai kawasan Santuari Penyu. Selain itu kempen-kempen kesedaran dan aktiviti bagi memulihara spesis hidupan marin ini hendaklah diadakan oleh Kerajaan dan juga badan-badan Bukan Kerajaan pencinta hidupan istimewa ini. Mengenai pengurusan sumber hutan pula, Beta gembira kerana dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menerimapakai satu Dasar

Baru Perhutanan Negeri bagi mengawal dan memastikan pengurusan sumber hutan dibuat secara lestrari dan terkawal. Tindakan-tindakan yang Beta sebutkan tadi adalah bagi memastikan khazanah alam sekitar dan sumber asli kurniaan Tuhan ini diuruskan secara mampan untuk dimanfaatkan dan diwarisi generasi akan datang.

Aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah adalah prasyarat untuk membina rakyat yang cergas, sihat dan kental. Justeru, Beta harap Kerajaan Negeri dan seluruh lapisan masyarakat memberi ruang untuk menjadikan kedua-dua aspek ini sebagai amalan harian. Selain daripada kesihatan fizikal, sukan dan riadah akan juga membantu ketahanan mental rakyat dan ini akan menguatkan lagi jatidiri, daya saing dan daya tahan rakyat terutama golongan belia. Badan-badan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan sukan dan belia haruslah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program sukan dan riadah di setiap daerah. Dalam pada itu, prasarana yang lengkap haruslah juga disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menyempurnakan aktiviti-aktiviti ini. Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan pada masa ini ialah pembinaan Stadium Negeri di Kuala Terengganu, pembinaan Gelanggang Futsal, dan pembinaan Gelanggang Sukan Ekstrim. Beta yakin dengan adanya aktiviti-aktiviti sukan dan riadah, serta prasarana yang lengkap, rakyat akan berpeluang untuk meningkatkan kesihatan, kecergasan dan kekentalan diri. Di samping itu khusus untuk golongan belia, ia akan akan memastikan aktiviti-aktiviti negatif seperti budaya lepak, perlumbaan haram dan lain-lain akan dikurangkan.

Menyentuh mengenai keupayaan dan kecekapan pentadbiran awam, ia adalah penting untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar serta polisi awam yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri berjalan dengan sempurna. Justeru, Beta yakin pegawai dan kakitangan awam memahami tanggungjawab ini dan akan berusaha untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan yang diberikan. Dengan program dan projek dalam RPNT, sektor awam haruslah memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memastikan sasaran tahunan dalam RPNT dapat dicapai. Beta harap program dan projek pada tahun semasa dapat dilaksanakan dengan berjaya supaya perancangan ini dapat berjalan sepertimana direncanakan. Pada masa yang sama Beta mahu juga pegawai dan kakitangan kerajaan sentiasa menghadiri kursus dan latihan bagi menambah pengetahuan, kemahiran dan keupayaan dalam menjalankan tugas harian.

Pelan Latihan Sumber Manusia Negeri Terengganu yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah satu langkah wajar sebagai kaedah untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan keupayaan kepada pegawai dan kakitangan awam negeri Terengganu. Beta dimaklumkan Pelan Latihan ini telah dimulakan pada tahun ini dan akan menjadi teras latihan kepada semua pegawai dan kakitangan di Terengganu. Selain daripada itu, langkah Kerja Negeri yang telah memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* pada tahun ini merupakan langkah positif untuk menilai sistem penyampaian program dan projek awam. InsyaAllah, langkah-langkah yang diambil ini akan memantapkan lagi perkhidmatan awam di Terengganu.

Secara keseluruhannya, Beta berpuas hati dengan inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri dalam aspek pengurusan ekonomi pembangunan dan pentadbiran awam negeri. Pada masa ini telah nampak adanya peningkatan aktiviti-aktiviti kecemerlangan pendidikan, pembinaan

projek-projek infrastruktur dan teknologi maklumat, pengurangan kadar kemiskinan, pengembangan sektor pelancongan dan pemantapan pengurusan pentadbiran awam.

Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat dan Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Menteri Besar Beta, Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh. Beta juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota pentadbiran awam dan keselamatan di negeri ini yang terus memberi perkhidmatan cemerlang bagi kesinambungan keselesaan dan kesejahteraan kehidupan rakyat di seluruh negeri.

Beta berharap agenda kepemimpinan Islam Hadhari Terengganu Bestari akan menjadi kenyataan dengan tercapainya matlamat untuk menjadikan negeri ini maju seimbang antara spirituil dan material. Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wataala. Akhirnya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim Beta merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas.

Selamat Bersidang.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI
DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA DEWAN SERTA
PENGIRING-PENGIRING BERANGKAT DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN
UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini sehingga esok hari 11 April 2005, pukul 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita baca Surah Al-Asr'.

Dewan ditangguhkan.

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 11 APRIL 2005

Hari Isnin,
11 April 2005

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 13]
2. Ucapan Dato' Yang Di Pertua Dewan. [Muka 17]
3. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. [Muka 18]
4. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: [Muka 20]
 - 4.1. Soalan-soalan Bertulis
 - 4.2. Soalan-soalan Lisan
5. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis: [Muka 47]
 - Usul Menjunjung Kasih Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Sultan

[*Bersambung*]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Encik Rosol bin Wahid, SMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw

WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT.

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

**Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT**

**Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail
WAKIL KUALA BERANG**

**Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG**

**Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK**

**Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR**

**Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM**

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Mokhtar, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca umul kitab – Al-Fatihah.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Persidangan kali ini merupakan Mesyuarat Yang Pertama Bagi Penggal Persidangan Yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas. Kita akan berlangsung selama tiga hari iaitu pada 10, 11 dan 12 April 2005. Pada hari semalam, iaitu 10 April 2005 telah selamat disempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Persidangan pada hari ini, 11 April 2005 seperti biasa sesi Soalan-soalan Lisan akan diberikan masa selama 1 jam dan Soalan-soalan Tambahan mengikut Peraturan-peraturan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Fasal 27(5) hanya dibenarkan tiga soalan bagi setiap soalan. Persidangan seterusnya akan diikuti oleh Perbahasan Titah Ucapan Di Raja. Pada 12 April 2005, selepas selesai sesi Soalan Lisan, akan diteruskan Pembahasan Titah Ucapan Di Raja dan serta Penggulungan oleh pihak Kerajaan sehingga selesai.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya mengambil perhatian di sini saya meminta dalam keadaan apa jua sekalipun Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri hendaklah dipatuhi dan dihormati khususnya Fasal 46. Saya mengharapkan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semoga Persidangan kali ini akan berjalan dengan teratur dan tertib serta harmoni dengan dapat mencetuskan idea-idea yang bernas bagi kesejahteraan rakyat Terengganu.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. **Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan
Keluarga Terengganu Tahun 1999.**

(D.U.N. Bil.1/2005)
2. **Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan
Keluarga Terengganu Tahun 2000.**

(D.U.N. Bil.2/2005)
3. **Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan
Keluarga Terengganu Tahun 2001.**

(D.U.N. Bil.3/2005)
4. **Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu
Terengganu Tahun 2003**

(D.U.N. Bil. 4/2005)
5. **Penyata Kewangan Majlis Daerah Dungun Tahun
2003.**

(D.U.N. Bil.5/2005)
6. **Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala
Terengganu Tahun 2003.**

(D.U.N. Bil. 6/2005)
7. **Penyata Kewangan Yayasan Islam Terengganu
Tahun 2001.**

(D.U.N. Bil. 7/2005)
8. **Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri
Terengganu Tahun 2001.**

(D.U.N. Bil. 8/2005)

9. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu Tahun 2002.
(D.U.N. Bil. 9/2005)
10. Laporan Ketua Audit Negara Bagi Negeri Terengganu Tahun 2003.
(D.U.N. Bil. 10/2005)
11. Penyata Kewangan Yayasan Terengganu Tahun 1995.
(D.U.N. Bil. 11/2005)
12. Penyata Kewangan Yayasan Terengganu Tahun 1996.
(D.U.N. Bil. 12/2005)
13. Penyata Kewangan Yayasan Terengganu Tahun 1997.
(D.U.N. Bil. 13/2005)
14. Penyata Kewangan Yayasan Terengganu Tahun 1998.
(D.U.N. Bil. 14/2005)
15. Penyata Kewangan Yayasan Terengganu Tahun 1999.
(D.U.N. Bil. 15/2005)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jawapan-jawapan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

- (a) Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali
(Wakil Kemasik)
- (b) Y.B. Encik Alias bin Abdullah
(Wakil Alor Limbat)
- (c) Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
- (d) Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
(Wakil Langkap)
- (e) Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
(Wakil Hulu Besut)
- (f) Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Fndut
(Wakil Wakaf Mempelam)
- (g) Y.B. Haji Ramlan bin Ali
(Wakil Jabi)
- (h) Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah
(Wakil Paka)
- (i) Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
- (j) Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh
(Wakil Tepoh)
- (k) Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
(Wakil Batu Rakit)
- (l) Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Lmbong
(Wakil Batu Burok)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan, tempoh 1 jam daripada sekarang. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk mengenakan semula Cukai Pintu kerana ia adalah termaktub dalam Perlembagaan Negara.

- a. *Apakah benar Kerajaan PAS dahulu menghapuskan Cukai Pintu?*
- b. *Sila sebutkan jumlah Cukai Pintu bagi kediaman mengikut pecahan daerah dan peratusan mereka yang membayarnya?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' yang Di Pertua, Kerajaan Pas ketika itu tidak pernah menghapuskan Cukai Pintu. Apa yang dilakukan ialah memberikan pengecualian kepada rumah kediaman milikan persendirian yang didiami oleh pemiliknya sahaja berasaskan kepada keputusan Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Terengganu Kali Kesebelas Tahun 2000 yang dibentangkan dalam Mesyuarat Exco dan diterima ketika itu. Ianya adalah bercanggah dengan peraturan yang menetapkan bahawa Cukai Pintu dibuat berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 Seksyen 132. Akta berkenaan memperuntukkan agar PBT menyediakan satu senarai bagi segala pegangan yang tidak dikecualikan dari dikenakan suatu kadar cukai. Dan sebab itulah apabila kita meminta pandangan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri beliau menyatakan berasaskan prinsip perundangan yang digariskan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 - "Pengecualian kutipan cukai taksiran bagi rumah kediaman yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri terdahulu (Kerajaan Pas) adalah tidak menepati kehendak-kehendak yang digariskan oleh Akta tersebut. Oleh yang demikian, pengecualian tersebut secara langsung telah membawa kepada suatu dasar yang tidak mempunyai asas-asas perundangan yang sebenar". Malahan mengikut peraturan Dato' Yang Di Pertua, pihak PBT hendaklah mengadakan mesyuarat penuh masing-masing bagi pengecualian yang dikenakan tersebut tetapi PBT tidak pernah mengadakan mesyuarat yang sebenarnya sebagaimana kertas dalam Mesyuarat Kerajaan Tempatan ketika itu sendiri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat DUN Batu Burok mengatakan, "Walau bagaimanapun cadangan pengecualian cukai taksiran tersebut hanya boleh diimplementasikan berasaskan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang iaitu dengan persetujuan Mesyuarat Penuh Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Rujukan telah dibuat

dan tidak ada satupun PBT yang mengadakan Mesyuarat Penuh untuk mengecualikan cukai kepada 'rumah kediaman' tersebut. Terima kasih.

Yang kedua Dato' Yang Di Pertua, Cukai-cukai Pintu Rumah Kediaman mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut:-

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH CUKAI PINTU (RUMAH KEDIAMAN) YANG PATUT DIKUTIP				PERATUS KUTIPAN SEBENAR			
	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003
MPKT	-	4,007,786.99	4,058,464.74	4,113,254.04	-	4.11	5.64	6.32
MPK	1,104,103.00	1,104,000.00	1,104,000.00	1,250,156.53	673	5.67	4.56	3.92
MDD	783,420.00	816,420.00	843,162.00	942,077.00	3.71	0.75	1.8	2.25
MDHT	-	129,476.98	132,790.85	145,488.89	-	28.23	34.60	32.36
MDB	-	937.22	4,789.88	3,271.00	-	4.71	21.23	12.26
MDM	-	222,847.00	291,000.00	283,590.87	-	11.501	19.00	23.00
MDS	5,242.37	5,242.37	5,242.37	7,487.44	12.43	12.00	25.00	34.87

Sekian, terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apabila Kerajaan mengumumkan Cukai Pintu akan dikenakan, pihak Pas telah mengambil kesempatan daripada pengumuman ini untuk mengeksploitasikan sehingga rakyat menjadi keliru. Bagi mencari kebenaran kedua-dua pihak iaitu Umno dan Pas telah bersetuju untuk mengadakan satu Majlis Debat Terbuka, mengapakah Majlis Debat yang dimaksudkan itu dibatalkan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ini sifat pemimpin Pas 'lempar batu sembunyi tangan', lempar tangan sembunyi apa saya tak tahu Dato' Yang Di Pertua. Bila cabaran dibuat pada asalnya cabaran disambut tetapi sehinga akhir sehingga 27 haribulan Februari 2005 tarikh tutup pada jam 12.30 tengah hari akhirnya hampir jam 2.00 petang barulah Pas datang bukan untuk persetujuan mengadakan debat tetapi mahu tempat debat itu dipinda dan juga format debat itu dipinda semula. Inilah apa yang dilakukan oleh Pas sebenarnya. Inilah ibarat 'Langau' Dato' Yang Di Pertua, kerja dia 'Langau' ini dia cari tempat busuk sikit saja dia 'peng' tidak kira atas kepala orang atau apa saja. Dia sanggup hebah macam-macam 'Hadiah istimewa Umno Kepada Rakyat Terengganu – Cukai Pintu'. Apabila ajak berdebat tindakan sebenar dia tidak buat. 'Langau' itu lalat hijau, dia ambil/pilih hak dia jugak warna hijau, Dato' Yang Di Pertua, tetapi takut dahlah tak ikut peraturan, tak apalah banyak lagi kita nak dedah lepas ini Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Saya ingin mintak sedikit penjelasan, ada dua penjelasan, yang pertama, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik, dia tanya 'Cukai Pintu ini termaktub dalam Perlembagaan Negara'. Jadi saya nak tanya artikel dalam Perlembagaan Negara yang termaktubnya kena bayar Cukai Pintu ini? Yang kedua Dato' Yang Di Pertua, soal debat tadi. Saya ingin memberi penjelasan sedikit, ada perundingan dibuat tetapi

tidak ada keputusan. Dia yang aturkan tempat, dia tukang buat syarat, dia yang serba semua sekali, lepas itu dia isytihar. Wakil Ketua Penerangan Pas hadir dan saya sendiri hadir. Ketua Penerangan Umno tidak hadir, dia hantar wakil dia saja tetapi tidak ada keputusan, cuma dia isytihar benda yang telah diputuskan oleh sebelah pihak tanpa mengambil perbincangan cara putus supaya dapat diadakan

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, saya mohon laluan - Ini bukan medan untuk buat penjelasan, penjelasan boleh dibuat dalam perbahasan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi saya mintak penjelasan dibuat berhubung dengan apa yang telah saya timbulkan. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penubuhan sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan berasaskan perkara bersama 95(a) Perlembagaan Malaysia. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, baca undang-undang sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua -

Berapakah jumlah Lesen Snooker yang diluluskan oleh Kerajaan Pas ketika memerintah Negeri Terengganu di Daerah Kemaman?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tiada Lesen Snooker diluluskan oleh Kerajaan Pas ketika memerintah Negeri Terengganu di Daerah Kemaman ketika itu tetapi anih dan ajaibnya terdapat 17 premis snooker yang beroperasi tanpa dikenakan apa-apa tindakan oleh Kerajaan Pas.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan sekarang terhadap pusat-pusat snooker tersebut yang dibiarkan berleluasa oleh Kerajaan Pas dahulu?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sehingga kini pihak Majlis Perbandaran Kemaman telahpun mengeluarkan notis dan mengenakan kompaun kepada premis-premis berkenaan dan sekarang ini terdapat 6 buah premis telahpun dikenakan kompaun sebanyak RM6,000.00. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak mintak penjelasan semula, minta maaf, Dato' Yang Di Pertua. Pasal dari segi *Federal Constitution* dengan izin, Dato' Yang Di Pertua, artikel nombor berapa tadi, yang disebut tadi artikel nombor berapa?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya sebut dah tadi 95(a), ini soalan lain pulak, cari sendirilah.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Pihak Kerajaan menyebutkan tadi bahawa di zaman Kerajaan Pas tidak ada Lesen Snooker yang dikeluarkan tetapi katanya tidak ada tindakan yang dibuat apabila 17 buah tempat snooker ini telahpun berjalan dan tidak ada apa-apa tindakan. Saya pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan, rasa pelik sebab Kerajaan Pas ini dia baca Quran dan Hadis, rasa tak menasabah pada akal, pohon penjelasan?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, dia Quran dan Hadis ini, dia kalau guna untuk politik ini boleh guna belaka tetapi kalau untuk kepentingan dia, dia tak guna pulak sebab dia nak dapat undi, itu saja. Dia menghalalkan cara untuk mencapai tujuan, ini sikap orang Pas, 'walhalalmu walharamku'.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan Pekan Batu 6, Kuala Nerus?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berdasarkan Rancangan Tempatan Seberang Takir – Gong Badak – Manir 1997 - 2010. Pekan Batu 6 dikategorikan sebagai Pusat Kecil Daerah di mana tumpuan utama adalah bagi pembaikan semula Pekan tersebut serta menyusun penempatan persekitaran. Pembangunan kawasan adalah dijangka menjadi penyambung kepada pembangunan Bandar Kuala Terengganu yang sedang giat berjalan di samping pembangunan di kawasan keseluruhan Gong Badak itu sendiri. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua - Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan taraf Pekan Batu 6 kepada/menjadi Bandar Kuala Nerus?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi penambahbaikan dan pembangunan secara berkesan akan dilakukan dan insya-Allah Pekan Batu 6 akan menjadi pusat pertumbuhan utama di sebelah utara. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

Selain daripada Sekolah Menengah Kerajaan Persekutuan, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri sebagai sekolahan elit dan primier?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, menjawab soalan yang kedua, Kerajaan Negeri memang bercadang untuk menjadikan beberapa buah Sekolah Agama Negeri sebagai sekolah primier dan elit bagi tahun ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Bilakah agaknya akan dilaksanakan dan dicadangkan berapa buah sekolah elit dan berapa sekolah primier yang akan dilaksanakan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Di Pertua, untuk fasa I, kita telah memilih 4 buah Sekolah Menengah Agama. Satu di KOSPINT, satu lagi di Dungun, satu lagi di Besut dan satu di Kuala Berang sebagai sekolah elit untuk 2005. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Alur Limbat untuk mengemukakan soalnya dan untuk maklumat Yang Berhormat, soalan nombor 2 Yang Berhormat telah ditolak.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan sebuah anak syarikat yang dinamakan TEFDEC (M) Sdn. Bhd. (Terengganu Development Corporation) untuk memperkenalkan konsep dan pelaksanaan Halal Hub di Negeri Terengganu pada tahun 2003.

- a. *Berapakah modal berbayar syarikat tersebut?*
- b. *Siapakah pemegang-pemegang saham di dalam syarikat tersebut?*
- c. *Apakah perkembangan syarikat tersebut sekarang. Berapakah pulangan pelaburan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada penubuhan syarikat tersebut?*

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, modal berbayar TEFDEC ataupun Terengganu Food Development Corporation Sdn. Bhd. Adalah RM750,000. Modal dibenar sebanyak RM5,000,000.00. Pemegang-pemegang saham di dalam Syarikat TEFDEC adalah:

i.	Yayasan Islam Terengganu	-	RM250,000.00
ii.	Yayasan Terengganu	-	RM250,000.00
iii.	Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd.	-	RM250,000.00

Sementara perkembangan Syarikat TEFDEC sekarang:

- Pada hari ini tidak ada aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat sedang membuat perancangan untuk tahun-tahun berikutnya.
- Setakat ini tidak ada pulangan pelaburan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari penubuhan Syarikat TEFDEC.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua - Berapakah gaji yang telah diberi kepada Pengarah Eksekutif Syarikat TEFDEC ini?

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah kerja-kerja Kerajaan Pas, syarikat yang tidak mempunyai projek dan keuntunganpun diberi gaji yang begitu mahal. Ketua Pegawai Eksekutif TEFDEC iaitu Dr. Idrus Hamid diberi gaji pokok permulaan RM10,000.00 dengan kenaikan sebanyak 12.5 peratus setiap tahun. Kontrak selama 3 tahun tempoh jawatan 1 Julai 2003 sehingga 30 Jun 2006. Pejabat tetap adalah Kompleks Galeri Halal Telaga Batin, Terengganu. Juga apa yang mendukacitakan Dato' Yang Di Pertua, juga diberikan Elaun Apartment sebanyak RM1,300.00 dan Elaun Kenderaan sebanyak RM600.00, ditambah dengan Bonus Tahunan 2 bulan. Ini bermakna Bonus Tahunan yang wajib dibayar adalah RM20,000.00 tiap-tiap tahun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua - Setuju bahawa TEFDEC tidak lebih hanya suatu kertas Konsep Halal Hub manakala dari segi pelaksanaannya ianya adalah suatu usaha terancang untuk mengkhianati harta syarikat dan harta Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Saya setuju, Dato' Yang Di Pertua. Inilah kononnya Membangun Bersama Islam. Satu projek iaitu mengubahsuai bangunan bertempat di Telaga Batin yang berjumlah RM1,000,881.72. Perbelanjaan yang begitu besar untuk membina Restoran CRR Galeri dan Dewan Seminar sebanyak RM266,000.00 dan lain-lain seperti Galeri Halal Hub Terengganu, lanskap, surau, pagar, premix/jalan tar, pendawaian letrik, aset kelengkapan dan lain-lain. Ditambah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dapati juga sebuah kenderaan yang diberikan kepada Dr. Idrus bin Abdul Hamid sebagai Pengarah Urusan dan

sehingga sekarang tidak dikembalikan dan satu laporan Polis telahpun dibuat terhadap pemilikan kenderaan secara haram ini, Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau tidak salah ingatan saya, Pegawai Eksekutif berkenaan adalah seorang 'Mamak Pulau Pinang'. Apakah tidak ada Anak Terengganu yang mampu menerajui Halal Hub dan apakah langkah-langkah seterusnya pihak TEFDEC bagi mengambil semula kenderaan yang telah dimilik secara curang oleh bekas Pengarah Eksekutif tersebut?

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Sepatutnya Dato' Yang Di Pertua, Halal Hub dengan bunyinya, dengan konsepnya sepatutnya ditadbirkan secara halal dan menjuruskan kepada perkara-perkara halal. Saya pohon dan saya merayu supaya tindakan diambil terhadap laporan yang telah dibuat dan kita difahamkan bahawa kenderaan tersebut ada di premis Pantai Hill, sebuah kereta bernama Sonata Gold yang dimiliki oleh bekas Pengarah, Dr. Idrus bin Abdul Hamid. Kita mengharapkan supaya suatu tindakan yang lebih *transparent*, ada konsep akauntabiliti dan amanah oleh syarikat-syarikat yang akan datang, yang akan menguruskan wang atau duit amanah rakyat. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang untuk mengemukakan soalnya. Soalan kedua telah ditolak.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan pertama –

Sejak Dasar Pengambilan Hasil Hutan Negeri Terengganu diperkenalkan berapakah kes penerokaan hutan secara haram berlaku di negeri ini?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Sepanjang tempoh mulai dari Dasar Baru Perhutanan diperkenalkan di Negeri Terengganu sehingga ke hari ini, sehingga ke saat dan ketika ini tidak ada sebarang penerokaan hutan secara haram berlaku di Negeri Terengganu, alhamdulillah.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Di Pertua, sejauh mana laporan akhbar menyatakan adanya penerokaan hutan di kawasan Pulau Redang dan apakah langkah susulan diambil oleh Kerajaan hasil laporan media?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalnya berbunyi penerokaan, penerokaan ini bermaksud dia masuk, dia terbang, dia tinggal di dalam itu. Apa yang berlaku di Pulau Redang ialah kecurian iaitu sebanyak lima batang telah dicuri telah ditebas oleh orang kampung untuk kegunaan

sendiri. Jadi kita telah menyasat dan didapati apa yang dilakukan itu adalah ditebang dan digunakan sendiri. Pada kami mengikut dalam Kamus Dewan penerokaan ini berbeza dengan kecurian. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kes curi balak di Pulau Redang ini kalau boleh dimaklumkan bila berlaku? Dan saya jugak ingin mengemukakan soalan tambahan - Apabila Dasar Pengambilan Hasil Hutan Negeri Terengganu diperkenalkan, apakah jangka hasil hutan yang akan negeri dapati lepas daripada ini?

YANG BERTHORMAT ENCK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkenaan dengan cukai ataupun hasil yang akan didapati oleh Kerajaan Negeri, saya harap pihak Yang Berhormat dapat memberi notis kerana tidak ada data-data cuma apa yang berlaku di Pulau Redang dua bulan lalu yang mana dikatakan tiga orang kampung datang ke dalam hutan dan menebang lima batang pokok untuk kegunaan mereka sendiri. Jadi kita telah mengambil tindakan dan Pejabat Hutan telahpun menyasat perkara tersebut dan perkara tersebut ada di dalam laporan Polis. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua - Saya rasa Hasil Hutan ini pelbagai, selain daripada balakpun ada hasil lain. Jadi boleh ke tidak diberitahu apakah hasil-hasil lain, saya ingat Pembangkang ini duk ingat ke balak saja, jadi bila takdok penerokaan kawasan baru, takdok hasil dah dia ingat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih dengan soalan tersebut. Sebagaimana saya katakan tadi saya perlukan notis, cuma betullah apa yang dikatakan oleh Wakil daripada Batu Rakit yang mengatakan bahawa Hasil Hutan ini bukan sahaja balak, malah hasil-hasil lain termasuk rotan dan barang-barang lain yang ada dalam hutan itu termasuk hasil hutan. Tetapi masa zaman Pas mula, balak sahaja yang dikenali atau difahami sebagai Hasil Hutan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mempersilakan Wakil Langkap untuk mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Sejak akhir-akhir ini kedapatan segelintir pihak Pembangkang menggunakan masjid sebagai platform menghentam Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan Negeri menangani masalah tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat, di antara langkah-langkah Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu untuk menangani kes-kes berkenaan ialah:

- (i) Pertama melalui kerjasama Jawatankuasa Masjid berkenaan agar memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha mengimarahkan masjid dan memantau aktiviti-aktiviti yang dilihat cuba menentang Kerajaan.
- (ii) Dengan memanggil dan menasihati Pegawai-pegawai Masjid berkenaan agar menjalankan tugas mereka dengan baik, penuh amanah dan penuh tanggungjawab.
- (iii) Dengan mengambil tindakan tatatertib ke atas mana-mana Pegawai Masjid yang ternyata tidak amanah dan melanggar arahan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik Surat Tauliah yang sudah dikeluarkan kepada pegawai-pegawai berkenaan?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, telah menjadi prosedur Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sebelum tindakan penarikan balik tauliah dan sebagainya biasanya Kerajaan akan memanggil pegawai berkenaan untuk berbincang dan diberi nasihat dan setelah nasihat tidak diikuti biasanya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu akan meminta pegawai berkenaan untuk bersara ataupun ditamatkan perkhidmatan bermakna tauliah akan ditarik baliklah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Apa yang diterangkan oleh pihak Kerajaan tadi berhubung dengan masjid yang dikuasai oleh pihak Kerajaan. Soalan saya ialah bagaimana masjid yang dikuasai oleh pihak Pembangkang dan juga surau-surau yang bila kita lihat kepada enakmen ianya juga dibawah erti masjid? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, terdapat beberapa buah masjid yang dikuasai oleh Pembangkang dan ketika ini kita kenal pasti bahawa lima buah masjid yang telah dikuasai secara totalnya oleh Pembangkang di samping ada beberapa buah surau lagi yang dikuasai oleh Pembangkang ini. Pada masa ini pihak Kerajaan Negeri masih tidak lagi mengambil tindakan ke atas masjid-masjid dan jugak surau-surau berkenaan kerana kita melihat bahawa kalau tindakan diambil maka implikasinya lebih besar berlaku terutama dari segi keselamatan dan jugak kesejahteraan masyarakat itu sendiri. Apatah lagi di tempat-tempat berkenaan kita dapati bahawa sukar bagi pihak Kerajaan terutamanya Pejabat Agama untuk mendapat kerjasama daripada masyarakat setempat untuk mengimarahkan masjid-masjid dan surau berkenaan. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sentiasa membuat pemantauan dari masa ke semasa dan selalu dibuat perundingan dengan mereka

yang terlibat tetapi setakat ini hasilnya masih lagi tidak mendapat hasil yang baik. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, saya ingin tahu siapakah mereka yang terlibat?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, mereka yang terlibat itu ramailah, perlu kepada notislah untuk kita *detail* kan senarai nama-nama mereka yang terlibat dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Apa yang disebutkan oleh pihak Kerajaan tadi ialah masjid-masjid Pembangkang ini dibiarkan. Apakah wajar dari segi Islam kita biarkan daripada kita mengambil tindakan dengan sebab apabila kita melihat apabila kita membiarkan akan makin ramai lagi orang-orang Islam sesat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, dalam kes ini kita perlu bertindak secara berhikmahlah, base kepada ayat Quran dengan izin Dato' Yang Di Pertua, (membaca Surahtul Nahl - ayat 135). Jadi garis panduan ini telah diberi keutamaan oleh Kerajaan untuk mengambil apa-apa tindakan dan sebagaimana kita maklum bahawa masjid-masjid seperti Masjid Rusila, Masjid Rhu Muda, Masjid Simpang Empat, Masjid Chendering, Masjid Kubang Bujuk dan sebagainya adalah merupakan kubu-kubu Pembangkang yang mana kalaulah kita ambil tindakan secara tidak hati-hati ataupun hikmah boleh menimbulkan masalah-masalah lain yang mungkin lebih besar lagi. Apatah lagi sebagaimana kita maklum bahawa masjid-masjid ini lebih berperanan sebagai institusi politik bukannya sebagai institusi agama. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Saya mohon penjelasan bila mana disebut masjid, ada di kawasan Paka, dengan izin ADUN Paka, iaitu ada 'Rumah Sura Lama' bukan 'Masjid Sura Lama' itu dijadikan tempat sembahyang Jumaat. Adakah 'Rumah Sura Lama' itu dianggap sebagai masjid atau apa?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, setakat ini masjid-masjid yang tersenarai yang diwartakan sah di sisi Enakmen Terengganu ialah sebanyak 473 buah. Jadi mana-mana masjid selain daripada masjid berkenaan adalah yang tidak diiktiraf oleh Pejabat Agama dan sebagaimana kita maklum bahawa Fatwa telah memutuskan dalam tahun 1982 dahulu, mana-mana masjid yang tidak mendapat kebenaran Jabatan Agama adalah tidak sah dan mereka yang bersembahyang di masjid berkenaan adalah jugak tidak sah, haramlah.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon izin - Kalau begitu keadaannya saya mencadangkan pihak Kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap Masjid Sura Lama.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Di Pertua kepada Yang Berhormat Wakil kita, insya-Allah dalam perhatian Kerajaanlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan - Di Jabipun ada masjid yang antara letaknya 500 meter sahaja yang Sembahyang Jumaatnya dua, minta penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, di Besut kita ada 8 buah termasuk yang di Jabi yang lebih kurang sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Wakil Jabi tadi dan masjid yang digunakan oleh parti Pembangkang itu adalah merupakan masjid lama. Setelah Kerajaan membina masjid baru maka mereka telah mengambil kesempatan daripada kekosongan masjid berkenaan maka digunakan untuk tujuan 'Jumaat' sebagaimana kita maklumlah. Jadi semuanya ini adalah dalam perhatian Kerajaan dan dalam *list* kita dan pemantauan telah dilakukan dari masa ke semasa dan insya-Allah kita akan cuba memikirkan apakah tindakan-tindakan terbaik untuk mengatasi masalah ini. Sebagaimana kita maklum bahawa pihak Jabatan Agama Terengganu ataupun Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu selalu mengeluarkan notis tentang 'Jumaat' ini. Saya sendiri pernah terlibat dengan perkara ini, menghantar sendiri notis terutama di Besut suatu masa dahululah. Jadi walau bagaimanapun, insya-Allah kita akan memberi perhatian yang lebih serius lagilah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Wakil Langkap pergi kepada soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua -

Akhir-akhir ini kedapatan golongan yang tidak bertanggungjawab mendirikan markas untuk dijadikan tempat sembahyang/surau dan tempat berceramah anti Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan terhadap golongan ini?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, secara umumnya agak prejudislah kerana berdasarkan kepada maklumat yang Kerajaan ada bahawa pada masa ini tidak kedapatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mendirikan markas baru ataupun masjid baru untuk dijadikan tempat sembahyang ataupun surau dan sebagainya dan sekaligus digunakan sebagai tempat berceramah anti Kerajaan. Tetapi Kerajaan tidak menafikan ada surau-surau dan ada masjid-masjid yang sedia ada dan juga masjid-masjid yang tidak digunakan kerana berpindah kepada masjid baru buat yang digunakan untuk tujuan ceramah anti-Kerajaan tersebut.

YANG BERHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua - Berdasarkan kepada jawapan yang diberi tadi, adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan kepada surau-surau yang disalahgunakan tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, setakat ini Kerajaan masih lagi belum menimbangkan cadangan untuk merobohkan bangunan-bangunan berkenaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan nombor satu -

Dalam usaha Kerajaan memastikan kecemerlangan Pendidikan dicapai, Kerajaan Negeri telah mengatur Program di peringkat pra-sekolah lagi, iaitu dengan memperkenalkan Program Tadika Gemilang tetapi dalam masa yang sama Parti Pas meneruskan Tadika PASTI, ini boleh membantut hasrat Kerajaan Negeri.

- a. *Berapakah Tadika PASTI yang masih beroperasi di Negeri Terengganu?*
- b. *Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan semua pelajar di peringkat pra-sekolah di Negeri Terengganu mendapat pendidikan di Tadika Arus Perdana Negeri?*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

- (a) Tidak ada maklumat.
- (b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri masa ini bagi memastikan Tadika ataupun kelas pra-sekolah di Negeri Terengganu mendapat sambutan ibu bapa di Negeri Terengganu ialah antara lain kita menyediakan pra-sarana yang mencukupi, yang terbaik dari segi kelengkapan, alat bantuan mengajar, multimedia, komputer dan dengan izin *software*. Yang kedua, kita juga memastikan bahawa guru-guru yang berkelayakan diambil dan diberi latihan yang secukupnya. Yang ketiga ialah kita menggalakkan berkempen kepada ibu bapa untuk mereka terus menghantar ke kelas-kelas tadika pra-sekolah anjuran Kerajaan Negeri kerana mutu yang terbaik di antara kelas-kelas tadika yang lain. Itu adalah antara tiga langkah yang kita buat sekarang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan -- Sebagaimana yang diterangkan oleh pihak Kerajaan sejak tadi, di Hulu Besut terdapat dua Tadika PASTI yang mana tadika ini pada pemerhatian saya pelajar-pelajarnya tidak

mendapat pendidikan yang sepatutnya sepertimana yang terdapat di tadika yang diterangkan oleh Kerajaan tadi. Jika ini kita biarkan bermakna kita, Kerajaan telah menafikan hak rakyat hak anak-anak yang pra-sekolah yang berumur enam tahun ini untuk mendapat pendidikan yang terbaik. Jadi seharusnya Kerajaan memberi perhatian supaya kanak-kanak yang berumur enam tahun ini mendapat pendidikan yang terbaik yang belajar di Tadika-tadika PASTI, pohon penerangan?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat kanak-kanak di Terengganu mendapat pendidikan terbaik sejak daripada peringkat umur enam tahun lagi sebab itu baru-baru ini kita telah melancarkan Tadika Cemerlang 105 buah tadika di Terengganu dengan harapan bahawa anak-anak lain melihat tentang kaedah yang kita buat ini untuk insya-Allah mereka akan *joint* nanti kemudian kalau yang PASTI dia nak masuk PASTI dia masuklah. Tetapi insya-Allah kalau kita lebih baik daripada yang lain saya amat yakin bahawa akan ada tarikan kepada ibu bapa untuk menghantar ke tempat kita, insya-Allah.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Minta laluan, Dato' Yang Di Pertua – Adakah ini tidak akan merugikan anak bangsa kita jika pada asasnya penyelenggaraan awal tidak diberi penekanan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Memanglah rugi kepada mereka yang tidak melihat kebaikan yang Kerajaan buat.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan – Apakah pihak penganjur ataupun parti Pembangkang yang telah mengadakan kelas tadika PASTI ini tidak sedar betapa anak bangsa kita yang kerugian apabila tidak mendapat pendidikan di tadika negeri yang dianjurkan sekarang ini?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita tuju soalan itu kepada Pembangkang.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan satu –

Sila nyatakan jumlah rumah yang dibaiki dan jumlah rumah yang dibina baru oleh Kerajaan Negeri sejak 2000 – 2004 mengikut pecahan daerah?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jumlah rumah yang dibaiki sejak tahun 2000 – 2004 oleh Kerajaan Negeri ialah

sebanyak 1,549 buah. Manakala yang dibina baru ialah sebanyak 53 unit. Pecahan-pecahan mengikut daerah ialah:

BIL.	DAERAH	TAHUN / PENERIMA									
		2000		2001		2002		2003		2004	
		BB	BP	BB	BP	BB	BP	BB	BP	BB	BP
1.	Besut	-	14	-	30	-	31	5	15	10	18
2.	Setiu	-	29	-	39	-	64	2	43	2	37
3.	Kuala Terengganu	-	128	-	147	-	198	12	51	-	54
4.	Hulu Terengganu	-	52	-	100	-	109	3	33	4	39
5.	Marang	-	14	-	20	-	54	2	26	1	21
6.	Dungun	-	21	-	26	-	32	4	30	-	18
7.	Kemaman	1	9	-	2	-	12	4	23	3	10
		1	267	-	364	-	500	32	221	20	197

Jadi jumlah keseluruhan sebagaimana yang dikatakan tadi 53 buah untuk yang dibina baru dan 1,549 buah untuk baik pulih. Jika dibandingkan dengan apa yang kita buat Dato' Yang Di Pertua, sepanjang tiga bulan pertama tahun 2005, kita telah mencapai sehingga 80 peratus bina baru yang mana daripada 320 buah kita telah dapat menyiapkan rumah bina baru sebanyak 256 buah. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan – Berapakah anggaran lagi baik rumah dan bina rumah baru yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, anggaran yang kita hendak bina untuk setiap DUN ialah sebanyak 40 buah untuk bina baru untuk tahun ini sahaja. Jadi untuk tahun ini kita harap dapat menyelesaikan masalah rakyat yang ketiadaan rumah ataupun rakyat miskin yang tidak mampu untuk memiliki rumah kita akan sediakan di setiap DUN sebanyak 40 buah rumah bina baru yang harganya sebanyak RM13,000.00. Ini menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan 'Islam Hadhari Terengganu Bestari' di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap membela nasib terhadap golongan yang miskin dan kekurangan yang tidak berupaya di Negeri Terengganu, alhamdulillah Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum, Dato' Yang Di Pertua, minta penjelasan – Soalan yang pertama tidak ada kena mengena dengan miskin-kaya yang soalnya rumah yang dibaiki, rumah yang dibina baru, boleh beri penjelasan?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, rumah bina baru – rumah orang miskin, kalau orang kaya dia tidak mintak dah, dan yang dibina baru ini dalam konteks ini, saya faham soalan ini daripada Wakil Jabi ini ialah rumah PPRT yang dibina untuk orang miskin kalau orang kaya tu dia buat sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya tanya, kita nak rekod ni. Soalan tidak kena mengena dengan miskin.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita nyatakan di sini bina baru yang kita faham daripada soalan ini ialah untuk rumah orang miskin, jadi yang nak rekod, rekodlah dan itulah yang sebenar yang saya nyatakan dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya bacakan soalnya – Sila nyatakan jumlah rumah yang dibaiki dan jumlah rumah yang dibina baru oleh Kerajaan Negeri sejak 2000 – 2004 mengikut pecahan daerah? Exco tidak boleh masuk hak yang baru.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat, dalam konteks Negeri Terengganu tak tahulah takut DUN Batu Burok fesyen lain. Kalau DUN lain dan kalau nak sahihkan soalan ini boleh kita tanya balik kepada Wakil Jabi betul ke tidak apa yang saya jawab berkaitan dengan soalan yang diberi dan saya yakin memang jawapan yang diberi itu memang tepat dengan apa yang dikehendaki oleh Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak timbul soal tanya Wakil Jabi, soal sama ada Exco reti baca ke tidak.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Batu Burok takdok modal dah, hak beginipun nak panjang jugak. Jadi terimalah, inilah hakikat bahawa Kerajaan amat prihatin kepada golongan yang miskin, golongan yang kurang upaya di Negeri Terengganu dengan menyediakan rumah. Jadi kalau masa zaman Pas mula tidak boleh buat rumah, jangan salah ke orang. (Tepukan Sokongan) Ini kita ada duit, kita mampu buat untuk rakyat untuk membela rakyat miskin di seluruh Negeri Terengganu, ke Wakil Rakyat tidak setuju kita buat rumah ke orang miskin?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bukan soal Wakil Rakyat tidak setuju, soalnya reti baca ke tidak nak jawab soalan? Kalau tak reti baca saya baca sekali lagi Dato' Yang Di Pertua, 'Sila nyatakan jumlah rumah yang dibaiki dan jumlah rumah yang dibina baru oleh Kerajaan Negeri (Kerajaan Pas) sejak 2000 sehingga 2004 mengikut pecahan daerah?' Semua budak sekolah darjah satu, tadika boleh baca.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Kalau itulah yang disebutkan oleh Wakil Batu Burok tadi saya rasa kemungkinan zaman Paspun ada buat rumah pemimpin kot? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Boleh jadi jugak Wakil Sura, zaman Pas ada jugak buat rumah untuk orang kaya barangkali. Jadi di sini, 'Sila nyatakan rumah yang dibaiki dan rumah yang dibina baru oleh Kerajaan Negeri sejak 2000 hingga

2004 mengikut pecahan daerah?' Jadi di sini takdokpun tulis 'Kerajaan Pas'? Jadi Yang Berhormat baca 'Pas' pulak, jumpa di mana pulak di situ, takdok Paspun di sini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tempoh masa itu Kerajaan Pas. Kemudian rumah dibaiki bukan kesemuanya orang miskin, rumah yang kena bencana yang kita bahagi ketika itu dibaiki juga. Tetapi rumah baru ini jelas menunjukkan pembangunan, seolah-olah tidak ada pembangunan semasa Pas, ini dia soalnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat, kita nampak menghabiskan masa dengan soalan ini, jadi apa yang difahamkan ini rumah baiki dan bina baru yang Kerajaan faham ialah rumah PPRT. Jadi kalau pihak Pembangkang faham fesyen lain macam Wakil Sura kata tadi ada jugak rumah pemimpin yang dibaiki zaman Kerajaan Pas itu Allahu'alam, tanya pihak Pembangkanglah soalan tersebut. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, soalan 2 --

Berapakah jumlah golongan miskin yang telah diberi bantuan untuk mengubah taraf hidup mereka sepanjang 2000 - 2004 mengikut pecahan daerah?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini jugak berkait dengan program-program PPRT sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa betapa prihatinnya pihak Kerajaan untuk memastikan tidak ada lagi golongan miskin dan termiskin di negeri ini. Insya-Allah, kerana Tuhan dah berpesan (baca Surah Al-Quraisy - ayat 4) 'Memberi makan mereka-mereka yang lapar dan memberi keamanan kepada semua rakyat'. Alhamdulillah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jumlah golongan miskin yang telah diberi bantuan untuk mengubah taraf dan pemikiran mereka ialah sebanyak 75,347 orang. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Adakah Kerajaan sedar menyambut hari raya yang lepas 160,000 orang diberi bantuan RM300.00 seorang yang berjumlah RM48 juta. Taraf apa yang mereka-mereka ini memperolehi bantuan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Islam menganjurkan supaya kita memberi kepada yang meminta 'Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah'. Oleh kerana kita ada kemampuan, RM48 juta ke, RM50 juta ke orang yang mampu, kita mampu, kita berilah dan perkara tersebut tidak ada dalam Quran dan Hadis, dia suruh beri jikalau mampu. Kalau tak mampu nak beri bagaimana, macam Pas tak mampu nak beri, tak boleh berilah. Kita ada pith RM40 juta nak beri, kita berilah. Tak timbul masalah dan saya rasa tidak berdosa Kerajaan memberi kepada 160,000 pemohon orang miskin pada hari raya yang lalu, tak berdosa saya rasa, kalau berdosa saya nak Hadis ataupun ayat Quran yang mengatakan dosa beri. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bukan soal ada kuasa tak ada kuasa, duit itu duit amanah. Yang saya tanya tadi yang dikatakan bahawa tidak ada orang miskin di Terengganu, saya hendaknya kategori apa yang 160,000 ini yang terpaksa Kerajaan membelanja duit rakyat RM48 juta, kategori apa, miskin ke, fakir ke ataupun orang kaya ?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana saya nyatakan tadi bukan tidak ada orang miskin, kita berusaha untuk mendidik orang miskin yang diberi khusus sebanyak 75,347 orang. Jadi duit yang kita berikan sebanyak RM300.00 dulu itu sebagai duit hadiah hari raya kepada rakyat yang pandai bersyukur, hak tak reti bersyukur, lepas makan krekoh (gigit) tuan, itu biar ke dialah nak buat bagaimana.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ketiga –

Berapakah jumlah wang Kerajaan Negeri / Badan Berkanun Negeri (Yayasan Terengganu) telah dibelanjakan untuk menaja pelajar di dalam dan di luar negeri/negara sepanjang tahun 2000 – 2004?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, soalan ketiga jawapannya ialah antara tahun 2000 – 2004, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu telah membelanjakan RM32,263,503.00 untuk menaja pelajar-pelajar Terengganu di dalam dan di luar negara seramai 6,601 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan – Bermula tahun 2000 hingga 2004, kalau boleh Dato' Yang Di Pertua, setiap tahunlah kita nak tahulah berapa jumlah pecahan setiap tahun?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pecahannya:

Bil.	Tahun	Jumlah	
		Pelajar	RM (Belanja)
1.	2000	4,346	21,902,618
2.	2001	572	2,855,650
3.	2002	468	2,159,750
4.	2003	410	1,938,680
5.	2004	805	3,506,805
Jumlah :		6,601	32,263,503

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalan. Soalan 2 dan 3 ditolak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

Apakah kriteria dan syarat bagi pelantikan Pegawai Penguatkuasa Syariah dan Pembantu Sukarela Penguatkuasa Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT)?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kriteria dan syarat lantikan Pegawai Penguatkuasa Syariah adalah sebagaimana berikut:-

- (i) Terdiri daripada rakyat Negeri Terengganu.
- (ii) Berumur antara 22 hingga 35 tahun.
- (iii) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan kepujian dalam subjek Agama Islam dan lulus Bahasa Arab atau Sijil IV Thanawi atau Sijil Tinggi Agama daripada Sekolah Agama bantuan penuh Kerajaan; dan seterusnya
- (iv) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Manakala bagi pelantikan Pembantu Sukarela Penguatkuasa Syariah, kriteria dan syarat pelantikannya adalah sebagaimana berikut:-

- a) Berkelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran.
- b) Berusia tidak kurang daripada 30 tahun.
- c) Status Berkahwin.
- d) Aktif dalam masyarakat – memegang jawatan dalam NGO dan Badan-badan Politik.
- e) Mempunyai bakat kepimpinan yang baik.

Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai latar belakang agama dan pernah membantu Pegawai Penguatkuasa serta pernah memberi maklumat. Setiap permohonan hendaklah melalui Pejabat Agama Daerah dan mendapat sokongan serta pandangan daripada Pegawai Agama Daerah itu sendiri.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Alhamdulillah, saya tengok kriteria itu bagus, Cuma baru-baru ini heboh ada seorang Pembantu Sukarela kena tangkap. Dia tangkap orang lepas itu dia sendiri buat kerja rogol orang yang dia tangkap. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak tahu sama ada Kerajaan sedar ataupun tidak tapi adakah syarat dan kriteria yang disebutkan tadi itu cukup bagi memastikan peristiwa yang seumpama ini tidak berlaku dan adakah Kerajaan sendiri

lebih prihatin untuk nak mengkaji latar belakang pemohon-pemohon. Jangan sekadar mari jumpa MB, mari jumpa Exco terus beri surat sokongan sehingga peristiwa ini yang memalukan berlaku dalam Negeri Terengganu di kawasan Besut, dalam kawasan Exco Islam Hadhari sendiri.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua kepada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Pemilihan Pegawai Penguatkuasa kita ambil sebagaimana kriteria yang kita sebutkan tadi dan kita *base* kepada kehidupan semasa mereka, kita tak tahu hak dalaman. Lagipun kita sedar bahawa kerja-kerja ini merupakan kerja-kerja yang mencabar terutama mencabar keimanan itu sendiri dan kita kena insaf bahawa kita ini manusia tertakluk kepada kelemahan dan kekurangan. Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud - 'Setiap manusia bersalah, sebaik-baik manusia yang bersalah ialah manusia yang bertaubat kepada Allah S.W.T.'. Dan perkara ini dalam perhatian Kerajaan dan sentiasa memberi tumpuan supaya Pegawai-pegawai Penguatkuasa Syariah kita ini dapat melaksanakan tugas dengan penuh bertanggungjawab dan kerja-kerja itu kita sentiasa tanamkan kepada mereka bahawa ini merupakan ibadah kepada Allah S.W.T. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Saya dimaklumkan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua bahawa apabila permohonan dibuat peringkat awal bekas Pesuruhjaya, saya difahamkan tolak permohonan kerana dia tahu latar belakang pemohon, orang kenal belaka. Tapi oleh kerana mainan politik walaupun orang begitupun diberi jawatan JKJK, diberi jawatan Jawatankuasa Masjid

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Soalannya Yang Berhormat, soalan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya sekarang ini, apakah tindakan diambil selepas daripada ini bukan sekadar tindakan yang diambil terhadap

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, setelah peristiwa ini sampai kepada kita, kita terus mengambil tindakan memberhentikan tugas mereka. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Adakah pegawai berkenaan itu maklum kepada pihak Kerajaan sebelum dia merogol gadis berkenaan? (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, saya tak tahulah, kepada Kerajaan tidak dimaklumkan, takut dia maklumkan kepada Wakil Wakaf Mempelam tak tahulah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia tanya - Adakah maklum kepada Kerajaan, saya ini dah tak jadi Kerajaan lagi. Jadi janganlah duk main bercakap lepas rambang begitu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Paka mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Bismillahir-rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 -

Negeri Terengganu akan menjadi tuan rumah Sukan SUKMA 2008. Segala infrastruktur keperluan untuk menjayakan sukan berkenaan sedang giat dilaksanakan.

- i) Apakah persiapan dan bantuan Kerajaan Negeri dalam menyediakan atlit-atlit di dalam semua bidang yang akan dipertandingkan sebagai Tuan Rumah?*
- ii) Apakah acara-acara yang menjadi keutamaan dan potensi besar meraih kemenangan?*

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya hadirin. Bagi menjawab soalan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Negeri Terengganu akan menjadi Tuan Rumah Sukan SUKMA Tahun 2008 dan segala infrastruktur, keperluan untuk sukan berkenaan sedang giat dijalankan.

Apakah persiapan? Kerajaan Negeri telah menyediakan atlit-atlit yang dipertandingkan sebagai Tuan Rumah. Dan juga apakah acara-acara yang menjadi keutamaan dan potensi besar meraih kemenangan ini? Untuk meraih kemenangan, insya-Allah Kerajaan Negeri bagi persiapan Sukan SUKMA 2008 sebagaimana surat tawaran rasmi telahpun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang mana pada tahun 2008 Terengganu telah ditawarkan untuk menjadi Tuan Rumah kepada Kejohanan Sukan SUKMA pada tahun berkenaan. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu sudah mengadakan satu program di mana atlit cemerlang yang dikenal pasti mampu untuk meraih pingat di SUKMA 2008 nanti disalurkan bantuan biasiswa bagi atlit yang bersekolah atau yang berada di IPT dan tawaran kerja kepada atlit lepasan sekolah. Bagi permulaannya seramai 76 orang atlit dari pelbagai sukan telah dikenal pasti berkelayakan untuk diserapkan ke dalam program ini. Atlit-atlit tersebut akan menjalani latihan secara berterusan di samping dihantar untuk menyertai kejohanan-kejohanan di peringkat kebangsaan. Di samping itu, program latihan jangka panjang khusus untuk persiapan Sukan SUKMA 2008 telahpun dimulakan. Untuk menjalani latihan untuk tempoh tahun 2005 sahaja sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan meliputi latihan, peralatan, sewa gelanggang dan sebagainya.

Selepas daripada program latihan jangka panjang tersebut dijangkakan lebih dari 150 atlit berpotensi untuk meraih pingat akan dikenal pasti menjelang tahun 2006 yang juga merupakan tahun Sukan SUKMA yang akan diadakan di Kedah dan akan diserap ke dalam program tersebut di atas. Bagi pemantauan pengurusan sukan, baru-baru ini Kerajaan

Negeri telah menyalurkan sebanyak RM2,000.00 kepada setiap persatuan yang bergabung di bawah Majlis Sukan Negeri iaitu sebanyak 34 buah persatuan.

Selain dari itu, Majlis Sukan Negeri Terengganu juga akan menganjurkan kejohanan yang kali pertama Kejohanan Sukan Terengganu di mana kita namakan SUTERA pada pertengahan tahun ini. Sukan tersebut diadakan sebagai medan pemilihan yang akan diwakili negeri ke SUKMA. Kejohanan Sukan Terengganu ini juga akan dijadikan Sukan Tahunan. Antara acara-acara yang telah dikenal pasti yang menjadi keutamaan dan berpotensi meraih kemenangan, di antaranya adalah (pecahan mengikut kategori) :-

Yang pertama, sukan dalam kategori individu iaitu olahraga di mana kalau mengikut unjuran ataupun rekod yang lepas pada tahun 2002 melalui acara Olahraga kita memungut 3 emas dan ini adalah antara yang diberi keutamaan, olahraga, lumba basikal juga diberi keutamaan, tinju, taekwando, squasy, menembak, silat, karate-do, judo, keno dan tenis. Dan, antara sukan berpasukan pula adalah sepak takraw, hoki, boling padang dan jugak petanque. Dan antara sukan-sukan juga yang ada potensi dalam kategori kedua adalah acara badminton, acara angkat berat, acara gimnastik, golf, pingpong, perahu layar, renang, memanah. Kategori untuk sukan berpasukan adalah rugby, bola keranjang, bola sepak, bola tampar, bola jaring dan lumba perahu. Tetapi untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia, di antara sukan-sukan yang telah dikategorikan sebagai sukan wajib dalam pengajuran Sukan SUKMA atau Sukan Malaysia adalah, dia pelbagai ada 19 acara sukan wajib iaitu badminton, bola sepak, hoki, gimnastik, olahraga, squasy, tenpin boling, angkat berat, berbasikal, karate-do, long bowls, memanah, menembak, pelayaran ataupun optimis, pencak silat, sepak takraw, taekwando, wusyu. Sementara sukan-sukan lain juga boleh dijadikan sukan pilihan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 -

Sila senaraikan projek-projek yang diperolehi oleh EDV Landmark Sdn. Bhd. Semenjak tahun 2000 hingga 2004.

- a) *Berapakah nilai projek berkenaan?*
- b) *Apakah kerajaan berpuas hati dengan pulangan yang diterima oleh kerajaan dengan pelaksanaan projek-projek tersebut?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, antara projek-projek yang diberikan kepada EDV Landmark Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:-

1. Membangunkan tanah seluas 7.4 ekar yang telah diambil balik bagi tujuan penyusunan semula Pekan Wakaf Tapai di Daerah Marang. Projek ini pada asalnya diserahkan kepada GPQ (Gabungan Pemborong Quarry) tetapi atas arahan Pengerusi Kerajaan Tempatan dan juga Pengerusi Gabungan Pemborong Quarry sendiri ketika itu iaitu ADUN Batu Burok projek ini telah diserahkan kepada EDV Landmark Sdn. Bhd. Pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan ialah –

- i) Majlis Daerah Marang diberikan satu unit pasar yang dikatakan oleh EDV bernilai RM581,189.74. Setelah semakan dibuat, kos pasar ini tidak melebihi RM400,000.00.
- ii) Pulangan yang diperolehi oleh Majlis Daerah Marang ialah satu unit kedai dua tingkat berharga RM180,000.00 yang dinilai, kos pembinaan sebenar RM130,000.00. Manakala Gabungan Pemborong Quarry memperolehi satu unit kedai bernilai RM180,000.00 yang saya sebutkan tadi kos sebenarnya RM130,000.00 dan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM1.6 juta yang dibayar mengikut perjanjian EDV Landmarks Sdn. Bhd. memberi pulangan dalam bentuk tunai sebanyak RM1.6 juta secara berperingkat selama 30 bulan. Bulan 1 hingga bulan 29, RM53,330.00 sebulan dan bulan terakhir yang ke-30 RM53,343.00. Sehingga kini pihak EDV Landmarks Sdn. Bhd., tiga kali telah tidak menyempurnakan bayarannya iaitu melibatkan bulan Ogos, 2004, bulan September, 2004 dan juga bulan Januari 2005. Sepatutnya sehingga ke Mac, 2005 bayaran yang diterima oleh Gabungan Pemborong Quarry dalam bentuk tunai ialah RM533,330.00 tapi hanya menerima RM373,331.00 bermakna tunggakan yang tidak diselesaikan sebanyak RM159,999.00.

Yang kedua Dato' Yang Di Pertua, tanah ini diambil alih dengan harga ketika itu tahun '93 iaitu RM1.5 juta dan harga semasa tanah tersebut melebihi RM2.0 juta. Ini merupakan satu lagi penipuan yang dilakukan oleh Kerajaan terdahulu melalui syarikat konsesinya iaitu Syarikat EDV Landmarks Sdn. Bhd. sebagai syarikat sahabat.

EDV Landmarks juga telah diberikan kebenaran untuk menjalankan kerja-kerja penambunan tanah di Tok Adis Fasa 2 Kuala Ibai seluas 47.228 ekar dan membangunkan tanah tersebut sekitar 3.1 hektar dan kos penambunan tanah yang terlibat ialah RM2,780,950.00 dengan kadar RM35 per lori. Kos ini terlalu tinggi Dato' Yang

Di Pertama. Setelah saya buat semakan dan perkiraan, sepatutnya kos penambunan tanah saja melibatkan RM1,728,720.00 iaitu RM1,628,720.00 melibatkan kerja-kerja penambunan tanah sebanyak 397,133.33 ela padu dengan harga tersebut iaitu 47,392 lori dengan harga RM35.00 selori bermakna selori RM1,728,720.00 dan dicampur royalti Pejabat Tanah RM70,000.00 menjadikan jumlah RM1,728,720.00 dan kos dibayar kepada EDV yang dikira sebanyak RM2,780,950.00. Ini bermakna kerja-kerja penambunan tanah saja, EDV Landmarks Sdn. Bhd memperoleh keuntungan sebanyak RM1,052,230.00, Dato' Yang Di Pertama.

Seterusnya dari segi pengagihan pembangunan,

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertama, pohon penjelasan – Siapakah Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham EDV Landmarks Sdn. Bhd. ini?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertama, saya akan beri penjelasan selepas saya jelaskan hal projek ini dahulu, Dato' Yang Di Pertama.

Iaitu dari segi pembangunan yang dilaksanakan sebanyak 155 unit rumah teres bertingkat didirikan dan 22 unit rumah kedai dua tingkat didirikan. Pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan ialah 2 unit rumah kedai dan juga 6 unit rumah teres dua tingkat yang dinilai dengan harga: Rumah kedai dua tingkat RM180,000.00 tetapi apabila saya membuat perkiraan harganya cuma RM130,000.00. Yang kedua, rumah teres dua tingkat yang berharga RM135,000.00 6 unit tapi harga sebenarnya cuma RM100,000.00. Apabila dicampur keseluruhan projek-projek ini pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan ialah berdasarkan harga yang diberikan oleh pemaju iaitu rumah kedai dua tingkat RM360,000.00 dengan harga RM180,000.00 seunit dan rumah teres dua tingkat 6 unit bernilai RM135,000.00 dengan nilai RM810,000.00 dicampur dengan tunai yang akan dibayar setelah projek ini siap. Projek besar Dato' Yang Di Pertama, tapi wang tunainya sikit sangat, nak sebut malu tapi dalam Dewan yang mulia ini saya sebut juga Dato' Yang Di Pertama, RM15,800.00 haram le-le.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Takut angka tersalah tulis tak?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak, tak tersilap tulis dah, betul dah Dato' Yang Di Pertama. Saya kira-kira banyak dah, dengan *calculator*, tiga-empat orang berkira. Walaupun saya beranak bukan bulan Hisab, bulan Rukyah tapi betul saya rasa. Jumlahnya semua sekali, pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan RM1,185,000.00 iaitu setelah ditolak pulangan oleh Kerajaan yang tak sepatutnya katanya 15 peratus iaitu RM3,966,750.00 ditolak dengan kos tambun tanah RM2.7 juta tadi tinggal *balance* RM1,185,000.00, ini yang diberi. Dan, saya nak beritahu Dato' Yang Di Pertama, nilai tanah itu melibatkan tanah pengambilan balik, kos pengambilan balik ketika itu ialah RM8,737,415.14 dan kos ambil balik seunit ialah RM100,000.00 lebih Dato' Yang Di Pertama. Jadi bila kita kira-kira, maknanya diterima kohor murah Dato' Yang Di Pertama, ini tipu lagi ni, tipu sokmo guana Kerajaan kena tipu sokmo ni. Takut ada benda, tak tahulah Dato'

Yang Di Pertua. Saya nak sebut Dato' Yang Di Pertua, nilai tanah semasa diambil balik ialah RM185,893.00 seekar. 7.5 ekar ini adalah tanah yang diambil balik ketika itu ialah RM1,394,197.00, harga tanah semasa RM1,650,000.00. Jadi kita dapat RM1,181,000.00, Dato' Yang Di Pertua, bayangkanlah tanah saja dah rugi banyak mana, ini kecek belaka ni. Di samping itu Dato' Yang Di Pertua, saya dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak berpuas hati dengan pengagihan ini kerana ianya begitu rendah tak balik modal dengan kos ambil balik. Yang kedua, ia berlaku sebagaimana ANZ, dia sapu belaka, EDV pun begitu jugak. Yang ketiga, Dato' Yang Di Pertua, bagi Daerah Marang, Majlis Daerah Marang tidak berpuas hati dan merayu supaya diberi *corner lot* satu unit kedai tapi ditolak dan Ahli-ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Paspun tak berpuas hati dengan pulangan yang diperolehi oleh Majlis Daerah Marang. Dari segi Lembaga Pengarah Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan tadi, saya tengok 'pelik bin ajaib' tetapi benar, tidak ada yang tidak benar Dato' Yang Di Pertua melainkan benar belaka mengikut Akta Keterangan 1960 iaitu semasa kertas kerja diangkat kepada Kerajaan Negeri untuk projek penswastan ini awal-awal lagi dah dalam kertas ini ditulis Syarikat EDV Landmarks Sdn. Bhd ditubuhkan khusus untuk mengendalikan projek ini jika diluluskan oleh itu bilamana projek ini diluluskan, syarikat akan menjalani penstrukturan semula seperti cadangan berikut. Dato' Yang Di Pertua, mula-mula modal dibenarkan RM1.0 juta, modal berbayar RM675,000.00 ini memenuhi syarat yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu. Kerajaan Negeri pada tahun 1997 telah menetapkan mana-mana pemaju swasta yang ingin memajukan tanah-tanah Kerajaan hendaklah mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM500,000.00, okey memenuhi syarat. Ahli Lembaga Pengarah ketika itu ialah Ali bin Khatib Mohamad @ Abas bin Haji Muhamad, Rozita binti Muhamad @ Zakaria, Chua Kin Chee @ Chua Eng Se, Chua @ Chu Hin Chin tetapi bila diluluskan syarikat ini distrukturkan semula sebagaimana kertas ini Dato' Yang Di Pertua, nama syarikat EDV Landmarks Sdn. Bhd. masih lagi syarikat yang sama, no. syarikat 542314H, tarikh penubuhan 20 Mac 2001, alamat daftar telah berubah dulu 120 F, Tingkat 1, Jalan Sultan Ismail, sekarang masih di tempat yang sama tapi modal dibenarkan hanya RM100,000.00. Modal diterbitkan RM100,000.00 daripada RM675,000.00 tinggal RM100,000.00 Dato' Yang Di Pertua, ini kecek belaka, ngelak semacam. Lembaga Pengarah pula berubah, pertama, Rozita binti Muhamad @ Zakaria, kedua, Chua @ Chu Hin Chin, ketiga Chua Kin Chee @ Chua Eng Se. Pemegang saham ialah Rozita binti Muhamad @ Zakaria, Chua @ Chu Hin Chin, yang ketiga Chua Kin Chee @ Chua Eng Se tetapi maklumat terakhir yang kita peroleh Dato' Yang Di Pertua, kita bawa *search* minta maaf Dato' Yang Di Pertua dengan izin pada petang kelmarin. Nama syarikat EDV Landmarks Sdn. Bhd., nombor syarikat masih lagi sama, tarikh daftar penubuhan 20 Mac 2001, bertaraf sendiri berhad dengan saham, alamat telah bertukar Room A1107 M, 2nd Floor, Jalan Pejabat, Kuala Terengganu, poskod 20200 dan alamat perniagaan 75-D, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, poskod 20200, jenis perniagaan *housing contractors and developers*. Sekarang kita tengok Ahli Lembaga Pengarahnya telah bertambah dan berubah:-

- (1) Chua @ Chu Hin Chin,
Lot 1648, Taman Sri Chendering,
21080 Kuala Terengganu, Terengganu
No. K/P. 401009-11-5101
Pengarah - Tarikh lantikan 28 Mac 2001

- (2) Chua Eng Se @ Chua Kin Chee
No. 116, Tingkat 2,
Jalan Pejabat,
20200 Kuala Terengganu
No. K/P. 480613-11-5019
Pengarah – Tarikh lantikan 26 Mac 2001
- (3) Wee Chai Leng
29 A, Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
No. K/P. 610712-11-5366
Pengarah – Tarikh lantikan 23 Februari 2004
- (4) Dato' Muhamad Zamri bin Dato' Yusof
1525 L, 1521 Taman Kelana Setia
Off Jalan Ibrahim Bukit Besar
21100 Kuala Terengganu
No. K/P. 630930-11-5075
Pengarah – Tarikh lantikan 8 April 2004
- (5) Poh Chin See @ Poh Chin Chu
Lot 1648, Taman Sri Desa
Bukit Chendering
21080 Kuala Terengganu
No. K/P. 470207-11-5080
Pengarah – Tarikh lantikan 9 Disember 2004
- (6) Yee Yeat Lim
1107-3/8 Pangsapuri Permai
Jalan Pejabat
20200 Kuala Terengganu
No. K/P. 571013-11-5034
Pengarah – Tarikh lantikan 9 Disember 2004

Syarikat ini ditubuhkan hanyalah kerana untuk menjalankan projek ini semata-mata sebab itulah Dato' yang Di Pertua, tidak ada Laporan Kewangan dan tidak ada Laporan Audit bagi syarikat ini sebagai dinyatakan dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan – Darpada yang ramai-ramai tadi yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan tadi yang mana satu sahabat dan sahabat kepada siapa sebagaimana yang dimaksudkan syarikat sahabat tadi?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, macam ANZ jugaklah sebab itu saya sebut tadi, 'dua kali lima sepuluh, lima kali dua sepuluh', dok gitu weh, 'sudah terang lagi bersuluh', Dato' Yang Di Pertua. Sebab Pengerusi Kerajaan Tempatan – ADUN Batu Burok, Pengerusi GPQ – ADUN Batu Burok, Syarikat EDV banyak

projek untuk Batu Burok, jadi buruk belakalah Dato' Yang Di Pertua.(Tepukan Sokongan) Sebab itu EDV Landmarks Sdn. Bhd. *Balance Sheet* tiada laporan kewangan, lepas EDV Landmarks Sdn. Bhd. tiada Akaun Untung dan Rugi, tiada laporan kerana inilah satu-satunya projek yang pertama diperolehi oleh EDV Landmarks Sdn. Bhd. ditubuhkan syarikat ini semata-mata nak ambil tanah Kerajaan untuk dimaju, tipu belaka Dato' Yang Di Pertua. Inilah orang Pas bercakap Islam sedap, nak buat baik, nak buat apa tetapi lambat alpa – gomol. Macam hak tadi jugaklah 'kuman di seberang lautan nampak, gajah di bibir tidak nampak'. Dia sebutlah kita hak kena tangkap tu, hak jadi Penguatkuasa, hak JSR 4 Thanawi, berlaga ayam tidak sebut, hak kerabat rumah orang tak sebut inilah yang pelik ni. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya meminta izin, memohon izin dan mencadangkan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya dah lebih masa. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tangguhkan sementara Dewan ini

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ini bukan soalan, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: dan disambung semula pada pukul 11.30 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.05 PAGI.

PUKUL 11.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**USUL MENJUNJUNG KASIH**

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Bagi Dewan Undangan Negeri Kesebelas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya."

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sebelum saya buka untuk perbahasan, saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Perbahasan Titah Di Raja ini, mungkin ramai Yang Berhormat ingin untuk mengambil bahagian jadi saya terpaksa menghadkan masa kepada setiap Yang Berhormat yang akan membuat ucapan berdasarkan Fasal 46(17) saya hadkan masa selama 15 minit sahaja. Jadi sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya sidang warga Dewan yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua di atas peluang dan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk memulakan perbahasan bagi mengatakan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Titah Di Raja bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua

Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas yang berlangsung semalam. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebelum itu pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan juga Dato' Yang Di Pertua Dewan kerana di atas inisiatif yang telahpun diambil bagi menjadikan Dewan persidangan kita ini lebih ceria. Sebagaimana yang kita sedia maklum, persidangan kita yang lepas kita tidak bertemu dengan teknologi yang canggih yang ada di dalam Dewan ini. Antaranya ialah penggunaan sistem pembesar suara yang canggih yang berupa seperti *communicator* yang dipakai sekarang yang mempunyai sistem pengundian secara *on-line*, *intercom* dan pada masa yang sama kita juga dipaparkan dengan layar putih atau skrin yang besar di hadapan setidak-tidaknya seluruh Ahli Yang Berhormat akan lebih bersemangat untuk berbahas dengan lebih cekap dan mantap. Dan, pada masa yang sama memberikan peringatan kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita lebih bersedia di dalam Dewan supaya telatah kita tidak dilihat oleh orang lain seperti contohnya kita tidur. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan. Pada zaman Pas takdok hak ni.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh pimpinan Kerajaan, pimpinan parti Barisan Nasional kerana ketika kita bersidang pada hari ini, kita sudah melalui sudah setahun menabur bakti kejayaan yang cukup cemerlang dan gemilang kita capai dalam setahun kita menabur bakti. Setahun kita menabur bakti lebih hebat daripada empat tahun Pas memerintah Negeri Terengganu (Tepukan Sokongan) Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, semalam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku melalui titah baginda dengan jelas memberikan suatu teladan yang cukup tinggi kepada kita apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyahut seruan Kerajaan melalui Kempen Budi Bahasa. Ini dapat dilihat apabila baginda mengucapkan tidak kurang dua kali ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi di atas kecaknaan Perdana Menteri terhadap Terengganu dan rakyat keseluruhannya. Kalau kita meneliti Titah Ucapan sebagai contohnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dengan izin saya mohon untuk membacanya sebagai contohnya di muka surat yang keempat perenggan yang di bawah - 'Beta mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau terhadap permintaan rakyat negeri ini khususnya berkaitan dengan pengisytiharan Universiti Penuh bagi Negeri Terengganu.' Begitu juga di muka surat 9, Duli Yang Maha Mulia turut menyatakan - 'Beta mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi perhatian berat bagi memajukan sektor perikanan di negeri ini dengan merasmikan Projek Akuakultur Marin di kawasan Laguna Setiu pada tahun lepas.' Kenyataan ini jelas menampakkan bahawa Duli Yang Maha Mulia cuba memberikan gambaran kepada seluruh rakyat betapa pentingnya kita berbudi dalam erti kata 'Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa', 'Yang lorek itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa'. Hal ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jarang berlaku kepada pemimpin-pemimpin dan pengikut-pengikut parti Pembangkang. Mereka tidak pandai mengucapkan terima kasih bahkan kalau pandaipun mereka sengaja tidak mahu mengucapkan terima kasih kerana semata-mata wujudnya perbezaan politik dengan parti Kerajaan. Inilah sikap pemimpin Pembangkang, sebaliknya mereka lebih suka mencanangkan kesilapan-kesilapan Kerajaan dan sengaja mencari-cari jalan untuk meracuni pemikiran rakyat. Sebagai

contohnya, apabila kita menaikkan poster, kita menaikkan kain rentang yang mengatakan 'Tahniah dan Hadiah istimewa untuk rakyat Terengganu' dengan pembinaan Muasassah Gadaian Islamnya, dengan Rancangan Pembinaan Lebuh Raya Pantai Timurnya, Pembesaran Lapangan Terbangnya tetapi Pas ataupun parti Pembangkang juga menaikkan poster dan kain rentangnya dengan juga menyebutkan 'Hadiah istimewa untuk rakyat Terengganu Cukai Pintu', betul ke tak Yang Berhormat Kijal? Inilah sebenarnya yang ditunjukkan oleh parti Pembangkang, tidak mahu mengucapkan terima kasih, mengajar rakyat untuk tidak berterima kasih sedangkan ini merupakan suatu nilai-nilai murni yang patut diamalkan oleh seluruh rakyat Negeri Terengganu, kita Kerajaan adalah Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang sentiasa mendidik rakyat untuk menjadi seorang yang mulia dari segi akhlakunya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Duli Yang Maha Mulia Tuanku antara lain telah menyentuh tentang 11 aspek yang utama yang suka saya senaraikan di sini sebagaimana berikut:-

1. Pengiktirafan Islam Hadhari.
2. Kebersihan dan keindahan.
3. Pendidikan.
4. Guna tenaga kerja.
5. Pertumbuhan ekonomi.
6. Kemudahan pra-sarana.
7. Isu kemiskinan.
8. Isu alam sekitar.
9. Pemeliharaan penyu dan hutan.
10. Sukan dan rekreasi dan;
11. Melibatkan hal-hal pentadbiran awam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, izinkan untuk saya menyentuh beberapa aspek yang telahpun diberikan penekanan oleh Duli Yang Mulia Tuanku Al-Sultan. Yang pertamanya, berkaitan dengan pengiktirafan terhadap wawasan Islam Hadhari Terengganu Bestari. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dalam seingat saya dalam Pembukaan Penggal Persidangan Kali Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Kali Yang Kesebelas tahun lalu, menyebutkan di dalam titah baginda tentang hasrat Kerajaan melalui slogan Islam Hadhari. Tetapi di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk persidangan kali ini dengan jelas menyebutkan tentang pengiktirafan Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang Islam Hadhari Terengganu Bestari, yang menjadi wawasan utama kepada pentadbiran Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Izinkan saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, merujuk kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku khususnya di muka surat 3 perenggan yang kedua, izinkan saya menyebutkannya - 'Beta gembira mendapati agenda pembangunan negeri yang berteraskan kepada Islam Hadhari Terengganu Bestari sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Ini menggambarkan pengiktirafan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap wawasan yang dibawa oleh Kerajaan pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, oleh yang demikian sebarang bentuk ataupun unsur-unsur mana-mana pihak yang cuba menolak ataupun mempermain-mainkan agenda

Islam Hadhari yang kita bawa ini tidak ubah seumpama tidak menghormati ataupun mempermain-mainkan pengiktirafan yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap gagasan yang kita bawa ini. Justeru itu, kita harus menentang orang-orang yang cuba untuk mempermainkan pengiktirafan yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia ini sendiri. Justeru itu, kita suka menyebutkan di sini tidak perlu lagi kita cuba untuk mengelirukan masyarakat oleh setengah-setengah pihak khususnya parti Pembangkang dengan menyebutkan Hadharah Islamiah. Kita menerima konsep Hadharah Islamiah kerana ia merupakan suatu paparan kisah-kisah lalu, kejayaan dan kecemerlangan umat Islam di masa yang lalu di bawah pimpinan Rasulullah S.A.W. dan di bawah oleh para sahabat serta tabi'inya. Tetapi itu adalah merupakan kejayaan dan kisah kecemerlangan umat Islam di masa yang lalu. Untuk cemerlang pada hari ini, untuk cemerlang pada hari esok, untuk cemerlang pada hari-hari depan kita memerlukan kepada gagasan yang kita bina sendiri iaitu Islam Hadhari itu sendiri bagi melahirkan suatu tamadun yang baru, Islam di dunia pada masa akan datang. Justeru itu adalah suatu perkara yang cukup penting pengiktirafan tersebut diberikan.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia juga ada menyebutkan tentang soal kebersihan dan keindahan. Saya amat menyokong di atas seruan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya pihak Kerajaan dapat menganjurkan Hari Kebersihan Tahunan dengan turut memberikan penekanan, penglibatan kepada rakyat kita khususnya di peringkat bawah, di peringkat kanak-kanak supaya mereka lebih faham, lebih menghayati tentang pentingnya kebersihan itu sendiri, pentingnya menjaga keindahan. Oleh itu, saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan mengambil seruan ini untuk dilaksanakan sebagai program tahunan Kerajaan Negeri. Justeru itu, saya juga ingin menyentuh bahawa usaha-usaha penjagaan kebersihan perlu diambil tindakan yang lebih serius khususnya di bandar Kuala Terengganu sebagaimana yang diberikan penekanan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Justeru itu, saya mencadangkan agar Kerajaan perlu mengadakan zon penguatkuasaan terhadap kebersihan dan keindahan di mana mereka yang melakukan kekotoran sebagai contohnya membuang sampah di merata-rata di sekitar zon-zon yang kita tetapkan di bandar Kuala Terengganu ini boleh dikenakan tindakan undang-undang dalam maksud dikeluarkan saman. Justeru itu, saya mencadangkan supaya permulaan Jambatan Kuala Ibai sehingga ke Kuala Terengganu sampai ke Simpang Empat Cabang Tiga dan juga seterusnya sampai ke Jambatan Sultan Mahmud perlu diwujudkan zon penguatkuasaan undang-undang oleh Pihakberkuasa Tempatan bagi memberikan latihan dan peringatan kepada rakyat supaya dapat menjaga kebersihan mudah-mudahan bandar Kuala Terengganu kita menjadi bandar yang lebih bersih dan ceria. Juga pada masa yang sama saya juga mohon mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera bagi mengisytiharkan bandar Kuala Terengganu sebagai Bandar Warisan Pesisir yang bersih dan indah kerana kita sedia maklum kemunculan Kuala Terengganu sebagai pelabuhan yang utama di suatu ketika dahulu yang digambarkan oleh Petolmi dalam karyanya bahawa Pantai Primula yang disebutkan sebagai bandar Kuala Terengganu itu sendiri adalah merupakan pantai yang cukup bersih yang cukup indah. Justeru itu, wajar bandar Kuala Terengganu diisytiharkan sebagai Bandar Warisan Pesisir lebih-lebih lagi dengan cadangan pihak Kerajaan Pusat untuk mewujudkan Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man di masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, demikian juga saya ingin menyentuh tentang soal isu alam sekitar yang telahpun disebutkan di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya amat tertarik apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah berkenaan dengan kebimbangan baginda terhadap isu kemusnahan alam sekitar dan juga sumber asli. Dalam hal ini, khususnya di DUN saya DUN Tepoh, saya selaku Wakil Rakyat Kawasan Tepoh dan seluruh penduduk persekitaran Sungai Ikan yang dijadikan tempat sebagai tempat pembuangan sampah apabila dialihkan daripada Bukit Kor, Marang maka Sungai Ikan, Tepoh yang menjadi tempatnya. Saya dengan ini memohon supaya pihak Kerajaan, mengkaji balik tentang penentuan ataupun pemilihan kawasan tersebut kerana kawasan tersebut adalah merupakan kawasan yang cukup baik dari segi kedudukannya untuk tujuan-tujuan pembangunan yang lain di samping ia merupakan kawasan yang agak lembab, di samping ia merupakan terdedah dengan sungai yang menjadi antara punca pendapatan kepada rakyat sekitar. Di samping sungai tersebut merupakan sungai yang menjadi punca air kepada pihak SATU yang menyalurkan air bersih ke sekitar kawasan-kawasan yang terlibat. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya pihak Kerajaan mengambil perhatian terhadap cadangan penduduk Sungai Ikan yang mencadangkan supaya tempat baru yang pernah ditunjukkan dalam lawatan yang dilakukan pada tarikh 20.3.2005 yang lalu iaitu bersebelahan dengan tempat yang diwujudkan sekarang supaya tempat tersebut dijadikan pusat pelupusan sampah. Ertinya DUN Tepoh akan menerima tempat tersebut, DUN Tepoh tidak mahu mengesyorkan tempat di DUN lain, kita sedia menerima tetapi kita mohon dibuat pertukaran tempatnya. Wakil Rakyat dia berjuang untuk rakyatnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, demikian juga saya mohon untuk membahaskan di sini melibatkan tentang soal pendidikan sebagaimana yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah baginda. Kesungguhan pihak Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap sektor pendidikan lebih terserlah apabila kita telahpun dihadiahkan dengan pengisytiharan sebuah Universiti Penuh iaitu Universiti Darul Iman. Tahniah untuk Perdana Menteri, tahniah untuk Menteri Besar dan tahniah untuk seluruh rakyat Terengganu. Inilah sejarah baru yang wujud dalam perjuangan bangsa, inilah sejarah baru yang wujud di atas perjuangan rakyat Terengganu. Ia bukan suatu yang mudah untuk diperolehi, sebuah universiti adalah merupakan rebutan kepada seluruh negeri-negeri yang lain. Justeru itu, marilah kita menyambut baik saranan ataupun perisytiharan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini supaya dengan keadaan yang demikian kita menjadi orang yang sentiasa berterima kasih di atas kemajuan dan nikmat yang kita perolehi. Sebagaimana yang disebutkan oleh Allah S.W.T. di dalam firmanNya (baca Surah Ibrahim - ayat 7) yang bermaksud - 'Dan ingatlah kepada suatu peringatan daripada Tuhan kamu akan sekiranya kamu bersyukur di atas nikmat-nikmat yang Aku kurniakan kepada kamu nescaya akan Ku tambahkan nikmat tersebut. Tetapi ingat, akan sekiranya kamu kufur di atas nikmat tersebut nescaya azabKu adalah amat pedih.' Justeru itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dengan itu saya mencadangkan adalah wajar pihak Kerajaan Negeri dapat mengambil kesempatan yang sebegini rupa bagi mewujudkan satu zon ataupun satu bandar, kawasan Bandar Ilmu, Pusat/Bandar Akademik di Negeri Terengganu. Saya tidak dapat melihat tempat-tempat lain yang boleh disifatkan sebagai Bandar Akademik, Bandar Ilmu di Negeri Terengganu kecuali tempatnya ialah Parlimen Kuala Nerus. Justeru itu, Parlimen Kuala Nerus adalah tempat yang sewajarnya wujudnya tapak Universiti Induk di Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, akhirnya bagi menjimatkan masa saya mohon untuk menyentuh tentang soal apa yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan soal pemuliharaan penyu yang semakin lama semakin pupus. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya masih ingat suatu ketika dahulu Malaysia dan khususnya Rantau Abang adalah merupakan salah satu tempat daripada tujuh tempat terbaik di dunia yang menjadi tempat utama pendaratan penyu khususnya Penyu Belimbing dan juga penyu-penyu yang lain, Penyu Agar, Penyu Karah dan juga Penyu Lipas. Rantau Abang dulunya maju dengan industri pelancongan tetapi kini industri tersebut semakin kurang kerana pendaratan penyu yang semakin kurang yang diakibatkan oleh sebab-sebabnya kawasan persekitaran yang tidak sesuai untuk pendaratan penyu. Kadar kematian anak penyu yang tinggi ekoran penggunaan pukuk-pukuk besar, kegiatan manusia yang memusnahkan spesis penyu itu sendiri. Dan, sebab yang tidak boleh dielakkan juga kerana tabiat kita manusia suka makan telur penyu. Statistik pendaratan penyu daripada tahun 1998 hingga 2003, jelas menunjukkan pendaratan penyu semakin lama, semakin berkurangan. Lebih-lebih lagi dalam tempoh empat tahun lepas, bulan tak cerah jadi susah sikit penyu nak mendarat kadang-kadang bulan tu tak berapa comel, kelabu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, begitu jugak statistik bilangan pelawat yang melawat Pusat Penerangan Penyu di Rantau Abang juga semakin berkurangan. Kalau sebagai contohnya, saya mengambil di sini, tahun 1998 pelawat daripada luar negara sekitar 10,187 orang tetapi tahun 2003 turun kepada 6,672 orang. Dalam negara sendiri 1998 – 21,289 orang telah turun kepada 2,479 orang. Ini menggambarkan bahawa suatu tindakan perlu diambil dengan segera bagi maksud mengembalikan tradisi Negeri Terengganu, 'Negeri Penyu Bertelur', 'Negeri Penyu Mendarat' supaya kita mempunyai identiti kita sendiri. Justeru itu, adalah dicadangkan supaya sistem yang pertamanya, Sistem Pajak Kawasan Telur Penyu perlu dihapuskan kerana pada hari ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita melihat kawasan-kawasan pendaratan penyu dan proses peneluran penyu sebahagian besarnya hampir separuh daripada kawasan-kawasan ada dipajakkan dan selebihnya adalah kawasan yang tidak dipajakkan yang diberikan terus kepada Jabatan Perikanan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Laluan Yang Berhormat – Yang Berhormat nampak berucap pusing-paring nak buat balik Tepoh belaka, penyu ini nak buat balik ke Tepoh jugak? (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Kita nak sokong dulu hak Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Sebab kita minat jugak jenis penyu ni, ada empat orang hak tak minat penyu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang kedua saya juga mencadangkan supaya perlunya ada dalam erti kata penerangan untuk diberikan kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan spesis tersebut supaya penyu-penyu tersebut tidak pupus dan tidak mudah untuk dimusnahkan dengan begitu saja oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu, perlu juga Kerajaan menambahkan Pegawai Penguatkuasa serta mewartakan pegawai yang dilantik di

bawah Seksyen 3 Enakmen Penyusutan 1951 Pindaan 1987. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berdasarkan perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi saya mohon agar pihak Kerajaan mengambil serius, mengambil cakna terhadap perkara-perkara yang telahpun disebutkan sebentar tadi. Mudah-mudahan negeri kita, Negeri Terengganu Darul Iman tetap berada dalam suasana yang harmoni, negeri kita tetap berada dalam suasana yang aman, negeri kita akan menjadi contoh teladan kepada negeri-negeri yang lain dan ingatlah kepada fiman Allah S.W.T. di dalam - (baca Suraatul Hud - ayat 117) yang bermaksud - 'Dan tidaklah Tuhan kamu yakni Allah berkehendakkan kepada memusnahkan sesuatu kampung dan seluruh penduduk kampung sesuatu penduduk tempat tersebut dalam keadaan yang tidak betul yakni zalim sedangkan mereka yakni ahlinya berada dalam keadaan yang baik dan melakukan kebaikan.' Insyaa-Allah Terengganu Darul Iman di bawah pemerintah Kerajaan Barisan Nasional yang ada, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan pimpinan barisan Exco dan penjawat-penjawat awam yang sentiasa berusaha untuk memajukan Terengganu. Kita cukup yakin selepas ini Terengganu adalah merupakan sebuah negeri yang bestari, yang hebat, yang boleh dijadikan contoh kepada negeri-negeri lain. Marilah sama-sama kita mendoakan kepada Allah S.W.T. semoga orang-orang yang sentiasa mencari jalan untuk merosakkan, menyelewengkan dan memesongkan hasrat murni kita ini dibukakan pintu hidayah, diberikan taufik oleh Allah S.W.T. untuk turut bersama-sama membangunkan negeri kita ini. Tak payahlah kita nak berlawan, sekarang kita sudahpun mempunyai kekuatan untuk menentukan pembangunan dan kemajuan negeri kita sendiri. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon menyokong Usul tersebut. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrahil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas semalam. Sempena dengan Perasmian tersebut marilah kita semua Ahli-ahli Dewan berikrar serta merafak sembah taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan bagi membangunkan Negeri Terengganu bersama-sama dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang kita kasihi. Sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya memimpin Kerajaan Negeri Terengganu dengan penuh perancangan kerja yang teratur dan tersusun dan kini telah satu tahun memerintah pembangunan demi pembangunan sedang rancak berjalan sepertimana yang telah dirancangan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ketua-ketua Jabatan serta anggota kerja keseluruhannya yang selama ini sama-sama memainkan peranan bagi melaksanakan perancangan pembangunan di Negeri Terengganu Darul Iman.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, menekankan supaya kawasan persekitaran di negeri ini dijaga kebersihannya. Di dalam hal ini keadaan kebersihan di seluruh negeri telah bertambah baik iaitu jauh lebih baik jika dibandingkan dengan tahap kebersihan dalam tempoh lima tahun dahulu iaitu di zaman pemerintahan Pas. Usaha-usaha seterusnya perlu ditingkatkan dengan melibatkan semua lapisan masyarakat dan semua Jabatan Kerajaan dengan perubahan sikap perlu ditanam dengan lebih mendalam lagi di kalangan masyarakat supaya perasaan sayang dan cintakan kebersihan dijadikan budaya hidup Islam yang mementingkan soal-soal disiplin dan kebersihan menjadi amalan kita. Selain dari itu, di kawasan bandar, pekan dan kampung-kampung, masjid-masjid dan surau-sarau serta tempat-tempat peranginan, perhentian hendaklah sentiasa dikawal selia dan diberikan kemudahan-kemudahan alatan supaya tahap kebersihan di persekitaran tersebut dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

Begitu juga dalam kecaknaan masalah-masalah kehidupan keluarga miskin. Selain dari bantuan-bantuan membina rumah dan membaiki-membaiki rumah, usaha-usaha lain hendaklah diperhebatkan lagi bagi menambahkan pendapatan golongan ini iaitu dengan cara lebih bersungguh-sungguh. Di mana pendedahan mereka melalui bidang pertanian terutamanya di kawasan luar bandar, alatan-alatan pertanian moden hendaklah diberikan serta kaedah-kaedah baru pemasaran hasil diberikan pendedahan bagi meningkatkan hasil-hasil tani. Peluang-peluang menjadi peserta melalui Skim Felcra dibukakan dengan seluas-luasnya kepada golongan ini. Pilih bulu ataupun kroni yang diamalkan oleh Kerajaan dahulu dihapuskan sama sekali.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soal 'budaya lepak', masalah sosial lain seperti dadah dan perlumbaan haram di kalangan muda-mudi hendaklah diberikan perhatian serius dengan melengkapkan dan mewujudkan tempat-tempat sukan permainan bagi membina rakyat yang cergas sihat dan harmoni. Padang-padang bola perlu diperbaiki yang sudah lama ditinggalkan tanpa sebarang senggaraan. Persatuan-persatuan Belia dihidupkan semula manakala kawasan-kawasan baru ditubuhkan. Jawatankuasa-jawatankuasa Pemadam di setiap daerah di Negeri Terengganu dibangunkan semula dengan peruntukan-peruntukan yang mencukupi bagi memudahkan perancangan aktiviti-aktiviti di dalam Kempen Penyalahgunaan Dadah dan masalah-masalah sosial yang lain. Penglibatan Rukun Tetangga bersama dengan JKKK bukannya JSR hendaklah memainkan peranan dengan membasmi aktiviti-aktiviti negatif ini sama ada di peringkat kampung dan bandar agar masalah-masalah tersebut akan dapat dikurangkan. Selain dari itu, pelaksanaan Program Tabika Cemerlang adalah langkah bijak Kerajaan Negeri bagi menanam nilai-nilai kecemerlangan dan tahap pra-persekolahan. Bagi menjayakan usaha yang baik ini, balai-balai raya yang rosak dan dibaikan semasa pemerintahan Pas diubahsuai dan dibaiki segera supaya anak-anak kita yang dihalau oleh Pas dahulu dapat kembali semula ke kelas dan seterusnya melahirkan Tabika Cemerlang. Baru-baru ini pada 8 dan 9 April iaitu hari Jumaat dan Sabtu, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan Program *Sure* Kerja di Sekolah Menengah Agama Marang, Terengganu. Program ini sungguh baik dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Ramai di antara siswazah-siswazah kita yang masih menganggur dan juga mereka yang terdiri daripada lapisan SPM dan sebagainya berpeluang mendapatkan sebarang pekerjaan melalui konsep Temuduga Terbuka di mana melibatkan berbagai-bagai jabatan dan syarikat yang ada di dalam negara kita Malaysia. Usaha dari Kerajaan kita Terengganu ini

telah mendapat perhatian dan pujian dari pelbagai lapisan masyarakat yang mana sebelum ini belum pernah wujud peluang sebegini rupa apatah lagi di zaman kegelapan pemerintahan Pas di Negeri Terengganu di masa-masa dulu. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Terengganu kini sangat menitik beratkan soal-soal pengangguran yang sudah lama dibiarkan tanpa sebarang usaha yang telah dibuat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, melalui agenda Kepimpinan Hadhari Terengganu Bestari, saya amat yakin segala pembangunan negeri akan terus dilaksanakan dengan teratur dan tersusun. Dasar-dasar dan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan sudah tentunya bagi memenuhi dan cita rasa kehendak rakyat. Pujian dari Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi gambaran jelas bahawa kerjasama yang erat telah wujud di Negeri Terengganu Darul Iman di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana masa yang tidak begitu mengizinkan, saya akan memendekkan ucapan saya pada pagi ini. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan mendoakan kepada Allah S.W.T. supaya perbincangan kita selama tiga hari ini mendapat hidayah dan keberkatan dari Allah. Dengan secara rela sukahatinya saya juga mohon menyokong. Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaalahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Paka.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Bismillahirrahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang turut hadir dalam Dewan yang mulia ini.

Saya memanjatkan kesyukuran saya terhadap Allah S.W.T. dan ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk turut serta membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sewaktu merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas semalam. Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, pelbagai perkara telahpun disentuh. Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan harapan yang begitu tinggi untuk melihat Terengganu menjadi Negeri Bestari melalui pendekatan Islam Hadhari. Semoga dengan ruang yang terbatas ini memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan pesanan orang kampung kepada saya supaya disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ditakdirkan mewakili DUN Paka, di DUN Paka terdiri dari pelbagai golongan masyarakat. Ada golongan peneroka, ada golongan elit yang terdiri dari Pegawai-pegawai Petronas dan jugak TNB, ada juga golongan buruh kasar dan juga ada golongan nelayan. Bagi golongan peneroka, walaupun pendapatan mereka masih lagi kecil, dengan adanya Felda yang menjadi seumpama bapa kepada peneroka, mereka terus mendapat pembelaan. Apatah lagi semenjak mutakhir ini, selepas Felda disusun semula di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Yusof Noor berbagai program yang disalurkan untuk membantu mereka. Felda

menyediakan berbagai-bagai program untuk kemudahan masyarakat peneroka. Felda ada menyediakan pinjaman untuk membeli komputer, Felda ada jugak menyediakan pinjaman untuk pembesaran rumah, Felda ada juga menyediakan Skim Pinjaman Pembelian Saham untuk koperasi mereka. Felda jugak ada menyumbang Bantuan Hari Raya kepada peneroka. Felda jugak ada menyumbang untuk membaiki rumah yang lebih hebat daripada kita. Felda jugak ada menyediakan sumbangan untuk anak-anak peneroka yang mempunyai peluang dan mendapat tawaran ke IPTA ataupun IPTS. Skim Tuisyen Felda baru dilancarkan, Felda jugak menyediakan peruntukan yang besar untuk melatih generasi kedua Felda di dalam Skim MLVK. Mereka ada pembela sebab itulah mereka menjadi penyokong kuat kepada Kerajaan yang ada hari ini. Dan, kita pohon di samping meneruskan program yang ada kalau perlu ditambah, tambahlah lagi sebab di sanalah terhimpun bangsa Melayu dan di sanalah terhimpun umat Islam.

Dato' Yang Di Pertua, Terengganu negeri yang bertuah. Pada awal tahun 1940an, bijih besi ditemui di Bukit Besi. Inilah hasil mahsul utama di Negeri Terengganu. Dengan menjadi Dungun menjadi daerah yang paling maju di Negeri Terengganu pada ketika itu. Sebahagian besar anak Negeri Terengganu tertumpu di Dungun untuk bekerja di Bukit Besi. Dungun mempunyai sebuah pelabuhan yang hebat pada ketika itu namun bijih besi yang dilombong akhirnya ketandusan. Lombong terpaksa ditutup pada tahun 1970 dan rakyat hilang punca pencarian. Namun oleh kerana Negeri Terengganu negeri bertuah, Allah S.W.T. menganugerahkan minyak dan gas Pesisir Pantai Negeri Terengganu berhadapan dengan Dungun. Maka bertukar wajahlah dari Paka ke Kerteh, Ladang Kelapa sepanjang pantai yang tak memberi hasil lagi kepada tuannya bertukar menjadi Taman Industri Minyak. Lembah yang berair ditimbus menjadi Taman Gas dan Taman Petrokimia, memberi peluang kepada ribuan manusia untuk mencari rezeki tak ketinggalan anak-anak muda dari Paka mendapat peluang bekerja sebagai buruh dan kontrak. Begitu juga dengan tuan-tuan tanah yang terbiar, dibangunkan dengan projek-projek perumahan demi untuk memenuhi permintaan kediaman dan juga permintaan tempat berniaga. Semuanya tersenyum puas, kita ucapkan ribuan terima kasih kepada Petronas yang telah mengubah suasana mundur kepada maju di kawasan Paka dan Kerteh. Namun di celah-celah kemajuan yang dicipta ini, masih ada segelintir masyarakat yang memerlukan perhatian kita, mereka adalah masyarakat Nelayan Tradisional yang mempunyai pendapatan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Kalau dulu mereka bebas menangkap ikan di pesisir pantai antara Paka dan Kerteh tanpa ada sekatan 'zon keselamatan' untuk mereka. Tetapi kini kawasan tradisional penangkapan ikan sudah menjadi terhad dan hasil penangkapan sudah berkurangan. Oleh itu, saya memohon di dalam Dewan yang mulia ini, kalau peneroka mempunyai Felda sebagai pembela kepada mereka, saya berharap agar sudilah Petronas menjadi payung kepada nelayan untuk melahirkan generasi kedua nelayan yang lebih profesional di dalam segala bidang yang berkaitan dengan laut. Maka saya berharap Petronas dengan kerjasama Jabatan Perikanan mewujudkan kursus kepada generasi kedua nelayan ini sama ada untuk melahirkan pengusaha ternakan ikan marin ataupun melahirkan tenaga nelayan laut dalam. Negara kita boleh dikatakan 95 peratus bersempadankan laut, industri perikanan mempunyai potensi yang amat besar kalau dimanfaatkan bersama teknologi moden. Di peringkat kementerian lebih daripada 800 Lesen Laut Dalam telah dikeluarkan. Namun sebahagian besar tenaganya terdiri daripada orang-orang Siam, juga terdapat lesen Malaysia tetapi botnya Siam, pekerja Siam, hasil tangkapan dibawa ke Siam. Akhirnya Malaysia terpaksa mengimport ikan dari Siam. Saya

jugak merayu kepada Petronas demi untuk meringankan sedikit bebanan kepada masyarakat nelayan apalah salah kiranya sedikit bantuan dalam bentuk tahunan disalurkan kepada persatuan mereka untuk diagihkan kepada ahli-ahli nelayan. Selain dari itu, di Petronas juga terdapat peluang perniagaan yang besar dan peluang pekerjaan yang banyak. Namun saya dibisik oleh rakan-rakan kebelakangan ini, peluang ini dimonopoli oleh orang-orang yang bukan datangnya dari Negeri Terengganu. Saya tidak tahu di manakah kelemahannya. Apakah orang Terengganu tidak cukup kemahiran atau tidak tahu merebut peluang khususnya dalam kerja-kerja *shut down* yang tidak kecil perbelanjaan melibatkan kerja-kerja ini. Apabila kontraktor luar yang ditawarkan maka pengambilan tenaga kerja tempatan agak berkurangan. Kalau benar perkara ini berlaku, carilah jalan yang terbaik bagi mengimbangi semula peluang-peluang perniagaan dan jugak peluang-peluang pekerjaan kepada anak Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, baru-baru ini saya terbaca di akhbar mengenai Dewan Bedah yang tak cukup. Baru-baru ini ada pesakit yang terpaksa menunggu giliran sehingga lapan bulan untuk membuat pembedahan. Dan, kebetulan pulak baru-baru ini saya didatangi oleh seorang nelayan ke pejabat saya memohon bantuan daripada saya. Oleh kerana isterinya mendapat penyakit *thyroid* dan terpaksa dibedah. Saya tanya dia "Kenapa tidak bawa ke hospital?" Dia kata "Yang Berhormat, terlalu lama untuk saya menunggu pembedahan untuk dilakukan di hospital kerajaan, sedangkan isteri saya dah tak boleh nak telan makanan, nak telan airpun dah tak boleh. Maka saya terpaksa membawa isteri saya ke hospital swasta di Kuantan". Bil yang ditunjukkan kepada saya RM3,000 lebih. Cuba kita bayangkan seorang nelayan yang terpaksa mencari wang sebanyak itu untuk mengubati isterinya oleh kerana kekurangan tempat bedah dan terpaksa menunggu lama. Saya jugak ada satu kes bersama-sama saya iaitu surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu tarikhnya 18 Jun 2001, tajuknya ialah Projek Klinik Desa Kg. Tebing Tembah, izinkan saya Dato' Yang Di Pertua untuk membaca surat ini. Surat ini ditujukan kepada Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Kampung Kg. Tebing Tembah, Mukim Paka, Dungun, Terengganu: "Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada yang dinyatakan di atas serta surat JKKK nombor-nombor disebutkan di sini, bertarikh 3 Jun 2001 juga berkaitan. Sukacita dimaklumkan bahawa projek pembinaan Klinik Desa Kg. Tebing Tembah akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di mana untuk pembinaannya telahpun diperolehi daripada pihak Kementerian Kesihatan. Projek tersebut dijangka akan dibina pada tahun 2002, untuk pengetahuan pihak tuan jua kelulusan yang diperolehi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh hanyalah untuk memperolehi tanah sahaja. Surat ini bertarikh pada 2001 dan menyatakan bahawasanya Klinik Desa Kg. Tebing Tembah ini akan dibina pada tahun 2002. Untuk makluman Dewan, sehingga hari ini Klinik Desa ini masih lagi belum terbina, Rancangan Malaysia akan berjalan pada tahun hadapan. Jadi ini saya melihat seolah-olah perancangan pembangunan Hospital, perancangan pembangunan Klinik Kesihatan, perancangan pembangunan Klinik Desa tidak dirancang seumpama pembinaan sekolah-sekolah. Hari ini kita dapat melihat sekolah-sekolah terbina di mana-mana sahaja, di dalam kampung-kampung sehingga ianya terlihat seumpama satu bangunan yang menjadi mercu tanda di dalam sesebuah kampung. Terima kasihlah kepada Kementerian Pendidikan kerana merancang keperluan pembinaan sekolah ini mengikut perkembangan penduduk semasa. Jadi saya pohon agar sebuah agensi yang kritikal seumpama ini perlu diberi perhatian perancangan oleh jabatan yang berkaitan sesuai dengan perkembangan

penduduk pada masa kini. Hospital Dungun yang ada telahpun ditubuh pada tahun 1963, 1963 - 2005, 22 tahun hospital yang ada sudah pasti ianya tidak sesuai dengan perkembangan penduduk dan jugak keperluan dengan segala bentuk penyakit yang ada pada hari ini. Jadi jabatan janganlah menunggu sehingga suatu desakan oleh orang politik. Jabatan perlu merancang bersesuaian dengan pembangunan pertambahan penduduk disatu satu kawasan agar ianya tidak timbul lagi masalah untuk menunggu giliran pembedahan ini sehingga lapan bulan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, program Kerajaan Negeri amat agresif dalam melahirkan anak-anak Terengganu yang cemerlang dalam bidang pendidikan. Bermula dari peringkat pra-persekolahan sehinggalah ke universiti. Hasil daripada kesungguhan ini, Negeri Terengganu mendapat sebuah universiti. Saya nak mengambil peluang untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga nak mengucapkan juga ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di dalam kesungguhannya bagi menunaikan janji-janji di dalam manifesto di dalam pilihanraya yang lalu. Di peringkat pra-persekolahan, Tadika Kemas diberi peruntukan yang agak besar untuk melatih guru-guru supaya mampu melahirkan murid-murid yang cemerlang selaras dengan dasar Kerajaan Negeri. Saya dengar pada tahun hadapan tadika-tadika yang telah dihalau sewaktu Pas memerintah Negeri Terengganu yang hari ini duduk di rumah-rumah sewa maka di tahun-tahun hadapan tadika-tadika yang ditempatkan di rumah-rumah sewa ini akan kembali ke balai-balai raya. Saya nak beritahu bahawasanya balai raya pada hari ini terlalu banyak aktiviti yang sedang kita laksanakan. Kemas mesti berusaha untuk memperbanyakkan lagi membina bangunan-bangunannya sendiri. Anak-makin bertambah setiap tahun kalau sekolah ditambah, dirancang mengikut pertambahan penduduk, Kemas pun juga perlu aktif di dalam merancang keperluan-keperluan bangunan mereka untuk terus diwujudkan pertambahan bagi menampung pertambahan kelas-kelas Kemas di masa-masa akan datang. Kita pohon Kemas pohon sajalah tanah-tanah Kerajaan Negeri, insya-Allah kita akan beri tanah demi untuk membina bangunan-bangunan bagi kepentingan anak-anak kita untuk mendapat pendidikan pra-persekolahan di dalam negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah rabbilamin wabihi nastain.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan sidang hadirin sekalian. Terlebih dahulu izinkan saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan

Kedua Dewan Undangan Negeri kesebelas semalam. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana dalam masa hanya setahun kepimpinannya telah berjaya membawa khabar gembira dan perubahan yang cemerlang kepada Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tapi saya baru tujuh bulan 14 harilah.

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semalam telah bertitah bahawa Negeri Terengganu sekarang berada di dalam keadaan aman dan tenteram. Ini boleh kita lihat dalam muka surat yang pertama dalam Buku Titah Ucapan Al-Sultan. Keadaan ini diharap dapat membangunkan negeri ini bagi membawa kemajuan dan kemakmuran kepada seluruh rakyat jelata termasuklah juga penyokong-penyokong Pas dan diharap selepas ini tiada lagi penyokong Pas di Terengganu. Tahun 2008, sifar Pas kerana mereka doh serik doh weh pangkah Pas. Dato' Yang Di Pertua, sejak Barisan Nasional memerintah Negeri Terengganu setahun yang lalu banyak projek-projek yang telah diluluskan dan akan dilaksanakan di negeri kita pada tahun ini. Antaranya sebagaimana yang kita sedia maklumkan, Projek Lebuh Raya Pantai Timur. Kalau zaman Pas dulu kata nak buat lebuh raya jugak tapi katanya lebuh raya – buka lebuh raya 3 kilometer, Allah besarnya!

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan - Lebuh raya apa benda hak dia buat tu, tiga kilometer?

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Lebuh Raya Balak agaknya. Kemudian baru-baru ini kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengumumkan sebuah universiti penuh yang pertama akan dibina di Negeri Terengganu. Kemudian kita juga telah mendengar dan menyaksikan penubuhan Sekolah-sekolah Elit dan Premier juga Tadika Bestari, naik taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud, pembinaan Kompleks Sukan Negeri dan banyak lagi yang telah dan akan dibina di negeri kita. Ini telah memberi gambaran kepada kita semua bahawa pihak Kerajaan pimpinan Dato' Seri Menteri Besar adalah Kerajaan yang berwibawa dalam memenuhi janji-janjinya kepada rakyat. Insya-Allah dengan melihat kepada gelombang perubahan semasa kita penuh yakin penggal pemerintahan Barisan Nasional ini adalah penggal yang bermakna, penggal yang menunaikan janji dan mengembalikan maruah rakyat Negeri Terengganu yang tercalar lebih empat tahun yang lalu. Rakyat telah mendapat banyak nikmat dan rahmat daripada limpahan perubahan yang dibawa kita yakin rakyat telah bersyukur dan insya-Allah kesyukuran ini akan merupakan petanda bertambah rahmat dan gemilangnya Terengganu pimpinan Barisan Nasional pada masa depan sebagaimana Allah berfirman yang bermaksud: "Jika kamu bersyukur Aku akan tambah nikmat kepadamu dan tapi jika kamu kufur tunggulah azabKu amat pedih". Inilah yang kita bimbang kerana di dalam kawasan saya kerana kuat sangat menyokong Pas ni kuat sangat mereka dapat pengaruh sangup dalam perjuangan sangup makan 'ikan kering' (dalam loghat Hulu Terengganu), rela. Jadi inilah akibatnya kalau kita tidak bersyukur, 'ikan kering, makan ikan kering tak apalah kami' (dalam loghat Hulu Terengganu) (Dewan Gelak dan tepukan) Maknanya saya kesian, saya kesian kepada orang-orang menyokong ini. Kita di negara kita aman, banyak rezeki - makan ikan kering.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum Daerah Hulu Terengganu meliputi kawasan tanah melebihi 380,000 hektar yang mana merupakan 30 peratus meliputi bagi keseluruhan kawasan Negeri Terengganu di mana sebahagian besarnya hutan banyak kayu-kayu balaklah. Tetapi kayu-kayu balak ini habis dah *gomol demé* sampai botak-botak, minta maafah orang-orang botak deh. Namun begitu keluasan itu nampaknya kurang seimbang dengan corak pembangunan yang berlaku. Justeru itu, saya menyeru agar dapat keseimbangan ini diwujudkan oleh kepimpinan negeri bersama kami di peringkat daerah. Kalau dulu sebelum 1300 sebelum Masihi, Hulu Terengganu pernah menjadi tumpuan para dagang sentari kerana budaya dan perdagangannya, hari ini usaha-usaha bagi mencemerlangkan Hulu Terengganu sebagai salah satu destinasi pelancongan mesti digiatkan. Semalam Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah bertitah supaya usaha menarik lebih ramai pelancong dan juga penyediaan pra-sarana perlu dipertingkatkan khususnya dalam bidang pelancongan. Sama ada pelancongan ini menumpukan kepada pelancongan berasaskan Tasik Kenyir ataupun Air Terjun Sekayu dan Belukar Bukit ataupun pelancongan yang berasaskan aktiviti pertanian serta bahan-bahan tinggalan sejarah. Produk-produk pelancongan yang ada di Hulu Terengganu diyakini mampu menggamit ketibaan para pelancong sekiranya usaha-usaha penambahbaikan dan promosi-promosi dijalankan secara bersungguh-sungguh. Untuk itu selaku Wakil Rakyat Kuala Berang saya mencadangkan agar dana-dana pembangunan pra-sarana pelancongan segera diwujudkan khusus untuk membangunkan tempat-tempat pelancongan ini sebagai destinasi rehat terunggul di dunia.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Hulu Terengganu juga memiliki keunikan produk pelancongan berasaskan sumber sejarah. Bermula dari jumpaan kehidupan awal di Gunung Bewah penempatan awal Kesultanan Terengganu dari Terengganu Mati, Tanjung Baru dan Kampung Langgar. Di samping itu mungkin boleh dimanupulasikan ialah kedudukan Batu Belah di Kampung Dura, Lubuk Mati Bertiga di Kampung Buluh, makam-makam lama yang terdiri daripada para pedagang dan mubaligh, golongan guru agama keturunan Arab, keturunan pemerintah serta pahlawan-pahlawan lama seperti Imam Perang Rasul (Tok Gajah). Kita juga ada sejarah bagaimana kewujudan semangat nasionalisme yang ditinggalkan oleh pejuang-pejuang hulu yang bangkit memberontak menentang penjajahan yang dikenali sebagai Peristiwa Padang Kacung. Dato' Yang Di Pertua, yang paling utama ialah kalau kita sedia maklum bahawa Hulu Terengganu terdapat jumpaan Batu Bersurat menjadi bukti kegemilangan Hulu Terengganu sebagai tempat perkembangan budaya ilmu. Sehubungan dengan apa yang telah saya perkatkan tadi maka saya ingin mencadangkan supaya Hulu Terengganu wajar diberi tempat untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan terunggul di Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri bersama agensi-agensinya berwajib Ketengah dan sebagainya diharap segera bertindak agar perkara ini tidak hanya sekadar bercakap di bibir sahaja. Kita tidak mahu 'ayam berkokok berderai-derai, ekor bergelumang dengan tahi' macam lebih empat tahun yang dulu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebentar tadi saya telah memperkatakan tentang Batu Bersurat sebagai penanda aras kewujudan pengaruh Islam dan perkembangan budaya ilmu di Hulu Terengganu pada abad ketiga belas. Kuala Berang sangat terkenal di peta sejarah dunia sebagai tempat terawalnya Islam di Tanah Melayu. Kita rakyat Terengganu seharusnya berbangga dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meletakkan Batu Bersurat di Bulatan yang dulunya dikenali sebagai Bulatan Peny, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Jadi adalah menjadi tugas dan

tanggungjawab semua untuk memastikan budaya ilmu dan sumber sejarah ini dijelmakan dalam bentuk tindakan-tindakan susulan yang lebih bermakna dan konkrit. Jangan sekadar menghabiskan wang, mengadakan majlis-majlis memperingati seperti Majlis 700 Tahun Batu Bersurat yang dijalankan oleh Kerajaan yang terdahulu lepas itu senyap-sesenyapnya takdok benda. Maka teramat wajarlah satu institusi pengajian tinggi dibina di Hulu Terengganu ataupun kolej-kolej ataupun pusat-pusat latihan teknikal dan seumpamanya dibina di Hulu Terengganu kerana kita ada setakat ini yang paling baik ialah Maktab Rendah Sains Mara, itupun tidaklah sehebat namanya sekarang yang gah seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita sedia maklum bahawa kewujudan peluang-peluang dari kewujudan program yang berasaskan pertanian, pelancongan dan pendidikan sebagaimana yang saya utarakan tadi merupakan titik permulaan bagi rakyat Melayu Hulu Terengganu bangun serentak dan bergerak bersama dengan daerah-daerah lain dalam mengejar realiti pembangunan dan kemajuan kehidupan. Peluang-peluang menjana ekonomi akan lebih banyak dapat diwujudkan oleh rakyat. Ini juga akan mengelakkan pergantungan berterusan terhadap Kerajaan dalam banyak hal berupa subsidi ataupun pinjaman-pinjaman. Kuala Berang terkenal dengan masakan ikan Patin, ikan Kelah, ikan Baung juga tidak ketinggalan dengan produk jagung. Jadi perkara-perkara ini mesti dibantu agar ia tidak terus ditelan arus pembangunan yang kian menghimpit. Produk ini mohon diperkasakan agar selari dengan tuntutan zaman dan teknologi semasa. Begitu juga dengan produk hasil duku yang menjadi kegemaran mesti dipertahankan agar hasil tuaiannya menjadi pasaran yang cekap, cepat dan cemerlang dengan harga yang kompetitif sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan semalam yang mahukan bidang pertanian diberikan penekanan kerana merupakan sektor teras di Terengganu. Hulu Terengganu memang kena dan sesuai pada tempatnya. Jadi kita berharap supaya Jabatan Pertanian mengambil langkah yang sewajarnya agar duku tidak lagi berharga 80 sen sekilo atau jagung tidak lagi diimport daripada luar dari Negeri Terengganu dan sebagainya.

Dato' Yang Di Pertua, saya rasa dah panjang dah dan sebelum saya akhiri ucapan saya, saya juga ingin mengambil peluang di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Terengganu terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita dan seluruh rakyat Malaysia kerana memastikan Cikgu Awi dan calon Barisan Nasional menang cemerlang dalam Pilihanraya tahun 2004 yang lalu. Akhir kata saya dengan ini mohon menyokong Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ada Yang Berhormat nak bercakap lagi? Sila Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pegawai dan para Pemerhati.

Pertama-tama saya mengucapkan terima kasih, syukur kepada Allahtaala dan ucapkan terima kasih kerana saya ada sikit masa yang cukup terbatas untuk saya berpeluang untuk membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan semalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kami Pembangkang tapi kami tidak bangkang semua sekali. Ada benda yang baik kita sokong tapi benda yang tak baik kita tegur bukan bangkang membabi buta. Dan, Wakil Paka tadi sebut berhubung dengan penggunaan balai raya, ini lama dah kita sebut untuk dijadikan tadika. Kita sebut waktu kita memerintah dulu biarlah balai raya ini menafaat untuk kegunaan orang kampung bukan untuk dijdikan kelas tadika dan saya setuju dengan cadangan yang dikemukakan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya kalau nak beri laluan, saya boleh beri laluan Dato' Yang Di Pertua tapi 15 minit tu pasal saya nak ambil masa

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Saya rasa tak kena tu. Untuk kegunaan apa, kenapa tinggal balai raya tu? Tak kena tu, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Beri peluang kepada saya, saya tak kata apa lagi baru saya menyokong apa yang Paka sebut, itupun nak ganggu dah Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Saya mintak laluan, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak mahu beri laluan, kalau saya beri Dato' Yang Di Pertua tapi Dato' Yang Di Pertua kena beri masa yang secukupnya kepada saya kalau saya mintak setengah jam paling kurang tapi Dato' Yang Di Pertua kata awal-awal lagi 15 minit. Saya nak bercakap tak tahu hak mana satu nak bercakap sekarang. Dalam keadaan 15 minit, bersidang hanya tiga kali saja setahun, kalau boleh biarlah beri waktu dan masa dan peluang biar untuk kita bahas untuk nak cari kebaikan bersama bukan nak kata Wakil Rakyat sana, Wakil Rakyat sini

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, kita nak bercakap ni biarlah baik-baik dalam Dewan yang mulia ini

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita nak bercakap ni pun biar ada tanggungjawab. Kita ada tanggungjawab untuk menyatakan sesuatu demi kebaikan bersama dan saya minta maaflah kalau apa-apa yang selama ini kita bercakap

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): saya tak nak buang masa Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Air Putih, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lima minit dah habis Dato' Yang Di Pertua. Dato' Yang Di Pertua, soalan saya, pasal saya merujuk kepada Ucapan Tuanku muka surat 13, ringkas-ringkas saja Dato' Yang Di Pertua, muka surat 13. Tuanku menyebut: "Beta yakin kerjasama semua sektor termasuk sektor-sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan isu kemiskinan dapat ditangani secara bersepadu." Ini Tuanku sebut secara khusus isu kemiskinan. Saya nak sebut Dato' Yang Di Pertua waktu kami memerintah Barisan Alternatif dalam untuk waktu nak membantu rakyat miskin, kita beri peluang untuk buka tanah kepada rakyat. Kita pimpinan Barisan Alternatif pada ketika itu melaksanakan tanggungjawab khusus untuk rakyat miskin dengan memberikan lot-lot tanah untuk umumnya masyarakat dan rakyat yang miskin untuk dijadikan tapak kediaman. Kerajaan kami pada waktu itu Kerajaan Pas pada waktu itu berjaya proses lebih daripada 50,000 sempat kita proses untuk kita lupuskan kepada rakyat seluruh negeri. Dan, permohonan tanah rakyat

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak rayu kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau tidak beri peluang kepada saya pulak petang ini, kalau begitu saya tak apa. Kalaulah keadaan macam ini Dato' Yang Di Pertua, saya pagi tadi dah Dato' Yang Di Pertua, saya nak kemukakan satu usul tapi tak dibagi, tak sempat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Teruskan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada lagi? Ya Allah! (Dewan Gelak) Nak sana terus ke sini terus? Saya bercakap terus terang Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya kadang-kadang apabila Wakil Wakaf Mempelam bercakap banyak fakta yang salah. Apabila fakta salah

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, ini saya nak bangkang Dato' Yang Di Pertua, kalau fakta salah, boleh diperbetul, saya *gentleman*. Pernah saya mengeluarkan fakta yang tak berapa tepat diperbetulkan saya terima, bukan kita nak mempertahankan benda yang tak betul tapi belum bercakap lagi fakta dah salah dah

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dengar-dengar dulu

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini kawan saya waktu sekolah, sekelas dengan saya, kawan lama ni(Dewan Gelak) tapi dia jenis Umno daripada kecil

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dengar dulu, dengar dulu, apabila fakta itu salah, kenyataan salah, maka nak minta penjelasan, nak minta beri penerangan sebab jika sekiranya kita tak diberi penjelasan masa nak gulung sikat lagi dia takdok. Jadi apabila mintak penjelasan, penerangan, berilah peluang, saya yakin dan percaya bukan 50,000 lot yang diproses dan diluluskan. Itu tak betul bercakap saja, berceramah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, bukan saja telah lulus, 50,000 fakta itu boleh *check* dengan Pejabat Tanah dan Galian Negeri. Saya sebenarnya ialah benda kecil-kecil ni janganlah sepuluh minit dah habis dah Dato' Yang Di Pertua. Sayapun tak tahu nak bercakap guana Dato' Yang Di Pertua, sayapun tak retilah. Cuma Dato' Yang Di Pertua, soal kemiskinan tadi Dato' Yang Di Pertua, soal kemiskinan yang sebutkan tadi, waktu kita memerintah Dato' Yang Di Pertua, kita buka, Umno dan Barisan Nasional dia tutup permohonan tanah sejak tahun 1975 tapi kita buka untuk mengurangkan dan bila buka kita tahulah masalah proses tanah ini, birokrasinya cukup banyak. Jadi

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Beginilah maklumat yang disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini tidak benar dia kata Kerajaan Barisan Nasional sejak '74 tak buka

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sejak tahun '75 Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tahun '75, sedangkan kita proses setiap masa tanah-tanah berkelompok rakyat, beberapa ribu tinggal lagi 400 lebih lagi, Dato' Yang Di Pertua, ini penjelasan. Inilah pembohongan yang dikatakan seolah-olah Kerajaan tak beri satu kepada orang miskin ni. Saya bimbang sekali dengan sikap ini sebab bila beri penjelasan, bila nak jawab dia lari pulak, hari itu saya telefon Dato' Yang

Di Pertua, tak mari jugak. Tengoklah esok, lusa, tembor ke tidak ni, tembor jagalah
(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya minta Dato' Yang Di Pertua, saya teruskan ucapan dan saya nak saya sambung petang ini Dato' Yang Di Pertua? Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berhubung dengan kes tanah ini, Dato' Yang Di Pertua, bila kita cuba nak menyelesaikan masalah birokrasi dalam proses permohonan tanah rakyat ini, kita menurunkan antara usaha yang kita buatnya, kita menurunkan kuasa lebih kepada membuat keputusan kepada Pentadbiran Tanah Daerah, itu antara lainnya. Antaranya jugak kita lantik Juru Ukur Tanah yang berlesen untuk membantu kita, jadi kita nak tolong rakyat miskin Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita turunkan lagi kadar premium tanah daripada 20 peratus kepada 10 peratus harga pasaran. Malah kita turunkan lagi kepada rakyat yang benar-benar miskin, kita perturunkan lagi jadi 5 peratus. Lepas itu kita tolong lagi dia, kita terima pakai antara lainnya kaedah bayaran secara ansur-ansur, rakyat ini miskin, kita jugak

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya minta maaf saya takmboh beri bukan apa, dia boleh bercakap lepas pada ini.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dah bayar balik tak lagi pitih-pitih hak kutip dulu menerusi Pengerusi-pengerusi JSR dan lawyer yang Kerajaan Pas lantik dahulu kepada orang-orang kampung sedangkan tanah-tanah tidak diperolehi oleh mereka. Dah bayar balik ke belum?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita dah tak Kerajaan lagi kalau ada benda yang tak betul, Kerajaan sekarang ambil proses tindakan seterusnya. Jangan duk tanya kita, kita dalam proses kita nak menolong rakyat menjadi tugas dan tanggungjawab kita dan dalam masa sekarang ini kalau rakyat tak berpuas hati boleh saman, pegawai ataupun apa jugak perkara yang didapati

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): yang tidak menepati kaedah, prosedur ataupun aturcara yang sepatutnya dibuat, dia boleh ambil tindakan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Alur Limbat duduk dulu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, semua proses ini kita bagi sehinggakan bila kita tidak lagi memerintah negeri pada baru-baru ini, bulan April 2004, Pejabat Tanah dan Galian Negeri telah membuat surat arahan kepada semua Pentadbir Tanah-Tanah Daerah untuk mentawakofkan semua permohonan memproses permohonan tanah-tanah Rancangan Berkelompok. Jadi semua permohonan RTB yang diluluskan tidak boleh dikeluarkan Jadual 5A. Semua permohonan RTB yang telah dikeluarkan Jadual 5A tidak boleh diterima bayaran. Semua permohonan RTB yang telah jelas bayaran tidak boleh dikeluarkan Hakmilik. Lepas itu pulak Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia telah menggantungkan semua kerja ataupun tanggungjawab yang telah diberikan kepada Juru Ukur Berlesen. Jadi selepas daripada itu sekarang ini tindakannya ialah mereka mula menghantar surat/notis kepada pemilik-pemilik ataupun pemegang lesen untuk membatalkan Lesen Menduduki Sementara kepada peserta RTB. Lepas itu pulak hantar pulak notis nak roboh, bila sebut nak roboh rumah rakyat, Dato' Yang Di Pertua, rakyat miskin, dahlah nak dapat tanah tu satu hal. Sekarang ini dalam keadaan bahan binaan, kos cukup tinggi, ada yang sempat buat separuh, ada hak buat penuh, ada hak duduk dah. Sekarang ini banyak RTB tindakan duk nak sodok rumah rakyat, ini suatu kerja yang cukup menghayat hati. Saya nak merayu kepada Kerajaan

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak merayu kepada Kerajaan, biarlah Yang Berhormat Wakil Kijal sahabat lama saya sekejap lagi Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin minta penjelasan sikit saja

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ada sekarang ini 6 minit saja lagi

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apa, petang ni kita beri pulak

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mintak kalau boleh biarlah Kerajaan membuat pertimbangan yang sewajarnya, ini rakyat kita semua. Zaman orang pelarian Vietnam, kita beri sebutir pulau, di Pulau Bidong. Ini rakyat Terengganu yang majoritinya miskin

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya mintak laluan, Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): yang sepatutnya kita bantu dengan cara sebaik mungkin

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apa, Yang Berhormat duduk sekejap Sila Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya pohon penjelasan, Yang Di Pertua - Inilah sikap orang Pas terutama ADUN Wakaf Mempelam nak tunjuk hero dia, hebat dia, nak menarik perhatian rakyat bahawa seolah-olah orang-orang ini kejam, jahat belaka. Sekarang ini seolah-olah menjadi pembela rakyat, sedangkan tidak sedar semasa kita berkuasa 4 tahun dulu, sedarkah Wakil Wakaf Mempelam menghalau pelajar-pelajar daripada tadika di Payoh itu kita bina satu bangunan baru, sudahlah budak-budak tadika dihalau daripada balai raya, buat bangunan baru dengan harga RM35,000.00 separuh tanah milikan orang, separuh rezab jalan JKR. Bila agaknya JKR nak buat empat lorong di Payoh? Tetapi Pas boleh roboh serta merta tanpa notis.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam masa yang terbatas ini

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Nanti, nanti dulu sekejap, saya tak habis lagi ini. Sekejap lagi saya berilah. Saya mintak satu lagi Dato' Yang Di Pertua, saya seorang *gentleman*, saya minta semua Wakil Rakyat Pas berada di Dewan ini petang esok, saya nak jawab satu persatu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya bimbang takut Dato' Yang Di Pertua tak beri peluang saya bercakap pada petang ini. Saya memang banyak *point* lah berhubung dengan masalah SEDC, masalah nak komen apa yang telah Kebawah Duli Tuanku sebut. Cuma saya nak sebutnya hak KPKK, ringkas-ringkas nya hak KPKK Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berhubung dengan masalah perhutanan iaitu berhubung dengan Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan. Saya nak mintak kalau boleh akhir-akhir ini isu curi balak, isu pembalakan haram di seluruh negara berlaku. Jadi Dato' Yang Di Pertua, alhamdulillah, waktu kita memerintah ada Kertas Putih tapi saya rasa telah membersihkan nama baik kita. Jadi sekarang ini timbul balik, walaupun dikatakan bukan pembalakan haram, curi balak tapi saya nak mintak BPR siasat berhubung dengan satu kes oleh kerana KPKK sepatutnya dia mengerjakan kawasan konsesi dan jual balak tapi sebaliknya sekarang ini KPKK jual kawasan balak. Dia tidak mengerjakan kawasan itu di Kompartmen

64 dan 31 menggunakan istilah yang digunakan sekarang ini istilah jual 'balak berdiri', dulu jual 'balak tidur', sekarang jual 'balak berdiri', jual kawasan tapi takut timbul masalah kerana perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ianya bertentangan dengan perjanjian asal yang dia buat antara *Conscency Agreement* yang dibuat antara Kerajaan Negeri dan jugak KPKK melalui SEDC. Yang kedua, ringkas-ringkas Dato' Yang Di Pertua, saya nak sebut satu lagi dalam keadaan tergopoh gapah ini ialah satu isu berhubung dengan soalan saya hak ditolak ini ialah tugas hakiki Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Tugas-tugas Khas). Saya tak tahu sama ada ianya telah mendapat kelulusan JPA, saya tak tahu negeri mana lagi wujud jawatan seumpama ini tapi ini hakikat kadang-kadang saya kesan kepada pegawai-pegawai yang sepatutnya kita beri penghormatan, penghargaan tapi dia buat begitu rupa. Kalau nak jeruk tapi janganlah *create*-kan satu-satu tugas atau satu-satu jawatan dan bagi sekadar nak lepas tanggungjawab. Satu lagi kes Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak mintak kerjasama agensi Kerajaan Pusat di mana ada satu kes dia berlaku di kawasan Peti Undi Air Jernih DUN Kemasik. UMNO boleh menganjurkan program di Balai Polis, ini suatu benda yang saya nak maklumkan Dato' Yang Di Pertua, kalau boleh agensi-agensi Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan, biar kita profesional janganlah kita jadi alat kepada mana-mana pihak, ini boleh buat program di Balai Polis, ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin parti atas nama program kononnya 'Bersama Rakyat' tapi di Balai Polis, Polis menjadi alat. Saya yang sedih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pernah sekali pada 16hb. Ogos, hari Jumaat, saya sembahyang di kawasan saya sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad,.....

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): saya nak rai pemimpin negara, pakai baju comel macam ini Dato' Yang Di Pertua, pergi Sembahyang Jumaat, molek-molek ada Polis angkat saya, dalam Sembahyang Jumaatpun Polis angkat. Saya sebutkan perkara ini mintak kerjasamalah

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): supaya kita biarlah semua peringkat profesional dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, untuk 3 minit saya semalam

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Beri laluan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, beri 5 minit saya nak baca satu seloka.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Beri laluan kepada ADUN Alur Limbat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada lagi?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apakah salah parti yang memerintah berbuat baik kepada agensi-agensi Kerajaan, salah ke? Di bawah peraturan mana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini *Lawyer* pun tak faham masalah jugak, dah kita ini mengaji undang-undang. Saya sebut tadi bukan masalah itu, buat baik dengan siapa-siapa pun boleh berbuat baik Cuma peralatkan jabatan Kerajaan, ini diakui oleh SPR. Jadi itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak ambil masa sikit

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon penjelasan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): saya buat satu seloka sekadar nak menjimat masa, saya nak baca dan saya nak bagi satu kepada Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Alur Limbat duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Satu seloka yang saya nukilkan walaupun dalam keadaan yang agak tidaklah sempurna kerana saya bukan orang sastera, tajuk dia Islam Hadhari Terengganu Bestari. Saya nak baca dan saya nak bagi kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penutup kepada ucapan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat surat daripada siap tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, hak saya sendiri buat Dato' Yang Di Pertua. Dalam membahaskan Titah Ucapan Tuanku, oleh kerana banyak gangguan sangat, biarlah saya baca dalam bentuk begini Dato' Yang Di Pertua, supaya tidak ganggu, dengar molek lepas itu ikut pandailah nak kata apa benda sekalipun.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Islam Hadhari Terengganu Bestari,
Sebenarnya Hadharah Islamiah,
Bukan, tapi dia kata Islam Hadhari,

Islam Hadhari dipelopori Pak Lah Badawi,
Dijaja ke seluruh negeri,
Ke sana, ke mari,

Kononnya nak cari Al-Ghazali, As-Syafie,
Tetapi artis Jeslina yang dijumpai,
Tak pasal-pasal JAWI yang kena maki,
Kini telah bertukar menjadi RUMI,
Artis terus dipuja, terus dipuji,
Anugerah untuk artis Pak lah sendiri hadiri,

Dulu Terengganu Darul Iman yang dikenali,
Membangun Menurut Islam slogan diberi,
Pembangunan Insan dan ekonomi jadi prioriti,
Kini dijaja Islam Hadhari Terengganu Bestari,
Slogan Islam Hadhari tapi rakyat terus dibohongi,
Imam, mubaligh dipecat dan tazkirah sudah berhenti,
Sudah sembahyang semua pakat cabut lari.

Program maksiat bermaharajalela,
Dan terus didokongi,
Motel Desa anjur dangdut,
Primula Resort anjur tari menari,
Bercampur aduk jantan betina, perempuan lelaki,
Maksiat, rogol, jenayah terus menjadi-jadi,
Pegawai Penguatkuasa rogol anak dara yang dibawa lari

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

Rogol pula di kawasan sunyi,
Di DUN Bukit Besi,
Guru Sekolah Menengah Agama Negeri
Nafi rogol anak murid sendiri,
Kedua-duanya berlaku di Besut,
Di kawasan MB sendiri,
Inilah hebatnya Islam Hadhari Terengganu Bestari,
Exco Hadhari dan Menteri Hadhari
Semuanya dari kawasan MB
Tapi nak selamat diri terus menyepi
Terus mengigit jari
Nak lawan MB tak berani

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDUL LAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon penjelasan

Pegawai-pegawai Agama yang tak ada harga diri
Slogan terus dicanang
Kononnya Terengganu Bestari tapi Kilang Plywood ditutup
Pelabur tak berapa nak mari
Peluang pekerjaan rakyat terus mencari-cari

Sudahlah mengganggu harga barang terus melonjak tinggi
Kuasa beli menurun lagi
Alasan diberi kerana kenaikan harga bahan api
Tambang kenderaan awam dah mula naik
Termasuk bas dan jugak teksi

Dulu Cukai Pintu Rumah Kediaman dikecuali
Kini macam-macam alasan diberi
Bila ajak berdebat takut tak terperi
Bantuan pelajaran sudah mula lambat diberi
Bantuan zakat pula disekat untuk pelajar agama di luar negeri
Inilah Terengganu Bestari Negeri yangku sayangi
Rakyat terus dizalimi

Kini mereka kata pelancong dah mula mari
Tetapi peniaga di pasar berkata suasana makin sepi
Walaupun projek dah mula diberi
Tapi mana projek hak negeri pelopori
Semua hak Pusat tapi tak malu mengaku hak sendiri

MB memperkenalkan Dasar Pengambilan Hasil Hutan Negeri
Sedar-sedar balakpun boleh dicuri dan dibawa lari
Barulah MB tawar hadiah untuk mendapat maklumat nak tangkap pencuri
Sekarang timbul pula rampas tanah rakyat
Roboh rumah peserta RTB
Rakyat nak bayar lesen TOL tapi tak boleh diperbaharui
Akhimya rumah disodok, diroboh hingga rebah menyembah bumi
Ingatkan Tsunami tapi angkara Kerajaan sendiri
Inilah Kerajaan Hadhari lagi Bestari
Tapi hakikatnya lebih teruk daripada Yahudi
Walaupun rakyat terus dizalimi
Pemimpin Negeri masih boleh fikir untuk berjoli
Barisan Exco dan MB kerap ke luar negeri
Hingga ke Australia, Ahli Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) tumpang sekaki,

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di
Pertua, penjelasan Dato' Yang Di Pertua,

Walaupun negeri diancam bangkrapsi kerana rompakan royalti
Duit RM7.2 bilion selama 22 ½ tahun
Negeri ini pernah nikmati
Angkara Pemimpin BN yang dengki dan busuk hati
Negeri dan rakyat, UMNO sanggup khianati
Tapi BN kata terus tabur bakti

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam sila
duduk dulu, duduk sekejap.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, saya habis dah, saya nak bagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua benda ni kerana saya bercakappun kalau macam ini, main padan balah begini, takdok peluang

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon penjelasan dan laluan. Inilah sikap Wakil Rakyat Pas, melemparkan apa saja tuduhan tanpa batas-batas sebagai seorang insan yang bernama Islam. Apakah Kerajaan Negeri Terengganu hari ini lebih jahat daripada Yahudi?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betul, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mengaku dan saya bertanggungjawab. Yahudi ini dia rampas tanah orang Pelestin tapi dia bina penempatan untuk rakyat Yahudi. Ini rampas tanah rakyat sendiri, roboh rumah, tanah rakyat sendiri, itu lebih teruk daripada Yahudi.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, inilah perangai seperti binatang (Tepukan Sokongan) Menghalau budak-budak sekolah daripada tempat mereka. Tidak ada Kerajaan di dunia ini menghalau budak-budak sekolah, merobohkan Perangai seperti syaitan, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia nak kata apapun katalah. Kalau dia nak kata Dato' Yang Di Pertua terima, saya tak ada masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya tak ada masalah jugak, sebab mu jahat belaka, bila-bila masa saja jumpalah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Rupa-rupanya ada orang hak terasa

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terasa apa? Mu jahat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya biasa saja Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Muka saja pakai songkok, songkok fesyen apa begini, fesyen iblis ni.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Kan masalah jadi syaitan, tak apa dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila bertenang, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Khabor je, mu nak dekat mana? Lepas ini boleh jumpa lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Inilah Yang Berhormat orang yang saya hadapi bercakap dengan secara *gentleman* tapi nak ajak gocoh semacam

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Gentleman* babi apa begitu Dato' Yang Di Pertua. *Gentleman*, bercakap ikut dang sekali, mengarut sekali, bersajaklah, bersyairlah, gila ini, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Kijal, sila duduk. Yang Berhormat Wakaf Mempelam masih ada lagi ataupun dah selesai.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya takmbah balah dengan kawan saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak apalah, ikut pandai dialah. Saya nak beri peluang kepada orang lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Rakit untuk menyampaikan ucapan.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullah wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dan seterusnya Pemerhati sekalian.

Pertama-tamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang pada petang yang berbahagia ini untuk sama-sama mengambil peluang dalam perbahasan Ucapan Menjunjung Kasih dan menyokong Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Dato' Yang Di Pertua, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sendiri di dalam ucapannya di seawal ucapannya telah menyebut yang bahawa Baginda sangat bergembira dan sangat sukacita terhadap pembangunan yang berlaku di Negeri Terengganu di akhir-akhir ini yang berlandaskan kepada Islam Hadhari Terengganu Bestari. Oleh itu Dato' Yang Di Pertua, saya berpendapat bahawa semua warga Negeri Terengganu seharusnya tanpa mengira fahaman politik dan juga bangsa seharusnya sama-sama mendokong wawasan Kerajaan Negeri ini. Mendokong gagasan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri pada hari ini iaitulah Islam Hadhari untuk menjayakan pembangunan negeri kita tanpa ada perasaan yang tertentu kerana ia adalah suatu dasar yang telah diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri. Dan oleh itu, sesiapa sahaja yang menolak ataupun mempersendakan, memperkecil ataupun mempertikaikan Islam Hadhari ini ia boleh dianggap sebagai satu tindakan ataupun perbuatan yang derhaka kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Oleh itu saya berpendapat tidak patut lagi dibenarkan Pembangkang-pembangkang melaung-laungkan lagi di dalam ceramah-ceramah mereka bahawa Islam Hadhari ini merupakan suatu perkara yang tidak benar, suatu perkara yang baru, suatu perkara yang bertentangan dengan Islam kerana pada hari ini telah jelas, telah ramai ulama-ulama di seluruh dunia bercakap tentang Islam Hadhari. Dan, mereka memperakui bahawa inilah suatu gagasan Islam yang menyeluruh yang digarapkan di dalam fahaman Islam Hadhari boleh menebus kembali maruah umat Islam di zaman ini, yang mana umat Islam di zaman ini digambarkan sebagai ummah yang mundur, ummah yang miskin, ummah yang tidak mempunyai pembangunan dan sebagainya, yang suka berkelahi, yang hanya bersyarah, yang hanya berceramah merata-rata tetapi tidak mempunyai apa-apa bukti yang boleh membuktikan bahawa dengan Islam mereka telah menjadi suatu bangsa yang dihormati, bangsa yang benar-benar kerana Islam - maju, bangsa yang benar-benar kerana Islam telah mampu menjadi teladan sebagaimana umat Islam yang terdahulu, seawal yang dibangkitkan bersama-sama dengan Rasulullah dan di dalam Kerajaan-kerajaan Islam yang selepas daripada itu. Saya juga ingin mencadangkan buku Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari, buku yang tak seberapa ini yang mencabar gagasan yang dibuat oleh Kerajaan yang menyanggahi pendapat sebahagian ulama-ulama besar pada hari ini sepatutnya diharamkan di Negeri Terengganu dan di seluruh Malaysia dan penulisnya sepatutnya dikenakan hukuman dan diminta supaya menarik balik buku yang ditulisnya ini

(Tepukan sokongan) Dato' Yang Di Pertua, saya tak tahu entah berapa kali sepatutnya saya bercakap tentang perkara ini. Islam Hadhari bukanlah suatu perkara yang baru, tetapi Islam Hadhari kita membincangkan tentang Islam yang menekankan aspek Hadharahnya. Kita tidak bercakap tentang Hadharah Islamiah kerana itu telah dipelajari oleh ramai orang di universiti-universiti dan di mana-mana tentang sejarah Islam zaman dahulu. Samalah juga bila kita bercakap tentang 'Politik Islam' atau 'Islam Yang Bersifat Politik'. Dengan bahasa Arab Yang Di Pertua, dengan izin saya katakan: *Al-Islamusiasi dan Assiahsatul-Islamiah*. Apa yang dilakukan oleh Pembangkang pada hari ini adalah merupakan *Assiahsatul-Islamiah* yang kononnya pada mereka suatu politik yang benar, suatu politik yang benar-benar memperjuangkan Islam, yang cuba menegakkan syariah Islam, yang cuba menebus balik maruah umat Islam. Melalui Siasah Islamiah inilah, Politik Islam inilah mereka mengkafirkan sesama sendiri, melalui Siasah Islamiah inilah mereka menuduh orang dengan bermacam-macam tuduhan, melalui Politik Islamiah inilah kononnya mereka telah membuat beberapa kemusnahan sewaktu mereka berjaya memerintah Negeri Terengganu 4 tahun yang lalu. Telah terbukti kepada kita bahawa melalui pemerintahan mereka yang kononnya Politik Islam terbukti mereka tak mampu melakukan apa-apa. 4 tahun mereka memerintah Negeri Terengganu, balai raya-balai raya dan tempat pengajian kanak-kanak pra-sekolah semua hampir runtuh menyembah bumi kerana ditinggalkan dan terbiar tidak boleh diguna. Nak guna tidak dibenarkan dan dibiarkan kosong begitu sahaja dan akhirnya menjadi tempat tidur kambing, dimakan anai-anai dan sebagainya. Pembaziran, sedangkan di dalam Islam kita tahu (baca Surah Al-Isra' ayat 27) yang bermaksud: "Sesungguhnya pembazir-pembazir itu saudara, adik beradik kepada syaitan". Jadi inilah rupa-rupanya diamalkan oleh Pembangkang selama empat tahun. Banyak lagi kalau kita nak bilang satu persatu apa yang telah mereka lakukan dalam masa mereka berkuasa. Ternyata bahawa bila sebut Politik Islam belum tentu lagi ia benar-benar selaras dengan Islam. Dia boleh terseleweng, dia boleh tersasar daripada yang sebenarnya kerana hakikatnya ia adalah politik, Islam hanyalah sifat yang disandarkan kepadanya. Tetapi bila kita bercakap tentang *Al-Islamusiasi*, kita akan bercakap tentang Islam yang menekankan ataupun yang membicarakan tentang politiknya maka sudah tentulah *Al-Islamusiasi* ia akan memberi kepada kita maklumat tentang bagaimanakah Islam dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan, dari segi politik, hubungan antara negara-negara, bagaimana tanggungjawab pemerintahnya, dan apa pula tanggungjawab rakyatnya kepada pemerintah. Begitulah juga maka saya hendak menekankan di sini apabila kita berkata tentang Islam Hadhari maka kita bercakap tentang agama Islam yang ada kaitannya dengan pembangunan yang ada kaitannya dengan kehidupan kita, yang ada kaitan dengan suasana tuntutan zaman ini yang memerlukan kita menghayati Islam yang sebenar-benarnya, Islam dari akar umbinya kerana dengan Islamlah umat Islam suatu masa dahulu yang terdiri daripada orang Arab, yang tidak kenal erti kemajuan, yang hanya hidup dalam keadaan menternak dan berdagang secara kecil-kecilan, akhirnya kerana mereka menerima Islam dan kerana ajaran Islam ini mempunyai ciri-ciri hadharinya, umat Arab akhirnya menjadi suatu bangsa yang dapat menakluki dunia, dapat membina tamadun bukan sahaja tamadun di peringkat negara mereka tetapi tamadun yang menjadi kebanggaan umat Islam seluruh dunia, tamadun yang menjadi penyuluh dan obor kepada bangsa-bangsa yang lain. Ulama-ulama yang dahulu yang hari ini kita bincang dan bicarakan dalam subjek Hadharah Islamiah seperti Ibnu Sinna dan sebagainya adalah merupakan hasil daripada fahaman Islam yang sebenar, Islam yang hadhari. Jadi inilah yang sebenar-benarnya yang Duli Yang Maha

Mulia Tuanku Al-Sultan sendiri telahpun memahaminya tetapi sayang di kalangan kita ada orang yang berserban dan berjubahpun masih belum memahaminya. Mereka hanya memahami Islam hanya sekadar luaran, mereka hanya memahami Islam melalui pakaian, mereka hanya memahami Islam daripada slogan-slogan. Sayang seribu kali sayang

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan - Pada pandangan Yang Berhormat, apakah ciri seorang pemimpin Islam bila menuduh orang lain Yahudi secangkan kita pernah mendengar Firman Allah (baca Surah Taha ayat 44) "Wahai Musa dan Harun, katakanlah kamu kepada Firaun itu dengan kata-kata yang baik bagi maksud memberikan peringatan kepadanya ataupun memberikan supaya ia takut kepada azab Allah". Ertinya yang ini telah diminta oleh Umar Al-Khatab: "Janganlah engkau berkata sesuatu yang buruk kepadaku kerana sesungguhnya aku tidaklah sejahat Firaun dan engkau pula tidak sebaik Musa. Saya mintak Yang Berhormat komen tentang perkara ini?

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih, Wakil Tepoh. Saya akan ulas di akhir ucapan saya nanti sekiranya ada masa. Saya nak tekankan di sini lagi bila kita bercakap tentang Islam Hadhari sebenarnya kita bukan menyeleweng tetapi kita mahu Islam yang sebenarnya, Islam yang dibawa oleh Rasulullah, Islam yang bukan hanya menekankan aspek-aspek luaran, bukan Islam yang hanya menekan aspek pakaian dan sebagainya. Hari ini bila orang bercakap tentang Islam, sayang seribu kali sayang, kebanyakan rakyat negeri kita apabila bercakap tentang Islam mereka akan nampak kopiah, mereka akan nampak jubah, mereka akan nampak sepertimana yang kerap kali yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sembahyang beramai-ramai di tengah padang, di stadium dan sebagainya walaupun kita telah mempunyai masjid yang besar, yang lengkap dan sebagainya. Aspek-aspek yang sebegini yang spiritual, inilah semata-mata yang dianggapkan sebagai agama sedangkan perkara-perkara yang lain yang berkaitan dengan pembangunan, kehidupan, kemajuan yang juga merupakan tuntutan agama dipinggirkan dan diketepikan yang menjadikan umat Islam pada hari ini sentiasa terpinggir dan terkebelakang di dalam arus globalisasi dan arus dunia moden.

Sidang hadirin, Dato' Yang Di Pertua yang dihormati, saya juga ingin jelaskan bahawa apabila kita bercakap tentang Islam Hadhari ia juga bererti Islam yang semasa kerana perkataan 'hadhari' itu berasal daripada perkataan 'hadhara', 'hadharayahdhurubudhuran' ertinya Islam yang sesuai untuk zaman ini, Islam yang sesuai untuk masa ini kerana dalam ajaran Islam kita tahu ada perkara-perkara yang disebut 'asthawabih' perkara-perkara yang tidak berubah sampai bila-bila seperti sembahyang, puasa dan sebagainya. Dan, ada juga perkara-perkara 'mutarayira' yang akan berubah dari masa ke semasa. Pakaian dan sebagainya bukanlah merupakan suatu perkara yang pakaian mesti sedemikian sampai bila-bila tetapi aspek inilah yang telah dimanupulasikan, yang telah digunakan oleh Pembangkang pada hari ini untuk menarik rakyat, untuk menarik orang ramai yang tidak berpengetahuan tinggi kononnya mereka benar-benar agamawan. Dato' Yang Di Pertua, pakaian di dalam agama Islam hanyalah sekadar menutup aurat, saya tidak menafikan yang jubah adalah pakaian Rasulullah dan saya tidak menghina dan memperkecilkannya tetapi Rasulullah S.A.W. bukanlah dilahirkan untuk memperkenalkan jubah, kopiah dan sebagainya tetapi amat malang jika kita pakai jubah, kita pakai kopiah kononnya kita orang

agama maka kita memburuk-burukkan orang lain, kita memperkecilkan orang lain dan kita menyalahkan orang lain dan kita menolak kebenaran dari orang lain. Insaflah kepada yang berkenaan telah banyak kerosakan dan kebinasaan yang berlaku di masyarakat kita kerana tindakan-tindakan yang sedemikian. Berkaitan dengan ucapan, kata-kata kasar kepada orang, saya ingin jelaskan bahawa percakapan memanglah mudah untuk kita lakukan, percakapan suatu perkara mudah untuk orang lakukan hanya dengan mengerakkan lidahnya sahaja kita boleh berkata-kata. Bahkan orang gilapun boleh bercakap, dengan izin Dato' Yang Di Pertua, maka kerana itu saya nak katakan Islam sebagai suatu agama yang benar-benar merangkumi segala aspek kehidupan agama yang mengambil berat segala perkara dalam kehidupan manusia dari sekecil-sekecilnya sehingga sebesar-besarnya. Maka perkataan, percakapan di dalam Islam ini sangat-sangat ditekankan. Islam mengajar kita supaya bercakap dengan bahasa yang halus, Islam mengajar kita supaya bercakap dengan bahasa yang penuh adab maka kerana itulah kita dapati dan kita lihat Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sendiri walaupun Baginda merupakan Yang Di Pertuan kepada Negeri Terengganu Baginda telah merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menganugerahkan Negeri Terengganu sebuah universiti yang dinamakan Universiti Darul Iman. Inilah yang dikatakan budi bahasa, baik percakapannya kerana bila sebut bahasa itulah percakapan. Bila seorang mempunyai akhlak yang baik maka dikatakan mempunyai budi bahasa yang baik kerana sebahagian besar daripada penilaian manusia terhadap orang lain adalah melalui percakapannya. Jadi sidang hadirin, Dato' Yang Di Pertua, percakapan yang tidak baik adalah merupakan satu yang sangat-sangat dikeji dalam Islam saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan diri saya dan para Pembangkang khususnya yang seringkali berceramah, yang banyak bercakap daripada bekerja yang kerjanya semasa belum Pilihanrayapun berceramah lepas menang Pilihanrayapun berceramah, kalah hari inipun kohor kuat lagi berceramah. Berceramah tak apa tapi ingatlah batasan-batasannya begitu juga bila kita bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Kita harus ingat walaupun Dewan ini kebal daripada tindakan undang-undang, walaupun kita boleh bercakap semahu-mahunya di sini, katalah nak kata apapun dan biarlah orang nak kata kepada kita apa-apapun, mungkin kita tidak kena tindakan undang-undang tetapi sebagai seorang yang beriman, orang yang percaya kepada kewujudan Hari Akhirat, percaya kepada Al-Quran – Ingatlah bahawa tidak ada satu patah perkataanpun yang kita lafazkan di atas dunia ini tak kira di dalam Dewan, di luar Dewan atas pentas dan di mana-manapun ada Malaikat yang mencatatkan dosa dan pahalanya. Jadi Al-Quran mengajar kita supaya kita bercakap dengan bahasa yang baik, jangan suka tuduh-menuduh dan sebagainya. Apatah lagi menuduh seorang yang bergelar Islam dengan tuduhan Yahudi dan sebagainya. Ini adalah suatu tuduhan yang sangat buruk kesannya, sangat hina kedudukannya (Tepukan Sokongan) dan saya mohon kepada Dewan yang mulia pada hari ini supaya meminta Wakil daripada Wakaf Mempelam tarik balik ucapannya tadi, menuduh saudara seagama sebagai Yahudi. Tidak pernah diperkatakan pada zaman dahulu, tidak pernah berlaku. Dalam ayat yang disebut oleh Wakil daripada Tepoh tadi kepada Firaun yang terkenal dengan jahatnya, kepada Firaun yang terkenal dengan zalimnya, kepada Firaun yang memerintah dunia pada masa itu, apabila Allah S.W.T. memerintah Nabi Musa untuk berdakwah kepadanya diajar supaya berkata dengan kata-kata yang mulia. Saya tak tahu jika ADUN atau Wakil Wakaf Mempelam merasa dirinya lebih mulia daripada Nabi Musa lalu dia boleh berkata dengan lebih kasar dan kita ini lebih hina daripada Firaun. Dato' Yang Di Pertua Dewan, kerana percakapanlah banyaknya

berlaku kerosakan, orang menilai kitapun melalui percakapan kita, kita menilai orangpun banyak melalui percakapannya sebab itulah kata Steven Colby kalau tak silap saya dia kata semakin banyak kita bercakap, semakin banyak kita memperkenalkan diri kita kepada orang lain, nampaknya hari ini orang sudah kenal siapa Wakil daripada Wakaf Mempelam walaupun di atas kepalanya ada kopiah tetapi di dalam kepalanya entah apa-apa yang terkandung. Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menasihatkan diri saya dan semua yang ada di dalam Dewan yang mulia ini khususnya orang yang banyak bercakap, ingatlah Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud: "Nabi kata pernah seseorang lelaki dia boleh bercakap satu perkataan yang diredhai Allah, dia tak rasa apa-apapun tapi membawa dia masuk Syurga". Dan, ada orang bercakap dengan perkara-perkara yang tidak diredhai oleh Allah, dia tak rasa apa apapun. Kalau dia rasa megah, dia rasa bangga, dia rasa orang lain salah, itu tak tahulah bagaimana pulak keadaannya. Dia bercakap satu perkataan yang Tuhan tidak diredha dan dia tak rasa apa-apa, Nabi berkata yang bermaksud: "Boleh membawa dia masuk Neraka". Saya bimbang orang-orang yang banyak bercakap walaupun dia pakai serban, pakai jubah, suatu masa nanti dia tak sedar bahawa percakapan-percakapannya, ucapan-ucapannya mengheret dia ke Neraka yang selama ini dia duk sebut orang ini masuk Neraka, orang itu masuk Neraka, kita nak Syurga dan sebagainya. Dato' Yang Di Pertua Dewan, sebagai orang Islam dan sebagai orang yang waras saya percaya tidak ada sesiapaupun yang tak nak masuk Syurga, kitapun nak masuk Syurga bukan Pembangkang sahaja nak masuk Syurga, kitapun baca Al-Quran bukan Pembangkang sahaja baca Al-Quran, kitapun beramal ibadat bukan Pembangkang sahaja yang beramal ibadat tetapi sayangnya Pembangkang-pembangkang di dalam negara kita, mereka membangkang apa sahaja yang kita lakukan, walaupun betul, walaupun baik terus dibangkang. Walaupun katanya nak bangkang hak salah saja tapi dia bangkang semua sekali, hak betul, hak salah dia bangkang semua sekali. Sebab itulah saya percaya apa yang Kerajaan war-warkan pada hari ini, apa yang parti kita nakkan pada hari ini 'Sifar Pembangkang' memang betul-betul relevan dah nampaknya kerana adanya puak-puak ini nampaknya tak memberi manfaat kepada kita, dia tidak memberi kebaikan kepada kita, dia tidak membangkang untuk kebaikan tapi dia membangkang untuk menang dalam Pilihanraya, dia membangkang untuk kepentingan peribadi mereka. Jadi oleh kerana itu, wujud mereka ini lebih banyak mudarat kepada kebaikan, wujudnya mereka ini lebih menyekat aktiviti dan perancangan Kerajaan daripada membantu dan menolong supaya rancangan Kerajaan menjadi lebih baik, lebih lancar dan sebagainya. Kita telah lihat sejak daripada dahulu lagi lantaran apa yang dibawa oleh Pembangkang sampai hari ini penyakit dalam masyarakat kita belum-belum lagi *sendit*, belum-belum lagi baik, belum-belum lagi pulih seperti sedia kala. Sembahyang Jumaat di dalam masjid yang berasingan walaupun berdekatan masih lagi berlaku, tuduhan kafir-mengkafir masih lagi berlaku, tak makan sembelihan orang hak ini yang kurang sikit pada hari ini. Semua ini adalah hasil daripada natijah daripada ucapan-ucapan Pembangkang yang ada di sebelah kanan saya, merekalah yang mengatakan orang Umno kafir, merekalah yang mengatakan orang Umno tak sah sembahyang, merekalah yang mengatakan kahwin dengan Jurunikah Jurunikah Umno tak sah. Sehingga sampai hari ini masyarakat tak selesa nak sembahyang di belakang Imam-Imam yang dilantik oleh Kerajaan, walaupun bilangan mereka ini kecil tetapi jika dibiarkan ia akan merebak dan suatu masa nanti akan membawa kepada perbalahan, membawa kepada kemusnahan dan keruntuhan masyarakat kita. Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah menyebut, beliau sangat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana rakyat dalam negeri ini telah hidup dalam keadaan aman dan damai dan perpaduan yang wujud dalam

negeri ini telah memungkinkan pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik. Saya percaya untuk mewujudkan perpaduan yang sebenar-benarnya yang bersih daripada segala noda perpecahan, perasaan hasad dengki dan sebagainya, percakapan-percakapan yang tidak baik seharusnya dinafikan tidak diberi peluang untuk dibiarkan berleluasa seperti zaman dahulu. Perbuatan mengkafirkan orang sampai hari ini masih lagi kedengaran, hari ini baru saja kita dengar kata "Kerajaan lebih zalim daripada Yahudi" sedangkan zaman mereka dahulupun mereka buat perkara yang sama tapi mereka tak kata pulak mereka orang Yahudi. Nampaknya mereka ini telah biasa sangat dengan Yahudi, kenal sangat orang Yahudi, mungkin baik sangat dengan orang Yahudi, maka dia kata kita ini dekat-dekat dengan orang Yahudi kerana dia kenal, dia baik dan sebagainya. Dato' Yang Di Pertua Dewan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa yang diperuntukkan kepada Yang Berhormat telah lebih dah.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya minta masa sikit untuk tutup, jangan brek mengejut, Dato' Yang Di Pertua. Saya nak mohon sekali lagi supaya buku yang ditulis dari Pembangkang, Wakil Rhu Rendang tidak dibenar disebar dalam negeri ini kerana buku itu telah menyanggahi dan telahpun ditolak oleh Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang menyokong gagasan Islam Hadhari yang kita laksanakan dalam Kerajaan kita. Saya juga ingin menekankan bahawa percakapan-percakapan, ceramah-ceramah daripada wakil Pembangkanglah yang menjadi punca kepada perpecahan di dalam Negeri Terengganu pada hari ini. Mereka masih lagi membiarkan pengikut-pengikut mereka mendirikan masjid-masjid sewenang-wenangnya walaupun telah ada masjid yang selesa, yang besar, yang didirikan oleh Kerajaan yang cukup untuk menampung bilangan jemaah dalam masa setempat. Saya percaya jika Pembangkang benar-benar ikhlas seperti yang dikatakan tadi 'membangkang untuk kebaikan', mereka akan tarik balik, mereka akan membetulkan pengikut-pengikut mereka yang telah tersasar jauh daripada semangat ukhwh dalam Islam dan saya percaya jika mereka benar-benar ikhlas inilah yang mereka mula-mula sekali buat. Mereka tarik balik ungkapan-ungkapan, cakapan-cakapan mereka dalam ceramah-ceramah mereka yang terdahulu, tarik balik dan bawalah kepada perpaduan. Insya-Allah, Kerajaan yang ada pada hari ini sangat mesra dengan rakyat dan boleh menerima apa-apa sahaja teguran asalkan teguran itu betul walaupun dengan bahasa yang kasar. Tetapi jika teguran yang tidak betul dengan bahasa yang lembutpun barangkali kita tidak perlu dengar tetapi kalau tak betul dan dengan bahasa yang kasar sudah tentulah ini sangat jauh sudah tersasar. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya mohon menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Sura.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Bismillahir-rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan.

Terlebih dahulu saya melahirkan setinggi-tinggi rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana pada hari yang kedua ini dapat saya turut serta dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, melihat kepada hasrat murni daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan untuk melihat suasana perpaduan berlaku dalam negara kita, maka kita pagi tadi tersentak dengan ucapan daripada Wakil Wakaf Mempelam yang membahaskan beberapa perkara termasuk memberikan suatu tuduhan yang tidak sepatutnya dikeluarkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya teringat kepada sebuah hadis yang hassen daripada Ibnu Abbas R.A. Riwayat daripada Imam Ar-Tarmizi yang dinakhalkan di dalam Kitab Bahrulmaazi dengan izin Kitab Bahrulmaazi Juz' yang kesembilan halaman 197, Baginda Rasulullah S.A.W. bersabda dengan izin kurang lebih maksudnya: "Apabila seseorang lelaki mengucapkan satu ucapan kepada lelaki yang lain diucapkan: 'Wahai Yahudi!' "Dituduh seseorang lebih teruk daripada Yahudi, kata Nabi pukullah dia dengan 20 sebatan." Subhanallah Adakah Wakil Wakaf Mempelam bersama kroninya tidak pernah baca hadis ini? Bayangkan kalau sekiranya kalangan Pembangkang menentang hadis ini dan menolak, syiriklah mereka. Kemungkinan hadis ini mereka tak baca dengan sebab kena kepala mereka sendiri. Tetapi ingatlah bahawa kita akan dipersoalkan oleh Allah. Jangan ingat dalam Dewan yang kebal ini kita tidak dipersoalkan oleh Allah. Oleh sebab itu, kalau kita jugak melihat kepada tafsir Al-Quran yang dikarangkan oleh Sheikh Ahmad Sonhaji jilid yang pertama, beliau menyatakan bahawa di antara sifat-sifat Yahudi antara lain ialah

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan pohon izin sebelum diberi penjelasan lanjut oleh Yang Berhormat Wakil Sura. Maknanya kita boleh rotanlah Wakil Rakyat Wakaf Mempelam 20 rotan lepas pada ni.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Saya taknboh jawab lagi soalan itu, mungkin nanti Exco boleh maklum dalam Penggugulan nanti sama ada dirotan di hadapan ramai ke dan seumpamanya? Sheikh Ahmad Sonhaji dalam jilid yang pertama menyebutkan di antara sifat-sifat Yahudi yang sebenarnya antara lain ialah mereka yang bersifat dengan keras hati. Di antara sifat Yahudi lagi yang disebutkan oleh Sheikh Ahmad ini mengambil Firman Allahtaala dalam Surah Al-Maaidah ayat 42 yang bermaksud: "Mereka yang bercakap bohong dan suka memakan benda yang haram yakni riba". Dalam hadis yang lain Nabi S.A.W. juga bersabda dengan izin yang bermaksud kata Nabi S.A.W. dalam Sabda Baginda: "Tanda orang munafik itu tiga perkara; apabila bercakap dia bohong, apabila berjanji dia menyalahi janji, dan apabila diberikan amanah dia khianat, dalam satu riwayat, walaupun ianya sembahyang ataupun berpuasa". Dan, di dalam Firman Allahtaala di dalam Surah Al-Maaidah ayat 82 dengan izin yang bermaksud: "Di antara sifat orang-orang Yahudi ialah mereka yang suka bermusuhan dengan orang-orang yang beriman".

Tuan Yang Di Pertua Dewan, sebagai seorang warga negeri Islam yang merdeka, saya merasa terharu dan amat bergembira mendengar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Titah Ucapan Al-Sultan yang antara lain melahirkan rasa gembira terhadap agenda pembangunan negeri yang sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional berteraskan kepada Islam Hadhari Terengganu Bestari, saya ulang berteraskan kepada Islam Hadhari Terengganu Bestari. Ertinya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan sendiri mengiktiraf konsep ataupun pendekatan Islam Hadhari itu sendiri di negeri kita yang

tercinta ini. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana Islam secara realitinya adalah merupakan agama pembangunan, Islam dan pembangunan adalah suatu yang tidak boleh dipisahkan. Maka pembangunan itulah yang disebutkan di dalam bahasa Arab sebagai 'Hadharah'. Hal ini diakui sendiri oleh Mursyidul Am Pas Merangkap Menteri Besar Kelantan di dalam Ucapan Sekapur Sirih di dalam Buku Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari, halaman kesepuluh (roman) dengan izin saya tunjuk. Kata beliau: "Islam dari awal hingga sampai akhir adalah bersifat hadhari yakni bertamadun". Saya ulang, kata Mursyidul Am: "Islam dari awal sampai akhir adalah bersifat hadhari (bertamadun)". Dirakamkan dalam

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Mintak laluan, penjelasan Dato' Yang Di Pertua - Jadi kalaulah Mursyidul Am Pas dah kata Islam itu daripada dulu lagi sampai hari ini bersifat ketamadunan (hadhari) bukankah itu maknanya dia kata Islam itu hadhari? Ataupun dalam bahasa Arab dengan izin *Islamun Hadhari?* Adakah itu maknanya saya hairan Wakil Rhu Rendang yang sebelah ini tak faham-faham.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Terima kasih. Dato' Yang Di Pertua, saya merasakan kemungkinan penulis ini dia pening kepala sebab dalam buku dia Buku Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari? Didatangkan Tuan Guru-Tuan Gurunya dengan menyebutkan bahawa Islam daripada awal sampai akhir bersifat Hadhari. Oleh sebab itu, saya sambung Tuan Yang Di Pertua, saya berharap pihak Kerajaan tolong mengambil tindakan yang tegas dan bersegera kepada mana-mana individu termasuk Wakil-Wakil Rakyat yang boleh dikira menentang atau tidak bersetuju serta cuba menyelewengkan maksud yang murni daripada Islam Hadhari. Dan, buku ini sebagaimana yang saya tunjukkan tadi Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari tulisan Abdul Hadi Awang yang ditulis di sini - Abdul Hadi Awang yang secara jelas menolak pendekatan Islam Hadhari sebagaimana katanya dalam buku ini perkataan Islam Hadhari yang diwar-warkan oleh Umno

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Pengerusi mintak laluan sekejap, saya mintak penjelasan - Ada tuan dia hak nama Hadi Awang duduk dalam ni?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Tuan Yang Di Pertua, ada *cover* dia ada gambarnya iaitulah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang tapi dekat luar ini takdok Tuan Guru? Hilang Tuan Guru luar ini kot.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Tuan dia ada ke tidak dalam ini?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Nampak sebiji saja. Saya tak pastilah sebab jauhkan sebab saya pakai cermin mata, dengan izin, rasanya ya-lah ni? Saya sambung Tuan Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Di Pertua, boleh kita mintak pandangan sikit daripada tuan yang disebut di dalam itu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Wakil Sura teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULAH (Wakil Sura): Terima kasih. Tetapi di sini disebut Tuan Yang Di Pertua, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang adalah anak jati Kampung Rusila, Marang, Terengganu. Kata beliau dalam bukunya perkataan Islam Hadhari yang diwarwarkan oleh Umno mempunyai tujuan dan objektif yang tidak istiqamah, kabur, menyeleweng, malah berisiko menyesatkan. Menurut pengarang buku ini lagi pada halaman 36 dengan izin: "Contoh terkini ialah ciptaan istilah Islam Hadhari ia suatu ungkapan indah yang menggoda tetapi dalam masa yang sama mengelirukan dan dusta. Tindakan mereka samalah seperti yang pernah dilakukan oleh golongan Tatar yang menakluk Baghdad dengan mengemukakan Perlembagaan Yasad, mencampuradukkan Islam dengan kesesatan." Oleh sebab itu, dengan ungkapan atau tulisan yang mengelirukan dan menyesatkan dalam buku ini maka saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini supaya mengharamkan buku ini bukan hanya untuk negeri ini malahan sepatutnya perlu diharamkan untuk seluruh dunia. (Tepukan Sokongan) Begitu juga dengan mana-mana buku yang menentang hasrat murni pendekatan Islam Hadhari yang sedang kita perjuangkan ini. Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu, kita melihat dalam suasana membangunkan negeri yang indah ini kita disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan untuk melihat suasana perpaduan berkekalan dalam negeri ini. Oleh sebab itu saya juga berharap kepada pihak Kerajaan supaya membuat sesuatu tindakan khususnya kepada mereka-mereka yang boleh berceramah supaya mengenal pasti ceramah dan majlis-majlis ceramah mereka sekiranya isi kandungan ceramah yang disampaikan itu dianggap sebagai menentang Islam Hadhari sepatutnya tidak diberikan permit, dengan izin.

Dato' Yang Di Pertua, dalam rangka membangunkan negeri, saya juga suka mencadangkan beberapa perkara. Yang pertama, berhubung dengan pembinaan penghadang ombak di kawasan Teluk Lipat, Dungun yang baru-baru ini menerima hakisan yang kuat. Yang kedua, saya juga suka mencadangkan dalam membuka ruang pelancongan dicadangkan supaya dibina dan diwujudkan *Water Front* di kawasan Kuala Dungun yang dianggarkan RM10 juta. Yang ketiga, saya juga mencadangkan supaya kuarters-kuarters kerajaan yang didirikan sejak zaman kolonial lagi yang menggunakan kawasan yang begitu luas supaya bangunan-bangunan itu disemak dan dinilai kembali yang saya juga mencadangkan di sini supaya bangunan-bangunan kuarters perlu disusun semula di tempat yang agak strategik dibangunkan di tempat kuarters berkenaan itu sebagai pembangunan Bandar Dungun dengan konsep yang jelas sesuai dengan Islam Hadhari. Yang keempatnya, dicadangkan supaya diup-gradekan kawasan Bukit Tebuk sesuai dengan usaha menggiatkan usaha pelancongan berasaskan sejarah yang berlaku di situ. Yang kelima, dicadangkan supaya dibangunkan Pantai Teluk Lipat sesuai dengan nama yang telahpun gah dan seterusnya dicadangkan di sini selepas rakyat melihat adanya suasana yang harmoni dan pembangunan yang nanti akan menghubungkan antara Seberang Pintasan dengan kawasan Bandar Dungun iaitu kawasan dekat Pasar Dungun. Maka juga saya mencadangkan supaya dinilai kembali sebuah masjid yang berdekatan di laluan berkenaan iaitu di Masjid Sungai Udang supaya diperbesarkan sesuai dengan semangat Islam Hadhari yang masih lagi mengekalkan konsep senibina tradisional. Dan yang seterusnya dicadangkan di sini dalam membina pembangunan di negeri kita dicadangkan supaya dipercepatkan gerak kerja mendalamkan muara-muara sungai terutamanya di muara Kuala

Dungun. Dato' Yang Di Pertua, akhirnya saya ingin memohon daripada Dewan yang mulia ini iaitu berhubung dengan masalah perkuburan. Seringkali kita melihat orang membangunkan bandar, kampung, qariah dan seumpamanya tetapi dalam masa yang sama sebahagian di kalangan kita agak terlepas pandangan untuk membina, membersihkan, menceriakan kawasan perkuburan. Oleh sebab itu, saya mohon mencadangkan supaya pihak Kerajaan daripada mana-mana jabatan yang tertentu melihat semula tentang perkuburan, konsepnya dan keceriaannya supaya ianya terjaga dan memberikan imej yang baik kepada pihak Kerajaan.

Dato' Yang Di Pertua, akhirnya dalam masa yang terbatas ini suka saya menegaskan bahawa ingatlah bila mana seorang ulama yang terkenal yang bernama Sheikh Muhammad Nawawi pengarang Kitab Tafsir Muraahallubai daripada Indonesia di dalam Kitab Murqadissouditasdiq-firsyahissulamitaufik beliau menyatakan yang bermaksud: "Menjadi murtad seseorang itu dengan tiga cara, dengan tiga bahagian. Yang pertamanya, dengan *iqtiqad* dengan izin. Yang keduanya, dengan perbuatan. Dan, yang ketiga dengan perkataan." Kata Sheikh Muhammad Nawawi lagi yang bermaksud: "Di antara perkara lagi yang boleh menyebabkan seseorang itu jatuh murtad." Walla'azzubillah, kata Sheikh Muhammad Nawawi: "Apabila seseorang itu berkata kepada orang Islam yang lain, "Wahai Kafir! Wahai Yahudi! Wahai Nasrani! Wahai orang yang tidak ada agama! Ataupun wahai orang-orang yang mempersendakan agama, perkara itu boleh membawakan murtad, walla'azubillah. Oleh sebab itu

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan, Yang Di Pertua, penjelasan. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, banyak hadis-hadis dan ayat Quran telah dibacakan oleh Wakil Sura itu tadi. Soalan saya adakah Tok-tok Guru daripada pihak Pembangkang tidak pernah menemui hadis ataupun ayat-ayat yang dibacakan itu untuk diberitahu kepada pengikut-pengikut beliau di kampung-kampung? Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, mungkin tak *dang* kotnya, kuat berbini do'oh puak dia ni (Dewan Gelak) Oleh sebab itu saya mohon daripada Dewan yang mulia ini, sebab saya berani kata begitu Dato' Yang Di Pertua, sebab dalam Dewan ini juga dahulu diluluskan hal cerita poligami. Seolah-olahnya cerita hal poligami ini besar berdo'oh, takdok tempat lain dah nak berbincang, bincang dalam Dewan ini saja, malu jugak ke budak-budak. Oleh sebab itu dalam Dewan yang mulia ini saya mohon Wakil daripada Wakaf Mempelam kerana sayang kepada agama, saya sayang kepada Wakil Wakaf Mempelam, saya kasih kepada hati dan jiwa murni yang ada pada Wakil Wakaf Mempelam, tolonglah tarik balik ucapan yang boleh menyebabkan seseorang itu boleh terkeluar daripada agama Allah. Sekian dahulu saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Beberapa orang lagi nak bercakap? Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillahirrabbi-lamin wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana pada hari ini kita dapat membahar Tiatah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam masa Perasmian Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Usul Terima Kasih kepada Tiatah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada hari semalam. Tuan Yang Di Pertua, dalam Tiatah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ada menyebut beberapa perkara yang penting yang menjadi panduan dan asas kepada pembangunan negeri kita iaitu Negeri Terengganu yang kita kasih ini. Tapi pada kesempatan ini saya ingin menyentuh beberapa aspek sahaja iaitu yang pertama mengenai dengan pertanian dan juga perikanan. Dan yang kedua mengenai dengan apa yang disebut tentang golongan muda yang telah disentuh walaupun sedikit tetapi memberi makna yang besar kepada kita. Di samping itu, saya juga ingin menyebut betapa Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan merasai gembira dengan dasar yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri hari ini yang berteras kepada Islam Hadhari Terengganu Bestari yang menunjukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menyokong, merestui dan berkenan dengan dasar yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan hari ini. Tetapi malangnya ada sesetengah pihak daripada kita khususnya pihak Pembangkang yang tidak menerima dan tidak mahu menerima apa yang telah dirancang dan telah dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini. Ini membuktikan bahawa pihak Pembangkang telah menunjukkan sikap yang tidak sopan kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Tuan Yang Di Pertua, di samping itu kita rasa sedih kerana ada di kalangan Ahli Dewan kita yang menunjukkan sikap ataupun akhlak yang tersendiri dengan menyebut perkataan Yahudi yang tidak sepatutnya disebut di dalam Dewan yang mulia ini. Perkataan ini melambangkan bahawa sikap ataupun akhlak penyebut itu sendiri tidak selaras dan tidak selari dengan apa yang diajar oleh Islam dan juga dibawa oleh Nabi Besar kita Muhammad S.A.W. Sebagaimana sebuah hadis yang disebut Baginda yang berbunyi yang bermaksud: "Aku diutuskan ke dunia ini untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan. Terima kasih. Apakah tugas seorang Ulama Hasanah apabila mendengar pemimpin bawahannya mengeluarkan perkataan 'lebih teruk daripada Yahudi' yang kita pernah dengan pada sesi tengah hari tadi?

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Terima kasih kepada Wakil Alur Limbat. Sepatutnya sebagai seorang pemimpin lebih-lebih dikenali sebagai Tuan Guru, sepatutnya beliau menasihati anak buahnya yang bercakap kurang sopan dalam Dewan ini dan sekiranya pemimpin tidak sanggup memberi nasihat maka dia tidak layak menjadi pemimpin, patut letak jawatan daripada sekarang ini. Tuan Yang Di Pertua, saya jugak sebagaimana wakil-wakil lain menyebut supaya Yang Berhormat Wakaf Mempelam menarik balik ucapan Yahudi yang telah disebutkan kepada Kerajaan Negeri pada hari ini, ini jelas sebagaimana disebut oleh Wakil Sura sebentar tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagai Wakil Kuala Besut yang rata-rata penduduknya terdiri daripada kaum nelayan maka sudah tentu menjadi fokus utama saya untuk membela dan memberi keselesaan kepada kaum nelayan di mana saya wakili. Saya ingin menunjukkan satu statistik tentang pendaratan bot-bot laut dalam di LKIM Besut iaitu di Kuala Besut. Pada tahun 2000 sebanyak 340 bot mendarat di Kuala Besut. Pada tahun 2001 sebanyak 423 bot telah mendarat di LKIM Kuala Besut. Manakala pada tahun 2002 pendaratan bot di Kuala Besut telah menurun lebih daripada 50 peratus hanya 199 buah bot sahaja yang mendarat, begitu juga pada tahun 2003 dan jugak 2004. Penurunan pendaratan bot ini disebabkan kecetekan muara Kuala Besut kerana mengikut kajian yang dibuat oleh LKIM, sesuatu muara itu khususnya di Kuala Besut seharusnya diberi *maintenance*, dengan izin, ataupun pembaikpulihan selewat-lewatnya dalam tempoh lima tahun. Muara Kuala Besut diperdalamkan pada tahun 1995 dan boleh diguna semula pada tahun 1997. Sehingga 2001, muara Kuala Besut masih lagi dalam dan menyebabkan bot-bot bersaiz besar dapat mendarat ataupun memasuki kuala dan mendarat di LKIM Besut. Tetapi sejak tahun 2002, muara mulai cetek sehinggalah 2005 hari ini muara Kuala Besut masih lagi cetek dan alhamdulillah muara itu telahpun diperdalamkan oleh Kerajaan hari ini dengan peruntukan yang besar iaitu sejumlah RM6 juta. Ini memberi gambaran kepada kita betapa selama empat tahun Kerajaan Pas memerintah di Terengganu tidak ada rancangan untuk memperdalamkan muara di Kuala Besut ini, ini menyebabkan nelayan-nelayan di Kuala Besut dan bot-bot dalam terpaksa berpindah arah kepada Pelabuhan Tok Bali dan ini satu kerugian besar bagi kita di Terengganu ini. Untuk makluman Dewan sekalian, Lesen C2 iaitu bot laut dalam yang berdaftar di LKIM Kuala Besut sebanyak 31 buah dan boleh dikatakan semua sekali mereka ini mendaratkan ikan mereka di Tok Bali. Dengan sebab itu apabila muara kita dapat diguna semula oleh bot-bot kita bersaiz besar ini, saya memohon kerjasama Kerajaan Negeri untuk memohon dan meminta Kerajaan Pusat supaya memaksa ataupun memberi syarat-syarat kepada pengusaha-pengusaha bot laut dalam supaya mereka mendaratkan ikan-ikan mereka di LKIM Kuala Besut. Dalam masa yang sama Kerajaan telah meluluskan sejumlah 72 'lesen charter', yang dimaksudkan 'lesen charter' ini ialah Kerajaan memberikan lesen kepada pengusaha-pengusaha bot laut dalam dengan memberi kebenaran untuk menyewa bot-bot daripada negara-negara asing yang telah ditentukan dan ditetapkan. Tetapi perkara sebaliknya berlaku bot disewa bukan hanya bot semata-mata tetapi diberi terus kepada pengusaha-pengusaha dan pekerja-pekerja daripada Negara Thailand. Dan, dengan adanya bot-bot seperti ini boleh mengancam nelayan-nelayan tempatan daripada mengambil ataupun mencari ikan di laut dalam kerana pengusaha-pengusaha daripada Thailand inilah yang banyak memberi gangguan dan ancaman kepada nelayan-nelayan tempatan. Mereka membuat apa saja untuk menghalang dan menyekat bot-bot tempatan daripada berusaha dengan lebih baik, mereka mengancam berbekalkan dengan senjata-senjata api. Dengan sebab itu saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan dapat membuat rondaan-rondaan dan memberi tindakan yang tegas kepada bot-bot charter ini kerana jelas sekali mereka ini melanggar syarat pemberian lesen.

Tuan Yang Di Pertua, saya juga ini menyentuh tentang gejala sosial iaitu khususnya dari segi penagihan dadah. Mengikut statistik daripada AADK Negeri Terengganu, dalam tahun 2001 seramai 2,476 penagih tegar telah dikesan dan didaftarkan. Pada tahun 2002, sejumlah 2,358 penagih-penagih tegar dan pada tahun 2003 - 1,744. Dalam tempoh tahun 2001 sehingga 2003, jumlah penagih dadah begitu banyak kalau kita bandingkan dengan

2004. Saya membuat kajian peningkatan tahun 2001 hingga 2003 adalah disebabkan ketidakcaknaan Kerajaan di waktu itu kepada golongan belia dengan tidak memberi sedikitpun peruntukan kepada golongan belia ini dan tidak diberikan juga kegiatan-kegiatan yang baik dengan tidak diperuntukkan juga kepada persatuan-persatuan dan juga ngo-ngo yang khusus ditubuhkan untuk menangani penyalahgunaan dadah seperti Pemadam, persatuan-persatuan belia dan lain-lain lagi. Untuk tahun 2004, jumlah penagihan dadah yang tegar di negeri kita ialah sejumlah 1,121, ini kita menampakkan penurunan yang ketara dalam hanya tempoh setahun sahaja oleh kerana Kerajaan baru hari ini, Kerajaan Barisan Nasional hari ini telah memperuntukkan kepada golongan belia dan golongan muda hari ini sejumlah peruntukan yang besar dan mereka dapat mengadakan aktiviti-aktiviti. Dengan adanya aktiviti-aktiviti ini boleh menghalang mereka daripada memberi tumpuan kepada dadah. Tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini. Di samping itu saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya menambahkan lagi peruntukan untuk kegiatan membasmi penyalahgunaan dadah hari ini di kalangan remaja kita. Kita bimbang sekiranya perkara ini kita biarkan dan kita tidak memberi perhatian yang serius, nanti masyarakat kita hari ini akan berhadapan dengan situasi yang tidak baik dan boleh menyebabkan suasana masyarakat tidak tenteram. Untuk makluman kita semua, pada waktu ini pengusaha-pengusaha ataupun kontraktor kontraktor yang bersangkutan dengan penggunaan besi dan *hardware* rasa susah hati kerana wujudnya pembeli-pembeli besi-besi buruk ni, dan banyak di kalangan besi-besi buruk itu telah hilang begitu sahaja. Dengan sebab itu, kita harus menangani masalah penagihan dadah di kalangan remaja kita dengan baik dan bijaksana dan dengan memberikan galakan dan peruntukan yang baik kepada semua persatuan-persatuan belia dan juga Persatuan Pemadam Daerah sebab persatuan-persatuan ini jugak harus menubuhkan sektor-sektor di peringkat mukim-mukim bahkan juga di peringkat kampung kampung bahkan sepatutnya setiap kali di dalam mesyuarat JKKK dimasukkan satu agenda bagaimana untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah di kalangan remaja kita. Di samping itu, kita juga harus memberi peluang dan ruang kepada pemuda-pemuda kita untuk beriadah dengan memberikan peruntukan yang sewajarnya serta kemudahan-kemudahan riadah di kampung-kampung kerana inilah salah satu cara bagaimana untuk mengelakkan mereka menggunakan masa lapang mereka dan tidak membiarkan mereka berlepak sesama sendiri. Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ucapan saya pada kali ini dengan ini saya mohon menyokong. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Dato' Seri Menteri Besar serta ahli sidang sekalian.

Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kepada saya bagi turut sama membalas menjunjung kasih dan penghargaan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kelmarin. Daripada Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan kelmarin, menggambarkan kepada kita bahawa Tuanku amat berpuashati dengan Kerajaan Negeri yang ada pada hari

ini. Ini jelas apabila Tuanku menyebut dan memberi harapan yang tinggi bahawa Kerajaan Negeri pada hari ini mampu untuk menjadikan Negeri Terengganu Darul Iman ini majunya seimbang antara spiritual dan material, dengan izin ataupun berjaya di dunia dan akhirat. Di atas keyakinan Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Dato' Seri Menteri Besar, maka Tuanku dengan sukacita dan memberi harapan yang tinggi Kerajaan Negeri mampu mentadbir dan membangunkan Negeri Terengganu Darul Iman yang kita cintai ini. Barangkali Tuanku melihat banyak perubahan yang telah dibawa oleh Kerajaan Negeri, banyak pembangunan yang telah dibawa dan dihidangkan kepada rakyat negeri ini. Antaranya Lebuhraya Pantai Timur Fasa Kedua telahpun berjalan, Kompleks Sukan, menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud, dan berbagai program lagi dibuat oleh Kerajaan Negeri sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil Tepoh sekejap tadi. Inilah julung-julung kali kita bersidang yang mempunyai sistem rangkaian persidangan berdigital dan kalau orang DUN saya sebut: "hilir dah DUN kita ini, inilah baru hadhari", orang kampung saya sebut. Inilah barangkali memberi makna yang jelas kepada kita bahawa hadhari ini meliputi di dunia dan di akhirat dan sebab itulah Dato' Seri Menteri Besar menyebut agama Islam bukan untuk dihutbahkan tetapi untuk dipraktikkan. Ini menuntut kepada seluruh warga Terengganu supaya memahami erti hadhari ini. Saya dengar pada tahun ini Kerajaan Negeri akan membina lebih kurang 20 buah masjid tidak sepertimana Kerajaan sebelum ini yang membina kerangka masjid dan kerangka ini akan disiapkan oleh Kerajaan yang dituduh Yahudi sekejap tadi oleh Wakil Wakaf Mempelam. Insya-Allah juga pada tahun ini akan dibina Muasassah Ar-Rahnu Gadaian Islam di setiap daerah dan barangkali juga Wakil daripada Wakaf Mempelam tidak menyedari bahawa inilah di antara tuntutan yang memberi suatu kemudahan kepada rakyat negeri ini terutamanya rakyat yang miskin di dalam soal pajak gadai ini. Sepertimana yang telah kita maklum menjadi agenda utama Kerajaan Negeri hari ini yang berteraskan Islam Hadhari Terengganu Bestari, prinsip asas ataupun prinsip utama yang diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri ialah untuk melihat rakyat Negeri Terengganu ini dapat menguasai ilmu teknologi. Bermula daripada peringkat pra-sekolah lagi di peringkat umur enam tahun anak-anak kita disediakan program Tadika Gemilang. Di mana anak-anak kita diberi suatu persiapan persediaan untuk masuk ke Tahun Satu dengan mahir Matematik dan Bahasa Inggeris. Dan, dalam masa yang sama parti-parti Pembangkang di Negeri Terengganu terus menghidupkan Tadika Pasti. Di kawasan Hulu Besut saya terdapat dua Tadika Pasti yang masih aktif. Saya dengar daripada Yang Berhormat Jabi memberitahu ada lebih kurang tujuh buah Pasti yang masih bergerak aktif, kalau tujuh campur di dua DUN ini, kalau tiga puluh orang dalam satu kelas, 200 lebih pelajar yang sepatutnya menyertai Tadika Gemilang ini dinafikan hak mereka untuk turut sama menikmati sistem pendidikan yang cemerlang ini. Kita takut suatu hari nanti anak-anak kita ini yang sepatutnya mendapat pendidikan yang cemerlang, yang memperlengkapkan mereka dengan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya mereka mempersiapkan hari muka mereka tetapi apabila Pembangkang terus memperkukuhkan Pasti mereka maka anak-anak ini tidak mungkin akan dapat menyesuaikan diri dan memperlengkapkan diri mereka untuk menghadapi hari-hari muka yang penuh dengan cabaran. Saya pohon kepada Kerajaan Negeri pada hari ini, berilah perhatian kepada anak-anak ini, kalau perlu haram, haramlah Tadika Pasti ini kerana dengan adanya Tadika Pasti ini seolah-olah menafikan hak anak-anak yang tidak tahu apa ertinya pada masa depan mereka.

Tuan Yang Di Pertua, saya juga ingin menyatakan betapa pada hari ini Wakil daripada Wakaf Mempelam menyebut perkara yang pada saya yang tidak ada asas pendidikan daripada sekolah agama, mendengar secara bahasa kampungnya, cakapnya cakap kasar. Dikatanya Kerajaan Negeri hari ini lebih teruk daripada Kerajaan Yahudi dan untuk makluman Yang Berhormat Kawasan Wakaf Mempelam, mula-mula Kerajaan Pas memerintah negeri antara perkara-perkara utama yang dibuat Kerajaan Negeri pada masa itu ialah meroboh sebuah rumah orang miskin di Kampung Lubuk Kawah pada sebelah pagi dan di sebelah petangnya tuan punya rumah yang diroboh itu pula tetak Pengerusi JSR. Tidak lama selepas daripada itu pula

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):
Penjelasan Yang Berhormat – Tetak itu apa benda?

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tetak itu takirlah kalau bahasa dan tidak lama selepas itu pula Kerajaan Negeri terus meroboh rumah seingat saya rumah Che Muda di Kampung Anak Ikan sehingga Che Mud ini masuk penjara sampai sekarang. Angkara perbuatan yang dikatakan oleh Wakil Rakyat Wakaf Mempelam tadi mengatakan Kerajaan Negeri hari ini lebih zalim daripada Yahudi, pada saya kalau hari ini Wakil Wakaf Mempelam mengatakan Kerajaan Negeri ini lebih zalim daripada orang Yahudi Kerajaan Pas pada masa itu barangkali boleh saya katakan sepuluh kali zalim daripada Kerajaan yang ada pada hari ini (Tepukan Sokongan) Anak-anak tadika dikeluarkan daripada tadika, pikul kerusi, pikul meja

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Di Pertua -- Adakah ketika itu pemimpin-pemimpin Pas tidak menyedari apakah yang berlaku ataupun dilakukan oleh pemimpin JSR di kampung-kampung sebagaimana yang diceritakan oleh Wakil Hulu Besut tadi sehingga kerana kes tersebut terpaksa meringkuk dalam penjara, adakah pemimpin Pas tidak tahu hal tersebut berlaku ketika itu?

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sayapun boleh agak juga kerana dia sibuk soal berkahwin barangkali. Dato' Yang Di Pertua, dan pada hari ini selepas Kerajaan Pas tumbang pada Pilihanraya 2004 baru-baru ini, sembahyang suku daripada masjid yang ada telah mula digerakkan, surau-surau dahulu yang tidak diadakan sembahyang berjemaah telah mula diadakan sembahyang berjemaah, berpecah dua masyarakat dan baru-baru ini Wakil daripada Rhu Rendang telah datang ke Hulu Besut, ke surau yang tak pernah diadakan sembahyang apabila kalah diadakan sembahyang jemaah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sembahyang Jumaat ke sembahyang jemaah ni?

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sembahyang berjemaah, belum lagi Sembahyang Jumaat. Ini sebagai suatu tanda bimbib-bimbib perpecahan dimulakan semula oleh parti Pembangkang ini. Di sini saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk melihat perkembangan ini merupakan suatu ancaman dan merupakan suatu keingkaran ataupun durhaka kepada Tuanku Al-Sultan sepertimana yang dititahkan Tuanku Kelmarin.

Dato' Yang Di Pertua, saya selaku Wakil Hulu Besut yang rata-ratanya penduduk Hulu Besut adalah terdiri daripada petani dan juga pekebun kecil yang rata-ratanya mereka mengharapkan hasil pertanian merupakan pendapatan utama mereka. Suka saya mencadangkan di sini supaya Kerajaan Negeri dapat mendesak pihak Felcra mengadakan kilang kelapa sawit di daerah Hulu Besut kerana Hulu Besut mempunyai ladang kelapa sawit yang luas. Terdapat Felcra, terdapat Risda, terdapat pekebun-pekebun kecil yang menanam kelapa sawit. Pada hari ini pekebun-pekebun kecil kelapa sawit terpaksa menghantar hasil ke kilang kelapa sawit yang jauh daripada kawasan DUN Hulu Besut saya. Saya juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita pada baru-baru ini yang telah merasmikan Projek Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) iaitu penggunaan telefon yang pertama diadakan di kawasan Hulu Besut saya yakin selepas empat puluh tahun tahun selepas kita mencapai kemerdekaan. Penduduk-penduduk Hulu Besut ingin mengucapkan terima kasih di atas prihatin Kerajaan Negeri memberikan kemudahan telefon yang pertama ini di Hulu Besut. Walaupun begitu, di Hulu Besut juga masih terdapat kampung-kampung yang masih lagi tidak mempunyai talian telefon yang tetap dan pada saya ini bertepatan dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kelmarin, Kerajaan Negeri diminta merapatkan jurang digital di antara kawasan-kawasan yang mundur terutama di kawasan Besut yang saya telah mendengar taklimat di antara daerah yang miskin. Hulu Besut saya, saya sifatkan bila saya bandingkan secara rambang dengan DUN-DUN lain saya katakan Hulu Besut ini merupakan kawasan yang paling terkebelakang. Pada hari ini saya juga minta Kerajaan Negeri supaya menyediakan kemudahan talian telefon tetap ini ke kampung-kampung yang masih tidak ada lagi terutamanya ke Pejabat Hidupan Liar di Kampung Padang Buluh. Pegawai-pegawai Hidupan Liar Kampung Padang Buluh selalu berjumpa dengan saya, mengadu kepada saya pejabatnya masih tidak ada telefon. Kalau ada masalah yang berkaitan dengan perhubungan, Pegawai-pegawai Hidupan Liar yang berada di Kampung Buluh ini terpaksa keluar ke kawasan yang mempunyai telefon. Saya pohon Kerajaan Negeri menyelesaikan segera masalah pejabat ini dan inilah baru Terengganu Bestari namanya. Di kawasan Hulu Besut juga sebagaimana yang kita sedia maklum adalah satu kawasan yang jalannya, jalan mati yang kalau diberitahu kepada sesiapaupun untuk membawa pembangunan bila ditanya kepada pengusaha, apakah Hulu Besut ini tidak mempunyai suatu konsesi untuk dijadikan tempat perusahaan ataupun kawasan pembinaan kilang, katanya kawasan Hulu Besut ini jalannya mati, tunggulah nanti jalannya hidup baru kita beri perhatian. Sekali saya menyeru, saya meminta dan saya memohon dan sebelum inipun saya dah beritahu saya juga dah sebut pada persidangan yang lalu, jalan yang mati inilah puncanya Hulu Besut ini mundur dan terkebelakang daripada DUN-DUN lain. Dengan itu saya memohon Kerajaan Negeri memberikan perhatian dan menyelesaikan masalah jalan yang mati ini dan insya-Allah, Hulu Besut juga akan seiring dalam pembangunan perdana negeri kita ini. Dengan sebab itu tidak hairanlah kalau Hulu Besut sekarang ini dengan kemudahan siaran televisyenya masih tidak ada lagi dan insya-Allah masalah air akan diselesaikan pada tahun 2006 ini daripada jawapan bertulis yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Saya bagi pihak penduduk Hulu Besut mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Kerajaan Negeri terhadap masalah air yang insya-Allah akan diselesaikan pada tahun 2006.

Dato' Yang Di Pertua, itulah yang dapat saya sebutkan pada kesempatan yang diberikan ini dengan itu saya pohon menyokong usul ini. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat nak bercakap? Okey, Yang Berhormat Batu Burok kita akan beri selepas kita rehat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 4.15 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.50 PETANG.

PUKUL 4.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang diberi dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang telah menyampaikan Ucapan Titah hari semalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, keprihatinan Duli Yang Maha Mulia boleh dilihat di dalam Titah Ucapan dan antara lainnya ialah yang dibangkitkan ialah keperibadian yang luhur. Wajarliah kalau kita lihat apa yang berlaku di Dewan pagi tadi Umno yang telah memerintah Malaysia selama hampir lima puluh tahun kini sedar betapa perlunya suatu pendekatan baru untuk Kempen Berbudi Bahasa dan saya bimbang kalaulah sikap pemimpin yang sebegini, di dalam Dewan yang mulia cabar mencabar untuk bertumbuk maka takut-takut terikut-ikut oleh pegawai-pegawai di bawah kita, anak-anak kita yang dicakna oleh Duli Yang Maha Mulia di dalam ucapan yang kita lihat sungguh murni dan penuh dengan keyakinan bahawa rakyat Kebawah Duli

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan – Kalau ajak bertumbuk duk kata kita Yahudi, kalau tak kata kita molek-molek tak ajak bertumbuk pulak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya merasakan satu ketika dahulu di Dewan yang mulia ini sendiri, serangan demi serangan dilemparkan ke atas kami Pembangkang kerana kononnya membawa perpecahan sedangkan di dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia sendiri melahirkan puas hatinya Baginda berlakunya keamanan, kesusilaan hidup rakyat dan begitulah juga di dalam ucapan yang baru lepas semalam. Dan, pada ketika itu Dewan terpaksa diberhentikan untuk ditunjuk satu tayangan video rekaan dan ciptaan lakonan kononnya begitu serius sekali perpecahan berlaku. Dan, hari ini

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan sekejap - Saya nak tanya Wakil Batu Burok kerana berterima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang memberi penekanan kepada Kempen Berbudi Bahasa. Saya pohon penjelasan daripada Wakil Batu Burok, adakah cara yang dibawa oleh Wakil Wakaf Mempelam itu menggambarkan budi bahasa yang selaras dengan nilai-nilai Islam yang ada dengan kita. Kalau tidak ada, kita pohon supaya Wakil

Wakaf Mempelam bangun dan umum di dalam Dewan yang mulia ini supaya tarik balik perkataan-perkataan yang telah dibawa sebelum ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya akan jawab insya-Allah.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohonlah supaya Wakil Wakaf Mempelam bangun supaya menarik balik perkataan yang telah dibawa sebelum daripada ini sebab kita nak Kempen Budi Bahasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak berbangkit, masa saya untuk berucap. Pada ketika itu selepas tayangan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya masih ingat mungkin ketika itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Setiausaha Dewan kalau tak silap saya, saya dah lupa, *correct me if I'm wrong*, dengan izin. Dan, ditubuhkan satu Jawatankuasa Perpaduan Ummah bukan nak mencari kemenangan siapa yang menang dengan undian yang lebih tetapi mencari suatu perpaduan ummah. Dan, pada hari ini kalaulah isu Islam Hadhari dan Hadharah Islamiah ini menjadi suatu pertikaian sama ada di Dewan ataupun oleh Ulama, maka saya cadangkan Dewan ini juga menubuh suatu Jawatankuasa Dewan yang kita bincang sampai pagipun tak apa, seminggupun tak apa, sebulanpun tak apa asalkan umat Islam, rakyat Negeri Terengganu akan datang kepada kebenaran dan ketinggian Islam. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya sempat meneliti dan membaca beberapa tulisan mengenai Islam Hadhari dan juga Buku Hadharah Islamiah ini. Dan, dari pengetahuan cetek saya mengenai dengan Islam, Islam yang disampaikan oleh Allah S.W.T. atas Nabi Besar kita Muhammad S.A.W. telahpun sempurna. Marilah kita renung Firman Allah (baca Surah Al-Maaidah ayat 3) yang bermaksud: "Pada hari ini Aku telah sempurna bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat Aku, nikmat agama Islam kepadamu dan Aku telah redha Islam sebagai agamaKu". Allah S.W.T. dalam firmanNya tidak mengatakan Islam Hadhari yang diperlukan tetapi Islam yang telahpun cukup sebelum wafatnya Rasulullah S.A.W. Dan, pada ketika itu kita semua tahu bahawa Islam telah membawa suatu pembaharuan kepada umat manusia, pembaharuan kepada umat manusia ini dari niat yang telah disejahterakan oleh Islam '*wama-arsalnaka-illarahmatan*' Tuhan kata: "Dan tidak Aku utuskan Muhammad melainkan untuk membawa rahmat ke seluruh alam". Bukan sahaja orang-orang Islam, bukan sahaja bukan Islam, bukan sahaja manusia tetapi seluruh alam mendapat rahmat dengan Islam yang dibawa oleh junjungan besar kita Muhammad S.A.W.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua tumpang laluan – Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, cuba Wakil Batu Burok beritahu di mana maksud rahmat kepada seluruh alam itu sekiranya wakil di sebelahnya menyatakan kepada orang lain, menyatakan kepada kami Wakil BN ini sebagai lebih teruk daripada Yahudi, cuba beritahu rahmat mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya bukan barisan Exco lagi, jadi saya sabar jawapan saya, kalau saya Exco saya boleh jawab, satu hari, hari ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan – Jika sekiranya apa yang diperkatakan tadi, Islam memberi rahmat kepada seluruh alam, kenapa Hukum Hudud dan Qisas Negeri Terengganu hanya untuk orang Islam sahaja dan tidak untuk orang kafir juga?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Insyallah Dato' Yang Di Pertua, saya harap masa mencukupi untuk saya. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Artikel 3 – Peruntukan 3 Perlembagaan Malaysia berkata dengan izin: "*Islam is the religion of the Federation, any other religion may be practise in peace and harmony*". Terjemahannya – "Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain bolehlah diamalkan dengan aman dan damai." Ini bersesuaian dengan perintah Allah S.W.T. "*la-iqrafiddin*", "Tiada paksaan dalam agama". Tetapi Allah berkata: "*Innadinna-indallah-hilIslam*" "Din yang Kuterima, ugama yang Aku terima hanyalah Islam". Maka kita pergi kepada Artikel 4

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, saya mohon Wakil Batu Burok datang berguru di Sura. Tak berapa faham lagi Islam tu, bercakap sahaja Islam tetapi tak berapa faham. Saya mencadangkan Wakil Batu Burok mari belajarlah dengan Wakil Surapun tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya masa memerintah itu hari hampir dua tahun saya beri peluang ke Wakil Sura untuk mempelajari bagaimana nak buat Undang-Undang Islam tapi satupun tidak dapat dibuatkan, Tok Guru macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Termasuk 'memperpetisejukkan' Wakil Sura ketika itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kalau dia panas di luar, apa salahnya disejukkan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, benar dan segala-galanya benar, 10 bulan 16 hari selepas itu terjerutlah kami, angkara siapa, angkara Wakil Batu Burok, Allahuwa'alam.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Orang Islam Paspun takut jugak ke Ustaz?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tok Guru hak nak suruh saya berguru dengan dia, saya dah duduk dekat dia 10 bulan 16 hari, satu hasilpun tak dapat tetapi di dalam radio ceramah, hentam Pas bukan ajar Islam. Minta maaf, ini kita sisih sekejap. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Artikel 4 Perlembagaan Malaysia berkata: "*This Constitution is a supreme law of the Federation, any other law (dengan izin) made after 31st August 1957 shall be now and void to the extend of its contradiction*", "Undang-undang Perlembagaan ini adalah tertinggi di negara kita, manamana peruntukan yang bertentangan dengannya adalah terbatal dengan sendiri". Apakah ertinya itu, di manakah Islam Hadharinya di situ, di manakah Islam di situ? Empat tahun

Pas memerintah, Pas telah memertabatkan Islam di Terengganu, alhamdulillah. Kita pinda perlembagaan dengan kuasa yang ada

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Pas telah memertabatkan Islam di Terengganu termasuk menghalau anak-anak dari tadika, apakah ini ajaran Islam? Apakah martabatnya, berapa buah masjidkah yang didirikan? Syok sendiri nampaknya Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, kita telah memertabatkan kedudukan Islam di Negeri Terengganu dalam bidang kuasa Dewan Perundangan Negeri Terengganu. Pada hari termaktub dalam Perlembagaan kita, undang-undang dan hukum yang paling tinggi di Terengganu, sejauh mana urusan Islam ialah Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias. Sila pinda

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, tulis label tepi jalan bolehlah tapi tak buat. Ramai orang boleh buat begitu iklan macam budak-budak. Malu ke orang gok retek, pegawai-pegawai dengar belaka ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya harap Dato' Yang Di Pertua boleh mengawal Dewan dan perkara penjelasan mestilah ditumpukan kepada perkara yang ada relevannya, yang ada hubungkaitnya untuk diminta penjelasan tetapi untuk mengatakan sinis, untuk mengganggu semata-mata mengganggu, saya harap Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dapat mengawal Dewan ini dengan baik.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Wakil Batu Burok menyatakan bahawa Pas telah memertabatkan Islam di Terengganu dan saya bertanyakan apakah bukti-buktinya Pas memertabatkan Islam di Terengganu sejak empat tahun yang lalu? Ini relevanlah dengan soalan apa yang dicakapkan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, melainkan manusia itu buta hatinya, tuli telinganya, dia tak faham apa yang saya katakan. Kita pinda Perlembagaan Negeri Terengganu menjadi Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias, hukum dan rujukan yang tertinggi di Negeri Terengganu. Negeri, negara duduk berasaskan kepada Piagam Perlembagaan, itu dia.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hakikatnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sumber tertinggi perundangan di Terengganu ialah Pas. Bahkan sumber Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias itu terkebelakang dari segi praktisnya semasa 2000 - 2004, apakah begitu Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini perkara yang tak relevan untuk diberi penjelasan. Boleh saya teruskan?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, boleh saya minta penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak nak bagi laluan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit mengenai dengan perkara-perkara perundangan yang dibohongkan kepada Dewan ini pagi ini iaitulah mengenai dengan peruntukan Cukai Pintu. Soalan yang mengatakan bahawa Cukai Pintu ini mempunyai peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia, saya semak *Federal Constitution*, Undang-undang Perlembagaan Malaysia, tidak ada, yang adanya hanyalah Artikel 76, Perlembagaan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang memberi kuasa kepada Parlimen untuk mengadakan undang-undang ataupun akta bagi uniformiti, bagi keseragaman undang-undang untuk pemakaian negeri-negeri. Kuasa mengenai dengan Cukai Pintu berada kepada *Local Authority* ataupun PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). Akta yang relevan, akta yang berkait dengannya ialah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang dipanggil Akta 171. Dan, dengan akta itu, ini dia MPKT dan Majlis-majlis Daerah yang lain telah mengeluarkan Sijil Pengecualian Cukai Pintu bagi 'rumah kediaman' kepada mereka yang telah memohon. Dan jika sekiranya ini tidak diberi pengiktirafan, rakyat mempunyai hak dari segi *legal* untuk mengambil tindakan di dalam apa jua proses untuk mendapatkan balik kewangan ini, insya-Allah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Sijil boleh keluar, Dato' Yang Di Pertua tapi dari segi aspek perundangan tidak dipatuhi. Saya tanya Wakil Rakyat Batu Burok kerana beliau Pengerusi Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri ketika itu. Sebutkan kepada saya Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran di Negeri Terengganu ini yang telah mengadakan Mesyuarat Penuhnya untuk mengecualikan Cukai Pintu untuk memenuhi kehendak akta?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tidak ada peruntukan begitu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Mana boleh tak ada peruntukan begitu. Saya akan tunjukkan besok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Esok tunjukkan, jawablah besok.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah, jangan larilah besok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini hari saya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah, jangan larilah besok. Takut lari pulak besok, takut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, rampak senyum lagu lain, takut lari pulak esok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Seksyen 9 yang memberi kuasa, dengan izin saya baca: "Pihak Berkuasa Negeri boleh dari masa ke semasa memberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan arahan-arahan dari jenis am. Pihak Berkuasa Tempatan itu hendaklah menguatkuasakan semua arahan itu dengan seberapa segera yang boleh. Ini hak Kerajaan Negeri untuk memberi arahan kepada PBT mengenai dengan Cukai Pintu. Kemudian Seksyen 39 - Hasil Kepada PBT, hasil sesuatu kepada Pihak Berkuasa Tempatan adalah terdiri daripada : "(a) Semua cukai, kadar, sewa bayaran lesen, dan seterusnya". Kemudian Kuasa Untuk Mengenakan Kadar -- Pihak Berkuasa Tempatan boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dari masa ke semasa sebagaimana yang difikirkan perlu mengenakan sama ada secara berasingan, atau sebagai satu kadar yang disatukan kadar atau kadar-kadar tahunan dalam sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi maksud-maksud akta.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua sekejap, sekejap Dato' Yang Di Pertua, Artikel 110 Perlembagaan Malaysia - *Assignment of taxes and fee to the state* dengan izin, penyerahan hasil dan kutipan cukai kepada Kerajaan Negeri, dengan izin: "(1) *Subject to clause 2, each of the state shall received or proceeds from taxes fee*", dan seterusnya. Tertakluk kepada para 2, setiap Kerajaan Negeri boleh menerima hasil daripada cukai, percukaian, dan seterusnya bayaran-bayaran

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan - Apakah dengan izin, 'shall' itu bermaksud budibicara atau ianya suatu mandatori?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan, saya pohon mintak laluan Dato' Yang Di Pertua, Dato' Yang Di Pertua saya pohon mintak laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Duduklah dulu Boleh berdiri belaka, Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Dia tak berapa jelas oleh *Standing Order* tu. Dalam *Standing Order* kata, seseorang lain bangun, seseorang lain itu kena duduk.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tapi kena duduklah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Dia kata duduk tapi tak boleh bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hah peraturan, saya jugak tahu peraturan, undang-undang (Dewan Gelak) Dato' Yang Di Pertua, saya jugak baca undang-undang walaupun tak jadi lawyer je. Dato' Yang Di Pertua, benar sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok tadi. Tapi dua keadaan berbeza, satu Seksyen 137, Akta 11 Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyebutkan iaitu memperuntukkan agar PBT menyediakan satu senarai bagi segala pegangan yang tidak dikecualikan dikenakan suatu kadar cukai, ini pokok. Yang kedua, apa yang disebut oleh Seksyen 127 itu benar, iaitu Pihak Berkuasa Negeri

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Satu, Berapa?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): 137, *check* balik lepas itu 127 pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): 137 ini

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apalah, Yang Berhormat jawab kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak, janganlah bohong begini - '*Unforces Council*'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Seksyen 127 berkenaan menyebut bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh dari masa ke semasa jika perlu mengenakan secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan. Maksud di sini ialah Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan, katakan kadar 5 peratus nak beri 1 peratus tak apa, 0.5 peratus tak apa, disatukan, contohnya satu daerah sama saja 1 peratus tapi setengah daerah ada rumah kekal lain, rumah sementara lain, kawasan jalan ini lain, kawasan ini lain, ini dibolehkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang diberi itu penjelasan untuk dia jawab esok tapi bukan mintak saya beri penjelasan sepatutnya dia mintak penjelasan daripada saya

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Itu Peraturan Dewan?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Satu lagi Yang Di Pertua, saya nak sebut ni sebab kekeliruan telah timbul oleh Wakil Batu Burok. Jelas ini kertas kerja

dibuat oleh Exco zaman Pas ini. Kertas kerja ini diluluskan oleh Exco, tak tahulah kalau Exco buat keputusan baham rambang. Saya baca Dato' Yang Di Pertua, dengan izin Perkara 43, Dato' Yang Di Pertua: "Walau bagaimanapun cadangan Pengecualian Cukai Taksiran tersebut hanya boleh diimplementasikan berasaskan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang iaitu dengan persetujuan Mesyuarat Penuh Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri". Ini kertas Exco yang diluluskan oleh Exco dibawa oleh Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar Negeri bertarikh 12 April 2005 kecuali Exco ketika itu ADUN Batu Burok menipu, membohongi, ahli-ahli mesyuarat yang lain. Dan saya telah membuat semakan dengan semua PBT tidak ada satu PBT menyatakan bahawa adanya arahan untuk mengadakan Mesyuarat Penuh untuk memenuhi kehendak-kehendak undang-undang dan peraturan ini. Hak buat sendiri ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kertas Exco itu betul. Kalau ada PBT yang tidak mengadakan Mesyuarat Penuh, maka kekurangan kuasa itu boleh dinilai di dalam mana-mana tuntutan yang timbul kerana PBT dikendalikan berasingan dan sendirian oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang tersendiri. Pada hari ini saya tidak mempunyai *access* ataupun hubungan dengan PBT Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tidak ada *capacity* ataupun kuasa untuk nak menyatakan tadi. Tapi pada ketika itu

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sekejap. Pada ketika itu kalaulah MPKT menyedari tidak adanya kuasa macam mana dia boleh mengeluarkan Sijil Pengecualian? Kerana arahan daripada Kerajaan Negeri *extract*, sedutan daripada keputusan Exco mestilah terlebih dahulu diterima oleh mereka dan kalaulah tak diterima mereka berkewajipan untuk meminta *extract* ataupun cabutan daripada keputusan Exco.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ini menggambarkan bahawa longlainya Exco Kerajaan ketika itu untuk memastikan bahawa segala arahan, peraturan-peraturan dipenuhi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tidak timbul

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tidak timbul macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Exco bukan *Auditor*.....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Exco bukan *Auditor*, kita bertanggungjawab

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
..... kita arahan datang daripada

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kita pastikan bahawa sebelum kita laksanakan. Ini undang-undang, ini peraturan daripada Kerajaan Negeri mesti dipatuhi dan memenuhi segala tuntutan-tuntutan perundangan dan Yang Di Pertua ketika itu bunyi kata orang hebat jugak, Pas jugak lantik. Hai nak lepas kepala pulak dah tak jadi begini Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, saya mintak Yang Berhormat teruskan dengan ucapan berhubung dengan Titah Di Raja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Terima kasih, terima kasih. Dan, tadi saya kata tertakluk kepada *Clause 2, Clause 2* ialah Parlimen dengan izin: "*Parliament may from time to time by law substitute for any source of revenue specified, or Part 3 of the Tenth Schedule*"

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
..... Saya baca *Tenth Schedule*, sekejap. Jadual Kesepuluh, sumber *revenue* yang boleh diserahkan kepada Kerajaan Negeri ialah antara lain, saya baca tujuh - *Revenue of Town Boards, Town Council Rural Boards, Local Councils and similar Local Authorities other than municipalities established under Municipal Ordinance. Those Town Boards and Town Council Rural Boards, Local Council and similar Local Authorities which had powers under written law to retain their revenue and control spending thereof*. Bermakna ini adalah hak dan budibicara takdok kena mengena dengan Perlembagaan Malaysia sebagaimana dijawab pagi ini, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Berasaskan kertas kerja Exco ini dan nampaknya perakuan daripada ADUN Batu Burok sendiri jelas bahawa tindakan Kerajaan Negeri selama ini berbentuk *nil and white*, Dato' Yang Di Pertua. Tidak sah kerana melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sebab itulah Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri telah menyatakan dengan jelas bahawa tindakan yang dibuat oleh Kerajaan terdahulu tidak berasaskan peruntukan undang-undang yang sebenar. Saya ada

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sesuatu undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen tidak boleh dianggapkan tidak sah sehingga ianya

ditafsirkan dan diputuskan oleh Mahkamah. Boleh buat 128 Permohonan kepada *Federal Courts* untuk mengisytiharkan undang-undang tidak sah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pergi kepada apa yang dirisaukan oleh Duli Yang Maha Mulia dan apa yang disentuh di sana-sini yang dibahaskan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan. Yang pertama ialah mengenai Lebuh Raya Pantai Timur. Ini bukan projek Kerajaan Negeri, ini Kerajaan Pusat. Umno memerintah sebelum kita perintah 37 tahun. Negeri lain semua sudah ada lebuh raya, Terengganu takdok. Pada ketika itu kita yang kedua terkaya di Malaysia. Hasil daripada minyak kita ini, Pusat nikmati sebanyak mana? Tetapi tidak ada *power, not enough power*, nak bawa Pusat memprihatinkan diri mereka melihat rakyat Terengganu yang ketinggalan sekian lama. Lapangan Terbang, pengambilan balik tanah berlaku kalau tidak silap saya dalam tahun 1994 ataupun 1995 untuk membuat terminal, ini bukan Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri memfasilitatkan, menguruskan pengambilan balik tanah untuk terminal dan terminal ini dibina oleh MAB (Malaysian Airport Berhad). Takdok kena mengena dengan Kerajaan Negeri Terengganu tetapi dalam manifesto, dalam ucapan, dalam sana-sini duk mengaku hak kita, bukan. Di Kelantan, bukan main cantik lagi MAB buat kerana pemimpin-pemimpin Umno Kelantan tak sepertimana pemimpin-pemimpin Umno Terengganu, hasad. Bila tak boleh ke dia, semua tak boleh, biar runtuhpun tak apa. Begitulah jugak dengan hasil royalti petroleum, ini hak rakyat, hak Negeri Terengganu, 5 peratus

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mohon penjelasan daripada Wakil Batu Burok – Cuba sebutkan nama pemimpin-pemimpin hasad itu, saya tak berapa sedap dengar sebut pemimpin-pemimpin Umno hasad ini, gamoknya dia, gamoknya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUT TALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pemimpin yang hasad Dato' Yang Di Pertua, bila dia hilang kuasa, biarlah rakyat ini menderita, biarlah rakyat ini jadi miskin asalkan kita ini puas hati. Itulah disuruh, diminta, didesak supaya Kerajaan Pusat merampas hasil royalti petroleum yang sekarang ini kita kehilangan 85 peratus daripada *Annual Revenue*, dengan izin. Baru-baru ini saya dengar cerita, saya terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Di Pertua, laluan sekali lagi, tadi saya mintak penjelasan daripada Wakil Batu Burok untuk menjelaskan keadaan pembinaan Lapangan Terbang yang mengatakan ada di kalangan wakil-wakil Umno yang hasad tapi jawab ikut lain pulak. Macam mana ni seorang lawyer bercakap macam ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUT TALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Aah ... Hak Airport, saya ingat hak umum. Kata biar betul-betul soalan ini, biar betul soalan. Kalau Airport saya nak katanya *Land Acquisition*, pengambilan balik tanah awal tahun 90an, sepatutnya dibina terminal pada ketika itu semasa Umno memerintah lagi. Tapi masa kita, kami, bekas Menteri Besar bersama-sama berjumpa Tun Lim Leong Sik, ketika itu Dato' Seri berbincang mengenai dengan airport, dia kata Umno Terengganu, Kerajaan Terengganu dah berjanji itu hari nak bayar *Land Acquisition* RM250 juta. Saya kata boleh, kita boleh bayar, sekarang inipun boleh. Dengan syarat tanah ini hak kita, kita

lis kepada airport. Tak bolehlah begitu, kita nak percuma. Takdok benda hak percuma atas dunia, saya kata.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Betul ke tidak Kerajaan Negeri berjanji nak bagi RM250 juta ni, jangan reka sangat gok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini Ling Leong Sik kata, telinga kita dengar, kita tak tahu, kita tak *check* macam Dato' *check* di MPKT. Tapi dia kata, kita harapkan Menteri bercakap dengan bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dok, kita dok yakin sebab kita tahu undang-undang, hal tanah, kita kerja di Pejabat Tanah kita tahulah. Mana boleh buat begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Kijal tahu undang-undang lebih daripada Ling Leong Sik gamoknya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): sebab itu saya tengok bekas Menteri Besar termenung, garu kepala, tak betullah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pasalnya yang beritahu kat kita nak buat airport ini, nak lanjutkan airport. Kita kata tak perlu, nak lanjutkan airport ini nak bawa 747 berapa orang mendarat di sini, berapa kali pendaratan di sini?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Reka sokmo, itu termenung Wakil Rakyat Rhu Rendang termenung tu sebab dia tengok Wakil Rakyat kawan dia bercakap pelawok sangat.(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkataan 'pelawok' itu *not Parliamentary*, kalau saya boleh peringatkan Dato' Yang Di Pertua, atau saya boleh guna perkataan 'pelawok' ini?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, suka saya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ... Nanti dulu, biar dia *ruling* dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya mintak Dato' Yang Di Pertua *check* dalam buku Peraturan Dewan ada ke tidak perkataan 'pelawok' tidak boleh guna, kalau tak boleh saya tariklah, kalau boleh saya guna.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak apa, kalau boleh, sama-sama gunalah, tak apalah.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kita nak jugak

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Biar Dato' Yang Di Pertua, *check* dulu ada ke tidak perkataan 'pelawok'.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa Yang Berhormat ini dah berlanjutan, jadi biarlah saya bagi lima minit untuk teruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jadi maknanya Saya minta *ruling* perkataan 'pelawok' ini boleh guna ke tidak dalam Dewan, biar habis di sini tak apa dah, biar habis di sini, kalau Yang Berhormat kata boleh, kita terima, bila-bila kita boleh pakailah?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat teruskan ucapan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, tadi dia duk serang saya mengenai dengan Wakaf Tapai'lah, Tok Adislah. Dato' Yang Di Pertua, keputusan bukan saya buat tetapi jelaslah Bandar Baru Wakaf Tapai telah dilihat, agaknya dia rasa kesal, ambil tanah 10 tahun, 12 tahun tidak dimajukan, bila dimajukan 'Lh! Dang ke Pas majukan Pekan Wakaf Tapai ni'. Sedangkan Wakaf Tapai inilah pusat MCA, pusat Umno

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Kita tidak pernah kesal, kita ambil lama memang tujuan kita ambil untuk pembangunan yang difikirkan sesuai dan sebagainya. Tapi ini kesempatan yang diambil oleh ADUN Batu Burok, tipu Kerajaan Negeri, kabor dok tahu ke hala.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak hak dia kata 'tipu' satni dia kata luar esok ataupun petang ini, sila kalau berani sungguh, saya saman.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tipulah tu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Hah! Kata luar lepas pada ni.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya tunggu BPR siasat, saya dah bawa ke BPR dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tunggalah, kata di luar. Petang ini buat *Press Statement* kata di luar, sila.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya mintak BPR siasat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dah? Saya mintak *Press Statement* hak tipu ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat ini bukan untuk kita perbahaskan

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya mintak BPR siasat, Dato' Yang Di Pertua hak penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Siasat dah, dia mari jumpa saya dah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dah tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tapi hak kata 'tipu' satni mintak kata di luar, kalau jantan sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya tunggu, saya mintak BPR siasat dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jangan penakut begitu, tadi kata jantan sangat bunyi kata.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Yang Berhormat Wakil Kijal duduk, dan saya mintak Yang Berhormat teruskan, tinggal beberapa minit saja lagi saya benarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, memang saya dah kata tadi Kempen Budi Bahasa itu nampak-nampak yang keutamaannya di Kijal. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, begitulah juga saya nak beritahunya KUSZA, masa kita memerintah usaha habis sekat jangan beri penuntut pergi ke KUSZA. Primula, Park Royal ketika itu kempen, jangan Kerajaan Pusat, jangan siapa pergi tidur di situ. Orang Umnopun jangan pergi, takkanlah sampai begitu benci, hasadnya kepada kehilangan kuasa

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, banyak perkataan hasad, dengki dan macam-macamlah dilemparkan. Saya

mohon pihak Yang Berhormat Batu Burok lebih berwibawa dengan menyatakan siapakah yang berkempen supaya jangan masuk KUSZA, siapakah yang berkempen supaya jangan pergi ke Primula dan sebagainya yang dikatakan begitu jugak yang diminta oleh Wakil daripada Bukit Besi tadi. Dari tadi tidak dinyatakan siapakah yang terlibat itu, jangan bercakap baham rambang begitu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya kata Umno dan BN

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dah Umno, siapa orang tu? Kabor, Rosol Wahid ke, Din Adam ke, Mat Said ke, kaborlah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya perlu notis, insya-Allah dalam mesyuarat yang akan datang ni saya kutip semula ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin Umno

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat kalau takdok bukti, jangan sebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan, takdok bukti, ada bukti.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kena bertanggungjawab.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ... Saya kata mintak notis, apa salahnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Notis, Exco saja boleh mintak notis, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kitapun nak notis juga. Takkanlah Exco saja nak notis.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini main umum cakap baham rambang, ikut ser, ikut dang. Baru baru ini hak Persidangan Dewan lepas bawa Surat Layang, hak ini cakap lebih kurang pulak. Sebagai Wakil Rakyat yang berpengalaman saya rasa tidak wajarlah menyatakan hal-hal yang sepatutnya bila bercakap ada dah bukti tu nak bercakap, Rosol Wahid katakan, halang masuk KUSZA kabor, kalau betul. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak minta penjelasan satu lagi, Tuan Pengerusi – Bagi tahun 2005 dijangka 2,000 Rumah Mampu Milik akan siap dibina, nak minta Exco Perumahan jawab hak siapa buat 2,000 ni ke dia jadi sendiri begitu saja? Sedangkan kita siap dah 2,000 buah rumah ni pada pertengahan tahun 2004 lagi.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Lembu punya susu, sapi punya nama, duit ini diberi oleh Kerajaan Pusat hasil perjuangan Umno ketika itu. Saya menjadi Exco, saya yang bertanggungjawab. Lepas itu disambung semasa zaman Pas, lepas itu berhenti sekejap, lepas itu sambung pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
.... Ya-lah

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan duit Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
.... Peng lalat belaka, peng lalat, nampak tu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Peng lalat guana, peng lalat? Cap ayam sungguh, peng lalat. (Dewan Gelak) Sabit kata, ini hak susah ni, 'seluar, seluar saya, tahi kurang periksa ni' (dalam loghat Hulu Terengganu). Kalau hak molek hak kita, hak dok molek hak orang. *Check* betul gok, tengok projek *start* bila, bila dapat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, masa kita menang 10 projek ini Umno sekat. Kita lawan dua tahun, lulus buat semula ni 10 haribulan 10, tahun 2002 dan diberi syarat mesti siap bulan 12, 2003. Saya kata kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, insya-Allah, saya akan buat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, satu lagi pembongkaran. Kita telah berbincang dan meminta ketika itu Y.B. Dato' Idris Jusoh, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berbincang dengan Menteri dan bercakap dengan Perdana Menteri supaya projek ini dapat diteruskan kalau bor Wakil Rakyat Batu Burok, Kerajaan Pusat tak layan, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak usah cakap besarlah, minit Majlis Perumahan Negara itu ada, boleh pergi *check*. Hak Dato' Idris pergi, takdok dalam minit.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, minit itu keluar setelah kita mintak permohonan daripada Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, tak usah bercakaplah kalau setakat bor Pembangkang, Kerajaan Pusat tak layan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Takdok, Dato' Seri Ong Ka Ting tak kata ada minit Dato' Idris pergi, Yang Amat Berhormat Dato' Seripun tak kata Dato' Idris pergi, kalau dia kabor ke saya, saya mari sujud gamok ke dia mo'oh

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sujud? Lepas tu kata, maki. Inilah orang Pas, sujud apa serba, pelawok belaka ni, belakang kerbau, ceramah macam macam

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Bert hormat Kijal, saya rasa perkataan-perkataan tu cubalah sesuaikan dengan Dewan

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sesuai dah tu Dato' Yang Di Pertua, molek dah tu, padan lawan dia

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila duduk, Yang Bert hormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTI ALTB BIN I MBONG (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang Di Pertua, sikit saja lagi *injury time*. Kita dikejutkan masa Pas memerintah tak adanya pekerjaan di sini semuanya lari bekerja di Kuala Lumpur. Tiba-tiba Pusat beritahu kepada kita 80,000 graduan menganggur, Tuankupun maklumkan di sini suatu usaha baru diadakan untuk menangani masalah graduan yang menganggur, kita rasa dukacita. Dan, semasa kita memerintah takmboh beri ada baka semua pegawai, kakitangan yang dilantik semasa Pas dirobah, diperat habis licin. TCS hak repot dah 10 orang hambat balik, Tok Penghulu hak seminggu dah kerja hambat balik, kawan ini nak lawan susah jugak, kita lawan-lawan dengan durankan kita luka. Jadi budaya takut ini dihidupkan semula, budaya konfrantasi ini dihidupkan di kalangan rakyat, macam mana Dato' Yang Di Pertua? Saya harap inilah perkara-perkara yang Dewan yang mulia ini perlu renungi semula bala-bala kalaulah kita betul betul memikirkan kepentingan rakyat, kepentingan negeri, janganlah sampai kita dentakan sepanjang zaman. Wallahua'alam wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Waalaikumussalam warahmatullahi wabarokatuh. Ada lagi Yang Bert hormat ingin bercakap? Mukim Jabi, masa ada seminit lagi dah, Yang Bert hormat. Jadi saya akan berikan kepada Yang Bert hormat untuk berucap besok selepas selesanya Soalan soalan lisan. Yang Bert hormat Jabi akan menjadi pembalias ucapan yang pertama selepas sesi Soalan soalan lisan pagi besok.

Yang Amat Bert hormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli ahli Yang Bert hormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke esok hari, hari Selasa, 12 haribulan April, 2005 jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita memBaca Surah Al Asr.

DI WAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI AHAD, 12 APRIL 2005

Hari Selasa,
12 April 2005

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 107]
 2. Soalan-Soalan Lisan [Muka 111]
 3. Usul Yang Telah Diberi Notis:
(Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih) [Muka 134]
 6. Tangguhan [Muka 210]
 7. Lampiran [Muka 211]
(Soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis)
- [*Bersambung*]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Encik Rosol bin Wahid, SMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw

WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yaliya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Moktar, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca Surah Umul Kitab – Al- Fatihah.

Mesyuarat kita pada pagi ini akan diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan dan masa bagi Soalan-soalan Lisan adalah satu jam. Saya meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam membuat soalan-soalan tambahan sebagaimana yang telah ditetapkan iaitu 3 soalan tambahan sahaja dibenarkan dan perbahasan tidak dibenarkan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik untuk mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan yang pertama –

Umum mengetahui bahawa Kemaman adalah pintu masuk utama ke Negeri Terengganu melalui Negeri Pahang

- a. *Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menyediakan kemudahan secukupnya termasuk hotel dan lain-lain bagi menampung kedatangan pelancong.*
- b. *Apakah usaha-usaha yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesesakan di Bandar Cukai yang kian ketara.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyedari pentingnya Kemaman sebagai pintu masuk utama ke Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa kemudahan dan juga tarikan untuk menjadikan Kemaman sebagai tempat persinggahan pelancong. Antara lainnya Kerajaan Negeri telah mewujudkan Pusat Penerangan Pelancong (TIC) di Geliga, dan di samping itu juga Kerajaan Negeri telah melalui Majlis Perbandaran Kemaman telah mengadakan tempat-tempat yang menarik seperti membaikpulihkan kawasan Pantai Teluk Mak Nik, Pantai Kijal, Taman Bandar, tempat kunang-kunang di Kampung Yak Yah dan juga tempat bersejarah iaitu Surau Kampung Tuan. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, 1(b) belum lagi dijawab – Apakah usaha-usaha yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah kesesakan di Bandar Cukai yang kian ketara hari ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu soalan (b). Berkaitan dengan kesesakan yang berlaku di Cukai ini yang menunjukkan peningkatan di dalam pembangunan bandar disebabkan kamasukan pelancong dan juga meningkatnya industri-industri baru. Kerajaan melalui Majlis Perbandaran Kemaman telah mengadakan satu kajian tempatan yang akan mengkaji

secara terperinci ke atas rangkaian jalan-jalan di Bandar Cukai bagi mengatasi masalah kesesakan ini. Antara lainnya cadangan secara jangka pendeknya, kita akan mengadakan jalan yang berkonsepkan *Ring Road* dengan izin, bagi meredakan kesesakan di bandar. Pengubahan sistem ini akan dilaksanakan pada bulan Mei, 2005 ini. Dan, secara jangka panjangnya pula kita akan mengkaji sama ada bersesuaian untuk membina satu *Flyover* di dalam Bandar Cukai itu sendiri. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah Kerajaan Negeri berusaha untuk menarik pelabur-pelabur supaya mendirikan hotel-hotel di Kemaman memandangkan kurang tempat penginapan yang ada pada hari ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada masa ini bilangan hotel di Kemaman agak mencukupi, kita ada hotel yang bertaraf lima bintang di Awana Kijal, kita ada hotel bertaraf lima bintang juga di Strawberry Park, dan ada hotel-hotel kecil yang jumlahnya semua sekali lebih kurang 600 bilik termasuk dua - lima bintang sampailah yang tidak berbintang. Sungguhpun begitu, Majlis Perbandaran Kemaman juga sedang mengkaji kemungkinan untuk membina sebuah hotel di dalam Bandar Cukai itu sendiri yang bertaraf tiga bintang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

Sila nyatakan jumlah pelabur dan jenis pelaburan yang akan datang ke Negeri Terengganu pada tahun ini, khususnya di Kemaman, termasuk yang ada hubungkait dengan Industri Gas dan Petroleum.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada tahun 2005 ini Kerajaan Negeri telah berjaya menarik lebih kurang 8 buah syarikat untuk masuk ke Negeri Terengganu ini. Syarikat-syarikat ini adalah syarikat yang melibatkan diri di dalam palet besi di Teluk Kalong. Kilang yang memproseskan kayu juga di Teluk Kalong dan di Gong Medang. Dan, yang ketiganya kilang yang berasaskan *Phamaceutical Product* di Bukit Kor. Yang keempatnya, syarikat yang akan membuat *Fiber Glass Product* yang akan ditapakkan di Batu Rakit. Semua pelaburan ini berjumlah RM1.36 bilion. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, boleh bandingkan nilai ataupun jumlah pelaburan selama setahun BN memerintah Negeri Terengganu ialah RM1.36 bilion. Boleh bandingkan dengan pencapaian ataupun nilai pelabur-pelabur yang datang ketika Pas memerintah Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tidak ingat angka yang sebenar tetapi sepanjang empat tahun pemerintahan Pas kalau dilihat dari segi kelulusan projeknya banyak yang diluluskan oleh MITTI, MIDA lebih kurang RM4 bilion lebih. Tetapi sebenar projek sebenar yang datang dalam tempoh tiga tahun hanyalah lebih kurang kalau tidak silap saya RM400

juta lebih sahaja lebih kurang 11 hingga 13 projek saya tengok secara *detail* lah tetapi jumlahnya jauh berkurangan daripada projek yang diluluskan oleh MIDA. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Projek hak sebut tadi tu mari dah ke dok lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, projek yang sebut tadi ialah projek 2005, projek yang akan datang tapi projek 2004 yang sebut tadi sudah datang semuanya. Inilah soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik adalah bagi tahun 2005. Jadi 2005 projek yang diluluskan sehingga April 2005 yang saya sebut tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Boleh Yang Berhormat sebut apakah projek-projek yang telahpun datang pada tahun 2004?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ada tujuh projek di sini:

- (i) Kemaman Bitumen Sdn. Bhd. – RM241 juta.
- (ii) UMW Seakaphen Coating Sdn Bhd. – RM14.5 juta
- (iii) Nurani Ehsan Sdn. Bhd. – RM10 juta
- (iv) Shinagawa Sdn. Bhd. – RM4.4 juta
- (v) Bekalan Tropik Sdn. Bhd. – RM16 juta.
- (vi) Ordrish Industries Bhd – RM120 juta.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jika kita bandingkan pelabur-pelabur yang datang ketika memerintah Terengganu dahulu dengan setahun Barisan Nasional memerintah begitu jauh nilai pelaburannya. Setujukah dengan saya kalau saya katakan Yang Berhormat, bahawa semasa Pas memerintah, tidak ada usaha yang dilakukan oleh Kerajaan ketika itu dan juga tidak ada keyakinan daripada pelabur-pelabur untuk datang ke Negeri Terengganu disebabkan Pas yang tidak bersungguh-sungguh untuk menarik pelabur ketika itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya bersetuju dengan pendapat tersebut sebab angkanya menunjuk dengan sendirinya yang pada zaman Pas tidak ada pelaburan yang datang berbanding dengan apa yang ada dalam tempoh setahun yang kita buat ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adakah Yang Berhormat setuju juga kalau saya katakan Pas gagal memerintah Negeri Terengganu ketika itu terutamanya di dalam menarik pelabur-pelabur untuk datang ke Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, betul sekali Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama.

Apakah peranan dan matlamat penubuhan Majlis Perundingan NGO's

- a. *Sejauh manakah Majlis Belia Negeri Terengganu, Majlis Kebudayaan Negeri dan Majlis Sukan Negeri Terengganu terlibat dalam perancangan kecemerlangan belia, sukan dan kecemerlangan Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Bukit Tunggal adalah berbunyi - Apakah peranan dan matlamat penubuhan Majlis Perundingan NGO's dan sejauh manakah Majlis Belia Negeri Terengganu, Majlis Kebudayaan Negeri dan Majlis Sukan Negeri Terengganu terlibat dalam perancangan kecemerlangan belia, sukan dan kecemerlangan Negeri Terengganu sendiri?

Umum ketahui bahawa NGO's adalah merupakan badan sukarela, yang ditubuhkan di atas sifat kesedaran dan kesukarelaan sebenar dalam menggerakkan dan menjayakan aktiviti-aktiviti yang digariskan oleh persatuan masing-masing ataupun badan masing-masing. Tidak boleh dinafikan peranan badan NGO's amat besar dan bermakna sekali kepada pembangunan negeri dan negara. Terutama sebagai agen pembangunan sosial yang berteraskan sumber manusia yang diberi peranan dan pengiktirafan oleh Kerajaan hari ini khususnya oleh Kerajaan Negeri pada hari ini yang mana kita ketahui bahawa ada satu portfolio khusus untuk menjaga kepentingan badan-badan NGO's. Badan ini adalah merupakan rakan kongsi ataupun *smart partnership* bersama badan-badan ataupun agensi Kerajaan, Swasta serta orang awam dalam memainkan peranan berbagai aspek kehidupan semalam, hari ini, esok ataupun selama-lamanya, insya-Allah, Sementara Majlis Perundingan NGO's adalah sebuah badan yang menjadi panel penasihat kepada pihak Kerajaan dan dianggotai oleh pakar-pakar profesional termasuk akademik, sukarelawan. Panel ini juga bertanggungjawab untuk mengenalpasti masalah-masalah menyatu dan menghubungkan institusi-institusi sukarela ataupun NGO's dengan pihak Kerajaan yang tidak pernah dilihat secara menyeluruh sebelum dari ini lebih-lebih lagi oleh Kerajaan yang memerintah pada penggal yang lepas. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan yang khusus untuk membantu urusan pentadbiran kepada badan-badan yang layak. Sementara Majlis Belia Negeri, Majlis Kebudayaan Negeri dan Majlis Sukan Negeri adalah

badan yang berbeza daripada Majlis Perundingan NGO's yang ditanya atau dikemukakan soalan tadi. Masing-masing ada peranan di mana Majlis Perundingan Negeri adalah merupakan badan induk untuk menaungi dan menjaga kepentingan persatuan-persatuan belia yang bergabung di bawahnya, seperti MAYC, 4B, GPMS dan sebagainya.

Sementara Majlis Kebudayaan Negeri adalah badan induk untuk menaungi dan menjaga kepentingan badan-badan ataupun persatuan-persatuan kebudayaan di peringkat negeri. Majlis Sukan Negeri pula adalah merupakan badan ataupun agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab untuk menjaga dan membangunkan aktiviti-aktiviti kesukanan khususnya sukan-sukan yang berbentuk sukan berprestasi tinggi. Majlis Belia Negeri mempunyai tanggungjawab asasnya seperti menjaya Hari dan Minggu Belia di peringkat Negeri Terengganu. Di mana 'Minggu Belia' kali ini, kita ucap terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telahpun memberi keyakinan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk melakukan pelancaran 'Minggu Belia Negeri' pada 3 haribulan 5, yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Kuala Terengganu. Sementara Majlis Kebudayaan Negeri pula menjadi rakan penyelarar kepada program-program seperti Persembahan Hujung Minggu, Pekan Budaya, Himpunan Anak-anak Seni dan sebagainya dan juga menyelarar program-program yang dilaksanakan oleh badan-badan gabungan yang bernaung di bawah Majlis Kebudayaan Negeri.

Sementara Majlis Sukan pula mempunyai perancangan pembangunannya seperti Program Teras Harapan, Tunas Cemerlang, Kursus Jurulatih dan juga kepada pembangunan etlit dan jurulatih di peringkat dan melalui sukan-sukan yang berprestasi tinggi. Insya-Allah, kita yakin dan percaya dengan kecemerlangan yang ditunjukkan oleh masyarakat hari ini yang kita tahu bahawa peranan NGO's amat besar di peringkat negeri yang juga merupakan agen pembangunan yang tidak dapat kita lihat ataupun *intangible group* yang membangunkan masyarakat kita di Terengganu ini, insya-Allah dengan sokongan yang bersepadu kita yakin pembangunan yang kita hasratkan akan dapat dinilai dalam erti kata yang sebenarnya termasuk nilai-nilai murni dengan budi bahasa, adat susila yang baik, yang insya-Allah, yang tidak akan digunakan lagi di dalam Dewan oleh mereka yang tidak mengerti jawab. Ini merupakan peranan dan juga tanggungjawab kepada Majlis Perunding yang kita sebutkan tadi. Insya-Allah, kita akan pastikan bahasa-bahasa kasar tidak akan berlaku lagi sebagaimana berlaku semalam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Dato' Yang Di Pertua, tahniah Wakil Bukit Besi, semua soalan-soalan tambahan saya telah terjawab. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Alur Limbat mengemukakan soalan-soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang pertama –

Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan PAS telah mengisytiharkan Negeri Terengganu sebagai

Negara Islam berikutan daripada penggubalan Enakmen Kesalahan Jenayah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423/2003. Sehingga kini, tiada sebarang peruntukan di dalam undang-undang bertulis tersebut yang dimansuh ataupun dipinda.

Berdasarkan peruntukan dalam Enakmen tersebut, apakah hukum orang-orang yang secara terang-terangan menentang Kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, berdasarkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) 1423/2003, tidak diperuntukkan terhadap kesalahan bagi orang-orang yang menentang Kerajaan secara terang-terangan. Tetapi dalam Islam adalah jelas diperuntukkan bahawa kesalahan-kesalahan bagi penentang pemerintah Islam iaitu '*Bughah*' dan hukumnya adalah sebagaimana berikut; ertinya pemerintah Islam hendaklah mengemukakan perunding untuk menanyakan kepada mereka kehendak mereka dan kenapa kebencian mereka terhadap pemerintah. Sekiranya dinyatakan sebab yang munasabah yang boleh dilaksanakan tanpa menyebabkan kemudaratan hendaklah disempurnakan kehendak tersebut. Tetapi jika tidak dinyatakan sebab munasabah penderhakaan tersebut hendaklah mereka dinasihati di samping ancaman pelaksanaan kekerasan terhadap mereka. Diperintahkan supaya mereka kembali taat kepada pemerintah. Dan ketiga, apabila kesemuanya tidak berhasil dan mereka berterusan menderhaka barulah boleh diperangi pada penderhaka terbabit. Dari segi moralnya oleh kerana negeri kita, negara kita, khususnya negara kita diiktiraf oleh Pembangkang sendiri sebagai sebuah Negeri Islam terutama masa pemerintahan Alternatif baru-baru ini sepatutnya Pembangkang hari ini oleh kerana Terengganu sebagai sebuah Negeri Islam sepatutnya mana-mana organisasi parti ataupun sebagainya perlu dibubarkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Jelas daripada apa yang telah diterangkan sebentar tadi bahawa ada *Dalil Khati'e* tentang kesalahan '*Bughah*' yang tidak digubal dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Hudud dan Qisas Terengganu sedangkan peruntukan tersebut ada dalam Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Kedua, soalan saya – Kenapa peruntukan tersebut tidak dimasukkan ke dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Hudud dan Qisas Terengganu, adakah Al-Quran yang dipegang oleh Kerajaan Kelantan berbeza dengan Quran yang dipegang oleh Pas Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, saya ingat soalan itu terjawab oleh pihak Pembangkang sanalah sebab tidak ada perbezaan sepatutnya kalau Islam itu diamalkan secara syumul menyeluruh di mana *region* ataupun di mana-mana kawasan sekalipun baik di Kelantan ke, Terengganu ke. Jadi saya percaya bahawa ini ada *something wronglah*, dengan izin di sebalik tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya mintak penjelasan – Kalaulah itu sikap Kerajaan dan pandangan Kerajaan hari ini,

adakah Kerajaan bercadang untuk mengemaskinikan Undang-undang Enakmen Jenayah Hudud dan Qisas ini?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, mana-mana undang-undang/enakmen sentiasa dalam perhatian Kerajaan dan sentiasa diperkemaskinikan dari masa ke semasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tanyanya – Adakah Kerajaan bercadang untuk meminda dan insya-Allah kami sokong kalau betul. Adakah Kerajaan bercadang untuk meminda?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, sepatutnya soalan ini dah selesai lama dah empat tahun lepas. Tetapi walau bagaimanapun insya-Allah, perkara ini sentiasa dalam perhatian Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan sayanya belum dijawab lagi. Perhatian, satu soalan lain tetapi jikalau sekiranya didapati undang-undang itu tidak lengkap dan perlu dilengkap, adakah Kerajaan bercadang untuk melengkapinya?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, apabila saya sebut 'perhatian' maknanya kita beri perhatian, kajian dan sebagainya maknanya ada usaha kitalah tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Berhormat Wakil Kerajaan, setuju atau tidak dengan pendapat saya bahawa sebelah sini sepatut dia sudah sedar bahawa peruntukan tersebut tidak dimasukkan, ia tidak masukkan kerana takut orang menentang dia, setuju atau tidak.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Boleh setuju Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, itu soalan berbeza kerana kita yang jawab patutnya bukan dia yang jawab.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Setuju kalau saya katakan bahawa dari segi *spiritnya* dengan izin, rohnya bahawa Enakmen Kanun Jenayah iaitu Hudud dan Qisas Terengganu sebenarnya digubal oleh Kerajaan yang memerintah 2000 – 2004 bukan untuk dilaksanakan tetapi sekadar 'umpama unjang di laut', nak tarik ikan masuk bubu atau nak pancing undi saja sebab dah ada bukti yang jelas di Kelantan sudah berapa lama enakmen yang serupa digubal tetapi sampai hari inipun tidak dilaksanakan.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, itulah yang menjadi dasarnya menjadi Pembangkang daripada dulu lagi yakni

setiap pekerjaan 'ada undang di sebalik batu' ertinya mereka banyak menggunakan falsafah untuk menghalalkan cara dalam apa sekalipun demi untuk memastikan parti Pas itu memerintah ataupun sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan oleh kerana undang-undang ini telahpun dikuatkuasakan di Terengganu, adakah Kerajaan yang ada pada hari ini yang mengaku Islam Hadhari ini mahu melaksanakan enakmen ini?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, keseluruhan undang-undang ini kita sedang teliti balik dan kita telahpun meminta pakar iaitu IKIM supaya meneliti undang-undang ini adakah ianya boleh dilaksanakan ataupun sebagainya, adakah ia sempurna ataupun sebaliknya. Jadi dalam penelitian kita atau kajian kita peringkat Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bukan IKIM, di sini kita ada Penasihat Undang-Undang dan AG yang akan terlibat secara langsung untuk memberi nasihat. Adakah AG dan Penasihat Undang-Undang telah memberi nasihat sedemikian?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana perkara ini perkara besar dan kita tahu bahawa bebanan tugas LA kita terlalu banyak bukan hanya nak lihat yang ini sahaja maka kita rasakan bahawa kita perlu kepada kepakaran luar dan mereka yang sentiasa membuat kajian tentang perkara-perkara seperti ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang Di Pertua – Adakah Yang Berhormat LA tidak berkepakaran?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Saya tidak kata Yang Berhormat LA tidak ada kepakaran. Saya kata bahawa sekarang ini masa yang seharusnya ditumpukan kepada kerja-kerja ini memerlukan masa yang lama, jadi kerana itu kita tak mahulah membebankan LA kita, itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya nak mintak penjelasan – Sebagaimana jawapan daripada Kota Putera tadi bahawa sebenarnya pewujudan Parti Pas ini ialah untuk mewujudkan Kerajaan Islam. Semalam Wakil Batu Burok berkata bahawa dia telah memartabatkan Islam dan hari ini dia mengaku bahawa Perlembagaan Negeri Terengganu ialah Perlembagaan Islam, jadi oleh kerana matlamat Parti Pas itu telah tercapai sebagaimana dicadangkan oleh Wakil Kota Putera itu, maka Pas perlu dibubarkan. Maknanya matlamatnya telah tercapai, maka Pas perlu dibubarkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, sepatutnya itu yang berlaku sebab Mursyidul Am Pas sendiripun berkata kalaulah sudah capai matlamat maka Pas akan dibubarkan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkara itu tak berbangkit dan tak relevan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat sila teruskan soalan yang seterusnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang kedua –

- a. *Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2000 hingga 2004 untuk memajukan kegiatan ekonomi dan sosial Bandar Marang dan Kawasan Perindustrian Bukit Kor?*
- b. *Apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri sekarang bagi memajukan Bandar Marang dan Kawasan Perindustrian Bukit Kor?*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Tuan Yang Di Pertua, soalan yang kedua oleh Wakil Alur Limbat mengenai pembangunan di Bandar Marang dan Bukit Kor di antara tahun 2000 sampai 2004. Jawapannya ialah dalam tahun 2000 sampai 2004, bulan Mac, di Bandar Marang tidak ada projek-projek dimajukan kegiatan ekonomi dan sosial dilaksanakan. Walau bagaimanapun, projek pembinaan Masjid Bandar Marang bermula pada awal tahun 2004. Sementara pembangunan di Bukit Kor dalam tempoh tersebut tidak ada.

Soalan (b) bertanyakan tentang usaha-usaha sekarang untuk Bandar Marang dan juga untuk Bukit Kor. Untuk Bandar Marang pada masa ini UPEN sedang proses beberapa pembangunan untuk membangun Bandar Marang terutamanya di tempat dengan izin, *reclaim* tempat di sebelah Muara Sungai Marang itu untuk dijadikan sebagai Pusat Pelancongan, Kesenian dan juga Kraftangan untuk Bandar Marang dan juga oleh Majlis Daerah Marang bagi Stesyen Bas, Marang takdok Stesyen Bas lagi dan juga Pasar Baru Bandar Marang. Adapun untuk Kawasan Pembangunan Bukit Kor buat masa ini ialah pembesaran Kampus Tesdec, Pembangunan Bersepadu oleh MIEL dan juga permohonan daripada dua-tiga institusi IPTS untuk ke Bandar Marang dan Pembangunan IKS yakni Kilang-kilang Plastik telahpun hari ini bermula di kawasan Bukit Kor. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan sikit – Adakah Kerajaan sedar bahawa selama 37 tahun BN-Umno memerintah Terengganu, Bandar Marang hilang dan Marang sebagai daerah tidak ada bandar di Marang?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Patutnya ditanya kepada ADUN Rhu Rendang, dia jugak dulunya Wakil Parlimen dan juga ADUN di Rhu Rendang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Saya tanya 37 tahun bukan 4 tahun.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Sejak bertahun-tahun jadi Ahli Parlimen Marang, bertahun-tahun jadi Wakil Rakyat Rhu Rendang dan diberi peluang menjadi Menteri Besar 2000 - 2004, apakah tidak ada sebarang usaha yang dibuat oleh Wakil Rhu Rendang untuk membangunkan Kawasan Industri Bukit Kor ini?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Itulah *credibility* Menteri Besar ketika itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Dato' Yang Di Pertua, Yang Berhormat Rhu Rendang belum sempat sampai, saya pohon izin untuk mengemukakan soalan bagi pihaknya. Soalan yang pertama -

Benarkah dakwaan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa Negeri Terengganu berada diambang muflis?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berhubung dengan dakwaan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa Negeri Terengganu berada diambang muflis. Sukacita saya nak mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia sama ada Persekutuan mahupun Negeri masih lagi mengamalkan perakaunan secara tunai. Perakaunan Tunai hanya mengambil kira urusanniaga tunai sahaja tanpa mengambil kira aset dan liabiliti Kerajaan berkenaan. Oleh yang demikian, kedudukan kewangan yang dibentangkan di dalam Penyata Akaun Awam Tahunan adalah merupakan kedudukan tunai Kerajaan sahaja. Dan, kenyataan yang dibuat itu adalah berhubung dengan Akaun Tahun 2003, sebenarnya pada pendapat saya Yang Berhormat Rhu Rendang sepatutnya lebih mengetahui tentang kedudukan kewangan pada masa tersebut dan tak sepatutnya tanya saya pada hari ini. (Tepukan Sokongan) Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adakah Kerajaan bersetuju bahawa apa yang digambarkan itu ialah kehilangan hasil 85 peratus yang terpaksa dibuatkan andaian harapan untuk diterima daripada agensi-agensi Kerajaan RM1.2 bilion.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Kerajaan tahu pada masa tersebut Akaun Tunainya ialah negatif sebab itulah Timbalan Menteri terpaksa buat *statement* tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):
Penjelasan Dato' Yang Di Pertua, apakah sebab jika sekiranya Yang Amat Berhormat ketahu yang menjadikan akaun itu negatif?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab duit tak cukuplah tu, sebab tu negatif.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah sebab maka pada hari ini Yang Amat Berhormat masih lagi mencari jalan untuk dapat balik yang hilang itu, yang diserahkan itu untuk menjadikan ianya positif, tidak begitu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Itu andaian, Yang Berhormat selalu sangka buruk dalam Dewan. Dua kali dah begitu, dulu Yang Berhormat bawa Surat Layang baca dalam Dewan, Yang Berhormat bawa petikan daripada internet yang tidak ada asas dalam Dewan, sebenarnya inilah *credibility* Wakil Rakyat Pas. Sebab itulah sekarang apa yang dibuat oleh kita tidak ada masalah sekarang ni, apabila kita memerintah kita tidak ada masalah tersebut yang mana dihadapi oleh Kerajaan Pas dahulu kerana mereka tidak ada *credibility* dan sentiasa membawa perkara-perkara yang tidak diinginkan untuk rakyat sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah benar Yang Amat Berhormat menemui Tun Salleh Abas dua kali untuk mencari jalan macam mana nak dapat balik duit ini dan sehingga meminta beliau menjadi Peguambela kepada Kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tak pernah mintapun Tun Salleh Abas menjadi Peguambela jumpa tu adalah jumpa dalam kapal terbang dan sebagainya takkanlah tak boleh jumpa langsung. Kita memang bersikap mesra, saya dengan Ketua Pembangkangpun saya jumpa, kelmarinpun saya jumpa dengan dia, bercakap dengan dia, dengan Yang Berhormatpun saya jumpa tapi Yang Berhormat sentiasa menabur fitnah kepada kita, tapi alhamdulillah, insya-Allah buatlah lagi. (Tepukan Sokongan)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bukan berjumpa kepala-bahu tetapi berjumpa di Amcorp di Pejabat PTB satu jam lebih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Inilah tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Wakil Rakyat Pas dari masa ke semasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Boleh nafikan pada hari ini dan saya akan bersedia untuk katakan di luar jika sekiranya itu pembongkaran?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Inilah saya katakan Yang Berhormat begitulah kerja dia, masa ke semasa membuat tuduhan kalau kita nak layan tuduhan Pas ini tak buat kerjalah kita. Kita kalau ikut tuduhan dia, keluar hak internet, keluar Harakah tak buat kerja kita tapi kita yang mustahaknya rakyat, yang mustahaknya kita di sini sebagai Kerajaan yang mempunyai *credibility* yang mustahaknya rakyat itu perlu diberi penghargaan, perlu dititikberatkan bukan untuk menjawab semua tuduhan-tuduhan

yang dibuat oleh Pas. Terima kasih, Yang Berhormat cukup, cukup dah sebab itulah Yang Berhormat, saya beritahu sebab itu dalam Pilihanraya yang lalu rakyat tak pilih Pas kerana cakupannya lebih, berjanji itu, belum Pilihanraya bersyarah, jadi Kerajaanpun bersyarah, lepas kalahpun bersyarah lagi. Sudah tiba masanya kita mengatakan bahawa masa kita untuk membela keadaan rakyat Terengganu yang telah jauh ketinggalan, itulah Kerajaan Barisan Nasional, kalau kita nak layan semua apa yang dikatakan oleh Pas kita tak buat kerjalah layan. Kita bersikap proaktif Yang Berhormat. Terima kasihlah, padan dah, cukuplah soal.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, malam esok saya akan buat kenyataan secara rasmi dan silalah ambil tindakan kalau saya kata itu bohong. Dan, memanglah kalau 4 tahun itu diukur dengan 37 tahun itu yang ketinggalan bukan 4 tahun. Terengganu ketinggalan 37 tahun di bawah BN-Umno memerintah.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terengganu ketinggalan tapi 4 tahun tu kohor teruk lagi. Kalau dahulu boleh jugak kita bina masjid, 3 – 4 tahun dahulu boleh bina kerangka masjid saja. Sekarang ini kita baru perintah setahun kita boleh buat dah 3 Pajak Gadai Islam, nak buka dua lagi satu Dungun, satu di Kemaman. Kerajaan Pas beri kepada orang bukan Islam buka Pajak Gadai Islam, itulah nak katakan banyak lagilah nanti saya hurai masa penggulangan, nanti saya takdok modal pulak nanti.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini tak dapat dipersalahkan

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang):Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan berapa seorang, sepuluh seorang tu ke macam mana?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Yang Berhormat teruskan kepada soalan yang seterusnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak soal lagi soalan, saya mintak penjelasan saja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Kuala Berang duduk dan Yang Berhormat Wakil Batu Burok sebagai wakil kepada Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang sila teruskan kepada soalan yang seterusnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, soalan yang seterusnya -

Berapakah jumlah guru Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu yang telah dikenakan tindakan disiplin, sejak bulan Mac 2004 hingga kini?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' yang Di Pertua, tidak ada seorangpun guru-guru Bahagian Pendidikan Jabatan Ehwal Agama

Terengganu yang telah dikenakan tindakan disiplin sejak bulan Mac 2004 sehingga sekarang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 -

Dalam memastikan rakyat Negeri Terengganu sentiasa selamat walau dalam apa jua keadaan:

- a. *Apakah pembangunan yang telah dilakukan Kerajaan dalam membangunkan Tanah Paya Laut dan Tanah Lembut?*
- b. *Berapakah keluasan Tanah Paya Laut dan tanah lembut dan berapakah keluasan yang telah dibangunkan?*

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tanah lembab boleh didefinisikan sebagai tanah yang ditenggelami atau ditembusi air sepanjang masa atau untuk sebahagian masa sahaja. Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam membangunkan tanah-tanah di kawasan tanah lembab bagi menjaga keseimbangan eko-sistem semula jadi. Pembangunan yang sediaada di tanah-tanah lembab termasuklah akuakultur dan pembenihan ikan di Setiu dan di Bukit Keluang, Besut, IKS dan perumahan di Pulau Serai, Dungun. Terdapat beberapa kawasan utama yang boleh dikategorikan sebagai tanah lembab. Anggaran keluasan kawasan tersebut adalah seperti berikut:

Setiu	-	2,000 hektar
Bukit Keluang, Besut	-	141 hektar
Pulau Serai, Rantau Abang, Dungun	-	1,000 hektar
Marang	-	162 hektar

Jumlah kawasan yang telah dibangunkan ialah di Setiu sebanyak 58.9 hektar iaitu untuk akuakultur dan pembenihan ikan. Di Bukit Keluang, Besut 93 hektar untuk akuakultur dan pembenihan ikan. Dan, di Pulau Serai, Dungun sebanyak 200 hektar untuk IKS dan Perumahan.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan merujuk kepada Buku Titah Tuanku muka surat 14, Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada menyebut dan menyatakan kebimbangan beliau berkaitan dengan kawasan tanah lembab.

Apakah Kerajaan mengetahui penerokaan tanah di Bukit Keluang, berleluasa dan tidak mengikut apa yang sepatutnya dibuat oleh Kerajaan?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan sentiasa berhati-hati dan mengawal pembangunan melibatkan tanah-tanah lembab dan di Bukit Keluang sebanyak 149.8 ekar yang telah diterokai sejak tahun 2000 dan Kerajaan sentiasa akan mengambil perhatian dan mengawal pembangunan yang seterusnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan-soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya nombor 1 –

Berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membaiki dan menjaga kebersihan masjid sejak 2000 - 2004?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bagi tahun 2000 tidak ada peruntukan, bagi tahun 2001 jugak tidak ada peruntukan, bagi tahun 2002 juga tidak ada peruntukan, bagi tahun 2003 tidak ada peruntukan, bagi tahun 2004 peruntukan diberi hanyalah selepas Barisan Nasional memerintah iaitu sebanyak untuk membaiki dan jugak menjaga kebersihan masjid sebanyak RM280,191.00 dan untuk kebersihan sebanyak RM20,000.00. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan kebersihan tandas dan lanskap masjid-masjid utama?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, kita ada beberapa cadangan untuk memastikan masjid dan jugak lanskap masjid terpelihara termasuk menswastakan kebersihan tandas dan lanskap tersebut.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya nombor 2

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya mintak penjelasan - Di bawah kepala mana peruntukan ini dibuat?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, yang itu perlu notislah sebab saya tak pasti cuma kita ambil berdasar kepada jumlah peruntukan, kepala tu saya tak ingat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, di dalam Buku Bajet tidak ada peruntukan bersih masjid tidak ada, tidak ada peruntukan kepala tetapi secara umum perbelanjaannya di pejabat ada.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Tak begini, sepatutnya benda-benda yang kecil begini tak payah bawa ke Dewan, pergi ke pejabat saja tengok kepala, semuanya ada belaka dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagai penjelasan saja. Walaupun tidak ada dalam peruntukan, ditanya dan dijawab juga dalam Dewan ini, soalan sayanya/penjelasan – Apakah Kerajaan sedar bahawa perbelanjaan untuk membaiki, membersihkan masjid pada masa itu, dalam masa 4 tahun itu diambil dan dibelanja daripada peruntukan Dana Khas, Dana Masjid yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada masa itu yang diberi amanah kepada MAIDAM?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, nampaknya Wakil Manir telah menjawab soalan berkenaan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya nombor 2 -

Negeri Terengganu telah 4 tahun berturut-turut mendapat tempat pertama seluruh Malaysia dari segi pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan UPSR.

- a) *Mengapakah dalam Peperiksaan PMR dan SPM negeri ini masih terkebelakang berbanding negeri lain?*
- b) *Berapakah jumlah sekolah harian biasa yang menawarkan mata pelajaran Vokasional kepada pelajar?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan nombor 2 berbunyi - Mengapakah dalam Peperiksaan PMR dan SPM Negeri Terengganu masih terkebelakang berbanding negeri lain? Jawapannya begini, keputusan PMR dan SPM di Terengganu tidaklah terkebelakang daripada negeri-negeri lain. Sebagai contohnya, misalnya untuk SPM tahun 2004 baru-baru ini Terengganu menduduki nombor 7 dari segi urutan kecemerlangan di bawah Wilayah, Melaka, Selangor, Pulau Pinang, Labuan, Negeri Sembilan dan Terengganu nombor 7. Di bawah kita tu, Pahang, Perlis, Kedah, Sarawak, Perak, Kelantan, Johor dan Sabah jadi lebih daripada purata nasional. Ini cukup baik kerana dalam Peperiksaan UPSR kita terbaik untuk 5A turut-turut tu melebihi 10 peratus. Walau bagaimanapun kebanyakan mereka yang mendapat 5A dalam PMR dia telah berjaya mendapat tempat di Asrama Penuh. Sebagai contoh untuk tahun 2005 sahaja bilangan anak Terengganu yang berjaya memasuki ke Asrama Penuh ialah 1,300 orang, terbanyak barangkali dalam seluruh Malaysia, alhamdulillah. Sebab itu yang baki tinggal lagi di sekolah-sekolah ialah mereka yang mendapat 4A ke bawah. Oleh sebab itu sudah tentulah dari segi SPMnya tidaklah barangkali dapat kita pertahankan dari segi yang terbaiknya tadi

kerana banyak budak-budak kita yang terbaik tadi telah masuk ke tempat-tempat lain, itu yang pertama. Yang kedua, bilangan sekolah harian biasa yang menjalankan kursus-kursus pelajaran Vokasional ialah sebanyak 30 buah sekolah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan – Mampukah Kerajaan Terengganu untuk menyalurkan seluruh pelajar-pelajar yang perolehi 5A dalam UPSRnya ke Sekolah Elit dan Premier pada masa-masa yang akan datang?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dengan perancangan yang kita buat sekarang, tahun ini dua buah elit, sekolah Kerajaan Pusat dan empat daripada sekolah Kerajaan Negeri dapat menempatkan hampir 2,000 dan diambil oleh MRSM dan jugak Sekolah Menengah Sains lagi dan dengan pewujudan Sekolah Premier saya yakinlah insya-Allah bilangan ini dapat ditampung oleh sekolah-sekolah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya nombor 3 –

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam bidang pertanian dan penternakan untuk membantu golongan miskin di Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri. Terima kasih kepada Wakil Rakyat Jabi yang ingin tahu – Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam bidang pertanian dan juga penternakan untuk membantu golongan miskin di Negeri Terengganu? Sebagai menjawab soalan tersebut sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian dan juga agensinya sentiasa berusaha membantu golongan miskin negeri ini melalui pelbagaian projek bagi meningkatkan pendapatan serta memberi khidmat nasihat teknikal kepada petani, penternak seterusnya yang memerlukan khidmat daripada Kerajaan. Antara jabatan-jabatan yang terlibat secara langsungnya ialah Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan Negeri, Lembaga Tembakau Negara, dan juga agensi pusat Risdan serta Jabatan Perikanan. Antara program-program yang akan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi adalah sebagaimana berikut:-

1. Jabatan Pertanian:

Jabatan biasanya memberi tumpuan kepada petani-petani melalui galakan Projek Pertanian buah-buahan Berkelompok umpamanya Projek Kelompok Limau yang lebih terteranya ialah Projek Kelompok Limau Langkat dan Projek Kelompok Limau Madu. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian juga menggalakkan dan menyusun semula bagi tanaman kelapa di mana pada masa ini permintaan kelapa semakin meningkat. Begitu juga Projek Kelompok Sayur-sayuran di mana pada masa kini penanam-penanam sayur mulai sedar bahawa pendapatan mereka mulai bertambah dengan

permintaan yang meningkat. Selain daripada kelompok sayur, Jabatan Pertanian juga membantu melalui Projek Sawah Integrasi seperti contohnya yang telah Kerajaan buat Projek Sawah Integrasi di Gong Dohud, Besut. Selain daripada itu, projek tanaman kekal pengeluaran makanan yang ini jugak melibatkan projek roselle, tembakau, tembikai serta projek-projek tanaman kekal bagi membantu pendapatan tambahan petani. Selain daripada perkara-perkara tersebut, Jabatan Pertanian juga mempelbagaikan tanaman kontan seperti jagung, tembikai, labu, keledak dan lain-lain. Dan, Jabatan Pertanian memberi beberapa input bagi membantu petani-petani yang berkenaan.

2. Jabatan Haiwan:

Manakala Jabatan Haiwan pula akan memberi tumpuan kepada penternak-penternak melalui bantuan termasuklah bantuan ternakan, peralatan, kandang, reban dan sebagainya termasuklah makanan serta memberikan latihan kemahiran dan motivasi. Dan, selain daripada itu, penternak-penternak juga dibawa melawat projek-projek yang telah berjaya bagi memberi kefahaman kepada penternak-penternak supaya lebih memahami bagaimana untuk menternak yang lebih menguntungkan.

3. Agensi Kerajaan Pusat (Risda):

Manakala agensi Kerajaan Pusat pula, program di bawah Risda, program tanam semula termasuk Tanaman Semula (Bantuan Berturut), Tanam Semula Getah ke Getah, Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain. Selain daripada itu Program Pembangunan Ekonomi Tambahan juga telah dilaksanakan oleh pihak Risda termasuklah bantuan ternakan kambing, bantuan ternakan ayam kampung, bantuan teknikal lembu, bantuan ternakan ikan, termasuklah ikan air tawar dan ikan air masin dan kegiatan kraftangan dan makanan ringan.

4. Lembaga Tembakau Negara:

Lembaga Tembakau Negara pula telahpun memberi tumpuan kepada tembakau dan walaupun kita dapat bangga bahawa penanam-penanam tembakau dalam tempoh dua tahun ini merupakan pendapatan yang paling lumayan tetapi ada permasalahan yang telah ditempuh oleh penanam-penanam tembakau dan Kerajaanpun telahpun mengambil inisiatif yang terbaik bagi membantu penanam-penanam tembakau tersebut. Setakat ini di kawasan di Rhu Tapai saja melibatkan tiga fasa yang melibat 85 peserta dan peserta-peserta ini telahpun pendapatannya melepasi tahap kemiskinan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Permaisuri, tidak ada soalan tambahan dan sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalan-soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan negara-negara yang telah dilawati oleh YAB. Menteri Besar dan Exco-Exco Kerajaan Negeri serta nyatakan jumlah perbelanjaan dan tujuan lawatan tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, lawatan-lawatan yang telah diadakan pada tahun ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Exco adalah seperti berikut:-

1. Lawatan ke Korea berjumlah RM12,000.00 dengan tujuan meninjau Loji Pemprosesan Sisa Pepejal.
2. Lawatan Ke Melbourne, Australia berjumlah lebih kurang RM9,900.00 dengan tujuan mengkaji program-program pelancongan termasuklah perlumbaan perahu layar dan *extreme sport*, meninjau kawasan-kawasan marina dan juga bandar-bandar pesisir.
3. Lawatan ke London dan Ireland berjumlah RM46,500.00 bertujuan untuk menjalinkan pendidikan dengan IPT di UK dan Ireland.
4. Lawatan ke United Kingdom, Switzerland, Germany dan Perancis mengikuti galakan perdagangan dan pelaburan MITTI berjumlah lebih kurang RM100,000.00.
5. Lawatan ke Indonesia berjumlah RM14,000.00, lawatan kerjasama pendidikan dan tinjauan program latihan institut pengajian tinggi.
6. Lawatan ke Sepanyol dan Arab Saudi lebih kurang kos RM200,000.00 tinjauan untuk program ICT dan misi galakan pelaburan.
7. Lawatan ke Afrika Selatan kos lebih kurang RM11,000.00 tinjauan bagi projek industri plastik.

Jadi kos semua sekali melibatkan RM400,000.00 dan tujuannya adalah sepertimana yang saya kata tadi adalah untuk menarik pelabur-pelabur dan juga untuk membuat kajian perpindahan teknologi ke Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jawapan yang diberi tadi lawatan-

lawatan ini, tujuh semua sekali untuk tahun ini, bagaimana pulak untuk tahun lepas, tahun 2004?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini adalah daripada tahun lepas dan tahun inilah, *current date*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Setakat ini apakah hasil lawatan-lawatan yang telah dibuat dan selain daripada itu lawatan yang telah dibuat oleh Exco-Exco kalau boleh diberikan juga senarai yang tidak melibatkan MB, Exco-Exco yang pergi secara *private* ataupun persendirian atas nama Urusan Kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dah sebut tadi hasil pelaburan yang telah kita buat pada tahun 2004 dan tahun 2005, itu angka pelaburan yang telah berjaya kita tarik. Jadi itu adalah sebahagian daripada usaha kita dan telah nampak hasil dah tidak sepertimana kalau nak tunjuklah ada angka-angkanya di sini sepertimana yang dibuat oleh lawatan semasa Pas perintah dahulu daripada 2000 - 2003, 2004, kalau nak baca se-se banyak ni. Saya baca se sajalah dulu, pada April 2003, Ahli Exco Yang Berhormat Wakaf Mempelam, lawatan dan tinjauan burung ke Medan. Baru se sajalah tapi takdok jugak burung mari.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak betul Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kata takdok burung mari. Burung sekarang ni seluruh bandar, seluruh negeri sehingga

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pergi tengok burung ke ibu burung (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Inilah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, waktu saya bercakap berbagai tuduhan yang dilemparkan. Jadi saya tak apa, bagi *chance* saya tak kisah benda-benda begini nak kata apa-apa katalah. Cuma Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hak bergurau, bergurau jugak, saya tanya ni hak MB, MB yang terlibat secara langsung dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, yang Exco-Exco ni tak, yang saya tanya jugak yang mungkin Yang Berhormat Exco Pelancongan ada membuat lawatan mengikut rombongan Persekutuan dan sebagainya, senarai Exco takdok lagi ini baru hak MB, baru, kot boleh dibacakan jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang saya baca tadi itu telah melibatkan Menteri Besar dan Exco-Exco sahaja, yang pegawai-pegawai tak masuk, ini yang Menteri Besar dan Exco sahaja, tujuh lawatan ni, saya ambil kira semua sekali dah.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon untuk memberi penjelasan. Saya juga

terlibat dalam lawatan ini, yang pertama ke Belfast untuk membawa balik Kursus Ijazah Kejuruteraan Kimia daripada Queen University Belfast, dan alhamdulillah Tati dengan Belfast Queen University kita telah berjaya membawa balik satu Kursus Ijazah dan sedang di *offer* sekarang menunggu kelulusan sedikit lagi. Yang kedua, Kolej Yayasan Terengganu dengan Dublin Business School, Ijazah *Business Studies*. Yang ketiga, di Indonesia ialah membarui balik kursus-kursus di Tati semasa empat tahun tidak diperbaharui dengan Switzerland kerana Switzerland tu, hari ini dia buat universiti di Jakarta, nama Swiss-Germany University, jadi kita ingin ambil balik yang telah diputuskan sejak Pas memerintah, itu di bidang saya, insya-Allah.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin mengambil peluang untuk memberi penjelasan berkenaan lawatan ke Sepanyol, di tempat bernama Extreme Madura. Tempat itu merupakan tempat pembangunan ICT yang amat canggih sehingga menyebabkan Bill Gates daripada Microsoftpun 'debar perut' sebab mereka menggunakan *Open Source* dan *Free Shareware* dan mereka telah menjimatkan RM700 juta daripada membayar lesen. Begitu juga, lawatan ini Kerajaan Negeri telah menubuhkan ICT DUN dan menggunakan *Open Source* tidak menggunakan *Windows* dan daripada program ini kita telah menjimatkan wang Kerajaan sebanyak RM1 juta daripada membayar lesen untuk *Windows*.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih, soalan yang kedua -

Siapakah penganjur sambutan 'Valentine's Day' di Primula Beach Resort pada 14hb Februari 2005'?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua terima kasih kepada ADUN Wakaf Mempelam yang bertanyakan soalan siapakah penganjur sambutan 'Valentine's Day' di Primula Beach Resort pada 14 Febuari yang lalu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya perkara ini jugaklah yang diceramahkan oleh pemimpin-pemimpin Pas, orang-orang Pas di kampung-kampung yang menuduh dengan berniat jahat mengatakan bahawa Kerajaan menganjurkan Malam Valentine's Day di Primula dan mewajibkan mereka yang hendak ke sana wajib bawa kekasih. Dan, dikatakan jugak dalam ceramah tersebut di Kampung Pela, kawasan saya 15 haribulan 3, yang lalu mengatakan bahawa diadakan cabutan bertuah, sesiapa yang bertuah pada malam itu dikatakan dan difitnahkan kepada saya, pada Kerajaan boleh bermalam di Primula dengan pasangan masing-masing, kekasih masing-masing secara percuma. Jadi ini satu tuduhan yang tidak berasas, tuduhan yang saya rasa amat tidak berwibawa dituduhkan kepada mereka yang tidak melaksanakan. Untuk makluman Valentine's Day yang diadakan di Primula Beach Resort pada 14 Febuari 2005 yang lalu adalah dianjurkan sendiri oleh pihak resort berkenaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Primula Beach Resort menganjurkan Valentine's Day yang pada pandangan saya bertentangan dengan ajaran agama kita. Saya bila dapat maklumat ini, saya nak jawab dulu sebelum saya buka soalan tambahan

saya nak beritahu Dewan yang mulia ini saya hantar wakil untuk pergi sendiri, saya tidak buat tuduhan, sehinggakan wakil yang saya hantar Dato' Yang Di Pertua, ini saya nak bercakap semalam tak dang, semalam. Peringkat awal tidak dibenarkan masuk kerana tidak ada *partner* yang dibenarkan masuk hanya dengan *partner* saja. Sehinggakan wakil yang saya hantar ini terpaksa kecek, kabor *partner* akan sampai sekejap lagi untuk nak berikan kebenaran masuk dan tengok sendiri ada majlis tari menari, ada cabutan bertuah, dua cabutan bertuah untuk dua pasangan hadiahnya ialah melancong ke luar negeri dan jugak bilik tidur percuma dengan *partnernya* pada malam itu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Boleh percaya

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini bukan tuduhan, adakah program ini Kerajaan membiarkan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kerana berselari dengan Islam Hadhari yang Kerajaan anjurkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak, Yang Berhormat, wakil boleh percaya ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya hantar wakil yang saya sendiri yakin kerana saya tak mahu buat tuduhan, saya tak mahu buat, benda, perkara ini kalau kita nak bercakap perkara

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa soalan hampir selesai, Yang Berhormat teruskan kepada soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nama wakil siapa, nama wakil yang dihantar tu dan dia pinjam kekasih siapa masuk ke dalam tu? Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya ini Pas, kuman di seberang laut nampak, gajah di tepi bibir matapun tak nampak bukan gajah dinasor. Sebenarnya majlis sebegini diadakan sejak daripada tahun 2000, 2001, 2002, 2003 dan 2004. Jadi masa zaman dia, senyap, hak yang kata Yang Berhormat Kijal hari tu `seluar, seluar hambe, tahi kurang perikse'. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak apalah saya takmbah baloh, Dato' Yang Di Pertua, soalan yang ketiga -

Berapakah jumlah pekerja yang telah diberhentikan ekoran penutupan Kilang Permint Plywood?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jumlah kakitangan yang diberhentikan semenjak ataupun ekoran penutupan kilang Permint Plywood adalah 511 orang.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan tutupnya Permint Plywood ini menggambarkan syarikat-syarikat dalam kumpulan GPB ini dalam keadaan kritikal. Saya nak tanya soalan tambahan saya Dato' Yang Di Pertua, adakah benar dan kalau benar apa rasionalnya terpaksa diinject RM10 juta daripada duit Tabung Warisan dalam GPB.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang berlaku ini ialah semasa Pas memerintah dahulu dan syarikat ini di bawah pemerintahan Pas. Sebelum daripada pemerintahan Pas, syarikat ini mempunyai *accumulated profit* lebih kurang RM34 juta sebelum Pas memerintah. Tetapi akhir tahun lepas selepas empat tahun Pas memerintah *accumulated losses* adalah lebih kurang RM6 juta jadi semasa itu kita telah kerugian lebih kurang RM40 juta kerugian saja. Jadi justeru itulah terpaksa kita tutup dan kita kena buat *rationalisation* semula dengan izin untuk pastikan syarikat ini boleh dimajukan semula.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan, sebelum daripada itu saya nak beri penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau sekadar waktu Pas teruk saya nak maklumkan, saya nak sebut kedudukan GPB pasaran antara tiga *Public Listed Company* Kerajaan Negeri, GPB paling teruk sehinggakan dua-tiga hari yang lepas saham di Bursa Malaysia, GPB 36 sen. Waktu kita memerintah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, naik sampai 56 sen, sekarang dah 36 sen nilai. Saya rasa ini bukan alasan mengatakan bahawa, pasal waktu kita tu, teruk-teruk kitapun kita tak tutup kilang, tak buang pekerja, saham dia lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang. Jadi apa yang dijawab oleh Yang Berhormat daripada cukai itu saya rasa memang tak tepat tapi saya nak tanya rasional mengeluarkan RM10 juta duit Tabung Amanah Warisan Negeri untuk nak menyelamatkan GPB, apa rasionalnya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini tidak ada kaitan dengan Golden Pharos yang disebut tu saham-saham Golden Pharos tetapi ini adalah Permint Plywood satu daripada *subsidiary* Golden Pharos sahaja, mungkin syarikat-syarikat yang lain di bawah Golden Pharos tu lebih baik sebab itulah sahamnya di peringkat yang terkawal yang kita sebut ini adalah syarikat yang disoal iaitu Permint Plywood dan saya sebut kerugiannya adalah syarikat Permint Plywood kaitannya secara tidak langsunglah dengan Golden Pharos, jadi soalan ini saya tumpukan kepada Permint Plywood sahaja iaitu yang rugi setakat ini RM6 hingga RM8 juta *accumulated losses* dan sekiranya kita teruskan operasinya, setiap tahun kita akan rugi lebih kurang RM8 juta yang akan menyebabkan lagi teruk kedudukan Golden Pharos. Jadi sebab itulah kita buat *injection* untuk pastikan kita boleh *turnround* balikkan syarikat ini kalau tidak syarikat ini akan jadi lebih teruk lagi ekoran daripada zaman Pas perintah dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Balik-balik zaman Pas, terima kasihlah Dato' Yang Di Pertua. Dok pandai takmbuh mengaku.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya pohon untuk memberi maklumat tambahan kerana saya merasakan bahawa Wakil Wakaf Mempelam berniat jahat untuk mengelirukan rakyat seolah-olah Pas pandai menguruskan, membuat keuntungan, sahamnya naik semasa Pas tapi bila BN memerintah makin jatuh sedangkan ini adalah kerja-kerja yang dilakukan zaman Pas sebab itu termasuk Pesama kerana saya pernah menjadi Pengerusi Pesama, Dato' Yang Di Pertua. Semasa kita kalah dan meninggalkan Pesama, Pesama mempunyai simpanan tetap sebanyak RM10 juta. Papan dan sawmill bernilai RM15 juta tetapi selepas kita mengambil alih empat tahun RM10 juta habis, papan dalam masa dua bulan dijual habis, hilang RM25 juta, pinjaman bank RM5 juta, RM30 juta. Dan, saya berkira bahawa Pesama rugi lebih daripada RM50 juta dalam tempoh empat tahun Pas memerintah Terengganu. Sebab itu saya membuat laporan kepada BPR dan saya mintak BPR segerakan siasatan ini tentang penyelewengan di Pesama dan syarikat-syarikat lain, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Di Pertua, adakah kerugian-kerugian tersebut membuktikan kepada masyarakat dan rakyat kehebatan dan kewibawaan Pas mentadbir syarikat ketika itu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa Soalan Lisan telahpun berlarutan. Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar,

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin semalam saya tak berjaya. Saya ingin mohon mencadangkan untuk mengemukakan satu usul di bawah Fasal 30 supaya Persidangan Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi maksud merundingkan sesuatu perkara tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila serahkan usul itu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya terima satu usul daripada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam dan akan saya teliti dan akan dibuat keputusan selepas masa rehat nanti. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula jam 11.30 pagi.

PUKUL 11.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima satu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Wakaf Mempelam. Menurut Fasal 30, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri iaitu di bawah perkara-perkara yang mustahak bagi orang ramai. Perkara yang diusulkan ini ialah berhubung dengan perobohan rumah peserta rancangan tanah berkelompok (RTB) dan saya telah meneliti usul dan alasan-alasan yang dikemukakan dalam usul ini untuk menangguhkan Persidangan Dewan pada pagi ini bagi membincangkan usul yang dikemukakan ini. Setelah penelitian dibuat berdasarkan Fasal 31, saya dapati usul yang dikemukakan ini adalah tidak mustahak untuk menangguhkan Persidangan Dewan bagi membincangkan usul ini di bawah Fasal 31. Sehubungan dengan itu usul yang dikemukakan ini selaku Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri, saya menolak usul ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi untuk perbahasan.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Dato' Yang Di Pertua Dewan, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana meletakkan aspek pendidikan terus diberi penekanan di mana melibatkan RM75.5 juta diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai program khususnya yang dapat dilihat sekarang 2 buah Sekolah Elit, 11 buah Sekolah Premier. Insya-Allah, Kerajaan Negeri Terengganu tiga tahun akan datang akan memperolehi nombor satu dalam PMR seluruh negara dan juga SPMnya lima tahun akan datang menjadi nombor satu seluruh negara. Insya-Allah kita mungkin akan dapat melahirkan 10 orang Nur Amalina Che Bakri yang memperolehi 17A1.

Tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana juga berjaya mengatasi masalah petani terutamanya di sekitar kawasan Besut yang telah dapat melahirkan dua tempat pembelian padi. Dan, ekoran daripada itu, petani-petani merasa gembira kerana dari segi pemutuan padi yang telah dibuat oleh pihak Bernas selama ini membebaskan kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, orang Jabi berpesan kalau datang ke Dewan Undangan Negeri sebutlah satu perkara yang penting bagi orang Jabi iaitu di kawasan Jabi yang meliputi kampung-kampung seperti Bukit Tanah, Tempinis, Gong Ubi Keling, Tasik Tok Leban, Lapang Leman sehingga kepada DUN Kota Putera mempunyai tanah seluas

lebih kurang 3,000 ekar yang telah ditanam dengan ubi keledek dan kayu. Oleh itu, saya mengucapkan tahniah kepada Exco Pertanian dan juga Exco IKS yang telah melawat ke kawasan tersebut. Dan, saya ingin mencadangkan agar disegerakan diadakan Pusat Pengumpulan bahan-bahan tersebut untuk dijadikan sebagai bahan mentah bagi memproses ubi keledek. Insya-Allah dengan cara melaksanakan IKS seperti ini menjadi sumber pendapatan kepada petani-petani selain daripada membuka peluang pekerjaan dan mengubah taraf hidup kemiskinan mereka. Tetapi sayangnya pada masa 4 tahun dahulu Pas sedikitpun tidak mengubah nasib mereka. Oleh itu, kadangkala harga ubi sehingga 20 sen sekilo, jadi saya mengharapkan perkara ini diberi perhatian.

Selain daripada itu juga, di kawasan Jabi terdapat penanam-penanam tembakau yang mana mereka terdiri daripada PPI (Penanam Pengawit Individu), PPB (Penanam Pengawit Besar) dan keseluruhan PPI dalam kawasan Negeri Terengganu sebanyak 660 PPI dan 53 PPB. Tetapi hanya 7 PPB sahaja yang berjaya yang melibatkan penanaman tembakau 3,000 orang petani lebih. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada PPI dan PPB mengalami zaman-zaman yang malap kerana mereka mengalami banyak masalah terutamanya tanaman tembakau yang menjadi, tidak menjadi masalah, yang tidak menjadi akibat bencana alam, banjir dan sebagainya mereka mengalami kerugian dan hutang dengan Bank-bank Perdagangan. Sehingga di kalangan mereka ada yang menanggung hutang PPI sebanyak RM70,000.00. Ada juga di kalangan PPB menanggung hutang sampai RM800,000.00. Oleh itu, kalau tidak diberi perhatian sudah tentu industri tembakau semakin lama semakin malap seperti yang berlaku di beberapa tempat seperti di Alur Ketitir dan juga di Telaga Papan yang mana mereka menjadi tanah pajakan untuk mendapatkan wang bagi mendirikan rumah-rumah asap. Sebahagian mereka sekarang ini tanah-tanah yang dicagarkan telah mula dilelong oleh Bank-bank Perdagangan. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri campur tangan dalam industri tembakau ini.

Selain daripada itu juga, kebetulan lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Gong Ubi Keling ada satu industri kraftangan iaitu membuat Rebana Ubi. Saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan kepada industri ini yang semakin lama kita bimbang industri ini semakin pupus kerana sudah tidak banyak terdapat ahli-ahli atau pakar yang boleh membina Rebana Ubi ini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini pertamanya, melalui Pejabat Agama Islam Negeri dan Daerah-daerah agar diadakan ujian darah HIV kepada pengantin-pengantin seperti yang telah dilaksanakan di Negeri Johor dan Perlis. Kita amat bimbang kerana jika tidak mengambil langkah seperti ini sudah tentu kita menjadikan mangsa yang pertama suami atau isteri

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, minta penjelasan – Pengantin ke, bakal pengantin ni Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bakal pengantin. Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Semoga sayapun tidak 'tepuh' je lagi. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan, berlaku beberapa kes bakal-bakal pengantin yang terlibat dengan HIV.

Di Ketua Dewan, berlaku beberapa kes bakal-bakal pengantin yang terlibat dengan HIV. Apabila mereka menjadi suami isteri mereka sepenuhnya menjadi penagih dadah, pencuri dan sebagainya. Berlaku di kawasan Jabi seorang menantu yang terlibat dengan HIV, sebelah pagi bapa mertuanya turun menghidupkan kereta, kereta tidak hidup walhal keretanya masih baru lagi. Apabila bapa mertuanya buka bonet depan tengok injinpun takdok Yang Berhormat Dato' Yang Di Ketua, (Dewan Gelak) inilah ekor dari daripada tumbuh seperti cendawan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI KETUA: Kereta Volkswagen tu.....

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Industri-industri membeli besi buruk. Selain daripada itu Yang Bert hormat Dato' Yang Di Ketua Dewan, saya juga ingin mencadangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mempermudah

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Ketua, penjelasan – Kereta takdok injin depan tu Volkswagen ke benda, takut salah je, model kereta Volkswagen injin belakang, depan takdok barang?

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Boleh belaka Yang Bert hormat Kijal. Yang Bert hormat Dato' Yang Di Ketua, saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri agar pendaftaran OKU iaitu orang-orang kurang upaya supaya yang cacat kekal mudah dilaksanakan pendaftarannya, cuma yang cacat dari segi mental kita menghadapi masalah apabila pengesahan daripada doktor pakar, misal contohnya, orang-orang yang berada di Jabi untuk dapat pengesahan sakit mentalnya perlu dapat daripada doktor pakar di Kuala Terengganu ataupun di Kota Bharu. Sudah tentu mereka menunggu masa yang lama untuk menjadi sebagai ahli ataupun sebagai orang yang mempunyai kad OKU. Oleh itu, saya mengharapkan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil inisiatif untuk mempermudah prosedur-prosedur ini. Selain daripada itu juga, saya ingin mencadangkan agar pusat-pusat kegiatan belia diadakan di setiap DUN kerana sekarang ini pusat-pusat kegiatan belia hanya terdapat di setiap daerah. Apa salah kiranya jua kalau Kerajaan dapat mengadakan di setiap DUN bagi mengadakan kegiatan-kegiatan belia secara bersepadu dan kita di peringkat DUN dapat mengendalikan belia-belia ini dengan baik dengan adanya kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya. Seterusnya Dato' Yang Di Ketua Dewan, saya juga ingin mencadangkan agar dipercepatkan penyambungan paip-paip air bersih ke kawasan-kawasan luar bandar, insya-Allah dengan Kerajaan baru ini kita yakin masyarakat luar bandar akan menikmati air bersih seluruhnya.

Seterusnya Dato' Yang Di Ketua Dewan, saya ingin menjawab rungutan daripada Ahli Yang Bert hormat Wakaf Mempelam yang mana telah memutarbelitkan fakta 'sodok rumah'. Perkara ini berlaku di Jabi, bukan 'sodok rumah' tetapi sodok tapak rumah, itu faktanya. Saya ingin menceritakan sedikit sejarahnya, tanah tersebut dinamakan tanah Belimbing Api di kawasan Mukim Jabi. Pada tahun 1995, Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu, mencadangkan seluas 30 ekar untuk membina Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi kebetulannya pada tahun 2001, pelaksanaan sekolah telah mula dilaksanakan tetapi sayang seribu kali sayang, Kerajaan Pas pada masa itu hanya membenarkan 16 ekar sahaja untuk didirikan Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi. Bakinya 14 ekar itulah yang dibahagi-bahagikan RTB. Walau bagaimanapun RTB Belimbing Api yang bakinya 14 ekar itu dibuat

pada 22 Februari 2004. Apabila Kerajaan bertukar tangan 21 Mac 2004, 16 ekar itu telah digazetkan semula untuk dijadikan pusat pendidikan ataupun tempat-tempat kemahiran dan saya juga diberitahu oleh Exco Pendidikan, insya-Allah, orang lain mintak universiti saya nak mintak Politeknik saja, takkan tak boleh Politeknik, hak kecil sekali. Ekoran daripada itu, Majlis Mesyuarat Tanah Daerah Besut telah mempersetujui pada 31.12.2004, LMS Lesen Menduduki Sementaranya tidak diperbaharui kerana tanah tersebut untuk dijadikan bersama dengan pengambilan tanah-tanah di sekitarnya seluas 16 ekar lagi untuk menjadikan 30 ekar sebagai Pusat Pendidikan Kemahiran iaitu Politeknik. Pada 1.1.2005, barulah RTB itu, orang-orang yang terlibat mendirikan tapak-tapak rumah. Kita kira dengan 56 orang peserta itu terdiri bukannya daripada orang miskin, semuanya orang yang sudah memiliki rumah dan juga memiliki tanah sebab itu saya mengatakan bahawa Pas telah memutarakan fakta kerana bagi kita tapak pendidikan lebih penting daripada pembahagian tanah kepada orang-orang yang tidak layak. Dan, ini saya rasa tindakan yang dibuat oleh Pejabat Tanah Daerah adalah betul dan tepat untuk memberi peluang kepada orang-orang Besut, Jabi dan seterusnya belajar di situ kerana pendidikan lebih penting daripada segala-galanya.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan – Maknanya daripada penjelasan Yang Berhormat tadi, maknanya Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam telah berbohong dalam Dewan ini, ya tak. Apa hukum orang berbohong ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ni bukan Tok Guru nak jawab hukum, kena tanya Tok Gurulah hukum. Cuma menyalahi, berbohong faktanya tidak betul. Itulah senarionya ekoran daripada Pejabat Tanah, mereka menaikkan poster-poster, kain rentang dan sebagainya untuk membuat fitnah pelbagai perkara. Oleh itu, saya merayulah kepada pihak Pembangkang supaya terimalah dengan cara yang terbaik

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan, Yang Di Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Wakil Jabi - Daripada 14 ekar yang dibahagi sebagai RTB itu, ada atau tidak orang-orang tertentu memungut duit daripada tanah tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua Dewan, memang ada yang mengurus duit iaitu Pengerusi JSR. Rata-ratanya membayar lebih kurang RM400.00 sehingga RM600.00 setiap orang. Jadi setiap orang dibagikan satu perempat ekar dan 14 ekar itu, RTB tapak rumah seramai 56 orang. Kalau RM400.00 kali dengan 56, sayapun tak tahulah tu berapa jumlahnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan lagi Yang Di Pertua - Adakah kerana masalah mengambil duit dahulu itu menyebabkan mereka bersungguh-sungguh untuk memastikan yang mereka yang telah membayar itu mendapat jugak tanah tersebut. Adakah benar anggapan saya?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua Dewan, itu kemungkinan benar. Dato' Yang Di Pertua Dewan, saya juga nak menyampaikan sedikit seloka – Islam Hadhari Terengganu Bestari:

Islam Hadhari Terengganu Bestari
Itulah motto Kerajaan Negeri
Senang disebut ada yang dengki
Pada masa dapat memerintah tak tahu nak layari
Tak sampai setahun universiti dijanji dah jadi realiti
Lebuh Raya Pantai Timur juga telah bermula
Tak sama dengan golongan yang bukan hadhari
Anak sekolah tadikapun dia tak ambil kira

Dalam Dewan yang mulia mula nak ambil hati
Bila bercakap lembut lembut gigi pada lidah
Masa memerintah tak sedar ke diri
Habis punah tadika dan sekolah
Memang sikap Pas berjanji di mana-mana
Tak cukup siang malampun dia jaja
Selepas 4 tahun habukpun takdak
Pilihanraya rakyat dah celik mata
Berjanji memang mudah apa lagi Islam sebagai wadah
Rakyat di bawah duk ternganga-nganga
Masa kalah dulu pakai juga kopiah dan jubah
Bila menang habis kot dia peraga
Berjanji dengan rakyat tarah untuk semua
Sehingga orang Kelantanpun diberi muka
Anak Excopun dapat bantuan zakat juga
Bila kecoh baru kata nak ganti pula

Islam Hadhari Terengganu Bestari
Rakyat di bawah mula senang hati
Negeri indah dan berseri-seri
Anak kecil sekolah tadikapun dah mengerti
Kami semua amat berharap
Islam Hadhari semua dapat terima
Cukup sudah duk pelawok ke rakyat
Kalau rasa bersalah cepat-cepatlah bertaubat

Universiti Darul Iman yang bakal dibina
Untuk rakyat kita juga
Ke tidak sudi nak terima
Apa kata yang tak sokong kita, tak payah bagi muka

Oleh itu saya memohon dan meminta Yang Berhormat Wakaf Mempelam supaya tarik balik tuduhan yang dilemparkan kepada Kerajaan Negeri. Kalau mereka tidak tarik balik apa salah kalau kita melemparkan tuduhan kepada dia juga iaitu Pembangkang lebih jahat daripada Zionis, setuju tak? (Tepukan Sokongan)..... Pembangkang lebih jahat daripada Zionis. Jadi kita harap supaya di waktu Penggulangan nanti, Ahli-ahli Pembangkang tunggulah kerana selama ini tidak dapat bersama dan itulah sahaja daripada

saya, saya memohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih kepada Dato' Yang Di Pertua, kerana memberi laluan kepada saya untuk berkata sepatah-dua dalam Persidangan Dewan pada kali ini. Dalam Persidangan Dewan yang lepas saya tidak mendapat peluang dan tidak diberi laluan oleh Dato' Yang Di Pertua.

Pertamanya, dalam membahaskan Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan pada 10 haribulan yang lalu. Mungkin saya mempunyai pandangan yang berbeza dengan sahabat-sahabat saya daripada Ahli Dewan daripada pihak Kerajaan kerana ada di antara Ahli-ahli Dewan yang menyatakan bahawa kalau kami tak setuju dengan Ucapan ini macam kami derhaka kepada Sultan. Perkara ini bukan perkara baru, lama dah dulu kami pernah menjadi Pembangkang, pernah menjadi Kerajaan. Barangkali saudara-saudara yang menganggotai Dewan baru-baru ini mungkin dia tak berapa faham bahawa Ucapan sebenarnya yang diucapkan oleh Duli Yang Maha Sultan adalah ucapan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Negeri Terengganu. Malaysia

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak laluan - Apa yang disebut oleh Wakil Manir yang bahawasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah hanya sekadar membaca teks yang tulis oleh pihak Kerajaan. Pada pertimbangan dan pemikiran saya, ini adalah merupakan suatu penghinaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana seolah-oleh Duli Yang Maha Al-Sultan hanya sebagai 'Pak Turut'. Jadi saya rasa ini perlu dikaji dan dibawa ke tengah dan difikirkan jika ada sesuatu tindakan yang boleh dibuat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua. Oleh kerana itu penilaian saya mungkin berbeza, pertama; sepanjang apa yang saya dengar daripada kenyataan-kenyataan apa yang dibuat oleh Kerajaan dan sepanjang apa yang saya dengar daripada Ucapan Titah yang dibaca oleh pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan menunjukkan bahawa Kerajaan sekarang ini semacamnya kalaulah saya boleh beri nama bahawa 'Kerajaan Burung Tekukur'. 'Kerajaan Burung Tekukur' ni Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia asal ada pagi nak masuk, dia berkukur, dia kata "ku-ku, ku-ku" dia kata hak dia, dia kata hak aku, pagi hak dia dan sebagainya. Mungkin jugak Kerajaan hak ada sekarang ini, dia ada sebut ni, besar-besar nak buat Lapangan Terbang, Lebuhraya, Universitas, yang ni semua projek Kerajaan Persekutuan tapi dia akui hak dia

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Di Pertua, pohon laluan - Apa yang dikata oleh Yang Berhormat ADUN Manir sebenarnya kita tidak penting soal peruntukan daripada mana, apa yang penting daripada saya adalah peruntukan tersebut kemampuan Kerajaan semasa nak buat balik dari mana peruntukan, itu yang

penting (Tepukan Sokongan) Bukan peruntukan daripada mana, soal daripada langit ke, dalam bumi ke, itu adalah kemampuan Kerajaan. Kalau tidak mampu, dokrok duduk saja je lah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masa kitapun mampu buat pembangunan tapi 4 tahun, kalau nak cakup besarpun boleh, sekolah dalam Negeri Terengganu ini, menengah, rendah semuanya baru belaka, itu zaman Pas memerintahlah. Yang tidak wujud dalam zaman pemerintahan Barisan Nasional 37 tahun

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, satni baru sebut burung kukur. Ini berkokok kuat do-oh lalu pulak (Dewan Gelak) Satni kata Kerajaan Burung Kukur ini sekolah hak Kerajaan Pusat buat, mengaku buat pulak dah. Kukurlah ini "ku-ku-ku-ku".

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sabar sekejap Wakil Kijal. Tak apa kita kawan lama, tenggelam timbul, masa saya timbul, saudara tenggelam tapi masa saudara timbul, saya tidak tenggelam lagi. Kita kata kalau kita nak cakup besar boleh tapi kita tidak cakup, tidak macam tuan, buat Lapangan Terbang, buat Lebuh Raya, Lebuh Raya takdok lagi Lebuh Raya mari ke tak tak tahu lagi, Lebuh Raya letak Batu Asas belum Pilihanraya tahun 1999 lagi tapi tak jadi.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mintak laluan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah, ganggulah tak ada masalah.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Ini janji yang telah kita buat dalam manifesto Terengganu maknanya telah terbukti Kerajaan Terengganu mampu untuk mengadakan ini semua tidak seperti Kerajaan Pas buat saja manifesto tapi tak boleh buat apa bendapun.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mana tahu tak boleh buat apa benda, inipun tak jadi lagi, mana ada jalan lagi. Kalau buatpun beberapa kali berubah dah. Kitapun kalau ada

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, mintak penjelasan. Sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan dahulupun nak buat jugak Lebuh Raya ni 3 kilometer lebarnya tapi syarikat hak nak beri tu RM2.00, nak buat projek RM2 bilion, jadi dokrok cetong jugaklah. Dan, satu lagi Dato' Yang Di Pertua, berkenaan dengan LPT ini Kabinet sudah luluskan dan projek antara Link Simpang Pulai ke Kuala Berang tu sedang dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dah cakup tadi ini projek Kerajaan Persekutuan. Saya bukan kata tak

berjalan, yang Lebu Raya sekarang ini nak buat laluanpun tak selesai lagi, berubah sekali sana, sekali sini

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hah! ini hak sama-sama timbul ni, hak tadi timbul-tenggelam. Burung Kukur, Yang Berhormat Manir jugak yang pergi rasmi Asrama Yayasan Terengganu di Mesir, hak tu hak kita buat dulu tapi Yang Berhormat Manir mengaku pergi rasmi walaupun buruk dahpun sebab nak mengaku hak dia, betul ke tak Yang Berhormat Manir?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Perasmian berlaku pada zaman kita. (Dewan Gelak) Tapi kita tidak mengaku bahawa itu yang kita buat, yang buatnya ialah Yayasan Terengganu di bawah Kerajaan Terengganu. Kerajaan Negeri suatu keperibadian yang umum siapa dia diambil alihpun sebagaimana kita menanggung hutang Kerajaan Persekutuan yang dihutang oleh Kerajaan yang lalu, kalau kira

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, minta laluan - Ini suatu pembbohongan Dato' Yang Di Pertua, sebab saya masih ingat pada awal pembukaan Perpustakaan Negeri Terengganu Menteri Besar sendiri, Menteri Besar Terengganu ketika itu mengaku bahawa inilah satu-satunya pusat pendidikan yang telah dibina oleh Kerajaan Pas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak, dia silap dengar. "Yang telah disempurnakan pembinaannya", hah! itu dia (Dewan Gelak) Ini cakaplah betul-betul, ini tak reti bahasa sebab itu perlu kita ada perpustakaan, pergi belajar bahasa, belajar penggunaan bahasa. Memang dia buat masa Barisan dok sudah dulu kita sempurnalah nak buat macam mana. Yang kita buat Barisan sempurna ada, kita buat kerangka kalau dia mari kita dok sudah lagi, maka dia mari sempurna, baguslah. Tapi dia duk mengaku "Burung Tekukur", Lebu Raya, universitaslah, apa nasib KUSZA, kalau kita nak buat universiti, kalau kita betul-betul Kerajaan Negeri berkeupayaan, berkemampuan, KUSZA kita tu ada berapa dah jenis sekolah yang boleh realiti sekarang tak payah dah tunggu bila, tapi nasib KUSZA tu macam mana? Kita dulu masa Pas buat jugak sikit-sikit dengan kita masa tu duduk di bawah kita hidup dengan pak tiri. Kerajaan sekarang ini dia jadi 'Burung Tekukur' ini dia duduk bawah naungan ayah dia, ayah dia nak beri pitih, ayah dia nak bagi duit, tapi kita pada masa itu duduk bawah pak tiri. Duit pak tiri ini, jangan nak bagi duit tambahan pada kita, duit kita royalti petroleum dan gaspun dirampas bawah pak tiri. Rampas tu dia salur pulak melalui anak dia hak sini ...

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Semenjak tahun 2001 dalam masa Pas, 2002, 2003 jumlah peruntukan yang diberi kepada KUSZA di bawah Dana Khas ialah berjumlah RM70 juta lebih diberi oleh Kerajaan Pusat *direct* kepada KUSZA.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini fesyen orang kata cerita: "Dia berkawan kemudian apabila nak bangun pagi nak minum pagi. Dia ambil duit dalam poket kawan dia, dia ajak kawan dia minum teh, 'mari kita minum pagi'. Sudah-sudah minum dia kata hari ini saya belanja belaka pada hal dia ambil duit dalam poket kawan tu." Kalau dia tak ambil duit royalti petroleum

dan gas yang berjumlah pada masa itu kali pertama RM400 juta dan mungkin akan jadi RM800 juta, itu RM35 juta setahun itu tahun yang pertama dan kedua, tahun yang ketiga tak bagi dah.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan – Macam mana nak beri masa beri mula-mula, RM432 juta, minta akaun apa benda telah buat tak reti, tak hantar akaun apa benda dengan RM432 juta dalam masa tempoh 6 bulan, dia buat pergi berjoli. Jadi jika sekiranya sudah gagal mentadbir RM432 juta macam mana nak tadbir hak lebih lain. Satu lagi Dato' Yang Di Pertua, berkenaan sama ada Pusat ataupun Kerajaan Negeri sebenarnya adalah kerana keangkuhan Kerajaan Negeri pada ketika itu yang terlalu bongkak dan sombong kononnya nak buat LPT sendiri. Kelantanpun walaupun Kerajaan Pas tak ada masalahpun dapat Airport baru tapi oleh kerana keangkuhan Kerajaan pada ketika itu yang menyebabkan mereka tidak dapat projek(Tepukan Sokongan) Terima kasih. Jangan duk salah ke orang sangat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya ucap terima kasih. Rakyat Kelantan, Umno Kelantan, lebih simpati dengan negeri dia daripada Umno Terengganu. Umno Terengganu di dalam Perhimpunan Agung Umno memohon supaya Kerajaan

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti giliran saya dulu, saya beri ke awak sikit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Betul ke tidak Tok Guru dia molek dengan Tok Guru kita?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak, saya jahat Umno Terengganu yang mengesyorkan di dalam Perhimpunan Agung Umno supaya Kerajaan Malaysia menarik balik royalti petroleum dan gas daripada rakyat Negeri Terengganu, daripada Kerajaan Terengganu. Kalau tidak ditarik balik maka susahlah Umno untuk menawan semula Negeri Terengganu

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, nak tanya sekejap, sikit je, marah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita berdua bila-bila masa nak marah.

YANG BERTHORMAT WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak Wakil Manir beri bukti pemimpin mana hak yang mengatakan supaya ditarik balik?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak tahu, rakaman tu disimpan di Pejabat Agung Umno jadi kita tahu jadi saya tak simpan rakaman.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Pas kena sedarlah, tadi dia kata kena duduk bawah pak tiri, pak tiri baik tapi anak tiri itu yang jahat. Sebab itu Yang Di Pertua, betullah kata firman Allah (baca Surah Ibrahim ayat 7) Tak berterima kasih, lepas makan krekoh tangan, lepas ambil bunga perdu ditendang, jadi ini sifat orang Pas. Jadi kalau sayalah, Kerajaan Pusat bagus dah beri RM432 juta, kalau saya tak beri, saya sepak pulak kalau mintak. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): RM 432 itu kali pertama, itu hak baki untuk bayaran kali kedua bagi tahun sebelumnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi bagi lepas pada tu tak bagi-bagi. Dia kata akaun apa? Duit itu dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan, yang diaudit oleh Auditkan? Biar pandai kita bercakap. Ini bercakap orang politik tak tahu apa yang bercakap. Berapa belanja, apa belanja. Takkanlah duit berbilion saya beli gas banyak ni, saya beli pisau banyak ni, takkan capak begitu, biar kita ada *standard* sikit masuk dalam Dewan ni biar kita tahu perakaunan. Ini duk tanya menasabah Pas buat apa, belanja apa RM432 juta. Baru-baru ini dalam Dewanpun ditanya lagi, adakah Ahli Dewan yang pemikiran macam tu

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau Wakil Manir bercerita tentang Burung Tekukur, saya nak cerita satu kisah ni dengar molek. Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri sebelum tahun 1999 umpama suami isteri yang cukup hebat, baik. Tapi bila '99 naik sampai ke 2004, dia jadi dok molek, dia jadi seolah-oleh berbalah-cerai. Jadi sebagai ayah Kerajaan Pusat dia beri jugak sebagai tanggungjawab, dia beri ke anak-anak dia, dia takmboh beri ke bekas isteri tu, isteri tu teruk do-oh lalu. Jadi dia beri ke anak, sampai jugak ke anak, nak beri benda ke bekas bini, hak bini duk berlawan dengan dia tu, itu kaedah biasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, terima kasih. Budak ini dia tak faham, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Kita kata anak dengan anak tiri, jadi Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri tu bukan bini. Kerajaan Negeri Terengganu bukan bini kepada Kerajaan Pusat, biar faham sikit, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hai! Ada lagi?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dalam Dewan ini ada budak ke Dato'?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada, ada budak. Budak dari segi pemikirannya, beradabannya, tatarannya, budak macam-macam budak, kita

mengaji *bab lagho* kan, duk mengaji dulu? Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Sura ini dia pandai bercakap sekarang ni, dulu masa pegawai dulu saya minak pandangan 'Macam mana Ustaz ada apa-apa cadangan?' Senyap, takdok sokmo, angkat tangan begini takdok sokmo

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa berjalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak tahulah, sekarang ini pandai, dah ada tamadun, ada perkembangan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada lagi, laa-ila-ha-illallah.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Nak ucap terima kasih kepada Wakil Manir sebab mengiktiraf ketamadunan yang ada pada Kerajaan dan DUN Sura. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Alhamdulillah, dia bertamadun sikit sekarang, dulu tak pandai. Jadi oleh sebab itu saya panggil Kerajaan ini, Kerajaan Burung Tekukur, mengaku buat. Saya nak sebut hak KUSZA tadi, tak habis lagi. Kenapa dalam suasana yang ada sekarang ini masalah yang dihadapi oleh KUSZA, KUSZA ada masalah dari segi kepagawaiannya, staf-stafnya DG 3, 2, 1, walaupun mereka pensyarah tapi apa yang mereka terima semacam guru sekolah menengah biasa saja. Tidak ada jalan melainkan kita naikkan taraf dia menjadi sebuah universiti, kenapa kita tidak boleh buat, buat masa terdekat kenapa kita tidak boleh buat? Saya dengar kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar jadi Pengerusi sendiri. Saya pernah jugak jadi Pengerusi KUSZA, kita cuba nak tingkatkan, yang sedihnya saya dengar cerita sekarang ini pelajar-pelajar kita boleh membuat Ijazah di KUSZA melalui kerjasama dengan UEL tapi sekarang ini diberhentikan penerimaan pelajar. Itu menguntungkan pelajar-pelajar kita, tak payah pergi United Kingdom untuk mendapat sijil, mendapat Ijazah daripada United Kingdom dengan perbelanjaan yang murah RM12,000.00 saja yuran. Daripada RM12,000.00 itu KUSZA dapat RM7,000.00 makna kalau 100 orang satu tahun, KUSZA dah dapat berapa. Kita dah boleh bawa balik sijil ke sini tak payah pergi sana, ini berhenti tak ambil dah pelajar.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sijil yang dimaksudkan oleh Wakil Manir sijil kosong yang tidak diiktiraf sekarang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sijil kosong tak kosong itu kenyataan palsu tak palsu, sila buktikan dengan surat. Ini kita ambil dari Universiti UEL (University of East London) yang sudah dua-tiga kali graduan kita keluar.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – London, London bolo' saja bunyinya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, saya sekolah mengaji Sekolah Arab dulu, saya tak mengaji Sekolah Orang Putih.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak bukan, tempat nama universiti tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): University of East London.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Haa begitu. Terima kasih, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya takdok masalah 'telo'pun, saya ada sebab tak belajar Sekolah Inggeris dulu. Tak betul saya sebut tu? Betul tak apa, alhamdulillah (Dewan Gelak) Inipun diberhentikan. Banyak yang kita buat, untuk pelajar-pelajar Islam untuk buat Master, untuk buat Phd

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Di Pertua, saya minta maaf, saya mintak laluan – Program UEL (University of East London) dengan KUSZA tidak mendapat pengiktirafan daripada JPA dalam bulan Febuari 2005 baru-baru ini. Saya mengarahkan pemangku Pengarah KUSZA menghantar untuk penilaian oleh pihak Kerajaan Pusat, itu kedudukan sekarang, jangan pelawok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah kerja-kerja yang dibuat oleh Barisan Nasional kerana dendam kesumatnya kepada Parti Islam Se Malaysia (PAS). TATI dia cakap banyak, ada beberapa program kerjasama dengan UTM, akhirnya pada peringkat awal TATI tidak dapat menyediakan alat-alat yang diperlukan oleh UTM. Masa Kerajaan Pas dulu kita beli semua alat-alat, sehingga mari periksa di sini, mereka uji cukup alat, mereka menerima kerjasama tapi arahan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi pada masa itu mengarahkan bahawa UTM tidak boleh beri kerjasama dengan TATI kerana TATI di bawah perintah Pas, anak tiri, itulah keburukan yang dilakukan. Begitu jugak Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bercakap tentang pelabur asing nak datang. Bank Negara menyekat tidak boleh masuk wang di sini, atas arahan bapak tiri

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, itu merupakan satu tuduhan yang kasar, kalau tidak boleh bukti jangan bercakap

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tidak tuduhan

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Ini Dewan yang mulia, kalau setakat ambil, cakap, ikut dang saja tidak jadi, buktilah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya masuk Dewan dengan penuh sedar, apa yang saya tahu dan apa yang saya tidak tahu. Sebagai contoh saya pernah menjadi Pengerusi TDM Berhad dan kita telah membuat perjanjian untuk memasukkan pelaburan di sini ke TDM sebanyak US50 juta tetapi bila nak masuk wang, tidak boleh, sekatan daripada Bank Negara atas arahan. Bukan bercakap dengan tidak ada pengalaman, berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan - Syarikat mana, pelaburan apa supaya saya boleh siasat benda ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, kita jumpa di luar nanti, insya-Allah. Tapi sekarang ini tak perlu dah, masa tu masa saya mula pegang TDM, TDM teruk tapi masa saya tinggal alhamdulillah, cuci tangan, hutang takdok, RM250 juta hutang dapat bayar, syarikatpun stabil, ada pelaburan di Mekah. Saya tak tahu untung-rugi, Wakil Alur Limbat soal dia tak jawab, kemudian ada kenyataan akhbar daripada CEO baru, dia kata akan teruskan pelaburan di Mekah kerana ada pulangan yang baik.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan - Barangkali TDM semasa di zaman Pas dikatakan semakin baik kerana mungkin salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarahnya tak ambil elaunnya iaitu isteri Wakil Manir?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak faham, siapa tak ambil elaun Pengarah?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Barangkali isteri Wakil Manir tak ambil elaun masa tu sebab itu perkara itu menyumbang kepada kenaikan TDM dari segi keuntungannya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Isteri Wakil Manir jadi Ahli Lembaga Pengarah ke?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ahli Lembaga Pengarah TDM.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Isteri Wakil Manir jadi ahlikah?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ya, Ahli Lembaga Pengarah, kalau tak betul *I stand to be corrected*, dengan izin.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sila kata di luar. Boleh tanya Pengerusi sekarang ini adakah senarai nama isteri Wakil Manir. Adakah seorang perempuan jadi Ahli Lembaga Pengarah TDM Berhad? Jangankan isteri Wakil Manir, orang perempuan - tidak. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan, kalau tak betul kata tak betul, apa salahnya, janganlah naik marah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau dah sedar, baguslah. Terima kasih dah sedar salah. Kerajaan sekarang ini, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Pohon laluan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hai laluan lagi? Masya-Allah.

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Di Pertua, bercakap tentang pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Pas dahulu. Saya merujuk kepada perjanjian 20.10.2003, antara Pancaran Metrik Sdn Bhd dengan SEDC dan Hubungan Raya yang *paidup capitalnya* hanya RM2.00 yang Pengarahnya diketuai oleh Anita Waiwai Cheong, Yusof Abdul Rahman, Wan Mazlan bin Haji Wan Mohamad. Adakah ini suatu penjualan yang baik, Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini saya perlu notis sebab syarikat tu bukan saya yang jadi Pengerusi, jadi saya perlu notis, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Jadi mengakulah salah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya bukan mengaku lagi, saya kata saya perlukan notis, jadi kena faham.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat hampir selesai.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, nanti saya ada satu tajuk lagi Yang Berhormat. Kerajaan sekarang ini saya nak guna bahasa apa, nak kata pengemis, hodoh sangat, minta sedekah, hodoh sangat, nak kata dokrok cetong tak betul do-oh lalu tapi kalau berdasar kepada Bajet lepas Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dimasukkan dengan hasil Kerajaan Negerinya RM241 juta tapi yang diharapkan sedekah daripada Kerajaan Persekutuan RM102 bilion kalau duit RM102 bilion itu tak mari maka Kerajaan sekarang ini memang suatu Kerajaan yang

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Kerajaan BN Terengganu masuk Bajet RM1.2 bilion, RM102 daripada Kerajaan Pusat kita yakin boleh mari, ini janji Kerajaan dan sebahagian telahpun mari. Tetapi Pas

buat Bajet, dok mari langsung, tahu dah tak mari, berulang pulak tiap-tiap tahun berturut-turut, hak ini kata Bajet 'lebong' ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok 'lebong' masih duduk di mahkamah, kita tak boleh putus harapan. Apa yang jadi putus harapan, awal-awal lagi dah putus harapan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, kita tahu belaka ni Wakil Rakyat Batu Burok sebelah ada. Bila mahkamah, lambat selesai takkan nak masuk Bajet dalam tahun semasa, boleh masuk jugak biar selesai dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lambat-cepat, itu kerja mahkamah

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah, disoalkan nak belanja semasa tahun 2001, 2002, dah nak ambil duit dari mana nak belanja? Tengok tu, nak 'cocoh' di belakang tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita lambat-cepat, itu Mahkamah Negara kita, Mahkamah Malaysia. Kalau tidak cekap mahkamah itu tidak cekaplah Kerajaan Malaysia.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Laluan sekejap Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Laluan jugak?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Boleh kita setuju, tadi dia kata kepada Kerajaan yang ada pada hari ini Burung Tekukur dan hari ini seolah-olahnya melalui Bajet yang dibuat oleh Kerajaan dahulu dengan memasukkan saban-saban tahun, tiap-tiap tahun, boleh kita katakan ataupun kita bersetuju hari ini kita kata Kerajaan dahulu macam Burung Pungguk, Burung Pungguk rindukan bulan yang tidak turun-turun yang hari ini *out* habis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu beza, kita harap kepada mahkamah. Kita harap mahkamah, tidak adil, kita masukkan tiap-tiap tahun kenapa? Kalau empat tahun? Kalau setahun RM800 juta, empat kali lapan RM3.2 bilion kita akan dapat bila menang di mahkamah. Tidak sebagai Kerajaan sekarang menyerah kalah

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan, Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu, nanti dulu, sekejap lagi saya beri. Kerajaan sekarang, dulu-dulu lagi menyerah kalah seolah-olah tak ada harapan lagi iaitu royalti petroleum dan gas dikosongkan di situ dan masuk dekat sumbangan daripada agensi-agensi lain. Jadi sebab itu

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan, Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Seperti yang saya katakan, kalau tak mari ini minta sedekah. Kerajaan ini bercakap orang Arab kata begini, Tunggulah Wakil Kijal, kita jangan takut

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ajil, jangan bertukar begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ajil, saya duduk dekat-dekat, kalau Wakil Kijal nak tanya lagipun tak apa. Jadi saya nak sebutkan orang Arab kata begini, (yang bermaksud), Guana Yang Berhormat Ustaz Kamal, orang Arab kata

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, yang akhir dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): "Bukan pemuda namanya kalau bercakap, ini ayah aku punya, ayah aku punya tetapi pemuda bercakap ini aku punya." Tetapi takdokpun 'aku punya', kita empat tahun alhamdulillah, walau dipotong royalti, kita boleh hidup, ada pembangunan sendiri, kita boleh buat KUSZA, kita boleh buat inilah, banyak kita boleh buat

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Siapa buat KUSZA, (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Hak kata pemuda Arab 'aku punya, aku punya' tunjuk ke dada tu berapa orang ada ni, seorang ke berapa? Hak ada dah seorang ke dua, ke empat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya kurang daripada Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dah mengaku begitu tak apalah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, kita *sporting*, dua, kita orang lama. Wakil Ajil nak kata apa?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Wakil Manir. Ambil tapak Speaker pulak. Tadi Wakil Manir ada mengatakan 'kalau-kalau', kalau boleh ada RM8 bilion ke dia, kalau-kalau ini Yang Di Pertua, Nabi marah bercakap 'kalau-kalau', tak baik guna 'kalau-kalau' ni, jadi buat apa pulak guna 'kalau'?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih. Saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey Yang Berhormat saya bagi, Yang Berhormat Manir

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti saya nak jawab hak dia dulu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya bagi satu minit saja lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, seminitpun tak apa. Masalahnya dia nak guna hadis tapi tak reti guna. 'Lau' tak boleh diguna 'hak telah lalu' orang dah mati kalau kita kata 'Oh! Kalau dia tak pergi dia tak berlanggar kereta.' Ini di suatu masa akan datang dia guna 'lau'. Kalau kita menang, bicara di mahkamah RM800 juta setahun kita akan dapat, RM3.2 bilion sebab itu kita letak dalam Bajet, tapi Kerajaan sekarang serah kalah daripada awal. Lepas pada itu nak berunding pulak macam mana nak teruskah bicara. Sebab itu saya kata minta nasihat daripada orang pandai sikit, orang lama

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mintak laluan Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mintak izin dengan Speaker dulu, kalau dia izin saya berilah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya mintak laluan daripada Yang Di Pertualah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Beri laluan kena beri saya jawab.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Di Pertua. Kita bukan masalah guana pith masuk dah, sampai dah, belanjapun dah. Jadi kalau tak tahu jangan bercakap. Ini tak tahu bercakap 'ngubu-ngabang' sekali, jenis cap ayam jugak ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cap ayam, cap apapun makan sedap. (Dewan Gelak) Ini dikira cap, makan tak sedap. Cap Tekukurpun makan tak sedap nak buat apa, kita nak sedap. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak jawab ni, dapat dah tu apa benda, Dana Khas bawah Dana Khas bukan royalti dan gas biar reti baca Bajet sikit takkan masuk Dewan tak reti baca Bajet?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Marah ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak marah, nak suruh orang lain dengar jugak. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, habis ke tak lagi masa saya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Akhir dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Akhir dah, saya ucap terima kasih Dato' Yang Di Pertua, jadi saya ada dua-tiga tajuk lagi tapi kawan-kawan saya nak ganggu jadi saya takut dia kata tak beri ganggu dia, penakut ke, nak lari ke. Hak

lepas dah tak mari ni bukan takut ke Kerajaan nak jawab pasal saya merajuk Speaker ni dia tak beri saya nak bercakap masa Bajet dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, Wakil Manir kuat merajuk jugak, macam budak-budak ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, merajuk ke Yang Di Pertua, dia tak beri, saya angkat tangan dia paling ke sana, saya angkat tangan dia paling ke sana. Jadi saya duk fikir saya duduk dalam Dewan ni lama dah, Speaker lain dulu rajin beri ke saya sebab ada bekas tu barangkali mungkin saya fikir calon bertanding hak kalah jadi Speaker ini jadi marah ke Pembangkang ke guana, saya tak faham, Dato' Yang Di Pertua. Jadi maaf Dato' Yang Di Pertua .

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ada lagi Yang Berhormat nak bercakap? Saya persilakan Wakil Kemasik.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Di Raja yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dua hari yang lalu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mengapakah Buku Hadharah Islamiah diterbitkan? Buku ini sebagaimana diterangkan oleh Wakil Sura semalam, dikarang oleh Abdul Hadi Awang, Wakil Rhu Rendang yang dikeluarkan pada Januari 2005. Sedangkan Islam Hadhari dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu sebelum daripada itu. Mengapakah buku ini tidak keluar semasa pemerintahan Pas dahulu? Tapi direka, diolah begitu rupa setelah Islam Hadhari dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tujuannya tak lain adalah semata-mata untuk menyekat terutamanya penyokong-penyokong Pas yang mula terpicat dengan ketulusan dan kebenaran Islam Hadhari itu sendiri. Sebab itu direka begitu rupa sehingga bercelaru. Menimbulkan suasana yang tidak menyenangkan terutama di kalangan rakyat Negeri Terengganu. Sehingga ada di kawasan saya Guru Besar Sekolah Rendah mengatakan bahawa Islam Hadhari itu sesat kepada sesiapa yang mengikutnya. Dan, saya bersetuju jika buku ini diharamkan oleh Kerajaan sebagaimana dicadangkan oleh Yang Berhormat Wakil Sura, semalam. Begitulah sifat pemimpin-pemimpin Pas tak senang dengan adanya kebaikan yang dibuat oleh Kerajaan, apa yang Kerajaan buat semuanya tak betul, dia sahaja yang betul. Sehingga apa saja yang dibohongipun dianggapnya betul. Terus terang saya katakan bahawa Pas sentiasa berbohong di Dewan yang mulia ini semasa Pas menjadi Kerajaan. Pembohongan yang

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Pohon penjelasan Yang Di Pertua - Apakah yang dimaksudkan dengan pembohongan dan apa dia bentuk-bentuk pembohongan yang dilakukan oleh Kerajaan Pas terdahulu. Pohon penjelasan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Wakil Sura. Banyak pembohongan yang dilakukan oleh Kerajaan Pas dahulu. Saya boleh jelaskan satu persatu tapi dalam Dewan yang mulia dengan masa yang terhad saya ambil satu-dua sahaja untuk makluman Dewan yang mulia ini. Yang pertama, sebagaimana yang kita tahu Bajet, empat tahun dibentangkan Bajet yang tak seimbang, yang kita katakan dulu Bajet Pak Pandir, Bajet Lebai Malam dan sebagainya, Bajet Khayalan semata-mata untuk mengelirukan rakyat. Berbohong di Dewan, peruntukan tak ada dikatakan ada. Yang kedua, Dato' Seri Menteri Besar ketika itu, Tuan Guru Haji Hadi mengumumkan kepada seluruh rakyat Terengganu bahawa minyak telahpun dijumpai di daratan Negeri Terengganu. Diumumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu, surat khabar keluar muka depan, apa rakyat Terengganu kata, apa penyokong-penyokong Pas Terengganu kata: "Tengok berkatnya Tok Guru perintah Terengganu minyak boleh jumpa atas darat." Apabila saya sendiri ketika itu mempersoalkan kewujudan minyak di atas darat ini, apa jawapan Menteri Besar? Tak ada minyak dijumpai atas darat, berbohong kepada rakyat.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Saya rasa dia keliru barangkali stesyen minyak duduk di darat belaka hak pulau ada se-dua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pembohongan yang paling besar dalam abad 21 yang dibuat oleh Kerajaan Pas iaitu apabila Kerajaan Pas Terengganu, saya bawa hari ini, membentangkan enam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001 iaitu:

1. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001
2. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Terengganu 2001
3. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir Terengganu 2001
4. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001
5. Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001
6. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Terengganu 2001

yang dibentangkan di Dewan Undangan ini pada 26, 27 dan 28 Ogos 2001. Sebelum Enakmen ini dibentangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu termasuk Exco-exconya *round Malaysia*, berceramah di merata-rata tempat mengatakan inilah Enakmen yang terulung, yang boleh dibuat oleh Kerajaan Pas yang belum dibuat oleh Kerajaan-kerajaan lain. Inilah kejayaan Pas dengan kebijaksanaan Pas boleh membuat dua buku yang begini tebal mengandungi enam Enakmen, berbangga, keluar surat khabar. Enakmen terulung, negeri lain tak buat lagi apabila dibentangkan di Dewan pada 26 Ogos 2001. Kita dapati lima daripada yang dibentangkan ditiru bulat-bulat daripada Wilayah Persekutuan mana kehebatan Pas ketika itu yang mengatakan bijak dari segi agama, tiru, fotostat, termasuk ejaan salahpun tiru. Yang Berhormat tak boleh nafikan, Yang Berhormat Manir sendiri mengatakan ketika itu kebetulan. Boleh beri pengakuan Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dah jawab masa Dewan dulu, apa pulak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya nak jawab atas pembohongan tadi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau saya jadi Kerajaan pulak saya jawab hak tu. (Dewan Gelak) Nak jadi Kerajaan pulak bukannya payah. Dulu awak menang banyak, lepas itu saya menang, lepas tu awak menang, sekali lagi mana tahu saya pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jelas sekali lima daripada enam Enakmen ini ditiru bulat-bulat. Ini pembohongan oleh seorang Menteri Besar yang mengaku bahawa dia seorang Tok Guru

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan – Perkara ini dah lapuk Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dah dijawab banyak kali cuma saya tanyanya, penjelasannya – 37 tahun memerintah, 37 tahun mentadbir Mahkamah Syariah, ada ke tidak undang-undang ini di Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya bukan kata tak ada, dah ada yang dibuat pada tahun '86, digunapakai oleh Kerajaan Negeri ketika itu tapi nak dipinda oleh Kerajaan Pas mengatakan bahawa yang tahun '86 itu tak betul. Nak pinda, nak pinda bukan buat sendiri tapi ambil Wilayah Persekutuan hak Agung *sign* dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak, saya mintak penjelasannya, saya tanya yang enam ini, yang '86 itu Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang ini satu persatu, saya tanya ada ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya ingin jelaskan bahawa lima daripada enam ini telahpun disiapkan oleh Kerajaan BN sebelum Pas memerintah tapi tak sempat dibawa ke Dewan. Boleh disahkan oleh Pesuruhjaya Agama Negeri Terengganu, zaman BN memerintah dah siap tapi belum sempat masuk Dewan dan bila Pas menang dibawa ke Dewan, itu saja Dato' Yang Di Pertua, saya salah seorang daripada anggotanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hak ini kata dah, awak buat kerangka tapi tak siap, saya siapkan. Ini kita katanya tak berani nak buat. Sayapun duduk di Dewan ini lama juga.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dah beri penjelasan satni kita tak sempat bawak, masa itu cuma tunggu nak taip dari segi jawi saja lagi. Boleh disahkan oleh Pesuruhjaya Agama, ini nak mengaku macam-macam

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Masa hidup itu tak sempat, le-ni segar pulak, nak buat pulakkah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bukan masalah sempat tak sempat, saya tak mempertikaikan yang ini baik untuk Kerajaan Negeri

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini bercanggah dengan Wakil Kijal dengan Kemasik ini berbalahkah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tak.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Habis tu Kijal kata tak sempat nak buat.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Betul tak sempat nak laksanakan, yang saya nak pertikaikan hari ini bukan masalah Enakmen ini, masalah cakap pelawok, (Tepukan Sokongan)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok pelawok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Kalau Kerajaan dulu buat tak sempat dibawa

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berapa kali dah saya cakap dalam Dewan ini, dok pelawok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pelawok

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan pelawok, dok pelawok (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Pelawok. Ditiru bulat-bulat yang Barisan Nasional buat, kata dia buat, pelawoklah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Manir, ini bukan perbahasan. Duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau giliran saya 'bukan perbahasan' kalau balik sana, macam mana Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Kemasik teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Songkok tercabut, marah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Wakil Kijal tak pakai songkok tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Wakil Kemasik, saya bagi dua minit saja lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Nanti, saya nak jelas ni. Saya nak perelaskan bahawa pembohongan berlaku apabila dia mengaku Enakmen hak dia buat itu sahaja menjawab soalan Wakil Sura.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang Di Pertua, dah tu hak Umno buat ke, hak Kerajaan buat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan bodoh!(Dewan Gelak) saya tak sangka soalan begini bodoh

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Perkataan bodoh ini boleh guna dalam Dewan kita?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Apa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak mintak *ruling* - Adakah perkataan bodoh ini boleh guna dalam Dewan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya kata soalan bodoh bukan orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, tak apa, bodoh tak bodohpun, tak apa. Saya nak tanya boleh tak guna perkataan bodoh ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kena tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Saya kata soalan bodoh, Dato' Yang Di Pertua, saya tak kata ke orang, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Pohon laluan Dato' Yang Di Pertua - Yu (*you*) bodohpun ada jugak selain daripada orang, yu bodohpun ada jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Okey Dato' Yang Di Pertua, saya mintak tiga minit untuk saya selesaikan ucapan saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, *ruling* yang saya buat tadi belum disempurnakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat duduk, saya belum selesai lagi. Jadi saya mintak Yang Berhormat Kemasik menarik balik perkataan 'bodoh' dan teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tarik balik yang saya kata kepada Yang Berhormat Batu Burok, 'soalan bodoh'. Beri saya dua-tiga minit. Kelmarin Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam membaca sajak, hari inipun saya nak baca sajak. Beri saya peluang dua-tiga minit, ini gurindam, boleh Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):

KERAJAAN DULU KERAJAAN LE-NI

Dulu masa nak kuasa macam-macam Pas duk jaja
 Hujung kampung, hujung dunia habis dilaungnya
 Tapi bila menang Pilihanraya mulalah nak jadi gila
 Harun Taib, Wan Muttalib, mahupun Wahid ataupun si Yahya
 Duk herebut kereta Exco macamlah hak dia
 Maka bermulalah sebuah Kerajaan Pas namanya
 Depan Wisma berhimpun puak dia
 Macam negeri dah huru-hara
 Bila duk tanya dia kata: "Wisma ana yang punya"
 Tok Guru masuk kerja
 Macam-macam janji dibuatnya
 Lalu ternganga rakyat jelata
 Macam tak percaya Tok Guru dah mula dusta
 Apakan tidaknya minyak di laut dikatakan di darat pula
 Kalau tak percaya orang Dungun dengar belaka
 Sedar-sedar lori minyak terbalik depan Masjid Rusila
 Tuhan nak tunjuk bahawa itulah bala
 Tapi Tok Guru berbohong juga

Penyu di Bulatan Ladang dibuang segera
 Kononnya itu bukan ajaran agama

Pusing pergi, pusing mari
Tengok di Marang sana, sotong, udang masih tetap ada
Kutanya pada Tok Guru mengapa begitu jadinya?
Eh! Kata Tok Guru itu semua ana punya kawan belaka
Rupanya sebab ada janggut sama dengan dia

Di Dewan ini si Harun Taib tu di depan sana
Masih hidup masih bernyawa
Bertanggah dia undang-undang Islam namanya
Nak kecoh kata hak dia belaka
Bila kudedah divedok hak BN belaka
Rakyat dah tahu dia pelawok belaka

Lebih teruk dari Yahudi dia kata kat kita
Kononnya BN zalim macam zaman dia gamoknya
Masa dia memerintah budak tadika dia hambat belaka
Rumah orang kampung bukan tidak disodoknya
Masjid BN yang dulunya haram semuanya sudah halal semula
Kutanya Tok Guru mengapa pula begitu jadinya
Tok Guru kata: "Eh! Kan itu ajaran agama"
Memang sahlah Tok Guru Cap Ayam jugak

Duduk di kampung mengajar agama
Mari ke Dewan perangai hodoh belaka
Tengok ke serban, kopiah macam tak percaya
Kalau semua mereka jadi ahli neraka

Aku terkejut mendengar satu cerita
Ada betina berbogel di kawasan Rusila
Entah apa yang dicari, entah apa yang dijumpa
Mungkin dia *jealous* Tok Guru berbini dua
Kalau tak percaya tanyalah dia

Membangun Menurut Islam slogan Pas jaja
Bila jadi Kerajaan tiada satu dibuatnya
Judi, maksiat, jenayah masih lagi berleluasa
Buat Hududpun atas kertas saja
Tanpa mengira ajaran agama
Sebab semua itu untuk menang Pilihanraya saja
Kutanya Tok Guru sekali lagi
Mengapa begitu pula jadinya
Jawab Tok Guru: "Aku ini ikut telunjuk saja"

Tiga balak telah dicuri si Wahid mula terasa
Di zaman dia berlari-lori dibawa begitu sahaja
Habis bukit digondolnya
Apakah itu ajaran Islam namanya

Jika ditanya Tok Guru di depan sana
Nanti jawabnya sama sahaja
Sebabnya si Wahid dengan Tok Guru dua kali lima
Cakap banyak haprak belaka

Tok Guru kata nak laksanakan Hudud di Terengganu kita
Lalu dibentang di Dewan yang mulia
Bila kita kata itu Hudud Pas sahaja
Tok Gurupun mula garu kepala
Dah nak buat macam mana dah menang ya
Orang Islam kena, orang kafir 'lok' saja
Liwat dengan betina dianggap berdosa
Liwat dengan bini dibolehkan saja
Apakah itu Hudud sebenar namanya

Zaman Pas dulu duk bangga dengan Bajet dia
Royalti tak adapun dibubuh juga
Kononnya nak belanja berjuta-juta
Congok punyak congok jadi Pak Pandir belaka
Dah nak buat guana bendanya
Gok mula serba-serbi buat tak kena

Kepada Tok Guru dan rakan-rakannya tolong ingat hamba nak kata
Kalau deme seme nak rasa berjaya sebab apa pula kalah Pilihanraya
Kerajaan BN Terengganu Kerajaan kita
Rakyat miskin dibantu sentiasa
Projek LPT, Lapangan Terbang dibesar segera
Boleh Pas kata bukan hak Kerajaan kita
Dijaja ke Dewan ini kononnya hak Kerajaan Pusat punya
Untuk menafi kejayaan Kerajaan BN kita
Dia faham ke tidak apa dia kata
Kerajaan Pusat ke, Kerajaan Negeri ke, kan BN belaka
Tak usah peduli Wan Muttalib kata
Sebab dia kaki 'autar' belaka
Orang buat serba tak kena, kena ke dia habisnya dia baham belaka

Empat tahun rakyat derita
Buat apa lagi Pas nak jaja-jaja
Terima kasih rakyat Terengganu, ajar Pas yang lupa dunia
Bila kalah Pilihanraya baru nak ingat dosa pahala
Pun begitu tak serik lagi
Dalam Dewan mengata-ngata
Biarlah ke dia nak buat guana
Sampai matipun itulah perangnya

Dato' Seri Idris kebanggaan rakyat jelata
Tidak berjubah tapi bercermin mata

Orangnya berjurus
Tak macam hak sebelah sana
Kuat bercakap lembab bekerja

Idris Jusoh orangnya beruban
Tapi manisnya tetap ada
Kuat berfikir untuk negeri kita
Rakyat hidup aman sejahtera

Tahun 2008 sifar Pembangkang
Pas kata itu sia-sia
Kalau nak percaya, percayalah
Kalau tak percayapun tak apa, tunggu masa
Tunggu sampai masa berputihlah mata
Doa saya semoga kita berjaya
Jika tanpa Pas tentu kita lebih selesa

Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Maknanya saya dengar satu sajak ke apa dia baca sedap tu, boleh ke Yang Amat Berhormat pertimbangkan bagi Exco tambahan ke dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bakpa yang dia duk menyusahnyanya saya takdok apa-apapun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ramai lagi yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja? Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan masa untuk Penggulungan begitu terhad dan perbahasan kita telahpun berlarutan berhubung dengan Titah Ucapan Di Raja jadi saya akan beri peluang pula kepada pihak Kerajaan untuk menggulung oleh kerana barisan Kerajaan akan buat Penggulungan, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Di Raja saya tamatkan setakat ini. Dan, sekarang saya meminta pihak barisan Kerajaan membuat Penggulungan, dipersilakan.

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat Pas membuat tuduhan yang tidak berasas dan tidak benar dengan tujuan memburuk-burukkan Kerajaan bukan untuk mengkritik, memberi pandangan dan cadangan yang positif demi memajukan rakyat dan negeri. Mereka menunjukkan sikap yang sombong, tidak bertanggungjawab dan takut menghadapi realiti. Apa yang dikatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam kelmarin adalah dengan izin *distasteful* jelas pemimpin Pas tiada modal lagi selain menggunakan taktik yang kotor. Penyokong-penyokong Pas serta Ahli Yang Berhormat Pembangkang tidak berhenti-henti mengkritik

dan menolak Islam Hadhari yang dibawa oleh Kerajaan. Nilai-nilai Islam Hadhari yang mulia dan sejagat ini telah diterima oleh semua kaum, rakyat yang berbeza kebudayaan dan kepercayaan agama. Penyokong-penyokong Pas menentang Islam Hadhari bukan kerana ianya berbeza dari pengajaran Islam mereka khutbahkan tapi kerana Islam Hadhari adalah pendekatan yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Mereka menentang Islam Hadhari kerana tidak dapat lagi memperalatkan agama untuk keuntungan politik mereka. Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang bolehlah dijemput ke Kota Putera dan Sura pergi belajar dan memahami konsep Islam Hadhari dengan Yang Berhormat Exco Islam Hadhari dan Yang Berhormat Sura.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perpaduan adalah asas kemajuan, kemakmuran dan keamanan masyarakat. Kawasan Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri telah diwujudkan untuk meningkatkan perpaduan rakyat dalam usaha memajukan negeri kita. Pada tahun ini Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri telah menganggarkan peruntukan sebanyak RM750,000 bagi pelbagai program dan aktiviti di peringkat negeri dan daerah. Aktiviti yang diadakan termasuk Kelas Senamrobik, Kelas Tarian, Kelas Kebudayaan, Kelas Tai Chi dan kursus-kursus untuk masyarakat setempat. Sehingga akhir tahun 2004, sejumlah 135 kawasan Rukun Tetangga telah ditubuhkan di seluruh negeri. Untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri telah membangunkan Pusat Aktiviti Perpaduan di peringkat daerah dan Pusat Rukun Tetangga di kawasan Rukun Tetangga. Dua buah Pusat Aktiviti Perpaduan sudah dibangunkan dan beroperasi di Terengganu, sebuah di Dungun dan sebuah lagi di Cukai. Pusat Aktiviti Mak Dayang di Cukai yang melibatkan kos pembinaan sebanyak RM1.8 juta telah dirasmibuka oleh Menteri Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional pada 4 April baru-baru ini. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di Pusat Aktiviti Perpaduan Mak Dayang termasuk Dewan, Bilik Mesyuarat, Bilik ICT, Kelas Tabika Perpaduan dan Pusat Rujukan Sosial. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri telahpun membuat permohonan untuk satu lagi pusat untuk Pusat Aktiviti Perpaduan yang baru di daerah Besut dengan jangkaan kos sebanyak RM1.6 juta pada tahun ini. Dan, bercadang untuk membina sekurang-kurangnya sebuah Pusat Aktiviti Perpaduan di setiap daerah di Terengganu. Manakala 8 buah Rukun Tetangga Pusat telah dibangunkan di Negeri Terengganu pecahannya adalah sebagaimana berikut:-

- 1 buah di Dungun
- 2 buah di Besut
- 4 buah di Kemaman
- 1 buah di Hulu Terengganu

Semua Pusat Rukun Tetangga mempunyai ruang untuk bilik mesyuarat dan Bilik Gerakan Kawasan Rukun Tetangga, Kelas Tabika Perpaduan dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri merancang untuk menambah lagi 5 Pusat Rukun Tetangga dengan peruntukan sebanyak RM1.0 juta pada tahun ini dan 5 buah Pusat Rukun Tetangga tiap-tiap tahun berikutnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi ulasan-ulasan berkaitan

dengan portfolio di bawah saya. Saya sekali lagi ingin berpesan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang untuk pergilah ke Kota Putera dan Sura untuk belajar tentang Islam Hadhari. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan sedikit daripada Exco Wakil Bandar. Betullah dia suruh kami pergi belajar, pergi apa, Yang Berhormat Wakil Bandar tu dah Wakil Kota Putera duduk sebelah tu belajar ke tidak daripada berhubung dengan Islam dan cuba menerangkan Islam kepada masyarakat Tionghua di kawasan Bandar?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya memang selalu belajar dengan Exco Islam Hadhari bukan sahaja belajar, saya faham apa dia nilai Islam Hadhari itu. (Tepukan Sokongan)

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Alhamdulillah wabihinastain wassalatuwassalam mu-alarasulillahwa-ala-alihiwasahbihiajmain. Ammaba'. Pertamanya saya cuba nak bangkit mengenai dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat mengenai Islam Hadhari terutama mengenai buku yang ditulis oleh Haji Hadi Awang tentang 'Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari'. Setelah saya melihat dan teliti buku berkenaan, saya dapati bahawa buku tersebut hanyalah merupakan buku politik sebagaimana jugak buku-buku politik murahan lain yang berada di pasaran hanya untuk kepentingan politik dan keuntungan semata-mata. Tetapi buku ini pada saya lebih berbahaya daripada buku-buku politik yang lain kerana ianya telah diselitkan dengan ayat-ayat suci Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah serta istilah-istilah Islam yang mana ini boleh mengelirukan masyarakat yang kurang mendalami Islam itu sendiri. Sebagaimana kita maklum jika dahulu Abdul Hadi Awang dalam amanatnya yang semua kita ketahui iaitu sebagai 'Amanat Haji Hadi' yang dilontarkan di Banggol Peradong yang mendakwa Umno dan ahli-ahlinya sebagai kafir tetapi di dalam buku terbaru ini yang dilancarkan pada 28 Januari lalu yang mendakwa Konsep Islam Hadhari yang diketengahkan oleh Kerajaan sebagai Islam bentuk baru. Cuba perhati baik-baik kenyataan Haji Abdul Hadi ini dan kenyataan ini lebih bahaya lagi daripada amanat tersebut. Sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Wakil Sura semalam yang membaca petikan yang berbunyi '... yang jelas Islam Hadhari adalah antara perkara yang boleh dimasukkan ke dalam perbuatan bidaah dan boleh menyesatkan ini disebabkan yang boleh dikira mewujudkan Islam dalam bentuk baru dengan hanya menggunakan perkataan Islam dan beramal dengan sebahagian ajaran Islam dan mengingkari sebahagian yang lain. Dalam masa yang sama Islam Hadhari dicemari dengan perkara-perkara yang menyanggah ajaran Islam dalam mengendalikan urusan politik dan pentadbiran seperti politik wang, rasuah, penyalahgunaan kuasa, menentang hukum Allah secara berterangan dan lain-lain. Dalam urusan ekonomi pula, mereka masih meneruskan muamalah riba, mengeluarkan lesen bagi kegiatan maksiat, amalan monopoli oleh golongan tertentu dan lain-lain. Manakala aspek hiburan pula mereka lakukan apa sahaja yang merentasi batas-batas agama.' Kenyataan ini cukup berbahaya dan kalau kita lihat pada keseluruhan buku-buku itu sendiri sesuai

dengan tajuk 'Hadharah Islamiah bukan Islam Hadhari' semata-mata menceritakan tentang keburukan Kerajaan terutama Barisan Nasional dan isu-isu yang dibawa adalah merupakan isu-isu lapuk cuma dibawa dalam pendekatan yang baru.' Dato' Yang Di Pertua, saya berpendapat sudah tentu dakwaan Abdul Hadi Awang bahawa Konsep Islam Hadhari sebagai Islam bentuk baru, ini lebih berbahaya dari segi hukum agama kerana beliau memberi gambaran seolah-olah Konsep Islam Hadhari ini sebagai agama Islam baru yang berbeza dengan agama Islam yang diamalkan oleh umat Islam sekarang. Malah Haji Abdul Hadi Awang juga, iaitu penulis buku 'Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari' juga telah membuat tuduhan melampau dengan mengatakan bahawa Konsep Islam Hadhari yang dibawa oleh Kerajaan ialah saduran daripada puak orientalis. Manakala ulama-ulama yang menyokong konsep ini sebagai ulama jahat dan Kerajaan adalah musuh Islam. Ini jelas sebagaimana kata-kata beliau yang saya dapat petik iaitu: '..... yang paling mutakhir dalam usaha mereka dalam menghalang laluan Islam ialah dengan menonjolkan Program Islam Hadhari. Islam Hadhari ialah kata saduran yang begitu indah bunyinya tetapi apa yang tersirat adalah begitu beracun. Hanya segelintir yang menyedarinya betapa bahayanya slogan ini, paling bahaya lagi istilah dan slogan ini telah dilindungi dan dihiasi sama oleh segelintir Ulama Sub (jahat) melalui kenyataan mereka yang dibuat secara sedar ataupun tidak sedar tetapi bersedia untuk menjadi alat musuh Islam.' Ini kenyataan Haji Hadi yang sangat berbahaya.

Selain menghina agama dan ulama, Haji Hadi jugak dengan angkuh dan bongkak telah menuduh Kerajaan sebagai musuh Islam kerana memperkenalkan Konsep Islam Hadhari ini, ini jelas sebagaimana tulisannya yang berbunyi: "Hasrat saya dalam mengemukakan persoalan ini adalah merupakan salah satu usaha untuk mempertahankan kesucian agama Islam daripada dirobah bentuk sama ada dari segi asas atau istilahnya atau amali dan teorinya.' Pada pandangan saya apa yang mahu digambarkan oleh Haji Hadi ini dari kenyataan tersebut ialah Konsep Islam Hadhari yang dibawa oleh Kerajaan ini semata-mata untuk merobah agama itu sendiri inilah sikap prejudis beliau yang tidak habis-habis yang menjadi pemangkin kepada masalah perpecahan ummah di negara kita amnya, dan negeri kita khasnya. Sehingga ke hari ini terdapat mereka yang sanggup mendirikan Jumaat berasingan dalam satu qariah, tidak memakan hasil sembelihan orang-orang Umno, mengulangi akad nikah yang dilakukan oleh Penolong Pendaftar Umno, kubur yang berasingan dan sebagainya. Tetapi alhamdulillah, rakyat sudah sedar sehingga Pas tidak relevan lagi memerintah Negeri Terengganu dan menjadi parti yang *rejected*, dengan izin.

Dato' Yang Di Pertua, saya berharap dan mendoakan agar para pemimpin Pas yang selama ini mendakwa parti mereka lebih *Islamic* daripada Umno perlu membuka minda dan menerima kebaikan Konsep Islam Hadhari ini. Mereka tidak patut lagi melihat semua ini dari sudut politik semata-mata, mereka mesti ikhlas untuk melihat Islam dilaksana dengan sebaik mungkin. Perjuangan mereka perlu lebih realistik dan tidak sepatutnya membangkang apa sahaja kebaikan yang dilakukan oleh Kerajaan hanya semata-mata kerana mereka parti Pembangkang. Sudah tiba masanya mereka bermuhasabah dan tidak lagi menganggap hanya mereka sahaja yang layak bercakap tentang soal Islam sementara apa yang Kerajaan lakukan ini adalah tidak baik belaka. Walaupun para pemimpin Umno tidak mewar-warkan tetapi sejarah membuktikan bahawa pendekatan Islam yang dilaksanakan oleh Umno dan BN telah memberi banyak manfaat kepada masyarakat dan rakyat berbilang kaum di negara ini. Sehingga banyak negara lain mengkagumi dan

menganggap Malaysia sebagai Negara Islam Contoh. Inilah masanya ahli-ahli Pas terutama pemimpin jugak untuk membuktikan keikhlasan mereka dalam soal memperjuangkan Islam dengan menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan memberi sumbangan positif yang lebih bermakna dalam menerapkan Konsep Islam Hadhari ini. Perlu difahami bahawa apa juga konsep yang diperkenalkan tentunya mempunyai kekurangan dan kelemahan tertentu. Tetapi ia boleh diperbaiki dengan syarat semua pihak berlapang dada dan tidak mempunyai kepentingan peribadi ataupun kepentingan puak. Saya percaya bahawa sebahagian ahli-ahli Pas, Pembangkang terutamanya mereka yang profesional dapat menerima Konsep Islam Hadhari ini cuma mungkin dari kalangan ulama dan pemimpin mereka sahaja terutama Presiden Pas itu sendiri yang agak sukar untuk menerima konsep ini atas beberapa sebab yang hanya mereka sahaja yang tahu. Saya memahami ada pemimpin-pemimpin Pas yang bersetuju dengan pembaharuan yang dibawa oleh Kerajaan tetapi atas sebab-sebab politik mereka terpaksa mengakui kebenaran ini dalam diam sahaja. Ahli-ahli Pas tidak harus selamanya menggunakan Konsep Islam Hadhari ini untuk kepentingan politik sempit mereka rakyat kini sudah bijak menilai dan tidak akan menerima secara membutatuli apa sahaja hujah-hujah parti Pembangkang khususnya dalam soal-soal menyentuh kepentingan mereka. Ahli-ahli Pas perlu faham bahawa Konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Kerajaan bukanlah satu ajaran baru ia jugak bukan menyentuh soal *sawabi'* dalam Islam tetapi lebih kepada pendekatan Islam untuk memajukan ummah sesuai dengan peredaran zaman. Islam Hadhari bertujuan untuk melahirkan insan yang berhemah tinggi, yang berakhlak mulia, yang berjaya, yang maju dan terbilang sehingga dapat dikagumi dunia dan perkara ini dituntut oleh Islam yang mahu umatnya memikirkan kaedah terbaik untuk memajukan diri, bangsa dan negara kerana Allah tak akan mengubah nasib sesuatu bangsa itu kecuali mereka sendiri berusaha mengubahnya. Tentang cadangan untuk mengharamkan Buku Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari yang dikarang oleh Haji Hadi Awang ini yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan akan mengkaji perkara ini secara lebih serius kerana ia terlebih dahulu perlu dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa dan sebagainya lagi.

Dato' Yang Di Pertua, tentang masalah pegawai masjid sebagaimana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Langkap iaitu masalah pegawai-pegawai masjid yang menentang Kerajaan. Pada masa ini bilangan Imam Masjid Mukim bagi seluruh Negeri Terengganu ialah seramai 1,032 orang dan bilangan Bilal pula ialah 939 orang. Jumlah kesemuanya ialah 1,971 orang. Lebih kurang hampir 30 peratus daripada mereka ini ialah Ahli-ahli Pas dan sebilangan besar Imam-Bilal Pas ini diambil di antara tahun 2000 hingga 2004 iaitu seramai hampir 250 orang. Di kalangan mereka inilah yang banyak menimbulkan masalah di masjid-masjid. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap menguruskan mereka dengan bijaksana walaupun terdapat di kalangan mereka yang membuat pelbagai provokasi dan sebagainya lagi. Untuk mengatasi permasalahan ini, insya-Allah pegawai-pegawai masjid ini, Kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf masjid-masjid di Negeri Terengganu keseluruhannya agar pegawai-pegawai masjid dapat dilantik sebagai pegawai tetap Kerajaan yang bergaji bulanan dengan skim-skim tertentu yang mana pegawai ini jugak tertakluk kepada Perintah-perintah Am Kerajaan.

Mengenai masalah masjid yang tidak diluluskan oleh MAIDAM, yang tidak didaftarkan. Sehingga kini sebagaimana kita sedia maklum dan telah disebut dalam Persidangan lepas sekarang ini kita masih ada lagi 10 buah masjid yang tidak didaftarkan yang mana masjid

mengadakan Jumaat dua dalam satu qariah. Kerajaan tidak banyak boleh berbuat untuk mengatasi masalah ini sepatutnya masalah ini telah diselesaikan pada masa pemerintahan Alternatif lepas iaitu pada masa Pas kerana yang pergi sembahyang ke masjid-masjid ini adalah semua mereka yang berfahaman ataupun yang sealign dengan parti Pembangkang. Jadi kalaulah Kerajaan dahulu tidak dapat menyelesaikan masalah ini maka sudah tentulah bagi Kerajaan ketika ini lebih sukar untuk mengatasinya. Walau bagaimanapun

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Apakah Yang Berhormat sedar bahawa bukan semua sembahyang di masjid yang tidak ditauliah itu pengikut-pengikut daripada parti Pas, sebagai contohnya di Gelong Gajah dalam DUN Batu Rakit bukan daripada pengikut-pengikut parti Pas.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Manir. Masjid Gelong Gajah telahpun diluluskan Jumaat di Terengganu oleh MAIDAM jadi tak timbul, tak berbangkitlah. Mengenai dengan usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini Dato' Yang Di Pertua, kita Kerajaan masih lagi meneruskan usaha-usaha tersebut dan akan sentiasa mencari jalan sebaik mungkin tetapi setakat ini kita masih lagi tidak mendapat kerjasama yang secukupnya daripada mereka yang terlibat.

Tentang tuduhan Kerajaan lebih zalim daripada Yahudi sebagaimana yang telah dibuat oleh Wakil Wakaf Mempelam ialah saya rasa cukup kecewalah sebab lahir daripada seorang yang mengakui dirinya sebagai Muslim dan memperjuangkan Islam dan pada masa yang sama saya tidak terkejut sebab benda ini lahir daripada anak murid kepada Tok Guru dia sebab Tok Guru dia lebih dahsyat lagi dengan menuduh Kerajaan sebagai kafir dan juga kalau lihat dalam Buku Hadharah Islamiah Bukan Islam Hadhari dengan menuduh Konsep Islam Hadhari yang dibawah oleh Kerajaan sebagai agama baru dan sebagainya lagi. Jadi saya berharap bahawa kita sama-samalah jaga akhlak Islam kita, tidak membuat sebarang tuduhan ataupun mengeluarkan kata-kata yang di luar batas-batas Islam.

Mengenai Bajet Penyelenggaraan Masjid, suka saya sebut di sini bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah yang cukup baik dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk mentadbirkan masjid-masjid terutamanya dari segi kebersihan dan juga segala prasarana yang lain. Untuk makluman Dato' Yang Di Pertua, untuk tahun 2005 ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta untuk membina masjid-masjid baru yang mana masjid-masjid ini kita akan pastikan bahawa ia mencapai tahap Hadhari. Jadi masjid ini merupakan masjid baru yang akan kita bina sungguh bukan hanya kita bina kerangka sahaja, insya-Allah. Jadi insya-Allah Dato' Yang Di Pertua, Terengganu akan membangun sesuai dengan Konsep Islam Hadhari yang kita terapkan dan kita yakin bahawa Terengganu akan mencapai kejayaan sebagaimana motto kita iaitu Islam Hadhari Terengganu Bestari dan sebagai buktinya sehinggakan Tohpun hari ini sudahpun memahami apa itu Islam Hadhari tetapi malangnya nampaknya parti Pembangkang kita terutama pemimpin mereka sendiri tak faham apa itu Hadhari. Sekianlah sahaja wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama-tama kali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Jabi yang telah membangkitkan tentang IKS, industri berasaskan makanan, ubi, dan tempat-tempat yang perlu dilihat. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.3 juta bagi Program Pembangunan Sektor IKS. Di antaranya termasuk R & D ataupun kajian dan penyelidikan, pembangunan produk industri berasaskan kayu, industri berasaskan makanan dan pembangunan-pembangunan inkubator serta peralatan mesin dan insya-Allah kita telah mengenalpasti premis-premis untuk diadakan Pusat Pemasaran Industri Desa di Jabi. Kita akan laksanakan secepat yang boleh bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi untuk penduduk-penduduk Jabi.

Tidak banyak Wakil-wakil yang memperkatakan tentang IKS pada kali ini kerana perbincangan tertumpu kepada seorang yang kononnya *hero* yang mengatakan kita ini lebih zalim daripada Yahudi. Saya tak nak baca gurindam, saya tak nak baca pantun, saya tak nak baca apa cuma saya nak membaca sejarah orang kata kepada kita, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Wakaf Mempelam ini kita tak usah hairanlah kalau Pas kata Islam Hadhari itu tidak baik semua dasar-dasar yang kita buat ditolak secara total oleh Pas. Dasar penerapan nilai-nilai Islam umpamanya yang dimulakan pada awal 70an, saya masih ingat Wakil Rhu Rendang bersyarah di merata-riti, pada waktu itu saya menjadi seorang Pegawai Bank yang mengatakan kita bila tubuh Bank Islam pada 1 Julai 1983 mengatakan 'seketul daging lembu di dalam sekawah daging babi'. Malangnya Yang Berhormat Rhu Rendang tidak ada dalam Dewan yang mulia pada hari ini, itulah yang dilaung-laungkan. Itu 30 tahun yang lalu dan pada hari ini setelah kita tubuh Bank Islam, Yang Berhormat Wakaf Mempelam orang yang dulu sekali beratur, Yang Berhormat Batu Burok orang yang dulu sekali beratur untuk mendapatkan pinjaman di Bank Islam pada waktu itu, saya adalah pegawai yang proses, Ahli-ahli Yang Berhormat. Bukan baik, bukan molek, integritinya bukan baik jugak akhlaknya sudah tentu tidak baik apabila mengatakan kepada kita Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang buat pinjaman, pinjaman masa itu perlu pertama Whimpy membeli bangunan Eon hampir *legal action*. Kita dah hantar L & D, kita dah hantar surat saman dan sebagainya tetapi oleh kerana menimbangkan seorang usahawan untuk membangun setelah dia kata dia baru *grad* daripada UPM pada waktu itu, kitapun tolong

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Siapakah usahawan yang dimaksudkan itu?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Usahawan yang dimaksudkan itu adalah usahawan yang berbaju biru di hadapan saya, saya tak bolehlah sebut nama kerana *bafia* ada menyebut bahawa kita perlu merahsiakan entiti yang membuat pinjaman. Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sebab saya katakan saya tidak mahu membaca gurindam tetapi sudah cukup

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan, Yang Di Pertua – Adakah Kerajaan ataupun Yahudi pernah buat begitu, membantu sebegitu sekali kepada seseorang?

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil-wakil sekalian, sudah-sudahlah, orang tahu sejarah kita

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Sila, sila

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, saya nak cabar Ahli Exco yang berkenaan untuk sebut di luar berhubung apa juga urusan saya dengan bank, kalau itu ada saya cabar di luar, sekarang, lepas pada ini.

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Di Pertua, saya pegawai bank, saya tahu *bafia*, saya tahu Akta Bank 1983 Pindaan 1985, mencabar orang yang tidak ada ilmu boleh kita cabar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi apa yang saya katakan adalah betul.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Soalnya sekarang ini menggunakan Dewan bagi nak cari keselamatan untuk nak bangkit suatu perkara yang telah selesai lama, apa masalah saya dengan bank sekarang?

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dia telah mengaku ianya telah selesai lama adalah betul. Mengikut konsep bank kita menilaikan *Five C* dengan izin, lima *character*: yang pertama sekali adalah akhlak ataupun *customer*, yang kedua adalah *capaciti to pay back* ataupun daya untuk bayar balik, yang ketiga adalah *collateral* ataupun tawaran sekuriti, yang keempat adalah kapital syarikat, dan yang kelima adalah *conclusion* ataupun rumusan. Dan, kita telah buat rumusan dan rumusan itu pada tahun 1983 dan tahun 1984 tidak ada soal untuk kita ulang di luar Dewan kalau perkara itu betul 'siapa yang makan lada, dialah yang merasa pedas'. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah tahu sejarah orang yang mengatakan kita lebih zalim daripada Yahudi, sebenarnya saya amat setuju dengan Wakil Jabi bahawa orang yang mengatakan kepada kita lebih teruk daripada Zionis. Ahli-ahli Yang Berhormat, sepatutnya Dewan yang mulia ini digunakan untuk percambahan fikiran, untuk cadangan-cadangan yang berguna kepada rakyat-rakyat di bawah yang rata-rata dahagakan pembangunan. Tidak sepatutnyalah gurindam-gurindam yang dibaca di dalam Dewan ini untuk menghentam Islam Hadhari, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Yang Di Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Yang Di Pertua kerana telah dapat mengawal keadaan baik dan teratur. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama-tamanya saya ingin

mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai portfolio saya. Dan, sebagai balasan atau jawapan adalah seperti berikut:

Yang pertamanya, daripada Wakil Tepoh iaitu menyebut tentang pentingnya pemuliharaan penyu. Yang Berhormat, untuk perkara ini, sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil dan terus berusaha memelihara spesies penyu yang masih ada supaya berkembang dan tidak pupus. Sejak tahun 1970an lagi Santuari Penyu telah ditubuhkan di Rantau Abang, Terengganu dan pada tahun 1997 satu lagi Santuari Penyu ditubuhkan di Ma' Daerah, Kemaman. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi menangani kepupusan penyu adalah sebagai berikut:-

1. Kerajaan Negeri telahpun mengambil tindakan yang baik iaitu akanewartakan sebanyak sembilan kawasan baru yang akan diwartakan termasuklah empat di Pulau Perhentian, empat di Pulau Redang, satu di Ma' Daerah Kemaman dan satu yang telahpun diwartakan iaitu di Rantau Abang.
2. Dengan mengurangkan Pajak Telur Penyu di kawasan-kawasan yang dahulunya dipajak ataupun diserahkan kepada Jabatan Perikanan dan Kustem untuk dijaga ataupun diramkan telurnya dan dilepaskan di laut.
3. Langkah yang ketiga, ialah melibatkan pelbagai pihak seperti NGO's, yang berminat dengan kehidupan penyu dan kehidupan liar seperti WWF di dalam program-program pemuliharaan penyu.
4. Seterusnya penglibatan swasta dan korporat di dalam pembiayaan pemuliharaan penyu adalah sangat digalakkan umpamanya kita menubuhkan satu Tabung Amanah Penyu yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak dulu lagi.

Selain daripada itu Dato' Yang Di Pertua, suka juga saya menyebut sepintas lalu mengenai perangkaan pendaratan penyu mulai tahun 2000 dan statistik yang telah kita maklumkan bahawa sejak tahun 2000, pendaratan penyu hanya 708 sahaja manakala tahun 2001 – 1,147 pendaratan, tahun 2002 – 2,896 pendaratan, tahun 2003 makin menurun 1,505 manakala apabila Kerajaan Barisan Nasional memerintah penyu mulai mendarat sebanyak 3,098.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua – Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa penyupun suka kepada Umno dan Barisan Nasional?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Di Pertua, satu daripada ciri penyu untuk bertelur ialah pada malam gelap tetapi kalau bulan terang penyu tidak akan naik bertelur (Dewan Gelak) Dan suka juga dinyatakan bahawa jenis Agar iaitu 95 peratus spesies ini telahpun mendarat di Pantai Terengganu, jumlah telur dan anak yang telahpun kita/Kerajaan Negeri ramkan tahun 2000 sebanyak 48,000, tahun 2001 anak yang dapat dilahirkan 116,000, tahun 2002 - 107,000,

tahun 2003 jugak waktu akhirnya Kerajaan Pas anak penyu tidak lagi mula menetas hanya 68,000 sahaja manakala apabila Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih telur penyu mulai menetas sebanyak 154,000 menjadikan jumlah semua sekali dalam tempoh 5 tahun hampir setengah juta telur penyu.

Dato' Yang Di Pertua, saya juga berterima kasih kepada soalan mengenai tanaman ubi keledak yang telahpun dibangkitkan oleh Wakil Jabi. Dan, sememangnya Kerajaan Negeri telahpun memberi perhatian memandangkan ubi keledak ini dapat dijadikan tepung di mana mempunyai kegunaan yang sangat banyak. Mengenai masalah yang disebutkan tentang pengawet tembakau kita telah memanggil sebahagian daripada orang-orang yang bermasalah dan kita telah kenal pasti. dan mendengar dari mereka dan Kerajaan akan cuba sedaya upaya untuk membantu dan menolong mereka kerana sebahagian daripada mereka telahpun mengalami kerugian manakala pengawet yang baru mendapat keuntungan yang besar.

Perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh ADUN Paka, saya sangat berterima kasih satu daripada kejayaan daripada Kerajaan Barisan Nasional ialah melalui Felda di mana pendapatan purata penduduk peneroka Felda adalah melepasi kemiskinan iaitu RM1,200.00 sebulan dan ke atas. Selain daripada itu, Felda juga telahpun memberi penekanan kepada tambahan pendapatan termasuklah memberi latihan dan juga skim perniagaan kepada anak-anak Felda dan keluarga Felda serta telah mewujudkan banyak peluang-peluang baru untuk mendapatkan tambahan pendapatan.

Kepada Yang Berhormat DUN Pengkalan Berangan yang menyentuh tentang hasil pertanian. Sukacita dimaklumkan bahawa perancangan telahpun diambil iaitu dengan menubuhkan satu jawatankuasa bagi meneliti masalah pengeluaran dan pemasaran pertanian. Yang keduanya, merancang membuka dua buah Pasar Tani baru lagi iaitu satu di Kuala Berang dan satu laginya di Setiu dan kita juga mengadakan promosi buah-buahan di luar Terengganu.

Dato' Yang Di Pertua, segala usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan pada masa kini nampaknya mulai berhasil dan Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM5,000 kepada Perikanan Negeri untuk menentukan bahawa bukan sahaja kita membantu nelayan-nelayan dan penternak tetapi juga kita membantu untuk menghasilkan hasil-hasil laut supaya ikan dan sebagainya tidak pupus iaitu dengan meletakkan tukun-tukun tiruan. Sebanyak 174 lokasi tukun telahpun ditempatkan di Negeri Terengganu dan 77 daripadanya merupakan tukun yang baru yang telah kita letakkan. Dan, tukun yang terbaru yang kita telah lancarkan pada minggu yang lepas ialah Tukun Merenovasi iaitu tukun yang seberatnya hampir 15 tan. Kita harap dengan adanya tukun-tukun yang sebegini ikan dan hidupan laut akan bertambah dan akan menjamin masa depan nelayan-nelayan tidak lagi terpaksa pergi ke laut yang dalam. Dan, kepada nelayan-nelayan pesisir pantai akan mendapat tambahan pendapatan yang lebih lumayan serta kita juga beruntung kerana dengan adanya tukun-tukun yang baru tersebut terdapat spesis-spesis ikan yang baru yang belum pernah kita kenali dan selama ini telah mula berada di perairan kita.

Dato' Yang Di Pertua, saya rasanya itu saja yang saya dapat maklumkan dan terima kasih kerana tidak banyak Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya tentang pertanian, saya rasanya

pertanian cukup bagus dan juga oleh kerana semua orang makan nasi, semua orang makan ayam, semua orang makan daging, mereka diam dan berbicara tentang lain. Jadi dengan itu saya berharap semua Wakil Rakyat mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga terima kasih kepada Menteri Besar Terengganu yang telahpun membawa perubahan yang besar dan peruntukan yang besar bagi menjamin pembangunan di Negeri Terengganu di dalam bidang pertanian. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Assalamu-alaikum warahmatullahi wabarokatuh. Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang memberi pandangan sama ada yang positif ataupun yang negatif di dalam portfolio saya. Sebelum saya menjawab Wakil daripada Wakaf Mempelam dan Batu Burok, saya juga nak menyelesaikan dahulu, nak menjawab dari Wakil-wakil dari Kerajaan.

Yang pertama, Wakil daripada Kuala Besut berkenaan dengan Projek Mendalamkan Muara Sungai Besut. Projek ini telah bermula pada awal bulan Mac 2005 dan dijangka siap pada awal bulan Julai tahun ini juga. Dengan siapnya projek ini nanti insya-Allah, pelayaran bot-bot nelayan dan komersil dapat keluar masuk muara Sungai Besut tanpa halangan lagi.

Wakil daripada Hulu Besut, ini kali kedua beliau merayu berkenaan hal Projek Jalan Di Kawasan Hulu Besut. Semua projek-projek jalan dan projek ini telah kita senaraikan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan telahpun kita angkat ke JKR untuk mendapat *endorsement*. Antara jalan dipohon ini ialah jalan yang menghubungkan Keruak iaitu Hulu Besut, Terengganu ke Kuala Kerai, Kelantan maka jalan ini tidak akan jadi jalan mati lagi dan jalan tersebut panjangnya 100 kilometer.

Berkenaan Projek Bekalan Air Ke Kawasan Hulu Besut. Memang sekarang ini sedang kita laksanakan walaupun memang kita menjanjikan tahun 2006, insya-Allah, dengan kerja kuat oleh SATU, insya-Allah, sebelum bulan puasa tahun ini kita akan bekalkan air di kawasan Hulu Besut.

Wakil dari Sura mengadu berkenaan hakisan pantai di Teluk Lipat. Di Pantai Teluk Lipat, Dungun kita telah bina *Rock Revetment* dan *Groints* pada tahun 1998 bertujuan supaya dapat melindungi dari hakisan yang berterusan. Walau bagaimanapun, masih terdapat berlakunya hakisan pantai kecil-kecilan, tidak serius di beberapa tempat sepanjang Pantai Teluk Lipat. Pihak JPS Negeri telah memohon peruntukan sebanyak RM200,000 daripada JPS Malaysia Kuala Lumpur bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan ke beberapa tempat pantai yang terhakis itu. Cadangan Projek Pembinaan Pemecah Ombak dan mendalamkan muara Sungai Dungun juga telah kita pohon dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dengan kos projek lebih kurang RM30 juta. Projek ini insya-Allah, akan dapat menyelesaikan masalah pemendapan di muara Sungai Dungun dan bot-bot nelayan akan boleh keluar masuk muara Sungai Dungun pada bila-bila masa.

Ramai juga Wakil-wakil Rakyat yang bertanya tentang pembaikan balai raya yang memang ditinggal tak terurus dalam tempoh empat tahun. Sebagaimana tahun lepas kita telah beri

sedikit peruntukan dan insya-Allah tahun ini kita akan teruskan peruntukan untuk membaiki balai-balai raya tersebut.

Bagi Wakil Jabi, Bekalan Air Ke Kawasan Luar Bandar pada masa ini dilaksanakan oleh Kementerian Luar Bandar melalui perunding dan kontraktor yang dilantik oleh mereka. Walau bagaimanapun, senarai projek disediakan oleh Kerajaan Negeri dan diangkat kepada Kementerian ini untuk dilaksanakan. Jadi untuk Jabi kita harap bolehlah kita berhubung untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang mana masih lagi mempunyai masalah air bersih.

Dato' Yang Di Pertua, menjawab daripada Wakil Wakaf Mempelam. Nampaknya Wakil Wakaf Mempelam masih lagi mengguna taktik yang lama melempar fitnah tanpa memberi ruang untuk penjelasan. Mereka marah kononnya Umno menggunakan Balai Polis untuk buat majlis. Sebenarnya Umno ini mesra, dia boleh pergi ke mana-mana untuk bermesra dengan rakyat, Polis pun rakyat mereka juga. Tetapi kata orang 'paku dulang paku serpih, mengatakan orang aku yang lebih'. Jika nak mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional menggunakan agensi Kerajaan untuk kepentingan politik, saya boleh senaraikan beberapa perkara yang digunakan oleh Kerajaan Pas ketika itu untuk kepentingan politik. Yang pertama, Pas menggunakan Kediaman Rasmi Menteri Besar untuk Mesyuarat Parti termasuk Dewan Muslimat, mungkin dia kata MB izin tetapi ini merupakan Rumah Kerajaan. Dewan Pemuda sentiasa menggunakan Dewan Perpustakaan Awam Negeri untuk agenda politik mereka. Tahun 2000, kakitangan YPK dikerah bertugas sempena Mukhtamar Pas, apabila kawan-kawan ini mintak *claim overtime* dia tolak. Pada Mukhtamar Pas tahun 2002, kenderaan YPK digunakan untuk mengangkut petugas-petugas Pas ke Kuala Lumpur. *Overhead Projector* yang digunakan menggunakan duit Zakat digunakan untuk ceramah-ceramah di kampung-kampung. Jika inilah sikap yang saya kata tadi yang pandai melihat orang tetapi diri sendiri tidak reti sebagaimana Wakil daripada Ajil kata dinasour di depan mata tak nampak. Dia bercakap pasal maksiat tetapi sebenarnya *Thai Fairy* yang dilakukan pada masa zaman pemerintahannya tukang urut perempuan daripada Siam mari urut orang lelaki. Jadi maknanya satni kalau setakat nak bercakap tak usah cakaplah.

Kemudian dengan lantang Wakil Wakaf Mempelam sebagaimana kawan-kawan kita kata menuduh Kerajaan Yahudi. Kata orang 'bapak borek anak rintik', Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pernah mengata kepada orang Melayu yang tak sokong Pas sebagai Yahudi. Jadi kalau Y.B. dia terikut-ikut ajaran daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan jugak, dia kata: 'Tuhan tu lebih samseng', jadi Tok Guru yang sama. Alasan yang diberi kerana menuduh Kerajaan ini, Kerajaan yang lebih teruk daripada Yahudi ialah kerana dengan alasan orang Yahudi mengambil tanah Palestin. Maka adakah kita, Kerajaan hari ini mengambil tanah orang, yang diambil tindakan ialah tanah yang dimiliki oleh Kerajaan. Dato' Yang Di Pertua, janganlah berselindung di sebalik membela rakyat miskin sebenarnya tangan-tangan kotor pemimpin Paslah yang menyebabkan orang Melayu dan orang Islam miskin dan mundur selama-lamanya sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat daripada Jabi tadi 14 ekar tanah untuk dibuat sekolah, memberi keuntungan kepada beribu-ribu rakyat dia rela mengotorkan tangan mereka menafikan hak pendidikan rakyat Terengganu demi untuk memberi kesenangan kepada 56 orang yang bukan miskinpun. Jadi Yang Berhormat Wakaf Mempelam semalam pun

mengatakan dia *classmate* saya, jadi saya mintak Wakil daripada Wakaf Mempelam sebagai seorang kawan dan *classmate* tarik baliklah tuduhan itu yang tidak mempunyai asas yang kukuh.

Wakil Batu Burok masih lagi menyanyi lagu-lagu lama, mengajak muzakarah pasal Hadharah Islamiah dan Islam Hadhari. Dato' Yang Di Pertua, selain daripada kita mengkaji zaman kegemilangan tamadun Islam bagaimana mereka berjaya menjadi cemerlang kita juga perlu belajar bagaimanakah cara, kenapakah mereka jatuh, punca kejatuhan Kerajaan Islam. Antara puncanya ialah yang pertama, tanda-tanda kejatuhan zaman kegemilangan Islam ialah ulama-ulama ketika itu duduk berbincang perkara-perkara yang remeh. Antaranya mereka berbincang berapa orang Malaikat boleh lalu ikut lubang jarum, mereka sudah tidak lagi melihat gambar yang besar (*the big picture*) dengan izin, mereka hanya melihat benda-benda yang remeh, dan ajak berbalah sesama sendiri. Jadi Dato' Yang Di Pertua, Konsep Islam Hadhari sudah jelas, ia adalah suatu cabaran kepada kita untuk mengubah nasib bangsa kita sendiri. Jadi saya mengajak kawan-kawan daripada parti Pas ini untuk sama-sama kita menjayakan demi memajukan bangsa dan agama kita.

Wakil Batu Burok juga seolah-olah seperti anggur masam ataupun dengan izin, *sour grape*, apabila mereka gagal melaksanakan LPT, Airport, Kompleks Sukan dan berbagai-bagai lagi maka mereka kata ini bukan hak Kerajaan Negeri, Wakil daripada Manirpun duk bergelar dia kata 'Burung Tekukur'. Sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, inilah caranya parti Pembangkang untuk menutup kelemahan mereka sendiri dengan cara cuba menafikan kejayaan orang. Walaupun peruntukan ini peruntukan Pusat, umpamanya saya ambil LPT tetapi akuilah walaupun peruntukan Pusat tetapi dalam tidak sampai 100 hari pemerintahan Kabinet telah meluluskan peruntukan untuk Lebuhraya Pantai Timur Fasa Kedua, dalam tidak sampai 100 hari ini bukan kerana dia pandai-pandai nak buat tetapi oleh kerana ini merupakan usaha Kerajaan Negeri. Dan bukan itu sahaja Dato' Yang Di Pertua, daripada projek ini telah diperuntukkan adalah ini merupakan keputusan Kabinet, 20 peratus daripada nilai projek itu diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan Terengganu. Dan 20 peratus itu nampak sikit, tetapi kalau RM1.5 bilion, 20 peratus itu lebih kurang RM300 juta dihaskan untuk anak tempatan. Apakah parti Pembangkang mahu menafikan usaha Kerajaan hari ini untuk memastikan dan membela rakyat yang ada hari ini, yang penting Dato' Yang Di Pertua, ialah untuk kita memastikan bahawa Terengganu ini terus maju sama ada kita pakai duit kita sendiri ataupun kita pakai duit Pusat itu kepandaian diri kita sendiri. Kalau kita boleh pakai duit orang untuk kita maju, itu lebih baik. Begitu juga dengan Airport, mana ada dalam sejarah kita boleh *dictate design* kita sendiri, ini adalah kerana kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. *Design* yang menunjukkan warisan Terengganu, kita boleh khabar ke dia kita nak *design* begini dan dia boleh ikut. Inilah yang menunjukkan betapa rapatnya Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat dan ini tidak boleh dinafikan. Apabila hak yang molek hak Kerajaan Negeri tak sebut pulak, hak Stadium hak kita buat dia tak khabar pula, ini peruntukan Negeri. Ini telah menafikan apa yang diperkatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam hak molek dia puji, hak tak molek dia kritik, takdok benda, hak molek dia buat diam.

Begitu juga apa yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok, konon-kononnya kita nak sabotaj KUSZA dan kita nak sabotaj Primula. Macam mana rakyat nak yakin dengan KUSZA, orang yang tidak *pass* SPM pergi mengajar di KUSZA yang sijil-sijil tidak diiktiraf oleh JPA.

Begitu juga dengan Primula, Dato' Yang Di Pertua, saya ingin memperbetulkan Umno pernah menganjurkan perjumpaan dengan Profesional Muda dan pada ketika itu Primula lulus, tiba-tiba bila tengok respon yang begitu baik daripada Profesional Muda, begitu hebat maka apabila kita nak buat Konvensyen Umno di Primula dan telahpun diluluskan tiba-tiba arahan daripada atas supaya *cancel* Konvensyen Umno yang kita nak adakan di Primula. Jadi saya harap Wakil Batu Burok itu biarlah dapat fakta yang betul, sebenarnya inilah yang dikatakan menggunakan kemuliaan Dewan ini untuk cuba memutarbelitkan rakyat. Kalau kita lihat semalam pun, kalau tidak ada isu yang timbul, alih-alih dia timbul isu bahawa Tuanku tidak berpuas hati dengan kebersihan Bandar Kuala Terengganu. Sebenarnya apa yang dititah Tuanku Al-Sultan yang begitu bersyukur kerana kebersihan telah menampakkan perbezaan sekarang dengan dahulu cuma *benchmark* kita sekarang itu tinggi, kita punya tangga aras itu tinggi, walaupun sudah bersih tetapi kita nak bersihkan lagi. Itulah yang dimaksudkan oleh Titah Tuanku itu, jadi janganlah cuba 'nak menanggung di air keruh' menggunakan Titah Tuanku dan sebagainya.

Dato' Yang Di Pertua, akhir sekali sebelum saya akhiri Penggulangan saya, saya ingin menjawab berkenaan dengan *Digital Divide* ataupun ICT DUN ini. Alhamdulillah, sekarang ini di dalam proses pelaksanaan mengadakan ICT DUN ataupun apa yang dipanggil 'Bestari.Com' (Bestari Community) selaras dengan dasar Kerajaan Terengganu Bestari. Sebenarnya Terengganu sudah lama ketinggalan kita telah ketinggalan dari segi perindustrian. Dan, dalam empat tahun masa kegelapan kita telah ketinggalan banyak lagi. Dan untuk kita kejar, kita perlu kejar dengan *speed* yang *maximum* sebab itulah untuk memastikan di desa-desa tidak ketinggalan supaya mereka ini juga 'celik komputer'. Sebagai langkah permulaan yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan memberi *connectivity* kepada Penghulu-penghulu. Kita juga dengan peruntukan sebanyak RM3 juta membuat setiap DUN satu Pusat ICT. Pusat ICT ini sebagaimana yang saya terangkan tadi menggunakan sepenuhnya *Open Source* bererti kita tidak lagi menggunakan *Windows*. Dan kita harap pakar-pakar daripada kampung-kampung dapat buat program-program supaya kita dapat maju di dalam program ICT ini. Dan program-program yang kita laksanakan bukan sahaja untuk budak-budak muda tetapi juga dengan latihan-latihan yang ada, insya-Allah, pakcik-pakcik, makcik-makcik yang ada di kampung-kampung itu dapat *scan* gambar dia dan hantar *e-mail* ke anak-anak dia sama ada di Kuala Lumpur ataupun di London. Jadi inilah usaha-usaha Kerajaan untuk membestarikan negeri kita. Insya-Allah, dengan usaha-usaha ini Terengganu akan terus mencapai hasrat dan dasar kita Islam Hadhari Terengganu Bestari. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat seterusnya.

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, ada dua-tiga perkara yang telah dibangkitkan ataupun diutarakan oleh Wakil-wakil daripada kawasan masing-masing. Saya mengambil kesempatan di sini untuk

mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana dapat sama-sama kita bincang, memberi input kepada saya yang bertanggungjawab kepada portfolio Kebudayaan, Belia, Sukan dan Badan-badan Ngo's dan insya-Allah, kita akan buat sebaik mungkin yang mana kita tahu melalui skop ini lebih kepada pembangunan insan itu sendiri. Dengan adanya maklumat-maklumat ataupun perbincangan yang disampaikan sebagaimana saya katakan, kita amat yakin bahawa pembangunan hari ini akan dapat berjalan dengan serentak ataupun berjalan dengan lebih bermakna selain daripada pembangunan fizikal yang selalu kita bahaskan melalui mana-mana *function* ataupun program itu sendiri.

Soalan yang dikemukakan oleh sahabat saya Wakil Pengkalan Berangan yang mengaitkan dengan masalah 'budaya lepak', lumba haram, padang bola, persatuan belia, program-program yang dilaksanakan oleh Peadam. Dan alhamdulillah, hari ini apabila kita melihat kepada permasalahan yang berlaku di peringkat Negeri Terengganu pada hari ini, kita rasa bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana 'budaya lepak' di peringkat Negeri Terengganu hari ini sudah agak berkurangan kerana pihak Kerajaan Negeri dan juga lumba haram juga telahpun dapat kita kurangkan kerana pihak Kerajaan kita insya-Allah dengan kerjasama semua pihak melaksanakan program-program yang berkait dalam pembangunan golongan ini supaya tidak terjebak dengan gejala-gejala tidak sihat lebih-lebih lagi kepada nilai-nilai murni yang seharusnya kita beri penekanan. Kita telahpun membangunkan Sukan X-treme yang menjadi tuntutan kepada masyarakat kita khususnya golongan belia muda ataupun remaja. Kita sudah bangun empat tempat, satunya di Besut, satu di Kemaman, satu di Kuala Terengganu, satu di Hulu Terengganu dan insya-Allah dalam proses pembangunan kita akan bina di kawasan Kompleks Gong Badak di kawasan Kuala Nerus termasuk pembinaan Futsal. Dalam masalah perlumbaan haram yang begitu ketara sebelum daripada ini masalah berlaku di kawasan Bandar Kuala Terengganu dilihat hari ini terutamanya menjelang kepada program-program yang ada perayaan, ataupun program-program cuti misalnya, kita lihat hari ini sudah agak berkurangan di mana satu program telah dilaksanakan di kawasan Lembah Bidong dengan mengadakan Trek *Springtest*. Sebahagian besar daripada anak-anak muda sudah tidak berkeliaran lagi di kawasan Bandar Kuala Terengganu dan mereka ini beralih ke kawasan baru yang mana insya-Allah akan boleh kita bentuk dengan lebih baik.

Masalah padang bola, memang menjadi tanggungjawab kita, oleh kerana selepas sahaja Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini yang ditubuhkan pada 21.3.2004, selepas daripada Pilihanraya yang lalu, kita telahpun mengambil perjalanan dengan mendapat maklumat daripada pegawai-pegawai ataupun Pejabat-pejabat Daerah termasuk Majlis-majlis Daerah untuk mengenalpasti segala kedudukan, kemudahan-kemudahan padang ataupun kemudahan-kemudahan permainan di seluruh Negeri Terengganu yang mana kita lihat sebelum daripada ini pihak Kerajaan dahulu langsung tidak memberi perhatian kepada pembangunan ini. Begitu juga dengan Persatuan-persatuan Belia, kita dapati bahawa melalui Kerajaan yang lalu langsung tidak disediakan peruntukan tetapi alhamdulillah, dalam perancangan pembangunan tahun ini kita menyediakan sebanyak RM1 juta untuk pembangunan belia ini dan kita telahpun luluskan ataupun telah salurkan peruntukan permulaan kepada 200 persatuan yang menjadi identiti kepada pembangunan belia pada hari ini. Dan, insya-Allah kalau seandainya ada kerjasama daripada semua pihak kita jangkakan menjelang akhir tahun ini, penggal pentadbiran ini 2008, keseluruhan JKKK yang ada di kampung akan kita bangunkan persatuan-persatuan belia tersebut.

Alhamdulillah, sebagaimana yang kita ketahui Pemadam juga adalah merupakan Badan Ngo's. Badan yang digerakkan atas sifat kesukarelaan, keikhlasan yang sebenarnya untuk melihat kepada permasalahan-permasalahan khususnya permasalahan gejala dadah. Alhamdulillah, hari ini kalau dilihat apa unjuran yang dibawa ataupun kes-kes yang disebut melalui perbahasan semalam, dilihat ada petanda penurunan yang telahpun kita tunjukkan di sini. Yang mana gejala disebut pada tahun 2001 – 2,476 yang terlibat dengan gejala dadah, 2002 – 2,358 penagih dadah, 2003 – 1,744, 2004 – 1,171. Ini menandakan penurunan dan insya-Allah, melalui program-program yang kita lakukan ini akan dapat kita menyelesaikan banyak masalah-masalah lain termasuk baru-baru ini kerana nak menyelesaikan masalah sosial ini ia tidak boleh dilihat kepada satu pendekatan saja bahkan melalui banyak pendekatan yang seharusnya kita lakukan. Baru-baru ini kita mengadakan satu program yang dinamakan Karnival Enam Jahanam untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat khususnya muda-mudi yang ada di Terengganu ini.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kuala Berang, berkait dengan di mana Kuala Berang ini mempunyai banyak produk-produk pelancongan dan insya-Allah kita ambil perhatian yang serius yang boleh kita kategorikan segala kemudahan ini dalam bentuk *Histo-Tourism*, dan insya-Allah kita akan ambil perhatian melalui Muzium Negeri Terengganu.

Yang amat mengecewakan saya kerana saya juga diberi tanggungjawab kepada Program Pembangunan sebagaimana saya katakan tadi, Pembangunan Manusia yang mempunyai nilai-nilai kehidupan kita yang sebenarnya. Saya merasa amat kecewa apabila dilahirkan suara-suara ataupun perkataan-perkataan yang tak sepatutnya dilahirkan, sebagai orang Islam, sebagai orang yang berjuang di atas landasan orang Islam, sebagai orang yang selalu melaung-laungkan falsafah-falsafah Islam, perkataan-perkataan Yahudi yang jelas kita lihat bahawa dalam Dewan ini secara keseluruhannya adalah orang Islam dan tak sepatutnya perkataan 'Yahudi-Yahudi' ini dilemparkan kepada orang-orang Islam yang ada di Dewan ini bermakna kita adalah 'bukan Islam', ini satu perbuatan yang begitu zalim sekali yang langsung tidak selaras dengan budi bahasa, pekerti orang-orang Islam itu sendiri. Ini saya amat kesal dan saya pohon Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, supaya hari ini juga Wakil Wakaf Mempelam bangun dan tarik perkataan yang telah dibawa semalam, saya pohon Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Wakil Wakaf Mempelam saya pohon supaya perkataan 'Yahudi' yang dilontarkan semalam ditarik balik. Saya pohon Wakil Wakaf Mempelam sebab kita semua adalah orang Islam tak sepatutnya perkataan 'Yahudi' sebab saya takmbok kait dengan ceramah-ceramah yang dibawa dalam kawasan saya. Saya mintak *you* bangun sebagai seorang Islam yang sebenarnya dan kita orang Islam bangun untuk tarik balik.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mintak arahan daripada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apa, saya selesaikan selepas akhir Penggulangan. Teruskan

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Alhamdulillah, insya-Allah, saya pohon Wakil Wakaf Mempelam menarik balik perkataan yang tak sepatutnya kerana tidak ada langsung nilai-nilai yang sepatutnya kita ada.

Berkenaan dengan masalah ataupun soalan yang diutarakan oleh Wakil Sura berkait dengan sejarah Bukit Tebuk. Memang kita tahu Bukit Tebuk itu sudah lama, lebih daripada 30 tahun dibina Bukit Tebuk ini di kawasan Sura dan insya-Allah telah dimasukkan di dalam Pelan Pembangunan Muzium Negeri Terengganu dalam perancangan kita.

Masalah yang diutarakan oleh Wakil daripada Jabi berkait dengan Pusat Kegiatan Belia yang seharusnya diwujudkan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri. Alhamdulillah, inilah merupakan satu keprihatinan kita, sebelum daripada ini tidak ada tumpuan khusus kita beri kepada tuntutan khususnya kepada golongan belia yang mewakili 40 peratus lebih daripada penduduk negeri kita. Insya-Allah, ini adalah di bawah perancangan Kementerian Belia dan Sukan insya-Allah, marilah sama-sama kita berusaha untuk ianya menjadi satu kenyataan di mana setiap DUN yang ada di Terengganu ini akan dibekalkan dengan sebuah Kompleks Sukan Komuniti yang merupakan segala-galanya kemudahan akan ditempatkan ke dalamnya.

Insya-Allah, melalui program-program yang telah kita laksanakan dan telah banyak program yang telah kita laksanakan di mana Program Persembahan Hujung Minggu, tiap-tiap hari Jumaat dan Sabtu di Pantai Batu Burok. Kita juga mengadakan program di Muzium Negeri setiap hari Ahad. Kita telah mengadakan Ceria Rakan Muda Senamrobik di setiap pagi Jumaat di Pantai Batu Burok. Alhamdulillah, kita telah menyerahkan Bantuan Pentadbiran kepada Badan-badan Budaya, Badan-badan Belia, Badan-badan Sukan dan Badan-badan NGO's baru-baru ini yang merupakan kali pertama yang tak pernah dibuat oleh Kerajaan dahulu yang mendakwa mereka lebih hebat. Kita telah mengadakan Kempen Anti Dadah melalui Program Enam Jahanam. Dengan menghimpun sebagai satu pengiktirafan kepada segala sumbangan yang telah diberi oleh Penggerak Masyarakat sama ada kita sedar atau tidak sedar, kita telah mengadakan Program Himpunan Anak-anak Seni di Terengganu sebagai satu pengiktirafan yang telah diberi oleh kumpulan ini kepada Pembangunan Negeri Terengganu ini sendiri. Alhamdulillah, kita juga telah berjaya mengadakan Program Pekan Budaya Daerah Hulu Terengganu dan akan diikuti oleh daerah-daerah lain. Insya-Allah, kita akan mengadakan Karnival Kereta (*Auto Show*) Kelab Sukan Bermotor dan juga kita mengambil bahagian dalam Kongres Warisan Melayu di UITM Shah Alam.

Antara lain-lain kemudahan fizikal yang telahpun kita buat adalah menyediakan riadah di Kelab Bestari Terengganu. Penyediaan Kompleks Sukan sebagaimana yang dikatakan tadi memang Kompleks Sukan Terengganu adalah merupakan peruntukan Kerajaan Negeri, langsung tidak ada kena mengena dengan Kerajaan Pusat. Menyediakan kemudahan Gelanggang X-treme, Gelanggang Futsal dan sebagainya. Alhamdulillah, ini perkara-perkara yang telahpun selain daripada peruntukan-peruntukan yang telahpun kita sediakan melalui Program Pembangunan di bawah portfolio Kebudayaan, Belia, Sukan dan Badan-badan NGO'S di mana kita ada bantuan kepada Badan-badan dan Aktiviti Kebudayaan sebanyak RM800,000, bantuan kepada Badan-badan Sukan sebanyak RM500,000, kita ada bantuan kepada Majlis ataupun Badan-badan Belia RM500,000, program ataupun aktiviti untuk

pembangunan belia sebanyak RM350,000, kita ada bantuan untuk aktiviti sukan RM100,000, bantuan am dan aktiviti Ngo's RM500,000, Majlis Perundingan Belia RM160,000 Majlis Perundingan Kebudayaan RM30,000, Majlis Perundingan Ngo's dan juga kalau kita lihat kepada apa data yang kita perolehi peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan yang lalu kepada pembangunan sukan sendiri sebagai persiapan menjelang Sukan SUKMA, contohnya pada tahun 1999 hanya sebanyak RM200,000 peruntukan telah disediakan. Peruntukan ini adalah daripada Kerajaan Barisan Nasional yang disediakan pada tahun 1998. Pada tahun 2001, langsung tidak ada peruntukan, pada tahun 2003 juga tidak ada peruntukan disediakan. Ini menggambarkan betapa tidak prihatinnya kepimpinan Kerajaan terdahulu kepada pembangunan belia khususnya mereka yang terlibat kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi ataupun berprestij tinggi. Alhamdulillah, pada tahun ini peruntukan sebanyak RM500,000 telah disediakan kepada pembangunan etlit, pembangunan persiapan SUKMA yang akan diadakan pada tahun 2006.

Alhamdulillah, oleh kerana Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam melalui perbahasan semalam juga ada membaca pantun yang dikarangnya sendiri yang mana sebagaimana dibuat dahulunya dibaca di seluruh tempat di seluruh Negeri Terengganu melalui ceramah-ceramahnya. Saya juga nak sampaikan pantun kepada kumpulan ini, dengarlah molek-molek:

Pembohongan bersiri perosak bertali
 Pengkhianat berkali-kali ... (Bahasa ini dalam loghat Terengganu)
 Ini hamba nak *royat* kisah orang kita
 Boleh perintah negeri *gelekek* macam kera
 Dok kiralah rakyat merempat nak jadi apa
 Dok kiralah negeri bangsat *takdok* satu apa

Benda nak jadi kitapun tak reti
 Kisahnya *berlebong* bersiri
 Kisahnya buat punah ranah bertali-tali
 Kisahnya khianat sampai jadi *nyeng-monyeng* berguni-guni
 Mari kita tengok *se-se*
 Biar kita reti bahasa
 Jangan kita kena tipu ikur *ser*
 Pemerintahan deme takdok benda satu boleh rasa
 Kohor hancur lembik *nyonyek* macam laksa
 Dulunya pakat kata orang BN kumpul harta
Le-ni lebih lagi masa giliran *deme*
 Pasal cakap khabar belit-belah sikit takdok tertib terning
 Exco cakap lagu-ni Menteri Besar cakap lagu pelik-pening
 Wakil Rakyat *khabor pesen* ni, Menteri Besar ulas pesen lain
 Pegawai terang cara ni, Menteri Besar pusing ikut lain
 Inilah pemimpin hari ini (hari dulu)
 Cakap tak serupa bikin
 Sama sendiripun *susut* puting
 Nya *badi cah keting*
 Kohor pening rakyat

Ngigau ekor dok boleh nak *royat*
Bahagiannya kata ke orang boleh nombor satu
Dia kata wartawan, kera-tupai tahun 2002 dulu
Tahun 2003 dia kata Polis tu setan bisu
Tahun ini pula dia kata pegawai kerajaan kaki empat gitu-gitu
Inikah Tok Guru, hak kita nak beri jadi teraju
Kata nak buat Negara Islam, *nawok* terang-terang
Undang-undangpun sebijinya tiru hak orang
Nak buat suraunya pakat halang
AJK Masjid, Imam, Bilalnya pecat seorang-seorang
Mimbar masjidnya buat gelanggang sumbat isu politik kata ke orang
Pasal *berlebong* memang tak boleh nak lawan
Kata patung haiwan haram
Bakpanya tinggal sotong di Marang
Hak sahihnya penyu takdok janggut, sotong berjanggut panjang
Lepas itu nya jaja jumpa minyak atas daratan
Padahal *takdok setarang*, hak ada tahi minyak sejempit seorang

Kata Wang Ehsan haram, rakyat nak ambil dia haram
Kot belakang puak-puak dia baham semacam
Haram untuk rakyat halal untuk Kerajaan
Kata nak dedah fail berlori-lori fasal penyelewengan
Sampai ke hari ini
Baddi pakat main wayang
Hak sungguhnya dengan lori-lorinya jual ke orang
Khabor tak boleh buat maksiat
padahalnya lembang berguling meniarap
Siap dengan bilik kata buat urat-urat
Pakai speaker kata buat urat urat
Pakai speaker, pakai warta cuba nak *royat*
Exco dok ambil elaun (tak tahulah ambil ketidaknya)
Pegang anak syarikat sekejap saja
Semua tu buat sedap sembang
Tak payah nak kelentong
Kalau perut dok jolor ke depan
Itu tak masuk lagi haknya tipu sakang
Hak pegawai kerajaan kena tukar lintang pukang
Pasal tak betulnya pakat bangkang

Nya buat lawa kata rakyat boleh tanah selot seorang
Serupa ayamlah telur sebutir riuh sekampung
Selot untuk rakyat beratus lot untuk Tok Wakil dia orang
Dulu dok jembeng, kata mesra rakyat, mesra kawan
Rakyat pakat naik basikal, naik motosikal tumpang orang
Tok Wakil pakai kereta besar menenggok duduk belakang

Ini pulak pith zakat
Dulu haram bayar ke Kerajaan pasalnya baddi pakat
Le-ninya rembat ikut dang tak payah ikut akad
Wakil Rakyat demepun boleh jadi Amil Zakat korporat
Ini semua dulu haram le-ni halal
Dulu dok boleh, masa perintah *no-hal*

Masa perintah deme pakat pelahap ke balak
Habisnya sapu dok kira ketok ke, dok kira belok ke
Siapa selok katanya mari *nyembak* belaka, jangan lok
Balok untuk kroni balok untukmu budak

Soal pentadbiran memang dokrok cetong
Hamba budak-budak lok balai raya rumput jeregung
Laintu duduk kedai kopi jual kelentong
Dewan Sivik jadi gudang jual barang-barang bertong-tong
Tukar pegawai tohok kakitangan
Beri ke kroni anak Wong
Jual harta negeri, anak syarikatnya pakat lelong

JSR macam Raja
Langkah kepala nak tunjuk gong
Naik gaji Tok Wakil, efaun kakitangan kena pelong
Negeri takdok pith
Deme ini dunia boleh Wong
Negeri kotor *blokoh* sampai *gelebek* tepi tong

Hal pendidikan kohor cap ayam
Puasnya hambat Kelas Tadika
Nya hambat budak-budak MRSM
Nya buat masuk pelajar, pensyarah ke KUSZA takdok SPM
Peruntukan Sekolah Agamanya rompak *dokstarang*
IPT di Terengganu kena tutup
Banyak masalah dok terlayan
Nak buat sekolah anak bangsa
Tanahnya buat naik premium
Mengadanya deme ni
Kalaulah berjaya, itulah berkat Tok Guru kita amal sembahyang

Nak bercakap hal demokrasi takdok langsung
Kakitangan Negeri nak *join* JKKK kena pasung
Pegawai gi nak ikut acara kena kurung
Poster dia lok susun
Poster kita kena usung
Musokong Umno BN siapmu aku *pelekong*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Sikit lagi.

Itulah adik kakak *saing rodong amba*
Sedikit kisah kera boleh bunga
Kisah tikus boleh labu
Kisah orang boleh kuasa
Jadilah deme pelebong bersiri-siri
Jadilah deme pemunah bertali-tali
Jadilah deme pengkhianat berguni-guni

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin-hadirat sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Saya juga mengambil peluang ini untuk sama-sama menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan seterusnya membuat sedikit Penggulangan berkaitan dengan port folio saya khususnya mengenai saranan-saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam. Dalam Titah Ucapan Kebawah Duli dua hari semalam, peruntukan tidak disebut peruntukan sebanyak RM5 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk membangun kawasan industri di Negeri Terengganu ini. Kerajaan Negeri telah merancang untuk membangun semula dan menaiktaraf semula kawasan-kawasan industri ini khususnya kawasan-kawasan yang terlibat dengan proposal-proposal ataupun cadangan-cadangan pelabur-pelabur untuk masuk ke Negeri Terengganu. Tempat-tempat ini adalah Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, di Jakar, Batu 7 Dungun, Bukit Kor Cendering, Gong Badak, Wakaf Tapai dan jugak Gong Medang Besut. Kawasan-kawasan ini adalah kawasan lama yang telah dibangunkan tetapi tidak diselenggarakan. Justeru itulah peruntukan sebanyak RM5 juta telah diadakan pada tahun ini untuk pastikan kawasan-kawasan tersebut dinaikkan nilai semula dan menjadi tarikan kepada pelabur-pelabur untuk datang ke Negeri Terengganu ini. Di samping itu juga, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dua kawasan baru akan kita wujudkan sebagai kawasan industri iaitu kawasan Lot Q Kerteh seluas 70 hektar dan jugak kawasan Gong Badak tambahan sebanyak 40 hektar lagi dan ini adalah juga untuk memenuhi pelabur-pelabur khususnya dalam bidang IKS.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri juga bercadang mengadakan lawatan ke luar negara walaupun banyak pertanyaan pagi tadi berkaitan dengan lawatan-lawatan ini. Kerajaan Negeri berpendapat lawatan-lawatan ke luar negeri adalah banyak manfaatnya sekiranya lawatan-lawatan ini digunakan sepenuhnya dengan cara yang betul. Kita merasakan lawatan seperti ini dengan mengadakan *eye to eye contact* dengan izin, dengan pelabur-pelabur akan dapat berjaya menarik lebih ramai pelabur datang ke negeri ini. Ini adalah contoh yang baik dan pada tahun lepas telah membuktikan kita berjaya menarik pelabur melebihi RM400 juta dan sepertimana yang disebutkan tadi bagi tahun ini

setakat ini nilai lebihkurang RM1.6 bilion telah kita dapat tarik insya-Allah, dan juga kita telah ada tandatangan *Memorandum of Understanding* dengan izin, dengan syarikat yang berkaitan. Insya-Allah, sekiranya berlaku ia akan mendatangkan hasil bagi tahun ini lebihkurang RM1.6 bilion.

Dato' Yang Di Pertua, di samping lawatan ke luar negara yang kita rasa penting untuk kita ada secara berterusan. Kerajaan Negeri juga mengadakan promosi-promosi dalaman yang melibatkan antara lainnya adalah kita mengadakan *after sale service* dengan pelabur-pelabur yang sedia ada untuk memastikan mereka mendapat khidmat nasihat yang baik daripada Kerajaan Negeri. Kita juga memperkemaskan kelulusan projek-projek di peringkat Majlis Daerah untuk memastikan kelulusan pelan dan untuk membina kilang dapat disegerakan malahan kelulusan di peringkat Exco atau di peringkat negeri sendiri kita singkatkan sehingga satu bulan sahaja. Semua ini adalah satu daripada cara yang kita rasakan boleh membantu Kerajaan Negeri meningkatkan lagi pelaburan ke Negeri Terengganu khususnya syarikat-syarikat yang bertaraf antarabangsa, yang bertaraf luar negara. Di samping itu juga, seperti yang saya sebutkan dahulu di samping cadangan-cadangan yang disebutkan tadi kita masih memastikan pelabur-pelabur juga mendapat diskaun yang baik daripada Kerajaan Negeri sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang kita kenakan kepada mereka. Sekiranya mereka membawa pelabur yang ramai, membawa pelaburan yang memberi pekerjaan kepada ramai rakyat-rakyat kita, kita akan memberi diskaun yang lebih baik kepada syarikat-syarikat tersebut. Ini adalah satu contoh yang kita rasakan akan dapat membantu kita melalui pelabur-pelabur. Kerajaan Negeri juga pada masa ini untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita juga sedang berbincang dengan beberapa buah syarikat lagi yang kita jangka kita dapat menarik mereka dan sekiranya ini berlaku insya-Allah, beberapa projek lagi akan dapat kita tempatkan di Terengganu ini, tapi masih awal untuk kita nyatakan jenis syarikat ataupun jenis pelaburannya.

Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulas sedikit berkaitan dengan saranan-saranan dalam sektor pelancongan yang telah dibangkitkan oleh Wakil-wakil dari Kuala Berang, Sura dan juga Tepoh pada hari semalam. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, visi Kerajaan Negeri Terengganu berkaitan dengan industri pelancong adalah terang iaitu untuk menjadikan sebuah industri pelancongan yang terunggul yang berasaskan kepada alam semulajadi, tradisi dan warisan negeri. Oleh itu, kita akan menyediakan infrastruktur-infrastruktur pelancongan yang berkaitan yang boleh menonjolkan ciri-ciri yang saya sebutkan tadi. Bagi memastikan Negeri Terengganu menjadi destinasi pelancongan yang unggul, strategi yang kita gunakan sekarang adalah memperkasakan industri pelancongan berteraskan alam semulajadi, tradisi dan warisan. Kedua, kita akan membangun dan mempertingkatkan infrastuktur tempat-tempat tarikan pelancong yang mempunyai keunikan tersendiri. Misalnya, tempat-tempat seperti Pulau Bidong kita akan ketengahkan sebagai warisan orang-orang Vietnam. Kunang-kunang di Sungai Ibok, Yakyah kita akan majukan, Hutan Lipur Cemeron yang terkenal dengan pokok Cengalnya juga akan kita tingkatkan promosinya, begitu juga dengan Laguna Setiu dan lain-lain. Ini semua akan kita pertingkatkan promosinya untuk ditawarkan kepada pelancong-pelancong asing yang datang ke Negeri Terengganu ini. Ketiganya, kita akan memberi penekanan kepada pemasaran-pemasaran domestik seperti pasaran luar negara seperti Singapura, Eropah, *Scandinavian Countries* dengan izin, Timur Tengah, Jepun dan

Hong Kong. Kita dapati pada masa ini pelancong asing yang datang ke Terengganu ini amat berkurangan, jumlah yang hadir adalah lebih kurang 7 hingga 8 peratus sahaja pada masa yang lepas-lepas. Kita jangka dan berharap kita akan dapat tingkatkan melalui program-program promosi ini kepada sekurang-kurangnya 12 peratus daripada jumlah pelancong yang datang ke Negeri Terengganu ini. Antara lain yang kita adakan, khususnya kita akan adakan berbagai program ataupun aktiviti untuk memperkenalkan Terengganu ini, kita akan mengadakan program sama ada di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat dalam negeri (kebangsaan). Pada tahun ini ada lebih kurang 10 program yang kita adakan dan program ini yang sudah kita adakan misalnya, yang pertama, *Kenyir Lake International Triathlon* di Tasik Kenyir baru-baru ini. Acara ini telah menarik ramai *competitors* daripada luar negara dan kita akan adakan juga Bulan Candat Sotong di Pulau Redang pada 23 – 24 April ini dan pada 1 Mei, kita akan adakan *Marang-Kapas International Swimathon* di Pulau Kapas. Kita akan adakan juga *Kenyir Lake International Mountain Bike* pada 1 Mei ini di Tasik Kenyir. Kita akan adakan *Cameron-Cengal Challenge* di Hulu Dungun pada 4 hingga 5 Jun ini. Kita akan adakan Pesta Keropok, Buah-buahan dan Makanan Tradisi Terengganu di Pantai Batu Burok pada bulan Julai ini. Kita akan adakan Pesta Songket, Batik dan Kraf pada bulan Ogos ini. Kita akan adakan *Perhentian Island Challenge* pada bulan September ini di Pulau Perhentian. Kita juga bercadang untuk mengadakan *Terengganu International Rainforest Challenge* yang akan kita adakan daripada Kemaman sampai ke Kuala Terengganu pada bulan November – Disember ini. Semua ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adalah program-program yang kita jangka akan dapat tarik pelancong-pelancong datang ke Negeri Terengganu ini. Misalnya, *Terengganu Rainforest 2005* dijangka akan dapat menarik lebih kurang 300 peserta daripada 30 buah negara daripada Amerika Syarikat, Sepanyol, Itali dan sebagainya. Begitu juga dengan *Kenyir Lake International Mountain Bike 2005* yang kita adakan baru-baru ini juga telah mampu menarik ramai peserta-peserta daripada luar negara. Ini adalah caranya yang kita rasakan boleh mengenengahkan Negeri Terengganu ini untuk menarik pelancong-pelancong datang ke Negeri Terengganu.

Berkaitan dengan pembangunan Tasik Kenyir seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Kuala Berang semalam. Kementerian Pelancongan telah memperuntukkan RM5 juta untuk membaikpulih sebahagian daripada tempat-tempat warisan, tempat-tempat yang bersejarah yang telah dinyatakan semalam. Insya-Allah, kita akan gunakan peruntukan ini selain daripada membaiki atau menaikkan taraf infra-infra yang ada di Ketengah, kita cuba menggunakan peruntukan ini untuk membaiki dan membaikpulih tempat-tempat warisan ini untuk dipamerkan kepada pelancong-pelancong.

Saranan yang dibuat oleh ADUN Sura berkaitan dengan *Water Front* di Dungun. Perkara ini juga sedang dikaji mengikut Kajian Pelan Tindakan Pelancongan Warisan Budaya, kajian perkembangan semula resort-resort di kawasan persisiran pantai. Ini akan melibatkan semua perkembangan ataupun pertumbuhan bandar di pesisir pantai dan ini juga melibatkan Dungun, sekiranya sesuai insya-Allah, dengan cara berperingkat-peringkat mungkin boleh diwujudkan. Sepertimana yang dikatakan tadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, alhamdulillah, pada tahun 2004 melalui aktiviti yang kita sebut tadi yang kita telah berjaya menarik lebih kurang 1.58 juta pelancong datang ke Terengganu berbanding dengan 1.35 juta pada tahun 2003 iaitu meningkat lebih kurang 15 peratus. Insya-Allah, bagi tahun 2005 ini kita jangka kita dapat menarik lebih kurang insya-Allah, 1.8 juta

pelancong yang mana kita jangka pelancong asing adalah lebih kurang 9 ataupun 10 peratus. Ini adalah suatu perkembangan yang baik yang kita dapat lihat daripada rekod-rekod yang ada baru-baru ini sungguhpun Tsunami telah melanda Pantai Barat Malaysia tetapi alhamdulillah, setelah kita lihat datanya, kita dapati tidak ada kesan Tsunami kepada Pantai Timur khususnya di Negeri Terengganu ini. Kita lihat pada data kita pada bulan Mac pada tahun ini saja dari segi penggunaan bilik-bilik hotel ada peningkatan sebanyak 70 peratus. Ini menunjukkan Negeri Terengganu ini telah meningkat dari segi kemasukan pelancongnya. Berbeza sekali dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam semalam di dalam pantunnya yang mengatakan pasar sunyi sepi dan sebagainya. Kita ada rekod, kita ada maklumat yang menunjukkan data-data penginapan di hotel yang telah meningkat dengan banyaknya, misalnya pada bulan Mac purata bilangan penginapan adalah di sekitar 60 hingga 75 peratus. Ini adalah suatu peningkatan yang baik berbanding dengan tahun lepas. Jadi adalah tidak betul apa yang disebutkan semalam yang Terengganu khususnya di pasar-pasar sunyi-sepi sepertimana yang dikatakan. Malahan kalau kita ingat, kalau kita baca dalam akhbar-akhbarpun Michael Schumaker dan juga Michael Tough yang terlibat dengan perlumbaan F1 juga telah mengalih tempat daripada berehat di Phuket pada tahun lepas dan beralih ke Negeri Terengganu, di Dungun. Dan ini adalah juga satu penghormatan diberi dan akan menjadi satu tarikan kepada pelancong-pelancong lain untuk datang berehat di Negeri Terengganu ini.

Suatu perkara lagi yang mungkin boleh saya sebut untuk membuktikan meningkatnya pelancong ini iaitu MAS sendiri ataupun Sistem Penerbangan Malaysia sendiri telah menambah penerbangannya termasuk juga Air Asia. Sekarang ini kita ada tujuh penerbangan satu hari, empat daripada MAS dan tiga daripada Air Asia daripada Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu dan kalau kita lihat dari segi penumpangnya penuh. Inilah juga salah satu yang menunjukkan bertambahnya kadar pelancong yang datang ke Negeri Terengganu. Bukan itu saja, Berjaya Air juga bercadang untuk mengadakan penerbangan tiga kali seminggu daripada Singapura ke Pulau Redang. Di samping mengkaji kedudukan sama ada boleh diadakan perkhidmatan di antara Kerteh dengan Kuala Lumpur. Ini adalah perkembangan-perkembangan yang saya rasa yang membuktikan apa yang Pas atau Wakil daripada Wakaf Mempelam semalam tidak menyedari apa yang sebenarnya berlaku di Terengganu ini. Jadi dengan itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekali lagi saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah membangkitkan isu-isu Dewan berkenaan dengan industri dan pelancongan ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan – Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah banyak memberi tanah kepada MIEL. Jadi sebagaimana contoh di Daerah Marang sahaja lebih kurang 365 ekar tetapi tidak dibangunkan, janji tinggal janji, kawasan tidak berubah. Saya pohon penjelasan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kawasan yang diberi kepada MIEL ini adalah kawasan yang sudah lama di Bukit Kor dan kita sedang mengkaji semula dari segi kesesuaian tapak itu sama ada kita nak jadikan kawasan untuk IKS ataupun kawasan untuk dimajukan bersekali dengan sektor industri yang lain. Ini masih lagi dalam kajian kita, memang ada kawasan yang diberi kepada MIEL untuk membangunkan secara bersepadu di Bukit Kor. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullah wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Turut sama membahaskan Ucapan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 10 haribulan yang lalu. Sukalah saya menyatakan bahawa perkara paling utama yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ketika menitahkan ucapan ialah mengenai kebersihan. Baginda telah menyeru agar semua rakyat sama-sama memberikan sumbangan bagi memastikan bandar kita bersih dan indah. Sebagaimana kita sedia maklum Kerajaan Negeri telahpun menyediakan peruntukan yang besar dan memastikan kebersihan dan keindahan ini peruntukan sebanyak RM3.5 juta, menyediakan tong sampah baru yang telahpun ditender yang mana kita akan membekalkan sebanyak 2,200 buah tong sampah seluruh Negeri Terengganu mulai tahun ini berbanding hanya 7 tong sampah bagi satu PBT semasa zaman pemerintahan Pas. Kita juga akan menender sebanyak 24 buah lori Kompektor untuk diagihkan kepada semua PBT pada tahun ini. Apa yang mendukacitakan kita ialah sikap orang ramai yang tidak memperdulikan soal-soal kebersihan dan keindahan. Mereka masih lagi membuang sampah-sarap di merata-rata tempat, walaupun saban hari pekerja-pekerja PBT, Majlis-majlis Daerah, Majlis Perbandaran membuang sampah tetapi bandar itu tetap menjadi kotor. Kita merasa bangga apabila melihat orang Terengganu telah berjaya, berkereta besar, berkereta Mercedes Benz lampu bulat, lampu tapak kasut pada petang-petang hari membawa isteri masing-masing dengan Mercedesnya yang baru, ada isterinya yang tak bertudung berambut merah, berkaca mata hitam di atas dahi tetapi mereka terus bersama melemparkan kulit-kulit rambut sepanjang jalan perjalanan mereka. Kita lihat di mana-mana tempat adanya *traffic light* di situlah puntung-puntung rokok dilemparkan, di situlah kotak-kotak air dilemparkan. Inilah sikap yang seharusnya kita tangani bersama.

Di samping itu, kita juga pihak Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa rakyat akan memperolehi rumah kediaman selesa. Sesuai dengan hasrat tersebut Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan yang mencukupi dalam Rancangan Lima Tahun Terengganu. Pada tahun ini sebanyak RM10 juta akan kita belanjakan dan lawatan untuk ke tapak-tapak pembinaan Rumah Kos Rendah ini telahpun berjalan. Insya-Allah, menjelang pertengahan tahun ini tapak-tapak untuk kos rendah ini akan kita tender. Di samping itu, Kerajaan membuat satu polisi baru, satu dasar baru iaitu mengenai Rumah Mampumilik yang akan dibina oleh pihak swasta dengan keluasan 750 kaki persegi dengan dijual dengan harga RM45,000 bagi Daerah Kemaman, Dungun dan Kuala Terengganu dan

bagi daerah-daerah lain Cuma RM40,000 dan Kerajaan memberi subsidi dalam bentuk tanah kepada pemaju. Selama ini Kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang besar bagi memberikan subsidi bagi Rumah-rumah Kos Rendah ini antara RM5,000 hingga RM21,000 bagi satu unit Rumah Kos Rendah yang diagihkan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mengenai tempat-tempat pelupusan sampah sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tidak ada orang yang suka tempat pelupusan sampah ini diadakan di kawasan rumah mereka. Dari Bukit Kor kita pergi ke Paya Tok Por, kerana masalah yang ditinggalkan, warisan yang ditinggalkan di zaman pemerintahan Pas di Bukit Kor yang mana kawasan pelupusan sampah ini tidak diberikan peruntukan mencukupi, tidak ada jentera-jentera yang digunakan, akhirnya sampah-sarap melimpah di tepi jalan dan menimbulkan bau yang kurang menyenangkan. Dalam keadaan serba salah dan kita terpaksa membuat keputusan cepat kita mencari kawasan lain yang difikirkan sesuai bagi pihak kita iaitu di Paya Tok Por, di Mukim Belara, Kawasan DUN Tepoh seluas 85 ekar. Kawasan ini telah dikenal pasti sebagai kawasan yang paling sesuai bagi pihak kita sama ada Pejabat Tanah dan juga PBT tetapi tidak dianggap sesuai oleh Wakil Kawasan Tepoh. Sebaliknya ditanya bahawa adakah ini bersifat kekal dan sebagainya. Tidak ada yang kekal Dato' Yang Di Pertua, semuanya bersifat sementara.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nak elak mengantuk sikit - Hantar sampah ke Tepoh itu untuk pembangunan untuk Tepohkah?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, insya-Allah, pembangunan akan sampai setelah kawasan ini ditimbus, banyak projek boleh dibuat di situ. Kita ada gantian-gantian lain sebagai *will-win situation* ada benda yang kita bawa ke Tepoh sebagai menggantikan kekurangan yang mereka perolehi itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai berbagai kekeliruan yang telah dibangkitkan oleh Wakil-wakil Rakyat. Yang pertamanya, oleh ADUN Wakaf Mempelam yang mendakwa bahawa masa zaman pemerintahan Pas semua rakyat diberi peluang untuk dapat tanah, 50,000 dicanangkan di merata-rata tempat tapi ini adalah pembohongan. Apa yang dilakukan oleh Pas ialah memberi kuasa sepenuhnya kepada JSR untuk mengagih-agihkan tanah dan sebahagiannya tanpa pengetahuan Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah. Borang-borang diedarkan begitu rupa dari masa ke semasa, Dato' Yang Di Pertua, diedarkan sehingga ada satu perkara yang mendukacitakan bahawa JSR telah mengatasi kuasa Pentadbir Tanah. Di tempat saya di Kijal terdapat 36 kawasan Rancangan Tanah Kelompok dibuka oleh Wakil Rakyat, kononnya agih tanah dan kononnya Pas melantik Juru Ukur Berlesen, tugas Juru Ukur mengukur tanah dan bila dibuat kerja, rakyat kena bayar, tidak ada orang berkerja secara percuma, kena bayar dulu. Maka rakyat kebanyakan orang Pas ini berduyun-duyun bayar duit nak ukur tanah tapi tanah tak dapat sebab soal bagi tanah bukan Juru Ukur, soalnya soal Kerajaan yang mengagihkan tanah tersebut, ini satu penipuan. Malahan saya lihat bukti Dato' Yang Di Pertua, bergambar, hebatnya JSR, hebatnya orang Pas bahagi tanah. Kerajaan Negeri Terengganu bekerja 5 hari seminggu, hari Jumaat, hari Sabtu, cuti. JSR buka borang permohonan tanah, edar borang, bukan borang tanah Dato' Yang Di Pertua, apa yang diedarkan ialah Borang Maklumat Pemohon, rakyat berebutlah tak tahu ke hala, berebutlah

ingat Borang Permohonan Tanah, ini tipu belaka ni. Lepas itu, panggil interview, yang interview Pejabat Tanah tak hadir, tidak ada wakil, yang ada puak-puak JSR' nak tunjuk hebat, pasang kain pemedang besar-besar 'Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kijal – Temuduga Terbuka Permohonan Tanah Sempena Hari Terbuka Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kijal, 7 Hari 7 Malam'. Tulis Dato' Yang Di Pertua, saya boleh beri pegawai-pegawai tengok, tulis di kain pemedang, '7 Hari 7 Malam' interview, tanah benda apa ni, pejabat kerja 5 hari seminggu, JSR interview tanah 7 hari 7 malam, macam main Puteri, macam main Tok Selapit, Dato' Yang Di Pertua. Zaman Main Selapit dulu dia panggil guana? Cang perang gelombang perang, orang seorang nama tujuh'. Nak beri habis lama, Main Selapit 7 hari 7 malam. Yang kedua, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua - Temuduga itu bukan beri selalu. Lepas lulus temuduga baru beri.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah, tetapi nak menggambarkan bagaimana keadaannya Pas buat ni. Pejabat malam tak buka tapi JSR buka 7 malam 7 hari, malam buat jugak ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): JSR itukan membantu pejabat, dia nak kerja lebih masa, percuma, apa salahnya?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Jawablah, tak apalah, memang kerja dia, kita kenal lama dah. Kenal lama Wakil Rakyat Manir, bukan kenal le-ni. Ini gambaran keadaan bagaimana nak tunjuk

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Di Pertua – Adakah 7 hari 7 malam itu kerja saja ke atau baham pitih jugak?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, bila kerja ni ada imbuhan, ganjaran, bayar duit. Bila bayar duit harga tanah sampai sekarang, duit entah ke mana, tanah tak boleh sebab tidak pernah diberi kepada Pentadbir Tanah. Bila peraturan kata, bayar ke Pejabat Tanah walaupun 10 sen, walaupun seringggit, kita ada keluar Borang Kewangan 38 (KEW.38) menyatakan bahawa Kerajaan terima duit. Tapi hari ini keluar duit, resit

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang tak selesai sampai hari tu sebab bertukar Kerajaan, kalau Kerajaan tak bertukar kalau kami lagi selesai dah.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, soalnya bukan 'kalau' Dato' Yang Di Pertua, kalau duit itu diserahkan kepada Kerajaan, kita boleh bayar balik kalau tanah tak dapat. Tetapi sekarang duit itu dibayar kepada agen-agen JSR tidak ada rekod di Pejabat Tanah, tanyalah Pejabat Tanah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, duit hak dikutip itu duit apa? Duit bayar harga tanah ke, ukur ke, tidak ada

kenyataan? Kalau dia bayar ke JSR, dia mintak dengan JSR buat apa mintak Pejabat Tanah, tidak ada kena mengena dengan Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apa Dato' Yang Di Pertua, biar dia jawab. Bukti, dokumen ada belaka, Dato' Yang Di Pertua, tidak apa, jangan bimbang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tiga kali dah sebut hak ni. Saya tak rajin jawab, hari ini nak jawab.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apa Dato' Yang Di Pertua, marah? Tak marah tak apalah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita berdua tak apa (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya nak baca ni. Bagaimana JSR mengambil alih tugas dan tanggungjawab Pentadbir Tanah Daerah. Keluar borang sendiri, lepas itu saya nak tahu, saya nak tanya ni. Contoh: Penyelaras RTB Mukim Rasau Kerteh – Bila Exco buat keputusan Kerajaan Negeri masa Pas melantik Penyelaras RTB? Tidak pernah berlaku. Alamat pula di alamat K20, Rumah Kedai Ketengah, rumah kedai buat pejabat ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Rumah kedai buat pejabat, banyak rumah kedai orang sewa buat pejabat, apa yang silapnya?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini Pejabat Tanah ni, gurau-gurau jugak

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Gurau-gurau jugak, Pejabat Tanah ke pejabat apa tu?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini hak RTB.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cuba baca molek sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah ni, saya nak baca habis:

"Melalui Pengerusi JSR.

Tuan/Puan,

Nilai, Kaedah dan Tempoh Pembayaran RTB Petempatan Kelima

Perkara/tajuk adalah dirujuk. Nilai pembayaran setiap pemohon peserta adalah sebanyak RM980.00 sahaja.

2. Semua pemohon adalah diminta menjelaskan duit syarikat guaman yang dilantik atas nama Azman, Wan Hilmi & Associates di mana-mana cawangan Bank Islam Malaysia Berhad”

Pakai Bank Islam juga inipun

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betullah dia kata 'melalui JSR'

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Nantilah dulu nak cerita ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nantilah nak royat. Buat pejabat, bukan Pejabat Tanah, melalui JSR tu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab itulah, inilah gambaran pemimpin Pas ketika itu memberi kuasa tanpa mempedulikan kaedah-kaedah yang sepatutnya. Sepatutnya dia halanglah sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, bila berlaku perkara-perkara tidak betul, beritahu JSR supaya jangan buat ini tak betul, bercanggah dengan peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini keprihatinan JSR Kampung, dia nak cepat lagi, tak macam Barisan, kita kalau boleh nak buat cepat lagi. Segala birokrasi pentadbiran kita cuba atasi, apa salahnya?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Semua pegawai, Wakil Rakyat menyaksikan bagaimana sikap pemimpin Pas nak 'menegakkan benang yang basah'. Ini bukan soal JSR, ini soal tanah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini bukan menegak benang basah, kita royat kebenaran, apa yang kita buat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah, saya baca ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hah! Bolehlah, hari ini kita sama jawab, hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Marah lagi ke ni? Tak marah sudah. " Di mana-mana Cawangan Bank Islam Malaysia Berhad, No. Akaun: 13017010065807, bermula 11.2.2003 hingga 31.3.2003. Para pemohon diminta membuat fotostat pendua borang deposit wang masuk dan menyerahkan kepada Pengerusi JSR masing-masing untuk direkodkan. Resit rasmi akaun terima bayaran akan dikeluarkan kemudian oleh syarikat guaman yang telah dilantik."

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kan teratur tu, bayar ke bank bukan JSR. Resit tunjuk ke JSR. Kan berhalus buat kerja tu, bukan buat kerja tak berhalus.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betul berhalus, Dato' Yang Di Pertua, tidak ada peruntukan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Atas berhalus itu sudah, bukan takdok peruntukan itu tak boleh buat.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah, sabar dulu, dengarlah ini nak cerita. " Nilai pembayaran yang disebut di atas adalah untuk pembiayaan lapan item: Pertama, pengurusan. Ada bayar pengurusan jugak Pejabat Tanah? Tak pernah berlaku, saya pernah jadi ADO Tanah, tak pernah berlaku. Yang kedua, bayaran guaman. Kita mohon tanah hak biasa ini takdok guaman-guaman. Yang ketiga, kerja ukur tanah. Ada, sebab dia buat swasta. Pembersihan Kawasan. Dok bersih kawasan lagi, ukur ini dia rintih, 'Pejabat S.O. khabar okey, esok dia mari rintih. Tunggu tempat sekian-sekian, pukul sekian-sekian, pergi kita rintih.' Sebab senang nak tarik rantai bukan rantai kera rantai ukur.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini Juru Ukur Swasta yang Y.B. Kijal khabor itu Juru Ukur Pejabat Tanah sebab itulah kena bayar.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah, lapan item ni. Hak tu ukur satu, pembersihan kawasan tak timbul. Dia lepas dapat tanah baru pembersihan kawasan. Seterusnya, penyediaan asas tapak rumah. Lepas itu, lorong jalan masuk. Hebat ni, lorong jalan masuk, termasuk jugak. Dan, kebajikan pemohon. Ada kebajikan pulak se-lagi. Suka belaka, suka pegawai. Suka sekali gok (Dewan Gelak) Pegawai suka tengok ini Pak Pandir buat kerja ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pegawai suka kerana Exco suka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dia suka ke Wakil Kijal, telatah dia royat se-se tu, takdok benda nak bercakap. Royat hak tu saja sebab itu pegawai suka.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Pegawai tak suka, saya beri tahu dah, saya bekerja di Pejabat Tanah dan saya tahu jugak undang-undang. Dia tak suka ke saya. "..... Sukacita dimaklumkan bahawa jika sekiranya tuan/puan gagal" Nak saya beritahu juga? "Kebajikan pemohon tadi termasuk bayaran untuk sembelih lembu RM50 seorang, kalau MB mari nak bagi surat....."

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini tak bayar lagi. Kalau boleh tanah sikit lagi, baru bayar

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak, belum apa-apa bagi dah ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bagipun tak buat apa-apa lagi. Bagi simpan dulu dalam bank.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Macam hak Besut tu, beri resit hak mampus tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, tolong simpan di bank dulu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Itu yang pertama, Dato' Yang Di Pertua. Gambarannya beginilah, lepas itu dakwalah borang banyaklah macam-macam. Tapi apa yang terjadi di kawasan Kijal RM5,500 hingga RM8,000 seorang dikutip termasuk di Bujal. Peristiwa di Bujal Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, asalnya tanah berkelompok yang ditanam oleh Pejabat Pertanian dengan pokok cempedak. Lepas itu orang kuat Pas, pergi ambil tanah, jual tanah, tambun tanah untuk buat jalan kereta api. Faham? Kalau tak faham nak ulang ni. Lepas itu, bila perkara ini jadi timbul isu, maka diberitahu bahawa ambil tanah ini lepas itu nak bagi tanah. Inilah perkara berlaku, peristiwa di Bujal. Orang-orang yang diberi tanah bukan orang Bujal, bukan orang Payoh, dua-tiga orang saja yang ramainya datang daripada Taman Islam Kemaman, bukan orang susah sebagaimana didakwa oleh Wakil Wakaf Mempelam. Buat rumah banglo, panggil lori konkrit, buat serta merta. Kita tak roboh rumah orang yang dibuat, kita/Kerajaan dah beritahu Lesen Tumpangan Sementara mampus dia/mati dia (tamat tempoh) 31.12. tahun yang berkenaan. Dia Lesen Sementara ini, dari tahun ke tahun, kalau lesen lulus 11.11. dia bayar, mampuspun dia 31.12. tahun itu juga walaupun sebulan saja, dia tak macam *roadtax*, *start* 1.1., mengerti, ke nak tanya lagi? Ini kaedahnya, sebab itu bila mati, kita tengok semakan dah ada rumah, okey, *you* teruskan. Yang kita nak perkenalkan orang yang tak buat apa-apa lagi, ditawakof sementara waktu. Bila ini dikeluarkan baru dia berebut pergi buat rumah. Ini yang berlakunya menceroboh tanah haram, tanah Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Inilah Kerajaan yang tidak mesra rakyat. Zaman kami dulu, yang dia mati LMS itu, kami sambung semua, pakai letak-letak je, Umno ke, semua, dua tahun kami sambung tapi yang ini tak. Yang hak dulupun tak boleh nak bayar, yang ini

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Haa Dato' Yang Di Pertua, nak mengelatlah. Saya ada bukti Dato' Yang Di Pertua, di Kijal kawasan Paya Penunjuk, Wakil Kijal ketika itu yang membangunkan duit daripada Kerajaan Pusat RM800,000 untuk buat Skim Pertapakan tetapi bila Pas menang dimasukkan semua orang Pas, orang kawasan berdekatan, duduk tepi tanahpun tidak boleh seorangpun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, masa kami masuk itu orang Pas, sebelum daripada itu orang Umno belaka takdok orang Pas, kami bagi.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takdok, kita tak bagi lagi, baru siap. Baru siap buat jalan, baru siap semua sekali. Saya tahu kawasan saya. Jangan keceklah, kecek jugak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok kecek. Yang sebelum itu, kita boleh tengok dalam Pejabat Tanah, tanyalah D.O/Pegawai Daerah. Permohonan yang dulu-dulu, kita lulus semua yang baru, memanglah dah 38 tahun dah orang Pas dipinggirkan, ini giliran kita pulak, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab itu saya kata, inilah sikap orang Pas dia cuba menegak benang yang basah, menyembunyikan apa sebenarnya yang ada. Samalah sebagaimana Wakil Rakyat ADUN Batu Burok, saya kecewa sebagai seorang rakyat, sebagai seorang bekas Wakil Rakyat dan sebagai seorang Exco bila timbul persoalan mengenai Cukai Pintu, bercakap di mana-mana Cukai Pintu dihapuskan, Cukai Pintu dikecualikan, tapi tidak mengikut perundangan. Ajak debat, Wakil Wakaf Mempelam sebut dalam gurindam dia seolah-olah kita takut, saya bersedia bila-bila masa, khabar saja tapi saya kesal bila kita nak berdebat sepatutnya Wakil Rakyat Pas yang berdiri tegak untuk sama-sama berbahas dan juga menyambut cabaran kita untuk berbahas soal Cukai Pintu ialah Yang Berhormat Batu Burok. Sebab Yang Berhormat Batu Burok ada *authority*, bekas Exco Kerajaan Tempatan, ini tak beri ke Wakaf Mempelam. Dokrok saya rasa Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Wakaf Mempelam itu pergi berunding saja. Debat kita nak lawan tapi cara yang Umno cadang, debat panggil orang Pas 500 orang, Umno 500 orang. Itu debat apa, itu tak terbuka. Biar rakyat mari, biar rakyat dengar tapi dia tak mahu, ini dikata kelentong ni, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan kelentong Dato' Yang Di Pertua, kita berdebat cara yang terbaik sebab kita dah beritahu secara *Presidential Debate* di Amerika, takkan debat hak hebat-hebat ini nak panggil, orang kampung, budak sekolah. Mu bangkang, mu setuju, saya bangkang, tak. Biar ada orang tengah

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita takmboh tiru orang Amerika, dalam bab ini kita takmboh tiru orang Amerika. Kita nak rakyat kita ini biar terbuka fikiran.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takkan Dato' Yang Di Pertua, dalam Dewan berdebat, hujung ini seorang tanya, hujung nun seorang tanya, macam mana Pengerusi nak *control*, tanya soal debat ni. Tak betullah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan lain.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Okey, tak apa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh teruskan debat malam ni. Malam besok kita buat di stadium?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab itu saya beritahu bahawa bagaimana seorang Exco membuat keputusan yang menyatakan bahawa Majlis Kerajaan Tempatan tidak pernah membawa usul untuk mengecualikan Cukai Pintu di Pihak

Berkuasa Tempatan. Lantas dia jawab, dia tidak tahu, dia bukan Juru Audit. Inikah Exco? Sepatut sebagai Exco pergi *check* balik dengan PBT kita, *you* sudah penuhi segala syarat-syarat, peruntukan undang-undang, sebelum kuatkuasa, bawa sijil belaka. Betul bawa sijil, tapi peraturan tak ikut. Ini jelas berlaku dan kita tengok, kita tanya pulak Wakaf Mempelam sebut ada dalam perlembagaan ke tak? Saya nak sebut Cukai Pintu, kuasa Kerajaan Tempatan adalah terletak di bawah Senarai Kedua, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Negara. Perenggan 4A, Senarai Kedua jelas menyatakan Kerajaan Tempatan termasuk Pentadbiran Tempatan, Perbandaran-perbandaran, Lembaga Tempatan, Lembaga Bandaran, Lembaga Luar Bandar dan lain-lain Pihak Berkuasa Tempatan, Perkhidmatan Kerajaan Tempatan. Kadar Tempatan dengan izin, *Local Rates*, oleh itu Cukai Pintu ini adalah termasuk dalam Kadar Tempatan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, untuk tujuan penyeragaman undang-undang dan polisi Kerajaan Persekutuan telah menggubal Akta Kerajaan Tempatan, 1976 di bawah Artikel 76(4) Perlembagaan Persekutuan, ini jelas. Begitu juga Seksyen 127, 137 saya sebut tidak ada pengecualian, 127 satu senarai sama ada disatukan atau diasingkan tapi ditafsirkan boleh, tidak, bukan boleh. Yang dibolehkannya ialah yang telah disenaraikan iaitu rumah ibadat, pusat-pusat kebudayaan-keseniaan,

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang Di Pertua – Jelas apa yang dibaca tadinya bahawa hak untuk mengutip Cukai Pintu ini adalah hak Kerajaan Tempatan bukan hak Kerajaan Pusat, bukan hak Parlimen, Parlimen telah memberi kuasa kepada Kerajaan Tempatan untuk memilih, mengutipnya dan mengecualikannya.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tidak ada pengecualian, Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri boleh mengurangkan kadar kerana kadar itu adalah Pihak Berkuasa Negeri. Kalau kadar nak buat 4 peratus, okey Negeri kata 1 peratus saja, okey bolehlah. Kecuali tak boleh, hak kecuali disebut dah tadi pusat-pusat seni, kebudayaan, surau, masjid, rumah ibadat ada dah. Biar jelas, saya boleh baca Dato' Yang Di Pertua, Seksyen 127 – Kuasa untuk mengenakan kadar PBT, jelas ada belaka. Sebab itu, Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri menyatakan bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan Pas itu tidak menepati peruntukan undang-undang. Yang kedua, bagaimana penipuan dilakukan. Tipu belaka, Dato' Yang Di Pertua, saya ada belaka dokumen ni, khabor Cukai Pintu dikecualikan, tak kutip tapi bil keluar, bil hijau Dato' Yang Di Pertua, susut di Pejabat SUK. Sebelum Pilihanraya dihantar kesemuanya bertong-tong ke Pejabat SUK, Tingkat 10, nak keluar takut orang kata rakyat marah. Bukan itu saja Dato' Yang Di Pertua, inilah kata keluar cukai tapi tak kutip, surat tak kutip daripada rakyat tetapi penalti/denda dikenakan, tunggakan dan denda. Tak adil, Dato' Yang Di Pertua, takkan Wakil Rakyat Batu Burok tak tahu, di pejabat Tingkat 10 ni, penuh, ye ke tak ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Bil Cukai Pintu tidak dikeluarkan di Tingkat 10, Majlis-majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran yang keluar.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab itu saya khabor dah tadi dikeluarkan oleh PBT tetapi diarah simpan di Tingkat 10 pergi tengok, pegawai saya ada.

Boleh pergi tengok selalu, kita buat lawatan selepas ini, kita tengok bil-bil di Tingkat 10, pakat pergi tengok. Inilah pembohongan, tengok ini hijau-hijau

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua – Kalaulah ada mungkin sekalipun ianya adalah untuk keselamatan supaya tidak ada pegawai-pegawai yang menyeleweng untuk keluaran bertentangan dengan arahan.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Mana cetak ni, sepatutnya dikecualikan patut *delete* habislah dalam komputer. Arahan *delete* semua sekali tunggakan-tunggakan yang ada. Ini tidak *delete*, tidak diambil tindakan, ini yang kata nak kecek ni. Marah lagi?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, bukan soal marah. Soalnya tanya rakyat, dalam masa empat tahun kita memerintah adakah tunggakan dikutip, adakah Cukai Pintu Rumah Kediaman dibayar, tetapi Cukai Pintu rumah-rumah lain, premis-premis perniagaan tidak dikecualikan.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, yang dikecualikan bagi rumah kediaman sendiri, rumah sewa masih kena tapi bil ada cuma main politik, main wayang, ini yang berlaku. Dato' Yang Di Pertua, di samping itu kita melihat Wakil Batu Burok seolah-olah menyindir saya kelmarin, bila saya sebut soal pembangunan projek oleh EDV di Tok Adis dan juga di Wakaf Tapai, dia kata Kerajaan dengki, kerajaan saja nak ambil balik tapi tak buat. Betul, kita tak dengki, kita ambil balik lagi hasil orang kata, tahun 1993 – 1994, kita ambil balik tanah lebih kurang RM1.5 juta melibatkan dua mukim, satu Mukim Alur Limbat, satu Mukim Bukit Payong, itu perancangan Kerajaan tapi kita lihat kepada kepentingan pada masa itu belum sesuai lagi sebagaimana yang kita rancang. Tapi Wakil Batu Burok melihatnya sebagai satu kesempatan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Akta Pengambilan Balik Tanah dan Prinsip Pengambilan Balik Tanah jelas dan nyata, Kerajaan tidak boleh mengambil balik tanah rakyat untuk dijadikan *Land Bank* dengan izin, Bank Tanah tetapi mestilah digunakan dengan apa sahaja yang digunakan, yang disyaratkan dalam pengambilan balik, tak boleh sekali-kali tetapi apa yang berlaku bukan sahaja di Wakaf Tapai yang ambil 1993 – 1994, begitu juga yang berlaku di Paka, 15 tahun diambil, kalaulah ditangguhkan pengambilan balik, harga untuk rakyat berbeza

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sudah terangkan perancangan sebab itulah Majlis Daerah Dungun telahpun buat Tender Terbuka, Projek DUN Paka, jangan putarbelitkan fakta, saya khabar dari awal hingga akhir tetapi oleh kerana kepentingan peribadi, saya sebut Dato' Yang Di Pertua, kepentingan peribadi Wakil Batu Burok

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya nak mintak, saya cabar dia sebut di luar.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dok main cabar, Dato' Yang Di Pertua, saya khabor ke BPR dah, ini bukti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kepentingan peribadi, cabar di luar.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak payah, saya baca

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sila di luar.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya baca, Dato' Yang Di Pertua. Semua perjanjian-perjanjian dibuat oleh Wan Abdul Muttalib & Co. atas arahan kerana surat dikeluarkan. Saya nak beri ke BPR, saya mintak BPR siasat. Ini saya baca Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, perkara ini telahpun disiasat oleh BPR. BPR telah ambil kenyataan dari saya, hanya surat saya mengatakan pada ketika itu Peguam-peguamcara yang telahpun memohon dan diluluskan dan senarainya lebih kurang dua puluh.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Berlakon belaka Dato' Yang Di Pertua, arahan kepada Gabungan Quarry begitulah ambil Ini dia, saya nak baca Dato' Yang Di Pertua: "Perjanjian Antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Majlis Daerah Marang dan GPQ Sdn Bhd. – Pembangunan Wakaf Tapai Mukim Alur Limbat dan Mukim Bukit Payong, Marang. Dibuat oleh Wan Abdul Muttalib & Co. Peguambela dan Peguamcara. Yang kedua : "Antara Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan EDV Landmarks Sdn. Bhd. 542314 H – Perjanjian Kawasan Penempatan Perpindahan Tok Adis Fasa 3, Kuala Ibai, Kuala Terengganu. Disediakan oleh Tetuan Wan Abdul Muttalib & Co." dan banyak lagi Dato' Yang Di Pertua. Jangan cuba berlindung di sebalik daun sehelai, Dato' Yang Di Pertua. Bangkai gajah tidak boleh

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, tidak ada perlindungan, ini dokumen rasmi, mana ada perlindungan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lualan Yang Di Pertua – Adakah semua perjanjian ini dibuat secara percuma oleh Syarikat Guaman tersebut kepada Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Nehi melbujeh*, Dato' Yang Di Pertua, tidak ada orang nak beri percuma, tak usah cakaplah sebab itu saya nak beritahu,

ini adalah kepentingan-kepentingan tertentu. Sain belaka ni, Menteri Besar pun sain, semua dah sain belaka, cuma saya kesal satu daripada wakil guaman yang sain, Wan Norita Muttalib, tak tahu siapa dia, tapi daripada Wan Muttalib & Co.lah. Inilah yang berlaku Dato' Yang Di Pertua, sebab itu saya sebut tadi sikap kita Tuhan Maha Mengetahui apa yang kita lakukan walaupun kita boleh berhujah di dalam Dewan yang mulia ini tapi terbukti pada hari ini bahawa kepentingan-kepentingan itu nampak sangat, orang ramai tahu. Sebab itu saya sebut Projek GPQ, terma diarahkan dibuat, ANZ, EDV dan sebagainya, ini jelas, orang nampak. Di samping itu, Dato' Yang Di Pertua, saya juga mengharapkan kita sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab jangan mengulangi perkara-perkara yang sama sebab itu saya sebut bercakap sedap semua nak *free* cukai *free*, ini *free* tapi akhirnya tak mampu bayar gaji. Sebab itu akhirnya Kerajaan Negeri terpaksa membuat keputusan dalam Exco, sumbangan Majlis Perbandaran Kemaman, mintak sumbangan jadi anak angkat kepada Majlis Daerah Marang, Besut dan Setiu untuk bayar gaji kepada kakitangan, RM3.3 juta Dato' Yang Di Pertua. RM3 juta minta daripada Majlis Daerah Kemaman untuk bayar gaji, *act* tak usah kiralah, hak ini orang kata 'biar pape asal gaye'. Hak ini takmboh kutip, hak ni *free*, hak ni *free* akhirnya apa terjadi sampah-sarap kotor dan sebagainya sebab itulah bercakap tidak betul sokmo. Saya nak tanya Dato' Yang Di Pertua, adakah Wakil Rhu Rendang mendapat keizinan, ada surat tak mari ke Dewan hari ini Dato' Yang Di Pertua, tanya dulu sepatah?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Setakat ini belum terima.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hah!

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Peraturan berapa Dato' Yang Di Pertua kena ada surat tak mari.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Apa benda Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Peraturan berapa yang kena ada surat, tak mari?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sebab tadi Wakil Batu Burok khabor masa dia kemukakan soalan Menteri Besar dia bertanya bagi pihak ADUN Rhu Rendang kerana ADUN Rhu Rendang dalam perjalanan. Buka balik hansard, dalam perjalanan kata tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya kata tadi dalam perjalanan dah tu kalau tak sampai guana nak buat?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Haa (Dewan Gelak).....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya kata dia di dalam perjalanan, bukan saya kata dia mesti mari.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sabit kata lawyer (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, dekat mana salahnya? Tak payah buka-buka, saya kata dia dalam perjalanan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab itu saya kata, kalau khabor dalam perjalanan ke Kuala Lumpur pergi ke isteri muda, kan senang khabor. Tak apalah *on the way* sebab berbini ramai, tak apalah, kita bini ramai jugak bukan pergi ke Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Patut Yang Di Pertua tanya, dalam perjalanan itu ke luarkah, ke masuk? Patutnya begitu kalaulah kecaknaan Yang Di Pertua itu ada.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah, kalau begitu, luar-masuk, fahamlah tu. Hala masuklah jawab dia. Dato' Yang Di Pertua, sebab itulah saya kata, kita mengharapkan benar-benarlah. Saya juga kesal kerana saya sebenarnya bukan seorang kasar saya boleh lembut setakat mana saya boleh lembut tapi saya akan berkasar dengan orang yang berkasar dengan saya, itu prinsip saya, jenis ular, gosok tak apalah mampus-keras selalu tapi kalau tepukkan siaplah. Sebab macam disebut kelmarinlah bila disebut 'Yahudi' faham sajalah

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oh ... jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya baru tahu, baru sedar bahawa jenis ular rupanya dia.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Memang jenis ular, berbisa jangan main-main (Dewan Gelak) Sebab itu patuk ramai, bukan patut seorang, patuk ramai ni. Saya isytihar bukanlah macam orang lain, main nusut, saya tak, isytihar, beres kita. Dato' Yang Di Pertua, sebab itu saya kata, saya tengok, Pemuda Pas keluar surat menyatakan saya panggil Sidang Akhbar, 'Exco Kerajaan Terengganu memaki hamun dan ajak ADUN Pembangkang bertumbuk. Saya tak pernah sebutpun bertumbuk kelmarin. Saya kata: 'Keluarlah' saya kata, ini fitnah belaka ni, ajak bertumbuklah, apa serba. Hak sebut 'Yahudi' tak sebut, siapa tak marah sebut Yahudi ni, sabit kata kita ini rasa Wakil Rakyat jugak, kalau tak Wakil Rakyat jadi sungguh. Tapi dia tulis tengoklah ni, sebut maki-hamun apa serba, lepas itu bertumbuklah. Saya tak pernah sebut satu perkataanpun, *check* balik adakah saya sebut 'ajak bertumbuk' kelmarin? Takdok, orang dengar belaka, saya kata: "Tubitlah, tubit" saya kata begitu, 'tubit', mungkin ajak pergi minum air sejuk-panas punya pasal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, dia ajak tubit, saya tubit sungguh cari Yang Berhormat kelmarin.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ada? Bakpe rasa nak sungguh? (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Lepas ini, boleh *try* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tanyalah Wakil Rakyat Manir guana, keturunan yang sama. Saya tak takut dok cara ke orang. Dato' Yang Di Pertua, saya mintaklah supaya perkara-perkara ini di lain masa kita jangan cuba mengeruh suasana dengan perkataan-perkataan yang tidak baik sebab kita juga manusia, kita jugak ada perasaan. Bila perasaan kita terguris selembut mana kitapun, kita mesti ingat 'walaupun air itu lembut tetapi ia boleh membelah batu bukan kerana tajamnya air itu tapi kerana seringnya menitik'. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil-wakil Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertama-tama saya ingin merakamkan penghargaan dan menjunjung kasih di atas kesudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli ke Dewan ini untuk merasmikan Dewan kita yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sejak kelmarin sehingga hari ini kita mendengar beberapa perbahasan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Pembangkang, Wakil Kerajaan dan sebagainya. Cuma apa yang hangat diperdebatkan semalam ialah berkaitan dengan perkataan Yahudi. Jadi penjelasan, kupasan telah diberikan oleh Wakil daripada Batu Rakit dan Wakil Sura berkait dengan hal tersebut, saya tak mahu berkata apa-apa tentang hal tersebut kepada Wakil Wakaf Mempelam cuma saya memohon dengan rasa rendah diri memohon kepada Wakil Wakaf Mempelam supaya renung-renunglah keadaan diri agar perkara yang berlaku kelmarin mungkin di bawah, di luar ruang sedar beliau, mungkin dalam keadaan marah dan sebagainya mengatakan demikian. Walau bagaimanapun, apa yang disebut telahpun berlaku jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah apa yang diperkatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam dengan perkataan ataupun tuduhan-tuduhan yang tidak wajar dikemukakan oleh mereka yang mengatakan, mereka yang memperjuangkan Islam, mereka yang mengatakan 'Membangun Bersama Islam', 'Membangun Menurut Islam' dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hal tersebut diharap agar tidak diulangi lagi di dalam Dewan yang mulia ini kerana apa yang dikatakan itu sebenarnya bercanggah dengan apa yang diperkatakan ataupun dengan apa yang dianjurkan oleh Allah dan RasulNya dengan hadis-hadis dan ayat Quran yang jelas dinyatakan atau dibacakan oleh Wakil Sura kelmarin. Antaranya: (Baca petikan Kitab Bahrulmaazi Juzu' Kesembilan – halaman 197). Jadi kita takmboh menyebabkan Wakil Mempelam ini dua puluh sebatan cuma kita harap dia sedar, insaf atas keterlanjuran dilakukan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkenaan dengan portfolio saya cuma seorang saja yang bertanya fasal dengan kesihatan dan tempoh menunggu yang diambil oleh para pesakit di Negeri Terengganu iaitu daripada Wakil Paka. Ini menunjukkan kepada kita bahawa betapa prihatinnya Wakil Paka kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat beliau

terutama di Tebing Tembah. Saya telah merujuk perkara tersebut kepada pihak Pengarah Kesihatan dan insya-Allah, apa yang kita pohon itu akan dapat dilaksanakan dalam masa terdekat dan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, insya-Allah. Itu janji kita kerana apa yang kita buat, apa yang kita janji, insya-Allah kita akan tunaikan. Kita tak pernah berjanji, kita tak tunai janji kerana kita yakin bahawa salah satu sifat orang-orang munafik itu berjanji tapi tak tunai. Tapi insya-Allah, lambat-bangat masyarakat, rakyat dan penduduk akan menikmati apa segala janji yang kita telah taburkan insya-Allah. Selain daripada itu, Wakil Paka juga di atas keprihatinan beliau terhadap rakyat mengatakan bahawa tempoh masa menunggu untuk pembedahan. Dan, kita telah mengambil tindakan dengan memastikan bilik bedah yang terdapat di Hospital Besar yang terbakar dan di ACC (*Ambulatory Care Center*) dengan izin, Dato' Yang Di Pertua diambil perjalanan dan insya-Allah, janji diberikan bahawa dia akan siap akhir bulan ini dan insya-Allah kalau tidak ada apa aral akan mula beroperasi pada Jun dan dengan adanya operasi tersebut, kita yakin dan percaya masyarakat di sekitar Kuala Terengganu, di seluruh Negeri Terengganu tidak lagi akan berkejar untuk melakukan pembedahan di Kemaman ataupun di Kota Bharu, insya-Allah kita berharap dan kita berdoa agar hasrat dan cita-cita kita untuk memastikan kesenangan dan keselesaan rakyat akan dapat dinikmati, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menarik apa yang diperkatakan oleh beberapa Wakil berkaitan dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi kelmarin kita dengar daripada Wakil Batu Burok yang berdegardegar memperkatakan bahawa Undang-Undang Tubuh Bagi Kerajaan Negeri Terengganu telahpun mengikut Al-Quran, As-Sunnah Ijmak Qias.' Ini saya ingin menyatakan kembali, ingin menegaskan bahawa apa yang diperkatakan itu tidak tepat. Bukan sahaja tidak tepat, malah tidak betul sama sekali kerana saya pada ketika menggubalkan undang-undang ini saya berada di Dewan. Saya membahaskan bersama Yang Berhormat Kemasik ketika itu yang mana yang mengatakan bahawa dalam enakmen ini Fasal 3(a), bagi maksud Fasal 3, dengan izin Yang Di Pertua, saya baca – 'Oleh kerana agama Islam agama adalah agama rasmi bagi negeri, Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak dan Qias hendaklah menjadi sumber asas Perundangan Syariah yang akan menjadi rujukan untuk menentukan ajaran sebenar dan amalan syariah dalam Negeri Terengganu'. Saya masih ingat lagi ketika 2003 yang lalu, saya mencadangkan supaya ditambah satu lagi satu perkataan, ditambah lagi satu perkataan saja iaitu Perundangan Syariah dan Perundangan Sivil. Tapi telah tidak dipersetujui oleh Kerajaan ketika itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi saya cukup kesal Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, tidak kena mengena dengan sivil, kita nak syariah. Sivil itu apa maknanya, undang-undang orang putih ke apa benda, hak sivil kata nak tu?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi kalau Undang-undang Syariah, hak selama inipun kita guna Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak dan Qias dah, kita tak pernah guna Kitab Bible. Kita tak pernah guna kitab-kitab lain selain Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak dan Qias.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Begini Dato' Yang Di Pertua, kita beri penjelasan dia takmbah dengar, dia tak faham elok-

elok. Kita katanya sekarang ini Artikel 4 itu *narrifies*, dengan izin memansuhkan Perundangan Islam tetapi Terengganu sejauh mana umat Islam, kita tidak ganggu lagi umat lain, umat Islam.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi inilah yang digembar-gemburkan, yang ditampal di masjid-masjid mengatakan bahawa kita telah menjalankan Undang-Undang Islam, kita dah Negeri Islam tapi dulu saya pernah dengar ceramah bekas Yang Amat Berhormat Tok Guru mengatakan bahawa kita akan bubar Pas kalau diisytiharkan negeri ini, negara ini, Negara Islam. Sekarang telah diisytiharkan, telah dimaklum dan telah termaktub bahawa Pas sendiri mengakui hari ini bahawa Undang-undang Tubuh ini Undang-undang Islam, Negeri Islam. Jadi saya rasa tidak ada maknanya lagi Pas diwujudkan di bumi Terengganu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Ini setakat Negeri Terengganu baru kalau isytihar di Pusat sana, insya-Allah kita akan buat satu rumusan, kita bubar.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bubar Pas Terengganu dulu. Terengganu ini Islam dah, bubar Pas Terengganu dulu lepas itu barulah kita bubar di Malaysia pulak, senang jawab. Jadi nak boleh menang, boleh sejempit nak secupak, hak sejempit tak cakap nak jaga dah, tak mampu nak jaga, nak jaga hak secupak pulak jauh langit dengan bumi, Dato' Yang Di Pertua. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah apa yang diperkatakan oleh Wakil daripada Batu Burok, yang melaung-laungkan bahawa kita telah negara Islam, kita telah melaksanakan Undang-undang Tubuh ini dipinda, alhamdulillah, tapi apa yang dibuat sekarang dia juga tentang apa yang dibuat dulu, apa yang dia buat dulu sekarang dia tentang, jadi ini yang berlaku

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jika Umno dan BN tidak setuju pindaan yang kita buat, sekarang ini dia ada dua-pertiga majoriti lebih, sila pinda semula.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu tidak relevan, kita bukan masalah setuju/tidak setuju. Masalahnya kelmarin dia kata kita telah melaksanakan Undang Tubuh Negeri mengikut Al-Quran, Sunnah dan Ijmak. Saya perbetulkan di sini Undang Syariah saja, dan selama inipun kita amalpun Undang-undang Nikah-cerai, Undang-undang Munakaha, Undang-undang Muamalat yang berada di Terengganu hari ini, kita ikut hak Islam dah. Ke ada hak bercerai pergi ke gereja, orang Islam, saya rasa takdok. Jadi inilah peranan dan tanggungjawab orang-orang Pas cuba nak main wayang, cuba nak menipu mereka-mereka di kampung sebab itulah Wakil Kuala Berang kelmarin 'tak apelah kame makan ikan keringpun asal masuk Syurge'. Dia ceramah di kampung-kampung 'tak ape makan ikan keringpun asal masuk Syurge', maknanya makan ikan keringpun tak apalah asal masuk Syurga.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita Wakil daripada Hulu, orang Hulu ada bahasa sedap dia, bila dia mari bandar le-ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya peringatkan kepada Wakil Manir sebelum bercakap mintak kebenaran dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, saya nak mintak penjelasanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Nak mintak penjelasan, minta kebenaran daripada Yang Di Pertua dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dengan maaf, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Banyak kali sangat dah langgar ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak ini boleh tak nak minta penjelasan, boleh?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak jelas lagi, jelas dah satnikan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok dang bercakap lagi, Dato' Yang Di Pertua, saya taat kepada Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila-sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): -- dengan Kerajaan baru ini ada lampu, malam-malam ada lampu di pokok plastik sekali hidup, sekali mati, dia kata: 'Kerajaan kita kaye ungguh, ceh-mboh, ceh-mboh'. Api ceh-mboh, ceh-mboh, Yang Di Pertua, tahu ceh-mboh, ceh-mboh ni, kita tanya Wakil Kuala Beranglah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Okey, Yang Di Pertua, takdok modal nampaknya Wakil Manir ni (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): -- ikan kereng, kita cakap ceh-mboh-ceh-mboh, begitu

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya kaitkan ikan kering dengan Syurga, Dato' Yang Di Pertua, bukan ceh-mboh-ceh-mboh (nyala-padam) tu, maknanya nak khabor kepada Ahli Dewan bahawa begitulah keadaan di kampung-kampung mereka menyangka bila pangkah Pas masuk Syurga. Sebab ada Tok Guru pergi ke kampung mengajar supaya Tunggu-tunggu, saya tak habis lagi. Saya beri masa, tak apa, kita *gentleman*. Kita bukan kenal hari ini, empat tahun dah duduk Pembangkan dulu. Kita merasakan ini satu penipuan yang dilakukan oleh pemimpin Pas, saya nak tanya bekas-bekas orang Pas, Ketua Pemuda Pas Daerah Besut, dia kata setiap kali ceramah dia kutip derma daripada derma tersebut dia beritahu saya, kalau dia bohong, saya bohong.

Dia mengatakan bahawa daripada derma tersebut sepuluh hingga 30 persen diberi kepada penceramah, kalau penceramah itu sohor tiga puluh persen, kalau penceramah itu dok sohor sepuluh persen dah saya kata tuan rumah, tuan rumah tak apa, 'jihad'. Beri makan ayam, beri makan kerbau-lembu, 'jihad'. Hak boleh penceramah, saya nak jadi penceramah Pas kalau begitu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Penceramah Pas pergi ceramah naik Mercedes lampu bulat, pendengar ceramah pergi dengar ceramah Pas Honda Cub lampu bulat, tiga-empat beranak bergendong, sampai di tempat ceramah yang pakai Mercedes lampu bulat tadah supet, JSR. JSR ini bukan Jawatankuasa Syura Rakyat, 'Jaja Supet Ro'rat', kutip derma, dah hak tukang beri derma kepada penceramah hak Honda Cub lampu bulat kepada penceramah dan yang berlaku pulak serpihnya, *portion-portion* lain Dato' Yang Di Pertua, diberi kepada Pas Kawasan dan Pas Negeri. Kita ada rekod

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Dulu orang sebelah hulu ini masa buat *dam* di Kenyir dulu dia kata "slu master" sekarang ini kalau kita kira orang Pas ceramah kutip derma itu sumber pendapatan dia. Kerajaan sekarang ini bila dia wujud semula Cukai Pintu, dia pandai pula baca dalam khutbah 'alyadun-al-unya-khairun-minalyadi-syufila'. Pandai dia kempen dalam khutbah 'tangan atas lebih baik daripada tangan bawah' yang memberi duit/derma. Kalau kena ke Pas dia marah pulak, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Kalau rasa dengki nak kutip derma, kutiplah jangan marah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita tak kutip derma, cukup dah. Kita buat stadium, sebab cukup dah tak payah kutip derma dah. Alhamdulillah, rezeki yang Tuhan beri kepada Umno dan Barisan Nasional meluahkan, cukup, tak perlu kutip derma dah. Malu tadah tangan kutip derma ni kerana hinanya kutip derma. Jadi masalahnya sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang kita dimaklumkan bahawa derma-derma yang dikutip itu digunakan oleh pemimpin, untuk baiki kereta pemimpin, untuk pergi jalan ke luar negeri pemimpin, jadi ini tak betul. Bila kita tanya di mana duit tersebut, kenapa tidak diaudit, tidak dijawab. Jadi inilah yang berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dalam keadaan pemerintahan Pas yang mana di samping dalam ceramah-ceramah beliau bukan sahaja berunsur fitnah, melempar tuduhan-tuduhan yang tak berasas, sebagaimana yang dikatakan sepertimana jawapan saya tadi menuduh Primula mengadakan program-program, bila ditanya bukti tidak dapat diberi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, saya mohon penjelasan – Saya bertanggungjawab atas apa yang berlaku di Primula sahlah berlaku, saya bertanggungjawab. Ini boleh pergi *check record* dan apa yang berlaku itu boleh pergi siasat lepas pada ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkara ini jugak berlaku pada tahun lepas, ke tidak berlaku pada tahun lepas, berlaku ke tidak pada tahun lepas? Pesta Valentine's Day di zaman 2000, 2001, 2002, 2003, 2004 berlaku dok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, waktu kita memerintah benda ini tak berlaku.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Satu pembohongan, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau berlaku Yang Di Pertua, lama dah dia kebe dalam Dewan masa jadi Pembangkang, benda itu tak berlaku.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Adakah tak sebut dalam Dewan, ia tak berlaku? Kalau begitu banyaklah hak berlaku zaman Pas tak sebut dalam Dewan. Tak betul Yang Di Pertua, jadi itulah hak saya kata tadi 'seluar, seluar hambe tahi kurang perikse', padahal dia berak dalam seluar tapi tak mengaku tahi dia, ini yang berlaku Yang Di Pertua. 'Hisablah diri kita semua sebelum diri kita dihisab' tengok hak lain, menuduh orang lain, menuding jari ke orang lain, tengok diri kita dulu. Jangan orang lain tak betul-tak betul. Sebab itu falsafah Hamka mengatakan 'tunjuk orang tak betul, dua kali, tiga kali tak betul kita'. Islam suruh tunjuk dengan ibu jari, sekali orang tak betul empat kali kita tak betul. Inilah falsafah Dato' Yang Di Pertua, bukan sahaja Jadi Tok Guru pulak hari ini, Dato' Yang Di Pertua. Jadi itulah apa yang diperkatakan, jadi bila kena ke dia, dia marah. Jadi ini diperkatakan ceramah merata-rata walaupun hak dengar ceramahpun dalam empat-lima orangpun dia ceramah. Ceramah, ceramah, ceramah – kutip dema. Kita takut dengan ceramah-ceramah Pas sebab saya nampak, saya faham bahawa rakyat tidak tahu siapa Pas sebenarnya. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu apa yang diperkatakan jugak dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan buku Hadharah Islamiah yang jugak dikupas dengan lebih hebat dengan panjang lebar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya nampak buku ini sekadar nak menguntungkan pengarangnya sahaja kerana saya tengok dalam Harakah, ini Harakah terbaru Dato' Yang Di Pertua, harga sebutir buku ini RM15.00 jadi RM15.00 tak tahulah duit masuk ke parti ke masuk ke pengarang dan sebagainya, wallahua'lam. Tapi bila saya bertanya dengan bekas-bekas penyokong-penyokong Pas, dia kata bila sahaja Tok-tok Guru dia buat buku pihak lujnah-lujnah dia seolah-olah macam paksa supaya beli buku ini dibaca dan dibahaskan dalam usrah-usrah mereka. Jadi secara tak langsung akan menguntungkan, jadi sekali lagi saya nampak benda ini cuba nak menipu orang bawah, yang untung pemimpin. Jadi itulah Dato' Yang Di Pertua yang berlaku.

Satu lagi Dato' Yang Di Pertua, apa yang saya nak nyatakan di sini ialah Pas ditubuhkan adalah semata-mata nak lawan Umno, pada pendapat saya semata-mata nak lawan Umno. Sebab itu di mana saja Umno letak calon, Pas akan letak calon. Pas tidak akan letak calon kalau di situ ditandingi oleh parti-parti lawan Umno, jadi ini yang berlaku. Jadi apa yang kita duk berbalah sekarang ialah untuk nak mengaku siapa lebih Islam, siapa kuat Islam, semua Islam kecuali apa yang diperkatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam tadi, mengatakan bahawa orang Umno ini macam Yahudi. Pada saya itu adalah tanggapan yang tak betul kerana tidak baik menuduh sebagaimana dikata oleh Wakil daripada Sura kelmarin. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tadi telah dijelaskan jugak Wakil daripada Permaisuri berkenaan dengan penyokor ... Umno dan Barisan Nasional memerintah,

kohor banyak mendarat. Saya nak cerita satu lagi kisah, kisah pelik tapi benar yang berlaku di Taman Pertanian Sekayu yang telah diabaikan oleh Kerajaan dulu dengan naik hutan-cerang, letak rusa, rusa mampus, letak burung unta, burung unta mampus, letak buaya, buaya tak mampus tapi malangnya Dato' Yang Di Pertua, buaya ini seekor telah dapat ditangkap, seekor lagi pihak Perhilitan cuba nak tangkap tapi tak boleh, bila-bila *check, check* lari keluar dan saya difahamkan buaya tersebut berada di Sungai Terengganu hari ini dekat dengan jambatan Gaung jugak membahayakan. Saya nak khabarnya bukan buaya itu lari, nak khabarnya bahawa kalau penyu tak suka ke Pas, buayapun tak suka jugak ke Pas, Yang Di Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu apa yang ingin dinyatakan juga, saya terbaca dalam Harakah muka akhir yang bertarikh 1 hingga 15 April, 2005 hak lenilah ini, hak yang terkini. Tajuk dia Wakil AS tidak anggap Kelantan ala Taliban, Pas leni hebat duduk baik dengan AS pulak. AS ini Dato' Yang Di Pertua, Amerika Syarikat, duduk baik dengan Amerika Syarikat, bila saya baca-baca ada seorang hamba Allah yang berjawatan Perunding Kanan Bahagian Politik, Kedutaan Amerika di Malaysia. Namanya Ravindran Manicam dan ada sumber maklumat yang kita dapat lama dah masa saya Pembangkang dahulu tapi saya kurang sahah tapi bila saya baca dalam berita ini jelas bahawa siapa Ravindran ini. Belakang rakyat dia jadi musuh Amerika, dia musuh Yahudi, dia musuh Zionis, tapi dalam masa yang sama dia buat baik dan hamba Allah yang saya sebut tadi telah datang ke Terengganu sejak daripada setahun sebelum kita tewas. Dan Pilihanraya 1999, iaitu pada 10.4.1999, 11.4.1999, 29.2.2002 dan 25.2. tahun 2000 dan 2001. Jadi itu yang dilakukan bersama dengan rakan dia Dannie! Kia. Jadi saya nak tahu ada wujud hubungan sulit kehadiran mereka ke Terengganu ini dan mereka menginap di Hotel Primula. Dan di sini ada wakilnya jadi pengerusi majlis di pertemuan ini, gambar dia ada dan Ravindran Manicam ada. Jadi inilah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang dia kata ini pro-Amerika, dia kata kita ini sokong Amerika, sokong Zionis, nampaknya Paspun begitu jugak, dua kali lima, lima kali dua. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada saya Pas telah tidak relevan lagi dalam negeri ini kerana Pas kalau umpama seorang petani, oleh kerana Kuala Berang adalah daerah pertanian, sumber pertanian, Pas ini adalah sebagai racun di dalam usaha Kerajaan nak menubuh dan membina bangsa dan umat yang berjati diri. Saya berkata demikian kerana nak memupuk sebatang pokok, kita ambil pokok dukulah, contoh. Pokok duku nak membesarkannya sehingga dia mengeluarkan buah kalau Daerah Hulu Terengganu memakan masa 10 hingga 12 tahun baru boleh berbuah. Tetapi kalau nak mematikan pokok duku tersebut saya yakin dan saya percaya tak sampaipun lima minit, kita ambil *chainsaw*, kita ambil injin-gaji tebang terus. Jadi inilah yang dilakukan oleh Pas, takdok rakyat, takdok masyarakat, berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil Rakyat kelmarin berkenaan dengan Pasti yang disuruh, dimomok dan dianjurkan supaya penyokong-penyokong menghantar anak mereka ke Pasti dan dapatan yang kita buat di kampung saya, di Kampung Bukit Diman, masa Pas menang mula buka satu Pasti bila saya *check* di Sekolah Kebangsaan Bukit Diman oleh kerana saya bekas cikgu, saya bekas Penolong Pendidikan Daerah rata-rata pelajar di SK Bukit Diman yang tak pandai baca, tak pandai menulis dan tak pandai mengira untuk dua bulan yang pertama adalah daripada Pasti Bukit Diman. Adakah pemimpin Pas itu sedar hal tersebut berlaku ke atas anak bangsa sendiri. Jadi kalau sedar insafiah, marilah kita bersama untuk pastikan keperkasaan agama, bangsa dan negara yang kita ingin-inginkan ini akan direalisasikan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, oleh yang demikian jadilah dari menabur racun, jadilah dari kita menebarkan fitnah-fitnah yang tidak ada nilainya kepada masyarakat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Ramai pelajar-pelajar yang tercicir di dalam Negeri Terengganu dan jugak seluruh negara. Itu dia ikut Pasti mana tu?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak berkait dengan cicir, saya kait dengan yang tak boleh membaca dibanding dengan pelajar-pelajar yang pergi ke pra-sekolah dan pusat-pusat Tadika Kemas. Masalah tercicir dia ada banyak sebab dan banyak punca, mungkin kerana dia malas, kerana masalah macam-macam tapi kita nak pastikan bahawa untuk sepanjang kita Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Islam Hadhari Terengganu Bestari tidak ada lagi murid-murid yang tercicir kerana kemiskinan. Saya jaga kebajikan saya nak pastikan seluruh rakyat di Negeri Terengganu tanpa mengira fahaman politik, tanpa mengira bangsa, tanpa mengira agama tercicir kerana kemiskinan tapi kalau tercicir kerana malas, kalau tercicir kerana tidak minat belajar itu di luar bidang kuasa kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu, apa yang saya katakan tadi bahawa cukuplah Pas bermain dengan racun-racunnya, cukuplah dengan menebarkan, menjalankan, berceramah dengan membawa fitnah, berbohong dan menjual agama, menjual Syurga kerana ini sebenarnya akan merugikan kita semua.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, secara ringkas saya ingin menyatakan jugak apa yang ingin dan telah kita laksanakan untuk memastikan keberkesanan dan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan rakyat di Negeri Terengganu duduk di dalam keadaan yang selesa, duduk di dalam keadaan yang aman dan duduk di dalam keadaan yang cukup baik. Yang Berhormat Yang Di Pertua, kita berterima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dengan keprihatinan beliau, dengan kesungguhan, dengan kecaknaan beliau untuk memastikan murid atau pelajar PPRT golongan yang miskin, miskin tegar terbelah. Lantaran itu kita telah meluluskan RM30 juta duit untuk memberi pembelaan kepada mereka. Bukan itu sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita beri rumah secara percuma dengan harga yang lebih kurang RM13,200.00 dan menggunakan ALC (*Altoclair Lightweight Concrete*) bukan sahaja itu malah kita perbesarkan lagi kalau dulu kita buat dua bilik, hari ini kita buat tiga bilik untuk pastikan golongan ini tidak tercicir. Sebab itu Dato' Yang Di Pertua, kalau kata lagi Kerajaan jahat jugak pada saya bingung sangat orang itu. Kita beri macam-macam dah, kita beri serba-serbi dah, kita beri seribu satu macam perkara untuk rakyat, untuk pastikan rakyat selesa. Daripada keluasan dua bilik 504 kaki persegi, menjadi 560 kaki persegi yang kita bina. Kemudian dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima insya-Allah, tidak ada apa aral kita akan membina pada tahun 2005 untuk pastikan rakyat mendapat rumah bina baru sejumlah 1,280 buah berjumlah RM19,456,000 dan untuk baiki atau membaikpulih sebanyak 1,600 buah berjumlah RM8 juta, itu peruntukan negeri. Oleh kerana Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita baik dengan Kerajaan Pusat, kita bersyukur nikmat yang diberi walaupun nikmat itu daripada Allah tapi tangan-tangan manusia yang menyatakan, menghulurkan sebab itu dikatakan 'siapa yang tidak

bersyukur kepada manusia nescaya tidak berterima kasih kepada Allah'. Kita, oleh kerana kita bersyukur, Kerajaan Pusat tambah lagi peruntukan untuk membina dan membaiki rumah dengan peruntukan Persekutuan, jumlah yang kita dapat insya-Allah akan dilaksanakan dalam bulan ini sebanyak RM5.1 juta untuk baikpulih 320 buah dan untuk bina baru jugak 320 buah. Inilah kesan daripada kesyukuran kita sebab itu jelas dan betullah sebagaimana yang difirmankan oleh Allah 'jika kita bersyukur insya-Allah ditambah', kita bersyukur ditambah, syukur lagi insya-Allah ditambah lagi. Kita bersyukur lagi insya-Allah rezeki akan datang melimpah-ruah. Sebab itu apa yang kita nikmati ini kita bersyukur, dengan nikmat yang ada dan yakin kita percaya dengan syukur terhadap nikmat yang diberikan Allah akan tambah daripada pintu rezeki yang kadang-kadang kita tak termimpi dan kita tidak dan sukar mempercayai. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa itu saja apa yang ingin saya perkatakan dalam masa yang ringkas ini. Sekali lagi terima kasih kepada Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, jugak tidak ketinggalan kepada Ahli-ahli Pembangkang yang banyak menegur, yang banyak memperkatakan walaupun perkara yang dikatakan itu banyak yang tidak betul. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Wakil Bukit Payong menggulung sebagai penggulung kedua terakhir, sebelum digulung oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya merujuk balik kepada apa yang dipohon oleh Yang Berhormat Bukit Besi tadi mengenai satu kenyataan yang dibuat oleh Wakil Wakaf Mempelam, dia dah keluar sekejap tadi berhubung kepada Barisan Nasional ataupun Kerajaan yang ada pada hari ini/semalam dan saya lihat perkara ini ada bertentangan dengan Perkara 46(13) dan juga 46(20) tetapi saya mengikuti sepenuhnya semalam ucapan itu dan kenyataan yang dibuat itu, disokong dan disebut sendiri olehnya bahawa dia menanggung sepenuhnya kenyataan yang dibuat jadi saya tidak berhasrat untuk meminta dia menarik balik dan saya harap supaya dia menanggung sepenuhnya apa yang dikatakan itu. Jadi saya tidak berhasrat untuk suruh dia menarik balik. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Pukul 3.10 petang sekarang, insya-Allah saya gulung pendek sajalah. Saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan saya ingin terus menyentuh beberapa isu. Yang pertama, Kelas Pasti, ramai juga Ahli-ahli Dewan menyentuh tentang Kelas Pasti ini. Saya berpendapat bahawa Kerajaan mesti memperkasakan kelas-kelas pra-sekolah melalui Kelas Kemas dan juga Kelas-kelas Tadika Yayasan Islam Terengganu. Kita akan memastikan bahawa pra-sarannya mencukupi, guru-guru terlatih, bahan-bahan pengajaran multimediana cukup canggih untuk membolehkan anak-anak kita belajar dengan selesa, jadi contoh kepada orang lain. Saya berpendapat kalau Kelas Pasti ini kita tutup, dia buka hak lain pulak dan kelas lain. Macam masjid kita buat yang cantik dan indah dia tak pergi juga. Saya lebih berpendapat bahawa kita tunjukkanlah contoh yang terbaik, guru-guru yang terbaik, insya-Allah suatu hari nanti akan menjadi minat kepada ibu-bapa di Terengganu.

Yang kedua, soal KUSZA ini juga disentuh oleh Yang Berhormat daripada Batu Burok. Soal KUSZA itu masih ada masalah dan memanglah saya antara orang yang menasihati kepada calon-calon lulusan SPM apabila saya mendengar KUSZA dimasuki oleh calon-calon yang tiada SPM dan pensyarahnya juga tiada SPM, dan kursus-kursusnya tiada kelulusan daripada JPA maka saya menasihatkan pelajar-pelajar kalau boleh jangan pergi KUSZA kerana masalahnya adalah masalah jangka panjang. Hari ini tuan-tuan, puan-puan sekalian, Ahli Dewan, terdapat 36 orang pelajar yang masuk tanpa SPM hanya 9 orang baru yang telah memenuhi syarat kemasukan yang lain belum ada lagi kerana dia tak beritahu kepada kita lagi tentang kelulusan mereka, ini yang jadi masalah. Kalau KUSZA itu IPTS dah tentu telah diambil tindakan oleh Kerajaan kerana tidak *authority* untuk memasuki pelajar-pelajar tidak memenuhi syarat-syarat kemasukan. Nasib baik ia di bawah Kerajaan Negeri, jadi bertahanlah dia. Ada tiga-empat kursus yang tidak mendapat kelulusan JPA yang diberitahu oleh Wakil Manir, UEL (*University of East London*) BA.Hons. (*Accounting of Finance*), BA.Hons. (*Business Studies*), BA.Hons. (*Business Information System*) ini masih belum mendapat kelulusan.

Dan, pada hari seramai 196 orang pelajar telahpun lulus, nak berkerja tak boleh, takdok kelulusan dan saya dah beritahu tadi kita arahkan Pengarah KUSZA untuk memohon kelulusan daripada pihak JPA, baru dihantar dua bulan lepas. Kemudian TATI pun sama, kita sebenarnya tidak dengki TATI masa Pas memerintah malah untuk makluman Ahli-ahli Dewan semasa Pas memerintah, Pengarah TATI, Yang Berbahagia Profesor Zaki Muin dan juga Dr. Saiful datang dua kali ke rumah saya minta tolong yang pertama sekali untuk membereskan soal-soal PTPN dan yang kedua soal sehubungan dengan UTM. Pada masa zaman saya dulu, saya jadi Exco, UTM dengan TATI ialah pelajar-pelajar belajar di TATI selama empat tahun dan tahun yang akhir berada di Kampus UTM, cara ini untuk selama dua tahun sahaja. Apabila TATI dapat menyiapkan semua sekali peralatan yang ada di TATI mencukupi untuk Ijazah Kejuruteraan. Tetapi oleh kerana TATI tidak dapat menyelesaikan masalah ini terpaksa angkat-angkatan lebih daripada dua itu tadi pergi ke Sekudai untuk menyelesaikan masalah yakni menyelesaikan pengajian mereka dalam bidang Ijazah Kejuruteraan Kimia. Dan, tidak ada niat langsung sebenarnya untuk kita ini dengki kepada TATI dan KUSZA malah pada bulan enam, tahun 2000, saya telah diminta oleh Menteri Pendidikan ketika itu, saya selaku bekas Exco Pendidikan Tinggi membuat kertas kerja untuk Kerajaan Pusat membiayai TATI, KUSZA dan juga sebahagian daripada Sekolah Menengah Agama. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sebanyak RM176 juta telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan Pusat kepada ketiga-tiga institusi ini. Masa itu tiada lagi Wang Ehsan, belum ada Wang Ehsan lagi iaitu pada bulan enam tahun 2000 Masihi. Jadi ini yang telah dapat menafaatkan kepada TATI kerana kita rasakan bahawa ini untuk anak Terengganu perlu dibela walaupun kita berbeza politik.

Yang ketiga, saya ringkaskan sedikit pasal sahabat saya ini Exco, tentang penyusutan dengan buaya. Saya nak ceritakan sedikit fasal selepas Pas memerintah setahun dia membuat iklan di merata dunia untuk membuat Korban Perdana. Saya baca dalam risalah dan sebagainya berkaitan dengan Korban Perdana nak menyembelih 1,000 ekor lembu di Kuala Ibai pada Hari Raya Haji, 6.3.2001. Jadi kitapun rasa hairan jugak mari mana 1,000 ekor lembu ni, tapi pada 2.3.2001 saya Sembahyang Jumaat di Masjid Belukar Jambu dibertitahu oleh Tok Khatib bahawasanya surat daripada Kerajaan Negeri menyatakan Korban Perdana ini tidak jadi. Saya tanyalah fasal apa tak jadi? Akhirnya dia kata daripada 1,000 ekor itu, 6 ekor

sahaja yang datang bilangan lembu yang masuk dan bilangan kayu yang dipacang/penyocok kayu diberitahu beribu-ribu ringgit harganya. Jadi tadi dikata buaya dan penyu takut ke orang Pas, lembupun begitu jugak agaknya, barangkalilah. (Dewan Gelak)

Yang akhir sekali fasal Universiti Darul Iman. Jadi kita berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana memberi kita sebuah universiti penuh, penuh sungguh. Namanya ialah Universiti Darul Iman Malaysia. Buat sementara akan beroperasi di Kolej Sri Iman di Kuala Terengganu, dan konsepnya adalah Universiti London itu yang diberi oleh Perdana Menteri kita dan konsepnya cukup baik. Insya-Allah kalau konsep ini menjadi kenyataan bermaksud bahawa Wakil-wakil Rakyat tak payah mintaklah dengan sendirinya nanti insya-Allah akan ada ke semua tempat. Jadi sekian dahulu Dato'. Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri, pengguling terakhir.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, hadirin sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga Exco-Exco yang mengambil bahagian dalam pembentangan ataupun mengguling Titah Tuanku, Yang Berhormat daripada Tepoh, Yang Berhormat Pengkalan Berangan, Paka, Kuala Berang, Wakaf Mempelam, Batu Rakit, Sura, Kuala Besut, Hulu Besut, Batu Burok, Jabi, Manir dan akhirnya Kemasik yang dengan gurindamnya tadi.

Saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama dan tidak kurang juga kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri walaupun tubuhnya kecil tetapi semangatnya kental, alhamdulillah. Juga kepada semua kakitangan Kerajaan yang telah memberi kerjasama, dan rakyat yang sentiasa memberi sokongan kepada Kerajaan yang baru setahun jagung ini. Alhamdulillah, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YPK (Yayasan Pembangunan Keluarga), Yayasan Islam, Perpustakaan, PMINT, Yayasan Terengganu yang telah mula menghantar Penyata Kewangan mereka yang dahulunya tidak hantar tetapi telah mula menghantarnya, alhamdulillah. Juga saya mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Kewangan kita yang telah dapat menyiapkan Akaun Negeri sebelum 31 Mac, kalau dahulunya bulan Mei alhamdulillah, kali ini pada 26 Mac siap dah, alhamdulillah, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan. Juga tahniah kepada Kerajaan Pusat yang telah memberi kerjasama. Banyak program yang telah dilaksanakan secara bersama sehinggakan kita telah hampir hingga 100 peratus menunai janji Pilihanraya kitalah, kalaupun telah bermula alhamdulillah. Inilah yang saya kata, saya takut apabila kita memberitahu Manifesto Pilihanraya kita, saya takut kita tidak boleh melaksanakannya tetapi alhamdulillah nampaknya telah berjalan dengan baik kerana kita tidak mahu berjanji tetapi tidak dapat melaksanakan janji-janji Pilihanraya kita tersebut. Saya merasakan banyak lagi kelemahan Kerajaan, insya-Allah, saya sebagai Pemimpin Negeri akan memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Kita ini bukanlah pandai sangat sebenarnya tapi dengan kerjasama daripada Yang Berhormat, dengan

kerjasama daripada pegawai-pegawai Kerajaan, dan dengan kerjasama daripada rakyat dan juga bantuan daripada Allah S.W.T. insya-Allah, kami akan terus menjadikan Terengganu sebagai Islam Hadhari Terengganu Bestari, tuan-tuan dan puan-puan.

Alhamdulillah, dalam bidang pendidikan selaras dengan ayat *'Iqra' bismirobbikalazi qalaq'* Alhamdulillah, kita akan pastikan bahawa program-program pendidikan akan diberikan penekanan. Kita akan jadikan SMUSZA sebagai Sekolah Agama Cemerlang dengan memperbanyakkan lagi pelajar-pelajar yang akan mengambil Pendidikan STAMnya. Kita akan lihat bahawa tak lama lagi SMUSZA akan kita tingkatkan martabatnya, kedudukannya menjadi sebuah Sekolah Agama Cemerlang. Kita akan melihat lebih ramai lagi pelajar-pelajar kita bukan hanya mengambil Peperiksaan SPM, tetapi juga menghafaz Al-Quran. Insya-Allah, program-program Sekolah Agama Imtiaz di mana sekarang ini hanya ada 500 pelajar akan ditingkatkan menjadi hampir 3,000 pelajar dalam masa dua-tiga tahun yang akan datang, insya-Allah, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Ini bermakna pelajar-pelajar kita bukan hanya hebat dalam bidang pendidikannya tetapi jugak menghafaz Al-Quran. Kita akan melancarkan Kelab-kelab Robotik, Kelab-kelab Aeroangkasa di samping Kelab-kelab ICT di sekolah-sekolah tersebut, insya-Allah kalau lahirnya di masa-masa akan datang bukan mereka yang hanya hafiz tetapi juruteranya hafiz, doktornya hafiz dan juga semua peguamnya hafiz supaya tidak hanya suka bercakap apa saja mereka suka cakap di Dewan ini, tuan-tuan dan puan-puan. Insya-Allah, dalam masa yang singkat ini telah kita dapat melaksanakan tiga buah kedai pajak gadai Muassasah Gadaian Islam di mana jika ada golongan miskin, jika mana ada golongan yang berkeperluan yang ingin meminjam kurang daripada RM1,499.00 kos simpanannya, upah simpannya RM20.00 sahaja sebenarnya, tak perlu bayar mahal-mahal, kalau nak lebih mungkin sampai RM2,000.00 hanya RM40.00 sahaja dan boleh disimpan selama enam bulan. Insya-Allah, kita akan pastikan dalam masa terdekat di samping tiga yang telah dibangunkan, dua lagi akan dibangunkan satunya di Dungun, satu lagi di Kemaman dalam masa yang terdekat. Kita juga akan membina sepertimana yang telah dikatakan oleh Exco Islam Hadhari tadi, dua puluh buah masjid di seluruh Negeri Terengganu yang akan bermula insya-Allah, pada tahun ini juga. Jadi daripada pandangan kawan-kawan, rakyat sekalian, insya-Allah, kita juga akan bangunkan sebuah Masjid Hadhari, masjid yang bersekutu fungsinya, masjid yang bukan hanya, tempat kita bersembahyang, tempat kita mendengar syarahan, tempat kita memberi syarahan tetapi jugak adanya Bilik Musafir, Bilik ICT, ada Martabah ataupun perpustakaan, ada ruang mesyuarat, ada ruang tuisyen untuk anak-anak kita, ada Syuk Islamiahnya, ada kedai-kedai runcit, dan ada kedai kopi untuk minum teh tarik. Masjid yang lebih bersekutu, yang lebih bersepadu peranannya, insya-Allah. Kita juga telah berjaya memberi semula elau kepada penghafaz-penghafaz Al-Quran seluruh Negeri Terengganu. Seperti yang saya katakan, tidaklah kita ni hebat sangat tapi insya-Allah, kita akan melaksanakan apa yang terbaik untuk rakyat Terengganu. Dalam pada kita tak pandai ini tuan-tuan, hadirin, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kita telah dapat melahirkan mula membina LPT Kedua, kita telah dapat insya-Allah membina Lapangan Terbang yang baru, kita akan membina Kompleks Sukan, kita akan membina yang dikatakan oleh Exco Pendidikan tadi Universiti Darul Iman, insya-Allah, yang kurang dikatakan juga insya-Allah, kita akan bangunkan Taman Tamadun Islam satu-satunya Taman Tamadun Islam yang ada di dunia tuan-tuan dan puan-puan dengan memberi replika-replika bangunan bersejarah Islam, wujudnya Masjid Kristal, masjidnya

Dewan untuk Tilawah Al-Quran, mendirikan replika-replika sejarah bangunan Islam sejak dahulu lagi.

Untuk kemiskinan pula, kita akan pastikan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Exco Kebajikan tadi insya-Allah, kita akan bina pada tahun ini 1,280 rumah percuma kepada golongan-golongan miskin seluruh Negeri Terengganu. Itu tidak campur RM4. juta yang telah dijanjikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Insya-Allah, kita akan pastikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu akan ditingkatkan, pelaburan-pelaburan akan meningkat, pelancongan telah meningkat 18 peratus. Industri pembinaan juga akan meningkat, penerbangan telah bertambah dari empat hingga tujuh pada masa yang singkat setahun. Insya-Allah, kita akan memastikan agar hutan-hutan simpan kita, akan kita pasti bahawa keadaan alam sekitar kita ini dijaga dengan sebaik-baiknya. Janganlah kita meneriakkan lima batang balak yang ditebang di Pulau Redang sedangkan ribuan ekar tanah diterokai tanpa sempadan.

Saya perlu menyatakan sedikit tentang Cukai Pintu yang banyak kita boleh bercakap tentang akta, kita boleh bercakap tentang perundangan tapi yang mustahak saya nak mengatakan di sini saya tidak ingin rakyat Terengganu bermentaliti subsidi. Saya ingin memastikan, saya tidak mencari populariti yang murah untuk memastikan rakyat menyokong kita oleh kerana kita rasa itulah cara kita berpolitik tetapi mentaliti subsidi tidak akan melahirkan satu masyarakat yang kita panggil sebagai '*khairul ummah*'. Maaf saya mengatakan, sebab itulah kita pasti kena mengadakan Cukai Pintu agar rakyat juga, pastikan mereka juga boleh menyumbangkan kepada pembangunan negara, pembangunan negeri keseluruhannya.

Ramai yang marah tentang lawatan ke luar negara tapi saya berani mengatakan sebagaimana yang telah dikatakan oleh Exco Infrastruktur, Komunikasi tadi bahawa Negeri Terengganu akan menjadi negeri yang pertama di mana 32 buah Pusat ICT DUN kita menggunakan *Software Open Source* ini tak pernah ada di dalam negeri-negeri kita yang mana dibangunkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Itulah yang kita ambil contoh yang lawatan kita ke Sepanyol, insya-Allah, baru-baru ini kita telah lancarkan Pusat Sains itulah yang kita melawat ke luar negara bukan untuk makan angin tapi ada juga orang lain, Yang Berhormat-Yang Berhormat bila pergi luar negeri buang jubah, buang kopiah semua sekai ada juga tuan-tuan dan puan-puan. Kita lihat banyak *twinning program* telah dilakukan di TATI dan juga KUSZA, Dublin dan Queen's University dan sebagainya. Tak apalah kita ini dipanggil Burung Tekukur, kita ini dipanggil lebih teruk daripada Yahudi, saya mengatakan alhamdulillah. Saya tak boleh kata lebih daripada itu biarlah Burung Tekukur, Burung Tekukurlah, teruk daripada Yahudipun katalah. Saya hanya boleh mengatakan bagi pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya ingin mengatakan alhamdulillah, Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang. Sebenarnya sebagaimana saya katakan tadi saya hanyalah seorang manusia biasa, saya tidak ada gelaran yang tinggi-tinggi sebenarnya, saya gunting rambutpun Kedai Gunting Azmi. Kadangkala saya kerap makan di warung-warung, tidak ada pelik-pelik, tidak semestinya di Primula saja, warung-warungpun kita minum. Sebenarnya kita adalah manusia biasa, ada silap dan salah tidak dapat dielakkan sebenarnya. Bila orang ajak saya kayuh beca, saya kayuh beca, bila orang ajak kita paku atap, insya-Allah, kita boleh paku atap. Kita hanya ingin berkhidmat kepada rakyat Terengganu, kita ingin memberi perkhidmatan yang baik, saya

katakan dahulu apa yang baik untuk rakyat Terengganu baiklah bagi saya. Yang mustahak rakyat gembira, yang mustahak Islam Hadhari Terengganu Bestari terus terbela, insya-Allah.(Tepukan Sokongan) Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kepada rakyat Negeri Terengganu. Assalamualaikum.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang tiga hari dalam Persidangan kita walaupun ada kalanya dalam masa-masa tertentu keadaan nampak tegang, beremosional tapi di akhir-akhir menampakkan keharmonian dan terbukti semasa penggulungan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tidak ada gangguan dan persoalan lagi walaupun kita telah berlarutan sampai jam 3.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-Asr'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.30 PETANG.

LAMPIRAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (a)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

SOALAN 1 : Kerajaan Negeri telah menyediakan dana yang besar untuk Sekolah Premier dan Sekolah Elit bagi meningkatkan kecemerlangan pelajar.

- a. Sejauh manakah kemudahan yang disediakan untuk sekolah-sekolah tersebut setakat ini.

JAWAPAN : Pada ketika ini Kerajaan Negeri sedang menyediakan kemudahan-kemudahan bagi Sekolah Elit dan Sekolah Premier mengikut keutamaannya iaitu :-

- a. Pembinaan Asrama yang mampu menampung seramai 500 orang pelajar bagi setiap Sekolah Elit.

Bagi menjamin pengambilan pelajar bagi Sekolah Elit di masa hadapan tidak menghadapi masalah, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan asrama tambahan ini. Pembinaan Asrama ini akan dilaksanakan secara fast track.

Bagi SMK Lembah Bidong, kerja-kerja pembinaan dijangkakan akan bermula pada Mei 2005, manakala bagi SMK Mak Lagam pada Ogos 2005.

- b. Bantuan untuk pengajaran dan pembelajaran :-
- i. Buku rujukan dan perpustakaan.
 - ii. Tambahan komputer.

Semua Sekolah Elit dan Sekolah Premier akan menerima buku rujukan dan perpustakaan pada April 2005, manakala tambahan komputer pada fasa pertama hanyalah akan dibekalkan ke Sekolah Elit SMK Lembah Bidong memandangkan sekolah ini masih kosong kerana baru dibuka pada sesi pengambilan 2005, dan dijangkakan sekolah ini akan menerima kelengkapan satu makmal komputer pada pertengahan April 2005.

c. Bantuan untuk ko-kurikulum:-

i. Brass Band (Pancaragam Sekolah)

Sekolah Elit SMK Lembah Bidong telah menerima set Brass Bandnya pada 3 April 2005, manakala Sekolah Elit SMK Mak Lagam pula pada 4 April 2005. Dijangkakan 6 buah Sekolah Premier akan menerima set pancaragam sekolah masing-masing sebelum Ogos 2005. Ini adalah kerana jumlah peralatan Brass Band adalah terlalu banyak dan terpaksa diimport dari Jepun.

ii. Permainan khusus untuk membina watak Sekolah Elit dan Sekolah Premier seperti bola sepak, hoki, badminton, tenis, memanah, perahu layar, kriket dan ragbi.

Tindakan bagi mendapat peralatan ini telah dan sedang dibuat, dijangkakan menjelang pertengahan tahun 2005 semua Sekolah Elit dan Premier akan memperolehi peralatan ini.

iii. Pakaian Seragam/Unit Beruniform :

Setiap Sekolah Elit dan Sekolah Premier akan dibekalkan satu set lengkap pakaian seragam/unit beruniform.

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah Masjid dan Surau di seluruh negeri mengikut pecahan daerah dan nyatakan jumlah masjid dan surau yang tidak berdaftar dengan JHEAT serta langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya.

JAWAPAN : Jumlah Masjid dan Surau bagi Negeri Terengganu sebagaimana pecahan di bawah :-

**JUMLAH MASJID DAN SURAU BAGI NEGERI TERENGGANU
MENGIKUT PECAHAN DAERAH**

DAERAH	JUMLAH MASJID (A)			JUMLAH SURAU (B)	JUMLAH KESELURUHAN (A+ B)
	KERAJAAN	MUKTIM	JUMLAH		
KUALA TERENGGANU	16	109	125	426	551
KEMAMAN	8	37	45	163	208
DUNGUN	6	40	46	140	186
BESUT	8	71	79	252	331
HULU TERENGGANU	4	72	76	160	236
MARANG	5	46	51	234	285
SETIU	4	47	51	117	168
JUMLAH BESAR	51	422	473	1,492	1,965

Jumlah Masjid dan Surau bagi Negeri Terengganu yang tidak mendapat kebenaran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sebagaimana pecahan di bawah :-

BTL	DAERAH	JUMLAH
1.	KUALA TERENGGANU	-
2.	KEMAMAN	-
3.	DUNGUN	1
4.	BESUT	8
5.	HULU TERENGGANU	-

6.	MARANG	1
7.	SETIU	-
	JUMLAH	10

Cara-cara mengatasi sebagaimana berikut :-

1. Mengadakan perundingan dengan pihak berkenaan.
2. Memberi nasihat kepada pihak berkenaan supaya memohon kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
3. Mengambil tindakan undang-undang mengikut Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Masjid Negeri Terengganu Tahun 1422H/2001M.

- SOALAN 3 : Kemaman kini terkenal dengan kelip-kelip di Kampung Yak Yah yang jarang-jarang terdapat di mana-mana tempat di negara ini.
- a. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan tersebut bagi menarik lebih ramai pelancong.

JAWAPAN : Dalam usaha memajukan kawasan pelancongan kelip-kelip Kampung Yak Yah, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif sepertimana :-

- a. Membangunkan produk pelancongan baru di Daerah Kemaman iaitu Program Lawatan Melihat Kelip-kelip di Sungai Yak Yah, Kg. Ibok. Ia adalah inisiatif Tourism Malaysia Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Negeri yang telah mengadakan beberapa program bersempena Cuti-Cuti Malaysia mengenalpasti produk pelancongan kelip-kelip (kunang-kunang) dengan membawa wakil pengusaha-pengusaha pelancongan dari dalam dan luar Negeri Terengganu untuk melihat sendiri dan seterusnya mewujudkan pakej-pakej pelancongan melawat kelip-kelip.
- b. Setakat ini sambutan semakin menggalakkan dengan beberapa lagi program Tourism Malaysia Terengganu seperti Program Lawatan Jejak Warisan yang juga menonjolkan produk pelancongan kelip-kelip (kunang-kunang).
- c. Begitu juga pakej-pakej lawatan yang dibuat oleh Tanjung Jara Resort dan Awana Kijal Beach, Golf & Spa Resort untuk tetamu hotel mereka.

- d. Memasukkan produk lawatan melihat kelip-kelip (kunang-kunang) dalam pakej-pakej lawatan agensi-agensi pelancongan tempatan semasa mengadakan program-program promosi pelancongan di luar Negeri Terengganu seperti Program Cuti-Cuti Malaysia Tourism Malaysia Terengganu, Matta Travel Fair, Fascinating Malaysia di Sun City Singapura dan lain-lain promosi bersangkutan.
- e. Beberapa kemudahan prasarana asas di Kg. Yak Yah akan diadakan sepertimana dibawah :-
 - i. Membaikpulih jeti konkrit di Sg. Yak Yah.
 - ii. Menyediakan laluan pejalan kaki ke jeti.
 - iii. Membina slipway untuk memudahkan bot berlabuh.
 - iv. Membina surau.
 - v. Membina tandas.
 - vi. Membina 2 unit pondok rehat.
 - vii. Menyediakan kemudahan tempat letak kereta.
 - viii. Menyediakan jalan laluan masuk berkereta.
 - ix. Membina papan tanda tunjuk arah.

SOALAN 4 : Lapangan Terbang Sultan Mahmud akan dibesarkan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan taraf Lapangan Terbang Kerteh.

JAWAPAN : Setakat ini tiada cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Kerteh.

SOALAN 5 : Sila sebutkan jumlah premis yang dibina secara haram di atas Tanah Kerajaan mengikut pecahan daerah sejak tahun 2000 hingga 2003 dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menanganinya.

JAWAPAN : Jumlah Premis yang dibina di atas tanah Kerajaan secara haram :-

BIL	DAERAH	JUMLAH PREMIS
1.	Kuala Terengganu	118
2.	Kemaman	448
3.	Besut	36
4.	Dungun	54
5.	Hulu Terengganu	30
6.	Setiu	75
7.	Marang	17
	JUMLAH	778

Langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah ini ialah membuat pemantauan dan dimaklumkan kepada Jawatankuasa Tanah Daerah bagi diambil tindakan. Notis-notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara juga dikeluarkan kepada pemilik-pemilik haram di kawasan berkenaan dan ada diantaranya diikuti dengan tindakan penguatkuasaan.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (b)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH
WAKIL ALUR LIMBAT

- SOALAN 1 : a. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan pekan baru Pengadang Baru ?.
- b. Setakat ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk merialisasikan matlamat tersebut ?.
- c. Adakah Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dengan pihak swasta yang sanggup bersama-sama memajukan pembangunan pekan baru tersebut ?.

- JAWAPAN : a. Mengikut Kajian Rancangan Struktur Kuala Terengganu (Pengubahan) yang telah diwartakan pada 21.12.2000 serta Rancangan Tempatan Hiliran Padang Midin yang telah diterima pakai oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Pekan Pengadang Baru telah dikenalpasti sebagai Pusat Tempatan dengan taraf ketiga dalam sistem hirarki perbandaran Daerah Kuala Terengganu. Fungsi yang dicadangkan ialah sebagai pusat sokongan kepada pusat daerah dan pusat kecil daerah serta akan menawarkan barangan dan perkhidmatan peringkat rendah.

Di antara komponen pembangunan yang dicadangkan termasuk kegunaan kerajaan. Perpustakaan, Balai Polis, Pusat Kesihatan, Sekolah Menengah, Industri Kecil dan sederhana dan kawasan petempatan semula.

- b. Kerajaan Negeri telahpun menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Pusat Tempatan Pengadang Baru yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang bagi menyelaraskan Pembangunan Pusat Tempatan Pengadang Baru.
- c. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk menerima cadangan daripada pihak-pihak swasta bagi bersama-sama memajukan pembangunan Pengadang Baru sebagai pusat tempatan.

SOALAN 2 : PAS masih lagi menggunakan platform masjid-masjid kerajaan sebagai markas untuk menentang kerajaan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membendung penyalahgunaan tersebut ?.

JAWAPAN : Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membendung penyalahgunaan oleh PAS yang masih menggunakan beberapa Masjid Kerajaan sebagai tempat menghentam Kerajaan ialah :-

- i. Melalui kerjasama Jawatankuasa Masjid berkenaan agar memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha mengimarahkan masjid dan memantau aktiviti-aktiviti yang dilihat cuba menentang Kerajaan.
- ii. Memanggil dan menasihati pegawai-pegawai masjid berkenaan agar menjalankan tugas dengan baik, beramanah dan penuh tanggungjawab.
- iii. Mengambil tindakan tatatertib ke atas mana-mana pegawai masjid yang ternyata tidak amanah dan melanggar arahan Jabatan Hal Ehwal Agama.

SOALAN 3

: Dewan Undangan Negeri Terengganu Kesepuluh, Mesyuarat Ketiga Penggal Persidangan Kelima bertarikh 04 Disember 2003 telah dimaklumkan bahawa kejayaan besar Kerajaan Negeri dalam tahun 2002 ialah berjaya menarik pelaburan langsung sebanyak RM4.7 billion.

- a. Apakah benar maklumat tersebut ?
- b. Nyatakan secara terperinci bentuk dan jumlah setiap pelaburan tersebut.

JAWAPAN

- a. Maklumat yang diberikan adalah tidak tepat kerana projek yang benar-benar dilaksanakan pada tahun 2002 adalah berjumlah **RM48.2 juta** sahaja.
- b. Senarai pelaburan yang dilaksanakan pada tahun 2002 adalah seperti berikut :-

BIL	SYARIKAT	PROJEK	NILAI PELABURAN (RM JUTA)
1.	Atostach Fibreglass Sdn. Bhd	Fabrikasi Tangki Air FRP	0.50
2.	Noor Arfa Batek Sdn. Bhd.	Kompleks Kraftangan	6.35
3.	Dual Plant & System Sdn. Bhd.	Fabrikasi	18.00
4.	Latitude Tree Furniture Sdn. Bhd.	Perusahaan Perabut	4.35

5.	Geliga Slipway Sdn. Bhd.	Pembinaan Kapal	12.00
6.	Sumai Engineering Sdn. Bhd.	Fabrikasi Dan Pemasangan Jentera	7.00
	JUMLAH		48.20

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(c)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan kawasan-kawasan mengikut pecahan daerah di negeri ini yang masih menghadapi masalah bekalan air.

JAWAPAN : Kawasan-kawasan yang masih menghadapi masalah bekalan air mengikut pecahan daerah.

(i) **Daerah Kuala Terengganu:**

- a) Kg. Bukit Sudu/Banggol Lalang;
- b) Kg. Bukit Wan
- c) Kg. Lingai
- d) Kg. Bukit Nenasi
- e) Kg. Masjid Darat Batu Rakit
- f) Kg. Darat Batu Rakit
- g) Kg. Pechah Rotan/SK Pechah Rotan
- h) Kg. Wakaf Chagak
- i) Depan Balai Polis Batu Rakit
- j) Kg. Masjid Batu Rakit
- k) Kg. Pengkalan Atap
- l) Taman Atap
- m) Taman Atikah
- n) Taman Desa Kayangan
- o) Ladang Sentosa
- p) Felcra Bukit Sudu

(ii) **Daerah Marang:**

- a) Kg. Pengkalan Kuim
- b) Kg. Bukit Mawi
- c) Kg. Batangan
- d) Taman Budi

(iii) **Daerah Setiu:**

- a) Kg. Las
- b) FELDA Belara Pkt. 2

(iv) **Daerah Besut:**

- a) Kg. Berangan hingga Kg. Kuala Rua
- b) Perkampungan Orang Asli Sungai Sayap

- SOALAN 2 : Berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk menghantar rombongan ke Aceh baru-baru ini.
- JAWAPAN : Perbelanjaan bagi menghantar rombongan ke Aceh ialah sebanyak RM25,300.00.
- SOALAN 3 : Adakah pemilihan lokasi tapak pembuangan sampah di Padang Tok Por, Kampung Sungai Ikan oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) telah dibuat kajian serta mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar.
- JAWAPAN : Dalam proses pelantikan juru perunding untuk kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment) sebagaimana disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (d)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS
WAKIL LANGKAP

- SOALAN 1 : Ramai pekebun-pekebun kecil yang menukar tanaman mereka daripada getah kepada kelapa sawit.
- a. Adakah Kerajaan mempunyai rekod berhubung perkara ini. Nyatakan keluasannya mengikut daerah.
 - b. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengawal keluasan kedua-dua jenis tanaman komoditi ini untuk Negeri Terengganu. Apakah implikasinya tindakan tersebut.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

- SOALAN 2 : Berapakah bot menangkap ikan yang didaftarkan di Negeri Terengganu.
- a. Nyatakan jumlahnya mengikut kategori bot dan daerah.
 - b. Nyatakan jumlah ikan yang dihasilkan oleh bot-bot berkenaan mengikut kategori bot.
 - c. Betulkah nelayan-nelayan kita hanya menghasilkan ikan yang bermutu rendah. Apakah sebab dan langkah mengatasinya.

- d. Apakah insentif yang diberikan kepada pengusaha perikanan laut dalam untuk menggalakkan nelayan kecil menceburi bidang berkenaan.

JAWAPAN

: **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (e)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Penduduk Hulu Besut khususnya Mukim Hulu Besut (bermula dari Kg Berangan hingga ke Kg Kuala Rua dan Perkampungan Orang Asli Kuala Sayap) memperolehi bekalan air bersih SATU hanya selepas jam 12 tengah malam sehingga jam 7 pagi dan kerap kali dalam satu hari bekalan air tidak diperolehi, keadaan ini menyukarkan kehidupan seharian penduduk kawasan ini.

- a. Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini.
- b. Bilakah masalah ini dapat diselesaikan.

JAWAPAN : 1. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) menyedari masalah bekalan air yang dihadapi di Kampung Berangan hingga ke Kampung Kuala Rua dan perkampungan orang asli Kuala Sayap, ini disebabkan kekuatan pam, saiz paip dan tangki Kampung Batu 13 tidak lagi dapat menampung bekalan yang mencukupi ke kawasan Hulu Besut walaupun SATU mempunyai bekalan air yang cukup dari Loji Air Bukit Bunga.

Bekalan air ke Hulu Besut adalah disalur dari tangki khidmat Kg. Batu 13 bermuatan 1000 meter padu. SATU mempunyai stesen mengepam di Kg. Sungai Patong, Bukit Payong untuk mengepam air dari tangki pengimbang 1,590 meter padu di Bukit Bunga ke tangki Kg. Batu 13 melalui paip Ductile 150mm dia, yang diterima pada tahun 1991.

Justeru itu Kerajaan Negeri melalui SATU sentiasa peka dengan permasalahan air dan telah mengambil beberapa langkah iaitu :-

i. **Perancangan Jangka Pendek:**

**PENYELESAIAN JANGKA PENDEK BEKALAN AIR KE HULU BESUT
BESUT, TERENGGANU.**

PROGRAM : PROJEK MEMBAIKPULIH/MEMPERTINGKATKAN SISTEM BEKALAN AIR-AIR NEGERI TERENGGANU (P33/82330205 0001)				
BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK/ ANGGARAN (RM)	CATATAN
	MENAIKTARAF RUMAH PAM SUNGAI PATONG BESUT SERTA PEMASANGAN PAIP AIR	3,500,000.00		
1.	Membekal dan pemasangan 2 pam		200,000.00	Dalam proses jawatankuasa sebutharga Negeri Terengganu
2.	Membina Suction Tank		184,640.00	Kemajuan terkini 20 Mac 2005 ialah 40%. Jangka siap Mei 2005.

3.	Pemasangan paip Sungai Patong Ke Tangki Batu 13		177,585.00	Kerja-kerja Mengangkut Paip Ke Tapak Bina.
4.	Pemasangan Paip Dari Bukit Bunga Ke Sungai Patong		200,000.00	Iklan Kerja Dikeluarkan Pada Akhir Mac 2005.
	JUMLAH	3,500,000.00	762,225.00	

Nota :

Kos membekal paip = RM2,737,775.00

(Ringgit Malaysia : Dua Juta Tujuh Ratus Tiga Puluh Tujuh Ribu Tujuh Ratus Tujuh Puluh Lima Sahaja)

ii. **Perancangan Jangka Panjang**

PENYELESAIAN JANGKA PANJANG BEKALAN AIR KE HULU BESUT

PROGRAM : BEKALAN AIR LUAR BANDAR (RM KE 9)			
BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	CATATAN
1.	Paip air dari simpang Felda Tenang/Keruak ke Tangki Bukit Tonggek.	4,500,000.00	Pumping main.
2.	Membina Tangki R.C. 1 Juta Gelen di Bukit Tonggek, Hulu Besut.	5,000,000.00	Termasuk Kos Penggambilan Balik Tanah

2. Dengan perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirangka dan akan dilaksanakan, masalah bekalan air di Hulu Besut sebagaimana kampung-kampung yang dinyatakan dapat diselesaikan menjelang tahun 2006.

SOALAN 2

: Hulu Besut adalah kawasan yang menghadapi masalah Liputan Penyiaran Televisyen Malaysia, bagi mengatasi masalah ini Kerajaan Pusat telah membina sebuah Pemancar pada akhir tahun 90-an di Kampung Batu 13, tetapi Pemancar ini tidak berfungsi sebagaimana diharapkan, ini menyebabkan penduduk kampung yang bermula dari Kampung Cawangan hingga ke Kampung Kuala Rhu Hulu Besut tidak mendapat Liputan Penyiaran Televisyen :-

- a. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi membantu menyelesaikan masalah ini.
- b. Apakah Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengubahsuaikan atau menaikkan taraf pemancar yang sedia ada.

JAWAPAN

- :
- a. Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak pemancar baru di Bukit Kesing, Hulu Terengganu bagi membantu menyelesaikan masalah tersebut.
 - b. Kerajaan mempunyai perancangan dalam RMK 9 iaitu menukar sistem sedia ada daripada Astro kepada sistem transtoser. Kerajaan juga akan menaik taraf keupayaan sistem tersebut daripada 100 watt kepada 1 kilo watt yang membolehkan liputan dapat diterima dengan baik dalam lingkungan jarak 50 km.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PENGGAL YANG KEDUA
PERSIDANGAN YANG PERTAMA
PADA 10, 11, DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(f)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memulih dan memajukan Taman Industri Perabot Saujana di Setiu yang terbiar.

JAWAPAN : Taman Industri Perabot Saujana

Perjanjian Khidmat Pengurusan Taman Industri Perabot, Saujana Setiu (TIP) untuk tempoh selama 10 tahun telah ditandatangani pada 21 Julai 1994 yang melibatkan 3 pihak iaitu:-

- i) Kerajaan Negeri Terengganu
- ii) Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
- iii) Kausar Corporation Sdn. Bhd., (syarikat anchor).

Pihak Syarikat Kausar Corporation Sdn. Bhd. (syarikat anchor) telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengurus dan memajukan Taman Industri Perabot Saujana tersebut tetapi pihak MTIB dan Kerajaan Negeri tidak dapat menamatkan perjanjian dalam tempoh 10 tahun tersebut. Perjanjian ini telah terbatal secara automatik pada 20 Julai 2004.

MTIB masih berminat untuk menguruskan program-program pembangunan bagi kawasan Industri Perabot Saujana Setiu dan telah pun melantik syarikat perunding untuk menjalankan kajian bagi memulihkan Taman Industri Perabot tersebut.

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah pegawai peringkat eksekutif dan pengurusan syarikat-syarikat TDM Bhd., GPB., dan EPIC Bhd. serta semua anak-anak syarikat yang diberhentikan sejak Kerajaan baru Barisan Nasional mengambil alih pemerintahan negeri.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Apakah alasan Kerajaan Negeri untuk tidak membenarkan tuan-tuan tanah memperbaharui bayaran Lesen Tumpangan Sementara (TOL) pada hal pemilik tanah telah pun mendirikan rumah di Kampung Bujal Payuh, DUN Kijal.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(q)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah berkembang di Terengganu sejak sekian lama.

Berapakah IKS yang berjaya dan gagal mengikut pecahan daerah tahun 2000 – 2004.

Sila nyatakan IKS yang berjaya hasil bantuan Pusat dan hasil bantuan Negeri.

JAWAPAN : a) Melalui beberapa agensi yang menawarkan program pembangunan usahawan secara 'in-house- seperti Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu dan juga KETENGAH, sebahagian daripada IKS mendaftar dengan melibatkan diri dalam program-program agensi-agensi terbabit. Agensi-agensi ini akan memantau prestasi perusahaan mereka dari semasa ke semasa. Jadual di bawah menunjukkan status jumlah IKS yang terlibat di dalam program pembangunan tersebut dan statistik berkaitan status mereka.

DAERAH	BERJAYA	GAGAL
Kuala Terengganu	7	2
Marang	3	3
Dungun	1	
Kemaman		

Setiu		
Besut	3	
Hulu Terengganu		
KETENGAH	6	2
JUMLAH	20	7

- b) Kerajaan Negeri melalui UPEN sedang mengumpul data-data bagi mendapatkan perangkaan sebenar terhadap bilangan IKS yang mendapat bantuan daripada mana-mana agensi-agensi sama ada di peringkat negeri mahupun Persekutuan. Dalam masa yang sama UPEN bersama YPU sedang merangka kriteria yang seragam bagi membuat satu tanda aras/benchmark bagi menentukan kategori IKS yang berjaya dan juga sebaliknya setelah bantuan-bantuan di pelbagai peringkat agensi diterima oleh usahawan-usahawan IKS tersebut.

Jadual menunjukkan jumlah pengusaha-pengusaha IKS yang telah mendapat bantuan bagi tujuan pembangunan perniagaan berasaskan IKS yang diperolehi dari pelbagai agensi-agensi yang terlibat.

SUMBER	AGENSI	JUMLAH (RM)	JUMLAH IKS
PERSEKUTUAN (DANA KHAS)	SMIDEC (Pemberian terus)	11.47 juta	RM167 ORANG
	MARA (Pemberian terus)	13.980 juta	Tidak diperolehi
	YAYASAN TEKUN (Pinjaman)	110 juta	15,755 orang
NEGERI	YPU (PINJAMAN)	318,000	149 orang

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(h)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH
WAKIL PAKA

SOALAN 1 : Sila nyatakan perkembangan terkini, projek-projek yang diamanahkan kepada ABI Construction.

JAWAPAN : Terdapat tiga (3) projek telah diberikan kepada ABI Construction Sdn. Bhd. Melalui kaedah penswastaan.

i) Cadangan Pembangunan Projek Plaza Paya Bunga I, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu

Projek ini telah terbengkalai sejak 1998. Walau bagaimanapun ianya telah disambung semula pada Januari 2005 dan dijangka siap Mac 2006.

ii) Cadangan Pembangunan Sura Gate

a) Arkitek ABI Construction telah mengeluarkan 'Certificate of Practical Completion' pada 15 Disember 2004 ke atas projek ini.

b) Pada masa ini, pihak konsultan dan arkitek di dalam proses untuk mendapatkan surat sokongan dari jabatan-jabatan teknikal untuk dikembarkan di dalam permohonan bagi mendapatkan Sijil Layak Menduduki daripada Majlis Daerah Dungun.

iii) Cadangan Pembangunan Paya Keladi Fasa I

Cadangan pembangunan ini telah terbenkakai sejak tahun 1998 lagi. Walau bagaimanapun, tindakan telahpun diambil bagi mengaktifkan semula perjalanan pembangunannya melalui kaedah-kaedah yang akan ditetapkan nanti. Pembangunan kawasan ini akan mengambilkira pembangunan kawasan tersebut yang merangkumi Masjid Sultan Zainal Abidin (Masjid Putih)

SOALAN 2 : Kerajaan Negeri telah menyediakan satu kawasan yang luas di Tok Arun, Santong, Paka, bagi menempatkan IKS berkaitan Petrokimia. Apakah perkembangan terkini.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah mengenal pasti satu kawasan di Tok Arun, Santong, Paka, Dungun seluas kira-kira 260 hektar. Kawasan tersebut adalah bersempadan dengan loji pemprosesan gas Petronas iaitu GPP 5 & 6.

Bagi tujuan penempatan Industri Kecil Sederhana berasaskan petrokimia, Kerajaan Negeri bercadang memajukan sebuah kawasan yang dikenali 'Lot Q' seluas kira-kira 250 hektar yang terletak berhampiran Terminal Keretapi Petronas Kertih.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11, DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(i)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

- SOALAN 1 : Berapakah harga yang dibayar oleh Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC Bhd.) untuk membeli Bangunan UMNO di Gong Kapas dan siapakah yang membuat penilaian harga bangunan tersebut.
- JAWAPAN : Pihak EPIC tidak pernah membeli Bangunan UMNO di Gong Kapas.
- SOALAN 2 : Bilakah Kerajaan Negeri akan membina Kompleks Pasar Besar baru untuk menggantikan Pasar Lama di Pekan Kuala Berang sebagaimana yang dijanjikan ketika kempen Pilihanraya Kecil DUN Kuala Berang.
- JAWAPAN : Peruntukan kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahbaikan Pasar Besar Kuala Berang telahpun dimasukkan ke dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Terengganu (**RPNT) 2004 – 2008** dengan kos anggaran **RM3 juta**.
- SOALAN 3 : Sila senaraikan jumlah pelajar Terengganu di seberang laut mengikut pecahan negara yang telah diberhentikan pemberian dermasiswa zakat oleh pihak MAIDAM.
- JAWAPAN : **Soalan ini ditolak menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Pertintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**
- SOALAN 4 : Sila senaraikan jumlah kelulusan permit mengikut pecahan daerah yang telah dikeluarkan untuk menganjur semua bentuk program hiburan , pesta kebudayaan dan sukan serta pertunjukan pentas sejak BN mula memerintah sehingga kini.
- JAWAPAN : **Soalan ini ditolak menurut perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Pertintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (j)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH
WAKIL TEPOH

- SOALAN 1 : a. Berapakah jumlah keluasan tapak Pusat Perindustrian Gong Badak, Kuala Terengganu ?.
- b. Berapakah jumlah syarikat yang beroperasi secara aktif dan berapakah pula syarikat yang telah menutup operasinya ?.
- JAWAPAN : a. Jumlah yang dibangunkan dalam tapak Pusat Perindustrian Gong Badak ialah 83.77 hektar.
- b. Syarikat yang beroperasi secara aktif ialah sebanyak 44 syarikat . Manakala yang telah tutup adalah sebanyak 6 syarikat. Manakala syarikat yang tidak memajukan tanah yang diluluskan adalah sebanyak 9 buah syarikat.
- SOALAN 2 : a. Berapakah jumlah penduduk Negeri Terengganu (lelaki & perempuan) mengikut daerah-daerah sehingga akhir bulan Februari 2005 ?.
- b. Secara bandingan, berapakah purata kelahiran dan kematian di dalam tempoh sebulan ?.
- c. Bolehkah disebutkan sebab-sebab utama yang dapat dikesan yang menjadi punca ketara kepada kematian di Negeri Terengganu ?.
- JAWAPAN : a. Jumlah penduduk Negeri Terengganu (lelaki & perempuan) mengikut daerah pada akhir 2004 adalah sepertima berikut :

ANGGARAN PENDUDUK MENGIKUT DAERAH, ETNIK DAN JANTINA 2004

ETNIK/ JANTINA	BESUT	DUNGUN	H.TRG	KEMAMAN	K.TRG	MARANG	SETIU	JUMLAH
<u>MELAYU</u>								
JUMLAH	134,340	140,765	69,891	145,011	329,606	94,442	56,916	970,971
LELAKI	67,356	72,473	35,351	75,236	164,239	48,002	28,779	491,436
PEREMPUAN	66,984	68,292	34,540	69,775	165,367	46,440	28,137	479,535
<u>CINA</u>								
JUMLAH	1,405	3,969	382	6,546	12,435	1,562	148	26,447
LELAKI	735	2,314	225	3,474	6,345	827	96	14,016
PEREMPUAN	670	1,655	157	3,072	6,090	735	52	12,431
<u>INDIA</u>								
JUMLAH	82	482	27	834	789	83	10	2,307
LELAKI	49	312	19	477	415	63	7	1,342
PEREMPUAN	33	170	8	357	374	20	3	965
<u>LAIN-LAIN</u>								
JUMLAH	2,745	5,485	1,306	8,848	3,218	912	1,551	24,065
LELAKI	1,874	4,487	987	6,669	1,333	712	1,324	17,386
PEREMPUAN	871	998	319	2,179	1,885	200	227	6,679
JUMLAH	138,572	150,701	71,606	161,239	346,048	96,999	58,625	1,023,790
LELAKI	70,014	79,586	36,582	85,856	172,332	49,604	30,206	524,180
PEREMPUAN	68,558	71,115	35,024	75,383	173,716	47,395	28,419	499,610

Jumlah ini adalah anggaran kerana bilangan sebenar hanya akan diketahui apabila banci penduduk dibuat 10 tahun sekali.

Jumlah penduduk dikira enam bulan sekali dan tidak secara bulanan, justeru angka terbaru yang ada ialah bagi akhir tahun 2004.

- b. Purata kelahiran dalam tempoh sebulan adalah sebanyak :-

BILANGAN LAHIR DAN MATI TAHUN 2004
(PURATA BULANAN)

DAERAH	BILANGAN LAHIR	BILANGAN MATI
Besut	207	54
Dungun	222	45
Hulu Terengganu	128	37
Kemaman	204	32
Kuala Terengganu	688	164
Marang	121	32
Setiu	106	26

- c. Sebab-sebab utama yang dapat dikesan yang menjadi punca ketara kepada kematian di Negeri Terengganu ialah :-
- Masalah kesihatan seperti penyakit jantung, penyakit saluran pernafasan, penyakit diabetes, penyakit kanser, mortaliti bayi.
 - Kemalangan jalanraya dan mangsa jenayah.
 - Penyakit tua.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (k)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT
WAKIL BATU RAKIT

- SOALAN 1 : Dalam usaha untuk mengatasi masalah lumba haram Kerajaan Terengganu telah mewujudkan sebuah "Sprint Test" di Batu Rakit.
- a. Apakah ada pengurangan kes-kes lumba haram selepas wujudnya "Sprint Test" ini ?.
 - b. Apakah usaha lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah lumba haram selain alternatif ini ?.

JAWAPAN : a. Ada.

Ini berdasarkan statistik yang dibuat oleh pihak Polis DiRaja Malaysia sepertimana berikut :-

		Jan - Mac 2003	Jan - Mac 2004	Jan - Mac 2005
1.	Jumlah OP	64	137	27
2.	Jumlah Kenderaan Diperiksa	3,320	6,729	1,252
3.	Jumlah Kenderaan Ditahan	293	528	147
4.	Jumlah Saman	1,092	2,518	700
5.	Dituduh Di Mahkamah	-	-	-

		TAHUN 2003	TAHUN 2004
1.	Jumlah OP	257	549
2.	Jumlah Kenderaan Diperiksa	13,282	26,920
3.	Jumlah Kenderaan Ditahan	1,175	2,114
4.	Jumlah Saman	4,372	10,076
5.	Dituduh Di Mahkamah	1	2

- b. Usaha-usaha lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah dengan menyediakan/mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti yang melibatkan kecenderungan serta minat remaja seperti menyediakan kemudahan infrastruktur sukan dan rekreasi seperti Gelanggang Extreme Games, Gelanggang Futsal dan kini Kerajaan dalam perancangan menyediakan Kompleks Sukan Komuniti di setiap DUN.

Disamping itu juga, pihak Polis DiRaja Malaysia senantiasa menjalankan operasi dari semasa ke semasa bagi memantau masalah ini dan PDRM juga selalu memperingatkan kepada pengguna jalanraya bahawa aktiviti lumba haram adalah salah di sisi undang-undang.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 10, 11 DAN 12 APRIL 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1(I)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Sila nyatakan bilangan kelulusan semenjak 22 Mac 2004 mengikut pecahan daerah :

- 1.1. Tapak rumah kediaman rakyat;
- 1.2. Tapak tanah pertanian dan ternakan lembu dan kerbau;
- 1.3. Tapak industri dan jenis industri yang diluluskan;
- 1.4. Permit mencarigali logam dan jenis-jenis logam;
- 1.5. Tapak pembangunan perumahan Kerajaan Negeri, pembangunan secara penswastaaan dan nama-nama syarikat atau individu yang terlibat dan luas tiap satu projek.

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) dan (b) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Sila beri bilangan mengikut pecahan daerah bangunan bercukai yang didaftarkan dan anggaran jumlah kutipan pungutan cukai taksiran (pintu) :-

- 2.1. Bangunan industri dan perdagangan;
- 2.2. Bangunan perkedaian;
- 2.3. Bangunan rumah kediaman;
- 2.4. Lain-lain bangunan.

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

- SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah yang diterima oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Mac 2005 di bawah Kod Hasil 82386 dan nama-nama agensi kerajaan yang menyumbang serta asas sumbangan dan jumlah masing-masing.
- JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah kos pengubahsuaian bangunan terminal Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu dan nama serta alamat kontraktor utama.
- JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 5 : Adakah benar adanya lawatan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan ke luar negara dan jika benar, ke mana, berapa bilangan orang yang mengikuti rombongan itu, kos keseluruhan dan ketua rombongan.
- JAWAPAN : Benar, dua majlis telah terlibat iaitu Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Setiu.
- i) Majlis Perbandaran Kemaman telah membuat satu (1) lawatan ke luar negara iaitu ke Melbourne dan Sydney, Australia seramai 32 orang yang diketuai oleh Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, Timbalan Pengerusi II Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dengan kos sebanyak RM178,270.00.
 - ii) Majlis Daerah Setiu telah membuat Lawatan Kerja Teknikal Rancangan Tempatan Daerah Setiu ke Bangkok dan Chiang Mai seramai 23 orang yang diketuai oleh Yang Di Pertua Majlis dengan kos sebanyak RM55,200.00.

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu.
Tel: 09-666 4611/4652/3601 Faks: 09-666 2611/1063